

## PENYATA DEWAN

### PERSIDANGAN KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-14 PADA 9 OGOS 2022 (SELASA)

#### HADIR:

Bil.	Nama	Kawasan
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji Zulkefly Mohamad bin Omar	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
3.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
4.	YB Dato' Dr. Mohamad Rafie bin Ab. Malek	Ampangan
5.	YB Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abd. Ghani	Paroi
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Haji Ahmad	Labu
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
9.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
10.	YB Tuan Mohamad Nazaruddin bin Sabtu	Pilah
11.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
12.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
13.	TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YB Dato' Ravi a/l Munusamy	Sri Tanjung
14.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
15.	YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim	Lenggeng
16.	YB Dato' Yek Diew Ching	Chuah
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
18.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
19.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
20.	YB Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
21.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
22.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
23.	YB Dato' Seri Dr. Haji Awaludin bin Said	Kota

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Kawasan</b>
24.	YB Dato' Manickam a/l Letchuman	Jeram Padang
25.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Juasseh
26.	YB Dato' Haji Shamsulkahar bin Haji Mohd. Deli	Serting
27.	YB Dato' Haji Abd. Samad bin Haji Ibrahim	Seri Menanti
28.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
29.	YB Dato' Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar	Bagan Pinang
30.	YB Dato' Abd. Razak bin Ab. Said	Gemas
31.	YB Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali	Sungai Lui
32.	YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
33.	YB Dato' Mohd. Isam bin Haji Mohd. Isa	Gemencheh
34.	YB Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan	Senaling
35.	YB Tuan Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
36.	YB Tuan Noor Azmi bin Yusof	Pertang
37.	YB Tuan Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG  
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik)
2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)
3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Mohd. Khidir bin Majid)

**TURUT HADIR**

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Mohd. Amin bin Ludin)
2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA  
(Mohd. Zamri bin Md. Saad)

Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan.

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi.

[YB ADUN Pilah tidak hadir sesi pagi]

## 1. MEMBACA DOA

**Setiausaha Dewan:** Persidangan Kedua Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-14. Susunan Mesyuarat. Perkara Pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Lenggeng.

[YB ADUN Lenggeng telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri.]

## 2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

**Setiausaha Dewan:** Perkara Kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** *Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Alhamdulillahhirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Rodhitu billahi robba, wabil islami diina, wabimuhammadin nabiyya warosuula. Allahuma'afini fibadani, allahuma'afini fisam'i, allahumaa'afini fibasori.* Yang saya kasihi Yang Berhormat sekalian. *Alhamdulillah*, syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah memberi kesempatan, inayah kepada kita semua pada pagi ini kita dapat meneruskan Persidangan Kedua Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Sembilan bagi kali yang ke-14. Segala puji-puji bagi Allah SWT, tuhan pemilik alam semesta, selawat dan salam atas junjungan Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga dan para sahabat-sahabat Baginda.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin bin Haji Harun; Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. *Alhamdulillah*, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang Dewan Undangan, sidang Mesyuarat bagi Persidangan Kedua Penggal Kelima, Dewan Undangan

Negeri Sembilan Yang Ke-14 yang dijadualkan berlangsung selama 3 hari, mulai hari ini 9 Ogos sehingga 11 Ogos 2022.

Hadirin yang dihormati sekalian, walaupun kita dalam fasa peralihan endemik, endemik dan sebahagian besar SOP COVID-19 telah dipermudahkan, antara lainnya tiada lagi ujian RTK PCR kecuali bagi yang bergejala, dan di bawah perintah HSO (*House Surveillance Order*) serta tiada lagi penjarakan, penjarakan fizikal antara kita, saya menyeru agar semua hadirin untuk mengekalkan kaedah-kaedah kawalan sendiri terhadap ancaman virus COVID-19 ini dan saya juga berharap, jangkitan yang baru, virus Influenza dapat dikawal. Memandangkan bangunan Dewan ini adalah suatu tempat yang tertutup dan agak sukar untuk mengawal penjarakan antara satu sama lain, maka penjagaan sendiri ini mestilah diawasi sentiasa.

Saya turut menyeru kepada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap serta tata kelakuan, etika sebagai ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dan saya mengharap selama 3 hari ini, kita akan dapat berbincang, bermesyuarat dengan lancar dan menghasilkan keputusan-keputusan yang membanggakan negeri kita, *insya Allah*. Saya mohon sekali lagi kepada semua ahli Yang Berhormat agar dapat kita mengikuti persidangan ini dengan masa dan kedudukan yang telah kita tetapkan.

Dan saya ingin memaklumkan juga, hari ini atas kelewatan sahabat saya, Yang Berhormat ADUN Chembong kerana dimaklumkan kepada saya tadi, abang ipar beliau meninggal dunia malam tadi. Untuk itu sama-samalah kita baca Al Fatihah kepada abang ipar Yang Berhormat Chembong, Yang Berhormat Zaiful. Al Fatihah [bacaan surah Al Fatihah]. *Insya Allah* beliau akan hadir lewat sikit pada pagi ini.

Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum WBT*.

### 3. MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

**Setiausaha Dewan:** Perkara Ketiga: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat. Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-14 yang telah diadakan pada 18 April hingga 21 April 2022.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-14 telah diadakan

pada 18 April hingga 21 April telah pun diedarkan salinannya. Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadangkan dan seorang lagi menyokong supaya disahkan.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan.

**YB ADUN Bahau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan tersebut.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat ini disahkan, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Peringatan Mesyuarat ini disahkan.

[YB Yang Dipertua menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut]

[Keputusan undian: 32 orang ahli Yang Berhormat bersetuju manakala seorang ahli Yang Berhormat tidak mengundi. YB ADUN Pilah, YB ADUN Chennah dan YB ADUN Chembong tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

#### 4. **MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara Keempat: Membentangkan Kertas Dewan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, iaitu:

##### 4.1 Kertas Dewan Bil. 6/2022

Pemilihan Ahli Dewan Negara melalui Dewan Undangan Negeri.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas Dewan Bilangan 6 Tahun 2022 adalah dibentangkan.

#### 5. **MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara Kelima, Membentangkan Laporan Dan Penyata Kewangan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tiada Laporan dan Penyata Kewangan untuk dibentangkan di persidangan ini.

## 6. PERTANYAAN-PERTANYAAN

### 6.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Pertama)

**Setiausaha Dewan:** Perkara Keenam, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan lisan (Hari Pertama).

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat, disenaraikan soalan-soalan yang kita terima daripada ahli Yang Berhormat. Dengan ini saya mempersilakan soalan nombor 1, Lenggeng.

**YB ADUN Lenggeng:** Dato' Yang Dipertua, saya daripada Lenggeng menya, bertanyakan soalan yang pertama.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan lawatan tapak ke Hutan Lipur Lenggeng pada bulan Jun yang lepas bagi melihat kesesuaian tempat untuk dimajukan sebagai tapak perkhemahan *campervan* seperti yang dicadangkan dalam Inisiatif Pelancongan 2022. Penyelarasan antara LPNS dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan akan dibuat dalam masa yang terdekat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Sikamat.

**YB ADUN Lenggeng:** Soalan lanjutan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Soalan tambahan?

**YAB ADUN Lenggeng:** Soalan tambahan. Pertanyaan saya ni ialah berkaitan tentang keseluruhan Lenggeng. Dan saya ada mengutarakan tentang pembangunan pelancongan yang lebih besar daripada itu lagi yang melibatkan eko pelancongan, agro pelancongan, sejarah ya, *history tourism*, budayanya sendiri ya, *food tourism*, makanan dan juga berkaitan dengan sukan, pelancongan dari sudut kesukanan ya. Yang ini yang saya minta kalau ada inisiatif tambahan daripada Kerajaan Negeri ya, berkaitan tentang apa yang telah saya nyatakan tadi, termasuk jugak pembangunan, apa yang kami namakan sebagai

kompleks budaya Lenggeng di Kampung Rawa sana. Sekian, terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Okay terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa Lenggeng merupakan tempat tumpuan hujung minggu terutama kepada peminat-peminat basikal untuk mereka berkayuh di sana dan menikmati makanan sembilang, ikan sembilang .....

**YB Yang Dipertua Dewan:** Nasi lemak.

**YAB ADUN Sikamat:** ..... masak lemak, masak, nasi lemak ikan sembilang ya. Jadi itu merupakan satu tempat yang memang menjadi tumpuan khususnya warga Putrajaya dan Lembah Kelang hari ini. Dan kita melihat perkara ini amat menarik minat mereka untuk datang ke Lenggeng. Dan di samping itu juga kita melihat bahawa yang saya katakan tadi bahawa kawasan terutama di Hutan Lipur Lenggeng itu boleh dibangunkan untuk tambahan kepada perkara yang telah ada di Lenggeng itu iaitu tempat berbasikal, tempat penunggang-penunggang motor, motor besar di, yang hadir di sekitar Lenggeng terutama pada hari Sabtu dan Ahad dan menikmati makanan-makanan yang istimewa, masakan, masakan-masakan yang istimewanya di situ.

Dan di samping itu kita juga menyeru kepada pen, apa, Yang Berhormat dan Pejabat Daerah serta Majlis untuk melihat tempat-tempat yang sesuai untuk dibangunkan supaya dibawa dalam di, dibawa dalam LPNS untuk dibincangkan. Contohnya *homestay*, kita telah bangkitkan semula, *Homestay* di Kampung Rawa. Dan kita berharap bahawa perkara ini harus mendapat kerjasama daripada pihak tempatan untuk, untuk bawa pelancongan, eko pelancongan ataupun pelancongan-pelancongan yang lain untuk kita bangunkan kawasan tersebut. Dan kita harap bahawa ini ada *paper* yang boleh dibawa untuk kita selaraskan supaya ia menjadi satu tempat ataupun medan yang lebih baik pada masa akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Sikamat. Seterusnya saya mempersilakan Kota.

**YB ADUN Kota:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan nombor 1.

**YB ADUN Labu:** *Assalamualaikum WBT.* Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih jugak kepada sahabat saya ADUN Kota di atas pertanyaan berhubung dengan kejadian banjir di Kampung Pabai.

Untuk makluman semua ahli, Ahli Dewan, kejadian banjir di Kampung Orang Asli Pabai telah berlaku pada 15 Mei dan 19 Mei, dua, dua harilah. Kejadian banjir berpunca kejadian hujan lebat pada kedua-dua siri banjir tersebut mengakibatkan limpahan air sungai di kampung tersebut. Sebelum ni memang jarang berlaku banjirlah ya.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau telah membuat lawatan awal pada 16 Mei 2022 bagi tujuan penilaian kerosakan infrastruktur di kawasan terlibat. Kerajaan Negeri telah meluluskan kerja-kerja pembinaan jambatan, penyelenggaraan jalan dan perabot jalan yang terkesan akibat banjir berkenaan melalui perolehan bencana sebanyak 200 ribu ringgit pada 24 haribulan 6, '22 bagi memastikan bahawa kesan-kesan yang dihadapi itu dapat kita selesaikan secepat mungkin.

Pada siri kedua kejadian banjir, Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau sekali lagi telah turun ke kawasan berkenaan dan membuat tinjauan melalui penggunaan drone. Ini, drone ini kita telah beri peruntukan kepada Pejabat Daerah untuk gunakan bagi menga, mengetahuilah keadaan yang sebenar di kawasan, terutama di kawasan tinggi dan jugak kawasan-kawasan yang agak susah untuk dimasuki. Hasil tinjauan mendapati terdapat kesan pembersihan/pembukaan tanah di kawasan hutan antara sempadan Rembau dan Kuala Pilah (Inas). Pejabat Perhutanan Daerah Rembau mengesahkan tiada lesen pembalakan dikeluarkan oleh Daerah Rembau. Jadi maknanya adalah pembalakan haram, agak sayalah, tak ada lesen. Jadi walau macam mana pun saya mintak supaya jabatan berkenaan supaya meneruskan tindakan siasatan dan kalau perlu diambil tindakan kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan pembalakan secara haram ini. Terima kasih.

**YB ADUN Kota:** Dato' Dipertua, soalan tambahan. Saya ucap terima kasih atas pencerahan yang dibagi oleh Yang Berhormat dari Labu. Saya ingin bertanya ialah satu berkenaan dengan laporan mengatakan ada kawasan hutan yang dibersihkan. Perkara ini tak pernah berlaku dulu, Dato' Yang Dipertua. Jadi apakah tindakan pihak kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang?

Banjir ni pulak, Dato' Yang Dipertua, mungkin ahli Dewan ramai yang tak tahu bahawa banjir ni dia bukan dekat kawasan lembah, Kampung Pabai ni letaknya atas bukit. Haa cuba bayangkan atas bukit banjir. Apa rupa. Mesti ada sebab lain. Saya mencadangkan kepada ahli Dewan ini, supaya disiasat jugak sistem perparitan, anak-anak sungai di sana mungkin dah tersumbat. Ucap terima kasih jugak kepada pihak

kerajaan kerana bagi peruntukan 200 ribu nak baiki jambatan yang saya rasa punca antara sungai ni tersumbat. Tetapi 2 perkara ni, sungai satu isu. Yang kedua, air yang turun begitu lebat tadi, tak dapat ditampung lagi kerana pembersihan kawasan hutan dan ini diharap dapat pemerhatian daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**YB ADUN Labu:** Saya menyokonglah, memang bersetujulah. Tapi walau macam mana pun saya suka mengingatkan kejadian pembalakan haram ini berlaku sejak dulu pun ada. Tinggal lagi mungkin kita kena ketatkan lagilah prosedur dan peraturan. Saya ingat jabatan hutan sedang menyediakan, *insya Allah* akan kita bentangkan dalam apa ni, untuk, untuk tindakan selanjutnya. Jadi memang kadang-kadang kita kadang-kadang bukan saja melibatkan syarikat, kadang-kadang jugak individu-individu kerana banyak penanaman durian Musang King dan jugak beberapa projek untuk memajukan tanah-tanah terbiar dan jugak hutan-hutan di sekitar kampunglah.

Jadi walau macam mana pun, saya harap supaya semua kerja-kerja penebangan hutan pada masa akan datang akan diambil tindakan lebih tegas dan pastikan supaya permit ataupun lesen mesti didapati dahulu daripada jabatan supaya kerja-kerja tersebut dapat dikawal dengan baik. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Kota:** Dato' Yang Dipertua, saya nakkan tambah satulah. Ada tangkapan dilakukan atau tidak?

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih di atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya pihak pengarah hutan sendiri telah turun ke Kampung Pabai dan menjelaskan kepada masyarakat di sana supaya tidak ada penebangan dibuat sesuka hati dan mereka telah diberi, diberi penerangan dan mereka bersetuju untuk memberikan kerjasama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Chuah.

**YB ADUN Chuah:** Dato' Yang Dipertua, Chuah mengemukakan soalan nombor 2.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih soalan Yang Berhormat ADUN Chuah. Dato' Yang Dipertua, berdasarkan kepada pengeluaran semasa loji berbanding kapasiti rekabentuk, kadar unjuran, kadar rizab margin bagi LRA Linggi sehingga penghujung

Disember 2022 adalah sebanyak 7.15% bersamaan 11.34 MLD. Loji Linggi tidak direkabentuk untuk menampung pembangunan yang dirancang di bawah MVV 2.0 di mana pembangunan MVV 2.0 akan disalurkan air sebahagian daripada LRA Ngoi-Ngoi Fasa 2 (bagi kawasan Enstek, Nilai) dan menerima bekalan air menerusi perancangan Projek Pembinaan Loji Kampung Barisan.

Selaras dengan peningkatan permintaan air terawat kawasan Seremban dan Port Dickson selain daripada pelaksanaan pembangunan perancangan *Malaysia Vision Valley* (MVV), Kerajaan Negeri bersama, bersama-sama Bahagian Bekalan Air di bawah Kementerian Alam Sekitar Dan Air telah merancang untuk melaksanakan pembinaan Projek Takungan Air Pinggir Sungai (TAPS) di kawasan Linggi, Port Dickson. Pelaksanaan projek ini dijangka akan dapat menyediakan bekalan air mentah tambahan sebanyak 250 juta liter per hari selain ianya bertindak sebagai bekalan air sen, sandaran kepada Loji Rawatan Air Linggi sekiranya air Sungai Linggi tidak dapat diproses sepenuhnya oleh loji tersebut disebabkan penurunan kualiti air sungai terutamanya sewaktu hujan lebat.

Perlaksanaan projek ini akan dapat memberikan jaminan kepada Loji Rawatan Air Linggi untuk terus beroperasi sepenuhnya selain daripada jaminan bekalan air terawat tidak terputus kepada penduduk kawasan Seremban, Port Dickson dan kawasan pembangunan MVV. Projek ini sedang dalam peringkat rekabentuk oleh pihak perunding yang telah dilantik oleh pihak persekutuan dan dijangka mula melaksanakan ta, melaksanakannya di tapak pada tahun 2023. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Chuah:** Dato' Yang Dipertua .....

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat.

**YB ADUN Chuah:** ..... soalan tambahan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tambahan?

**YB ADUN Chuah:** Ya. Meman, memandangkan masalah yang ditimbul di Loji Rawatan Linggi, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan pusat loji rawatan air yang baru? Mohon dikemas kini.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, tadi saya telah maklumkan bahawa kita akan menyediakan projek Takungan Air Pinggir Sungai (TAPS) di kawasan Linggi. Ini bagi membantu LRA sedia ada untuk

memastikan bahawa mencukupi. Dan di samping itu juga, kita sedang melihat bekalan air Loji Sawah Raja untuk membantu bekalan air Loji Linggi ya. Jadi ini kita sedang memasang paip untuk memastikan bahawa boleh digunakan pada masa akan datang, *insya Allah*.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Sikamat. Seterusnya saya persilakan Jeram Padang.

**YB ADUN Jeram Padang:** Pagi Dato' Yang Dipertua. Saya kemukakan soalan nombor 3.

**YB ADUN Labu:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada sahabat saya DUN Jeram Padang di atas pertanyaan berhubung dengan peruntukan dan jugak senarai projek yang dibuat di Negeri Sembilan khususnya di dalam kawasan ADUN Jeram Padang.

Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan Dana Geran Aktiviti sebanyak 5,000.00 ringgit bagi setiap MPKK dengan jumlah peruntukan sebanyak 2.16 juta setahun kepada 433 buah MPKK seluruh Negeri Sembilan. Dana Geran Aktiviti MPKK tersebut terbahagi kepada 2 kategori iaitu:

- Kategori yang pertama sebanyak 2,000.00 ialah untuk penggunaan pembayaran bil utiliti, pengurusan untuk mentadbir balai raya dan jugak apa saja yang di bawah tanggungan MPKK-lah.
- Yang kedua, Kategori Kedua: Geran Program dan Aktiviti MPKK berjumlah 3,000.00 untuk kegunaan bagi menjalankan aktiviti di peringkat MPKK. Termasuk jugak untuk program untuk wanita dan juga anak mudalah.

Bagi merencanakan program di peringkat belia MPKK, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan Dana Geran Belia MPKK sebanyak 3,000.00 kepada semua 433 MPKK di seluruh Negeri Sembilan dengan jumlah peruntukan sebanyak 1.299 juta setahun. Dana Geran MPKK ini adalah untuk memastikan aktiviti belia dapat dilaksanakan dan secara tidak langsung dapat mengaktifkan belia di MPKK tersebut.

Di MPKK Jeram Padang adalah terdapat sebanyak 11 buah MPKK dan setiap MPKK telah diperuntukkan Dana Geran seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi di antara program, saya boleh bacakanlah, ada banyak program ini. Contohnya program MPKK Felcra Rompin B: pengagihan anak benih cili, bantuan alat tulis kepada pelajar sekolah menengah dan jugak rendah ya. Kemudian kita ambil Kampung Baru Rompin: Program Sumbangan Prihatin COVID dan jugak Program

Kesejahteraan Belia. Kemudian kita tengok lagi Kampung Rata, dia ada Program Ziarah Kasih, program ziarah melawat orang-orang yang memerlukan bantuan dan berikan sumbangan, Program Sumbangan Kit Sejahtera. Ini jugak diberi. Contoh lagi, kalau kita tengok Kampung Tanah Panjis: program gotong-royong dan Program Sambutan Kuih Bulan dan jugak Program Ziarah Kasih. Ini sebahagian daripada pgoramalah.

Tapi walau macam manapun, saya menyeru kepada semua ADUN, sahabat saya di sebelah pembangkang, apa-apa saja program sebagai ADUN kena datang jugak tengoklah. Jumpalah ya. Sebab kita mahu tak mahu, di samping kita dapat memastikan program tersebut dapat berfaedah kepada penduduk di dalam kawasan di bawah ADUN kita. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Labu. Seterusnya saya persilakan Seremban Jaya.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. ADUN Seremban Jaya mengemukakan soalan 2.

**YB ADUN Nilai:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Pembangunan di dalam kawasan ladang adalah terletak di bawah tanggungjawab pemilik tanah ladang tersebut. Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan nasihat dan juga pandangan sekiranya pemilik-pemilik ladang tersebut mempunyai sebarang perancangan untuk pembangunan perumahan di dalam kawasan ladang mereka.

Yang kedua, projek perumahan yang baru sudah tentu akan melibatkan perumahan mampu milik dan rumah harga bebas seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Dasar Perumahan Negeri, Negeri Sembilan. Bagi pembangunan yang melebihi 10 ekar, pemaju diwajibkan untuk menyediakan sebanyak 20% Rumah Mampu Milik *Type A* yang berharga tidak melebihi 80 ribu. Manakala bagi pembangunan yang tidak melebihi 10 ekar, pemaju diwajibkan untuk menyediakan sebanyak 30% Rumah Mampu Milik yang berharga tidak melebihi 250 ribu. Pada setiap masa, akan ada pembangunan Rumah Mampu Milik yang akan disediakan dan boleh dimohon dan pembeli yang terdiri daripada kumpulan B40 termasuklah golongan pekerja-pekerja ladang terutamanya di Daerah Rembau, Tampin, Jempol, Jelevu, Port Dickson dan juga Kuala Pilah. Terima kasih.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' Yang Pertua, soalan tambahan. Kawasan-kawasan di luar Seremban seperti di Daerah Jempol dan Port Dickson mempunyai banyak ladang dan ramai masih duduk di dalam

ladang. Maka projek perumahan kepada mereka adalah sesuatu yang di penting. Adakah Kerajaan Negeri boleh mencadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan projek perumahan di ladang-ladang yang memerlukan? Terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** Seperti mana yang tadi saya nyatakan, memang betul di luar Daerah Seremban seperti di Daerah Jempol dan juga di Daerah Port Dickson terdapat masih lagi, masih lagi terdapat ramai pekerja-pekerja ladang masih tinggal di dalam kawasan perumahan, eh dalam kawasan ladang, di dalam perumahan yang disediakan oleh pihak ladang. Maka Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan terutamanya daripada Kementerian Sumber Manusia melalui projek perumahan untuk pekerja-pekerja ladang di kawasan ladang dan juga kita dapat membantu ataupun dapat bersama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan jika mereka bersetuju, projek-projek perumahan untuk bekas pekerja ladang ataupun pekerja ladang dapat dilaksanakan di kawasan-kawasan tertentu yang masih ramai yang tinggal di dalam kawasan ladang. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Nilai. Seterusnya saya persilakan Seri Menanti.

**YB ADUN Seri Menanti:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mengemukakan soalan yang kedua.

**YB ADUN Klawang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Menanti. Pelaksanaan kontrak asal bagi Projek Membina Dan Menaik Taraf Infrastruktur Pengairan Dan Saliran Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Skim Pengairan Terachi Batu 14 Dan Batu 17, Daerah Kuala Pilah ini bermula pada 29 Mac 2021 dan sepatutnya siap pada 25 April 2022 iaitu di dalam tempoh 14 bulan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja tersebut mengalami kelewatan sebanyak 60 hari dari tempoh kontrak dan kemajuan fizikal pada ketika itu hanyalah 79.58%. Sehubungan dengan itu, telah disyorkan untuk lanjutan tempoh masa kontrak iaitu *Extension of Time* (EOT 1) sehingga 24 Jun 2022 di atas justifikasi berikut:

- Merujuk kepada Surat Edaran Kementerian Kewangan rujukan MOF.BPK(S)600-14/2/5 bertarikh 31 Mei 2021 iaitu permohonan kelulusan bagi kontrak kerajaan berikut perlak, berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh iaitu *Total Lockdown* Fasa 1 bermula 1 Jun hingga 14 Jun 2021 yang menyatakan seperti berikut:

- Bagi kontrak bernilai melebihi 500 ribu, kelulusan oleh Pegawai Pengawal atau Ketua Pengarah (hanya bagi Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS);
- Tarikh tamat kontrak dalam TLD atau terkesan disebabkan oleh pelaksanaan TLD;
- Tempoh lanjutan tidak melebihi 60 hari.

Tambahan pula, terdapat juga isu pemilik tanah persendirian yang tidak memberikan kebenaran laluan keluar masuk dan pembinaan tali air di tapak tidak dapat dijalankan serta peralatan mesin jentera dan kenderaan yang tidak dapat dihantar ke tapak bina yang menjadi faktor pihak kontraktor mengalami kelewatan ini.

Walau bagaimanapun, faktor kelewatan seperti di atas masih berpanjangan dan mengalami kelewatan sebanyak 150 hari selepas pelanjutan masa kontrak pertama (EOT 1). Sehubungan itu, jabatan ini mengesyorkan pelanjutan tempoh masa kontrak kali kedua sebanyak 90 hari bermula 24 Jun hingga 24 September 2022 bagi memastikan kemajuan kerja dapat dicapai.

Status kemajuan semasa kini di tapak adalah mencapai 90% berbanding dengan jadual asal selepas mendapat EOT kedua iaitu 84%. *Insyallah* ianya akan dijangka siap sepenuhnya pada 22 September 2022. Sekian.

**YB ADUN Seri Menanti:** Dato' Yang Dipertua, sikit input Dato' Yang Dipertua iaitu hasil daripada kelewatan dan kelewatan apa ni, menyiapkan perparitan ini sebenarnya dia memberikan banyak kerugian ya, kepada penduduk kampung, pengusaha padi dan jugak kepada pembekal bajalah seperti PPK. Saya nak bagi sedikit ya, fakta dia iaitu hasil ni, hasil padi ini selama 2 tahun kita tak, tak, tak apa, tak dapat mengusahakan, satu tahun dua, dua musim. Satu musim pendapatan dia 572 ribu. Makna dia, satu tahun melebihi 1.4 juta. 2 tahun dekat 3.0 juta hasil dia. Sekarang dah tinggal 3.0 juta, 3.0 juta lebih ya, dibazirkan.

Dan sewaan tanah untuk orang kampung. Sewaan tanah untuk orang kampung iaitu sebanyak 350 hektar dan satu ekar ya, disewa 350.00 ringgit iaitu musim pertama ataupun musim, dia 2 tahun satu musim, 55,700.00 lebih. Dan untuk 2, satu tahun yang 2 musim tadi, sebanyak 110 ribu ya, ini orang kampung rugi. Jadi 2 tahun maknanya dia dah 220 ribu kerugian, orang kampung. Dalam keadaan, keadaan pandemik orang kampung yang susah, lagi disusahakan oleh pihak, pihak kerajaan

ya. Dan ini kita nampak kegagalan pihak yang diwajibkan iaitu JPS ya, untuk melakukan ya, tugas ataupun tanggungjawab menyiapkan perkara ini. Mungkin kita boleh nampak, pandang ringan. Pegawai boleh nampak ringan. Jadi tanggungjawab ini ya, mesti, di, di, diambil oleh pihak JPS terutamanya Pengarah JPS Negeri Sembilan.

Dan kalau nak tahu jugak berapa komisen yang, komisen baja yang di, yang diberikan oleh apa ni, yang disampaikan ya, kepada PPK iaitu 6,120.00 ringgit satu musim. Satu tahun 2 musim iaitu 12,240.00 ringgit. Kali 2. Makna dia 24 ribu lebih. Jadi keseluruhan dia bermakna dia dah 3.0 juta lebih kerugian dalam 2 tahun. Itu kerugian ditanggung oleh, oleh masyarakat, oleh apa ni, pengusaha, oleh orang, tuan tanah dan jugak ya, ataupun pertubuhan peladang yang ada di, di kawasan pengairan tersebut.

Jadi, bagi saya ya, jabatan-jabatan yang gagal ini kita perlu ambil, ambil tindakan ya. Pegawai-pegawai yang gagal menjalankan tugas ini kita perlu ambil tindakan agar ya, pegawai-pegawai sebegini yang tidak, tak lagi menyusahkan orang kampung. Jadi soalan saya, sehingga bila lagi ya, soalan saya, sehingga bila lagi ya, apa ni, perkara ini berlanjutan? Terima kasih.

**YB ADUN Klawang:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Menanti di atas keprihatinan perkara yang berlaku. Tapi saya menasihatkan Yang Berhormat Seri Menanti janganlah *block out* dia punya *flaws* tu ya. Kiraan-kiraan itu tidak boleh dikiralah semasa projek sebab kita sudah mengambil, sudah memaklumkan perkara ini di dalam rancangan asal iaitu hampir setahun setengah iaitu 14 bulan ianya tidak boleh dilaksanakan. Malah di peringkat awal saya telah maklumkan kepada pihak-pihak tertentu supaya memikirkan dalam masa satu tahun setengah tu lebih kurang, apo boleh kita buat di tempat-tempat yang terlibat. Tetapi ianya tidak ada inisiatif daripada pihak-pihak tertentu. Itu yang pertama.

Yang kedua, lambek eh dalam lebih kurang 6, 5 bulan yo ni, Yang Berhormat apa, Seri Menanti, daripada tarikh asal. Iaitu tarikh asal adalah 25 April tahun ini. So sekarang setelah diberikan beberapa apa, alasan-alasan yang munasabah, ianya dilanjutkan sehingga berapa tadi, September ya, maknanya lebih kurang 5 bulanlah ya, 5 bulan iaitu satu, satu musim punya, satu musim punya hasillah ya, Dato' Yang Dipertua. Ya, itulah yang, yang, yang, yang kerugian yang perlu mungkin perlu difikirkan oleh pihak-pihak tertentu supaya perkara yang sebegini tidak berulang lagilah ya. Jadi, itulah *response* saya. Terima kasih.

**YB ADUN Seri Menanti:** Dato' Dipertua, sikit ya, sambung tadi. Jadi saya cadangkan kalau macam tu, pihak tadi, yang bertanggungjawab untuk memberikan pampasan ya, kepada apa ni, penduduk-penduduk yang terlibat, berikan pampasan. Sebab ini tanggungjawab mereka ya, melambatkan. Bukan alasan pandemik, apa ni, COVID, Dato' Yang Dipertua, sebab sektor pertanian terutama sektor makanan ketika itu boleh dijalankan. Tak ada diberhentikan ketika itu. Bukan alasan tu Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

**YB ADUN Klawang:** Pihak saya mengambil maklum.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Mambau.

**YB ADUN Mambau:** Ya terima kasih Dato' Yang Dipertua. Mambau kemukakan soalan pertama.

**YB ADUN Repah:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Jawapan saya ni juga akan menjawab Jawapan ini juga akan menjawab:

- Pertanyaan Lisan Hari Pertama (nombor 1) daripada ADUN Sungai Lui yang bertajuk "Peningkatan Harga Barangan";
- Pertanyaan Lisan dari, Hari Pertama (nombor 1) daripada ADUN Pertang yang bertajuk "Langkah-Langkah Dan Strategi Untuk Mengatasi Masalah Kenaikan Harga Barang Keperluan"; dan
- Pertanyaan Lisan Hari Pertama (nombor 1) daripada ADUN Rantau yang bertajuk "Krisis Kenaikan Harga Barang".

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan telah mengambil beberapa langkah dalam menangani krisis kenaikan harga barang-barang bekalan makanan dan kos sara hidup antaranya menjalankan pemeriksaan dan pemantauan yang rapi yang me, dan menyeluruh ke atas semua premis perniagaan termasuklah kawasan bandar dan luar bandar. Pemantauan harga barangan dilakukan secara konsisten oleh Pegawai Pemantau Harga (PPH). Pemantauan yang dilakukan adalah secara harian, mingguan dan bulanan terhadap 480 jenis barang keperluan oleh Pegawai Pemantau Harga. Ini dapat mencegah dan mengelak peniaga daripada mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan sesuka hati. 480 jenis barangan yang dipantau merangkumi pelbagai jenis barangan keperluan seperti barang basah, sayur-sayuran, barangan runcit dan juga keperluan lain seperti susu bayi, *pampers*, ubat gigi dan

lain-lain. Hasil dari pemantauan ini juga mendapati bekalan barangan keperluan adalah mencukupi bagi Negeri Sembilan. Tiada berlaku kehabisan bekalan terhadap barang keperluan sepanjang pemantauan dibuat.

KPDNHEP Negeri Sembilan juga telah menjalankan OPS ATM ini termasuk ayam, telur dan minyak masak, bertujuan memastikan harga barang yang dijual bermula 1 Julai 2022 adalah berpatutan dan mengekang peniaga yang tidak beretika daripada mengambil kesempatan mengaut keuntungan secara tidak munasabah. KPDNHEP Negeri Sembilan juga telah melaksanakan OPS ATM ini di setiap hari bagi seluruh Negeri Sembilan dan laporan akan dihantar kepada ibu pejabat bagi memastikan tiada berlaku ketirisan ataupun kekurangan bekalan.

Selain itu juga, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Peringkat Negeri Sembilan telah bermula pada 5 Disember 2021 yang telah diadakan di Stadium Paroi, Negeri Sembilan. Kini, PJKM di Negeri Sembilan telah dijalankan sebanyak 31 siri sehingga 24 Julai 2022 di 139 lokasi. Pelaksanaan PJKM di Negeri Sembilan telah dijalankan secara 2 konsep iaitu di tapak terbuka dan dengan kerjasama pasar raya. Pelaksanaan PJKM telah dimulakan dengan diadakan 2 kali sebulan di setiap Parlimen. Selepas itu, bermula bulan Julai, pelaksanaan PJKM dipeluaskan ke 36 DUN di Negeri Sembilan bagi membantu menangani kos sara hidup. Sepanjang pelaksanaan PJKM yang diadakan ini, seramai 227,401 pengunjung telah terlibat dalam program ini. Jumlah jualan di Negeri Sembilan mencecah 3,049,406.65 setakat 17 Julai 2022. Program ini akan diteruskan di sepanjang dalam tawaran harga yang lebih rendah daripada harga pasaran. Bagi perancangan seterusnya, pelaksanaan PJKM juga akan diadakan di setiap minggu meliputi 36 DUN di Negeri Sembilan berkonsepkan dengan kerjasama pasaran, pasar raya buat masa ini. Bagi minggu seterusnya (31 dan, 31 Julai 2022) PJKM akan diadakan di:

- Di bawah Parlimen Tampin: DUN Gemas di, bertempat TF Value Mart. DUN Gemencheh – 99 *Speedmart* Pusat Komersial Gemencheh.
- Parlimen Port Dickson DUN Linggi – 99 *Speedmart* Linggi. Dan juga DUN Sri Tanjung di bawah *TF Value Mart* PD.
- Jempol: DUN Palong – 99 *Speedmart* Palong.
- Dan di bawah Parlimen Kuala Pilah: DUN Pilah di bawah Pasaraya Giant Kuala Pilah.

Bagi pelaksanaan PJKM pada 23 dan 24 Julai 2022, seramai 1,794 orang telah mengunjungi Lotus, Seremban 2 di bawah Parlimen Rasah dan DUN Bukit Kepayang dengan nilai jualan sebanyak [ringgit]15,314.85 sen. Manakala di Gedung Sri Minang Serting di bawah Parlimen Jempol / DUN Serting, seramai 850 orang telah mengunjungi ke premis tersebut dengan nilai jualan sebanyak [ringgit]11,051.43 sen.

Dato' Yang Dipertua, pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi seluruh rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negeri, di seluruh negara di bawah Ops Catut, Ops Rantai dan Ops PASAR sedang dilaksanakan. KPDNHEP Negeri Sembilan juga akan memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan kepentingan pengguna sentiasa terpelihara dan suasa, suasana perniagaan yang lebih adil.

Aduan ini boleh disampaikan kepada KPDNHEP melalui saluran-saluar berikut:

- Di talian *Hotline* KPDNHEP; 1-800-886-800
- Aplikasi; Ez ADU KPDNHEP
- Melalui *WhatsApp*; 019-848 8000
- Dan juga melalui e-aduan.kpdnhep.gov.my
- Dan juga melalui emel; e-aduan@kpdnhep.gov.my

**YB ADUN Mambau:** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, memandangkan kami selaku Wakil Rakyat dan kami sentiasa dapat aduan tentang kenaikan harga barangan dan harga makanan dan minuman yang tidak munasabah. Dato' Yang Dipertua, kita pun rasalah kadang-kadang pergi, kita pergi sarapan pagi, kita pun bayar 10.00 ringgit, tak ada tukar lagi, tak ada tukar balik lagi, boleh cakap *keep the change*, mintak izin. Jadi ini memang satu kesusahan, kesusahanlah untuk rakyat. Jadi soalan saya, apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan, menyelesaikan masalah aduan ini? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Repah:** Terima kasih kepada ADUN Mambau yang bertanyakan soalan tambahan. Saya nak bagitahu Mambau-lah, aduan, kalau sekiranya ada apa-apa aduan, aduan ini boleh dibuat, sekarang ni di hujung jari sahaja. Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku oleh peniaga boleh menyalurkan aduan atau sebarang maklumat yang, untuk dikongsikan berkenaan harga barangan mahupun isu-isu kepenggunaan dengan memberi maklumat dan butiran yang lengkap kepada pihak kementerian melalui saluran seperti yang saya sebutkan tadi. Dan untuk pengetahuan umum juga,

sekarang kita ada *Price Catcher* di, sesiapa yang mempunyai *smartphone* boleh *download Price Catcher* ini di mana setiap harga barangan dalam *Price Catcher* ini berubah-ubah, dinamik secara harian. Dan kita boleh lihat harga barangan yang munasabah dan lokasi di tempat mana. Dan sekiranya pengguna gunakan *Price Catcher* ini, mereka boleh dapat membeli barangan keperluan mereka dengan lebih baik dan lebih munasabah dari segi harga pasarannya. Terima kasih.

**YB ADUN Rantau:** Dato' Dipertua, sebab soalan ni jugak ada menjawab soalan pertama saya. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri, program pasar jualan keluarga Malaysia ini amat baik, Dato' Dipertua. Satu perkara yang amat baik dan perlu dilakukan Dato' Dipertua, kerana dia mengambil alih peranan orang tengah. Kerana harga ni naik sebenarnya, Dato' Dipertua, petani, nelayan, penternak dia tak dapat faedah pun sebab harga dibeli di kebun, di apa tu, semua sama je ya. Tapi kenaikan harga yang melambung melampau ini di, berada di tangan orang tengah. Jadi apa yang disebut oleh kerajaan dan wakil Kerajaan Negeri tadi satu perkara yang amat baik. Soalan saya, adakah kita akan meneruskannya secara mingguan kerana ini akan memudahkan orang ramai, Dato' Yang Dipertua, mendapat bekalan bahan-bahan mentah untuk makanan dan mereka tahu bahawa ianya akan terus berada, dikekalkan di tempat-tempat yang telah ditentukan. Dan jika boleh dianya dibuat di setiap DUN secara, setiap hujung minggu, Dato' Dipertua ya. Walaupun ada pasar-pasar tani Dato' Dipertua, tapi pasar tani ini dia punya harga lebih tinggi kadang-kadang daripada di kedai-kedai. Tapi Program Jualan Keluarga Malaysia ini dia memang murah kerana dia dibuat terus oleh agensi ataupun oleh syarikat-syarikat pengeluar Dato' Dipertua, kepada orang ramai. Jadi saya nak tanya supaya buat tapak yang kekal untuk program ini dan ia menjadi sebagai suatu cara untuk kita memotong peranan orang tengah Dato Dipertua. Biarlah pasaran sendiri menentukan. Bila sampai masa nanti, peruncit-peruncit dan orang tengah ini, bila kehidupan ataupun perniagaan mereka terpaksa bersaing dengan Program Jualan Keluarga Malaysia ini, mereka akan menurunkan harga jualan mereka. Jadi, saya mintak tanya, sama ada dia akan menjadi sebagai satu program yang kekal sehingga untuk beberapa tahun sehinggalah keadaan harga bekalan barang makanan dapat distabilkan semula. Terima kasih.

**YB ADUN Repah:** Terima kasih kepada ADUN Rantau yang bertanyakan sama ada penjualan keluarga Malaysia akan diteruskan. Buat masa ni pelaksanaan PJKM ni akan diadakan setiap minggu meliputi 36 DUN di Negeri Sembilan dengan kerjasama pasar raya dan juga ADUN kawasan masing-masing. Dan kita ada peruntukan

daripada kerajaan, kementerian, iaitu 80 juta yang akan digunakan untuk 636 kawasan. Dengan peruntukan itu, setiap minggu lebih kurang 6,250.00 ringgit seminggu dan untuk sebulan 25 ribu sebulan, dan untuk 5 bulan 125 ribu ringgit. Dan saya setuju dengan cadangan Rantau berkenaan dengan penerusan PJKM ni. Kita akan ambil maklum. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, tambahan sikit. *Insyah Allah* dalam penggulungan nanti saya akan maklumkan rancangan Kerajaan Negeri dalam membantu men, apa, menurunkan ataupun membantu masyarakat dalam kenaikan harga barang ini. Dan *insyiah Allah* inisiatif tersebut akan kita umumkan pada masa penggulungan nanti, *insyiah Allah*. Terima kasih atas soalan Rantau, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih kepada Rantau, cadangan. Terima kasih kepada Repah. Seterusnya saya persilakan Chombong.

**YB ADUN Chembong:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertamanya terima kasih sebab mengizinkan saya masuk lewat sikit pagi ni, Dato' Yang Dipertua. Semoga roh, semoga Allah mencucuri rahmat dan keampunan kepada roh Abdul Jalil bin Ishak, mengampuni segala dosa dan menerima segala amalannya, Dato' Dipertua. Dan dengan itu saya kemukakan soalan nombor 1.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih dan salam takziah buat ADUN Chembong. Dan Dato' Dipertua, secara keseluruhan, prestasi kutipan hasil sehingga 30 Jun 2022 adalah lebih baik berbanding untuk tempoh yang sama tahun 2021. Jawapan ini juga menjawab Pertanyaan Lisan Hari Kedua daripada ADUN Rantau yang bertajuk "Hasil Kerajaan Negeri" dan Pertanyaan Bertulis daripada ADUN Rantau yang bertajuk "Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2022".

Kutipan keseluruhan hasil adalah berjumlah 284.93 juta bersamaan dengan 65.96% berbanding dengan 234.93 juta bersamaan 52.44% pada tahun, pada 30 Jun 2021. Hasil Cukai mencatat kutipan berjumlah 134.0 juta bersamaan 83.56% yang merekodkan kutipan lebih ba, lebih tinggi berbanding kutipan Hasil Cukai untuk tempoh yang sama tahun 2021 iaitu 129.84 juta.

Seterusnya, kutipan Hasil Bukan Cukai pula ialah 116.44 juta bersamaan 55.02% berbanding 72.97 juta pada 30 Jun 2021. Hasil Bukan Cukai merekodkan peningkatan ketara sebanyak 43.47 juta ataupun 59.58%. Terimaan Bukan Hasil pula merekodkan kutipan

sejumlah 34.48 juta bersamaan 57.48% berbanding sehingga 30 Jun 2021 berjumlah 32.12 juta. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Rantau:** Dato' Dipertua, mohon soalan tambahan. Soalan saya sebenarnya mintak Kerajaan Negeri untuk memberitahu apakah kutipan sebenar pada tahun 2019 - 2021 ya, Dato' Dipertua, dia dapat mencapai anggaran yang telah diletakkan di dalam bajet tahunan. Sama ada dia dapat mencapai ataupun tidak, Dato' Dipertua ya.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, melihat kepada prestasi sehingga 30 Jun, kami yakin bahawa untuk tahun 2022 kami akan dapat mencapai seperti yang diletakkan dalam bajet tahun 2022 ini, *insya Allah*. Bagi tahun 2021 .....

**YB ADUN Rantau:** Dato' Dipertua, 2019 - 2021.

**YAB ADUN Sikamat:** Okay.

**YB ADUN Rantau:** 2020 - 2021 Dato' Dipertua. Saya nak tahu, sama ada kutipan hasil cukai dan bukan cukai pada tahun 2020, 2021 dapat ataupun, sekejap Dato' Dipertua, saya, saya, sama ada kutipan cukai 2020, 2021 itu dapat memenuhi ataupun mencapai apa yang telah dibajetkan seperti dianggarkan dalam bajet tahunan. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih soalan tersebut. Bagi tahun 2019 kita sedia maklum kita ada lebihan, ada, ada peningkatan melebihi daripada bajet. Bagi tahun 2020 kutipan hasil keseluruhannya, bagi kutipan hasil ya, perbandingan kutipan hasil 314.0 juta bagi 2019. Bagi 2020, COVID, 291. Dan bagi tahun 2021 menurun kepada 263. Ini kutipan hasil. Dan bagi tahun 2022 meningkat kepada 317 juta. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Rantau:** Soalan saya, soalan saya .....

**YB ADUN Sikamat:** Ya.

**YB ADUN Rantau:** ..... sama ada kita punya kutipan itu dapat mencapai seperti apa yang telah dianggarkan dalam bajet ya. Kalau ya, yelah. Tidak, tidaklah ya.

**YAB ADUN Sikamat:** Okay, bagi tahun 2019, kita melebihi. Pada tahun 2020 kita capai 98%. Bagi tahun 2021 - 88%. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih.

**YB ADUN Temiang:** Sebelah sana, baguslah.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tak apa, tak apa. 2022 ni ada tambahan kan, *insya Allah*. Berita baik untuk kakitangan jugaklah ya. Dah bocor ke. Okay. Kita terus kepada Temiang ya.

**YB ADUN Temiang:** Ya, terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya kemukakan soalan pertama.

**YB ADUN Klawang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Temiang berkaitan soalan agro pelancongan. Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Negeri Sembilan telah menyediakan kaedah Kebenaran Merancang Tempoh Terhad atau KMTT sebagai salah satu kaedah untuk menyelesaikan isu-isu kawalan perancangan pembangunan di Negeri Sembilan. Panduan pelaksanaan KMTT telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 10 November 2021 yang lalu.

KMTT adalah merupakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) mengikut Seksyen 21, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan turut mengambil kira subseksyen 22(5)(a). Selain daripada itu, KMTT juga bersifat kelulusan sementara daripada PBT untuk satu tempoh masa melibatkan pembangunan yang tidak selaras dengan rancangan pemajuan yang diwartakan namun mempunyai kepentingan awam dan nilai ekonomi serta pembangunan di atas tanah bukan hak milik tetap.

Pelaksanaan KMTT di Negeri Sembilan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan perancangan semula sesuatu kawasan di, di samping memberi peluang kepada pengusaha atau pemilik tanah menjalankan aktiviti pembangunan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Kaedah KMTT juga boleh diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu seperti pengusaha-pengusaha agro pelancongan untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang dan seterusnya memohon lesen perniagaan. Ini kerana KMTT yang bersifat kelulusan sementara membolehkan pengusaha atau pemilik tanah menjalankan operasi dalam tempoh kelulusan yang boleh diberikan oleh PBT iaitu minima 3 tahun sehingga maksima 10 tahun tanpa menukar zon gunatanah di dalam rancangan pemajuan yang telah diwartakan.

Selain itu, proses permohonan KMTT juga tidak akan melibatkan penukaran kategori, syarat nyata dan kepentingan di dalam geran hakmilik serta tidak dianggap sebagai suatu pelanggaran terhadap

perkara tersebut. Selepas tamat tempoh kelulusan KMTT, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memastikan pemilikan tanah mengendalikan, mengembalikan tanah tersebut kepada kegunaan asal. Walau bagaimanapun pemilik tanah masih boleh mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh kelulusan KMTT namun ia tertakluk kepada persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa (PBN).

Melalu, melalui pelaksanaan kaedah KMTT ini, perancangan dan pembangunan sesuatu kawasan dapat dikawal serta memberi peluang kepada pengusaha atau pemilik tanah menjalankan pembangunan yang mempunyai nilai ekonomi dengan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekian.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Klawang.

**YB ADUN Temiang:** Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua Dewan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Oh, tambahan

**YB ADUN Temiang:** Ya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, jawapan daripada Yang Berhormat Exco. Bagi saya ini satu kaedah yang sangat baguslah di mana agro pelancongan amat dialu-alukan oleh Kerajaan Negeri Sembilan untuk men, terutamanya membantu mereka yang minat dalam pelancongan dan membantu mempertingkatkan pendapatan Kerajaan Negeri Sembilan. Jadi, soalan tambahan saya adalah, selain ini, selain daripada kelulusan KM Tempoh Terhad ini diberikan, apakah inisiatif lain boleh diberikan kepada pengusaha-pengusaha ini?

**YB ADUN Klawang:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Temiang atas soalan tambahan. Apa-apa jugak perancangan ataupun projek yang hendak dilaksanakan, bolehlah membuat kertas kerjanya dan kita akan menilai dari sudut keberhasilan dan dia punya daya, daya saingnya itu. Dan di, di peringkat, mungkin di peringkat pertaniannya, ataupun di peringkat pelancongannya itu. Kedua-dua elemen ini boleh kita gabungkan untuk membantu mana-mana pengusaha yang berminat untuk memajukan tanah mereka, *insya Allah*.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Klawang. Seterusnya saya persilakan Bagan Pinang.

**YB ADUN Bagan Pinang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya mengemukakan soalan yang pertama.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan Yang Berhormat Bagan, ADUN Bagan Pinang. Dato' Yang Dipertua, gangguan adalah disebabkan sekiranya berlaku hujan lebat dan kekeruhan yang tinggi ya, terutama air daripada kawasan Gunung Berembun yang kita sedia maklum terhakis dengan teruk ketika bulan Disember yang lepas, menyebabkan air berlumpur dan ini menyebabkan kekeruhan melebihi 1000NTU di LRA Linggi, loji perlu mengurangkan ataupun memberhentikan pengoperasian air mentah bagi menepati piawaian air minum kebangsaan.

Kekerapan LRA Linggi mengurangkan pengeluaran air mentah disebabkan kekeruhan air mentah yang tinggi sehingga mengakibatkan gangguan tekanan air rendah dan ketiadaan bekalan air boleh dilihat melalui laporan semenjak Januari hingga Jun tidak lebih dari 2 kali dan tidak lebih, tidak kurang daripada 2 kali dan tidak lebih 4 kali. Cuma pada bulan Mei, disebabkan isu banjir, loji terpaksa mengurangkan pengeluaran sebanyak 8 kali.

Pihak SAINS sedang berunding dengan pihak PAAB bagi merangka projek penggantian paip-paip lama dalam program NRW. Dan di samping itu juga SAINS telah memasang alat kawalan tekanan bagi mengurangkan kejadian paip pecah serta mengambil tindakan segera pembaikan paip bocor/pecah bagi mengurangkan gangguan bekalan air ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Sikamat. Seterusnya .....

**YB ADUN Bagan Pinang:** Dato', Dato' Yang Dipertua soalan tambahan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tambahan.

**YB ADUN Bagan Pinang:** Dato' di, Yang Dipertua, isu di Bagan Pinang ni selain itu adalah ke, kebelakangan ini berlaku gangguan bekalan air, gangguan bekalan air oleh kerana berlakunya paip pecah ya. Apabila kita dapati tiada, ada gangguan bekalan-bekalan air, bila ditanya, berlaku paip pecah. So soalan saya, adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan jangka panjang untuk mengatasi masalah paip pecah di dalam DUN Bagan Pinang? Yang mana kita sedia, sedia maklum di dalam DUN Bagan Pinang adalah tempat tumpuan pelancong. Dengan adanya gangguan bekalan air ni, dia akan menjejaskan pengusaha hotel, pengusaha *homestay*, premis perniagaan dan jugak kediaman. So saya nak tanya Kerajaan Negeri adakah perancangan jangka panjang untuk mengatasi isu paip pecah di dalam kawasan DUN Bagan Pinang? Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, tadi saya, yang saya katakan bahawa pihak SAINS sedang berunding dengan pihak PAAB dan beberapa syarikat swasta untuk merangka projek penggantian paip-paip lama dalam program NRW yang telah diumumkan oleh pihak KASA. Dan saya berharap bahawa dengan adanya perkara tersebut, perbincangan tersebut, dan kita berharap akan dapat kelulusan kita akan segerakan penggantian paip-paip ini mengikut keperluan di suatu satu kawasan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Bagan Pinang:** Dato' Dipertua, saya harap dapat beri tumpuan utama di kawasan tumpuan pelancong. Terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Yang Dipertua, jika dibenarkan oleh Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Sikamat, saya nak tanya sedikit saja tentang masalah air ni. Betullah pecahan paip itu akan berlaku dari semasa ke semasa di beberapa tempat. Tetapi saya ingin tahu, sama ada pihak SAINS ataupun Kerajaan Negeri ini mempunyai rancangan untuk menambahkan aset penghantaran air ke kawasan-kawasan gangguanlah air. Kerana masalah timbul apabila 2 – 3 hari air tak dihantar. Dan masalah ini di, di, apa ni, punca kerana lori tangki ni tak cukup. Jadi saya mintak sama ada ada rancangan atau tidak untuk menambahkan tangki, lori tangki air ni di setiap daerah? Sekian, terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya rasa saya tak pernah dapat laporan mengenai sampai 2 hari air tidak dihantar kepada tempat-tempat yang berisiko sebab kita kalau berlaku di, di Jempol, kita akan hantar lori daripada Port Dickson, daripada Seremban, kalau ia betul-betul kritikal. Apa yang berlaku di Jelebu tempoh hari juga, kita lakukan perkara yang sama. Jadi, saya rasa tidak ada laporan kepada saya dan kalau ada sila laporkan segera kepada saya. Kalau ada sampai 2 hari ataupun sehari pun, kalau dah berlaku pagi, petang tak sampai pun maklum kepada saya supaya kita ambil tindakan dengan segera. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat .....

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya ingat dah beri jawapan .....

**YB ADUN Jeram Padang:** Sebenarnya dekat Palong 2 tu pernah berlaku Yang Berhormat Sikamat. Itu sebabnya saya timbulkan isu ini. Sekian, terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Saya rasa Palong 2 kita segera hantar paip air, apa, tangki air disediakan di kawasan tersebut, di Palong 2 ya. Tak ada, saya tak, cuma memang ambil masa sedikit sebab ketika itu pecah dia punya kawasan LRA ya. Jadi, ambil masa lama sedikit. Jadi saya rasa saya, saya ambil maklum kepada Pengarah sendiri, maklumkan kepada saya bahawa tangki-tangki telah diusahakan ke kawasan tersebut seawal mungkin. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih di atas apa, keprihatinan dan saya harap semua Yang Berhormat boleh maklumkanlah sekiranya berlaku perkara yang sedemikian. Seterusnya saya persilakan Rahang.

**YB ADUN Rahang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Rahang mengemukakan soalan kedua.

**YB ADUN Bahau:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan daripada, soalan 2. Okay maaf.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Nombor 2.

**YB ADUN Repah:** Terima kasih kepada ADUN Rahang yang bertanyakan soalan 2. Berdasarkan semakan rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, sebanyak 90 kes aduan pembakaran terbuka telah dilaporkan di Negeri Sembilan dari 1 Januari hingga 30 Jun 2022. Antara tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah dengan mengeluarkan Notis Arahan larangan pembakaran terbuka dan kompaun di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut: sebanyak 71 kompaun telah dikeluarkan dan 82 Notis Arahan (Larangan Pembakaran Terbuka) telah dikeluarkan.

Sekiranya terdapat aduan berulang dan lebih menjerus kepada kacau ganggu di kawasan taman perumahan, aduan ini akan dipanjangkan, dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PBT diberi kuasa untuk menyiasat aduan pembakaran terbuka tersebut yang melibatkan kawasan perumahan dan mengambil tindakan perundangan di bawah perundangan PBT.

JAS lebih tertumpu kepada pembakaran terbuka berskala besar seperti ladang-ladang dan di dalam kawasan industri tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Terima kasih.

**YB ADUN Rahang:** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sila nyatakan kes yang dilaporkan bagi tahun 2019, 2020, 2021 bagi pembakaran terbuka dan perundangan bagi kes pembakaran terbuka.

**YB ADUN Repah:** Terima kasih kepada ADUN Rahang yang bertanyakan soalan tambahan. Bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini, iaitu dari 2019 hingga 2021, sebanyak 1,189 kes pembakaran terbuka telah dilaporkan dan sebanyak 302 kompaun telah dikeluarkan di Negeri Sembilan. Pecahan jumlah kes pembakaran terbuka dan bilangan kompaun yang dikeluarkan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- Bagi tahun 2019, bilangan kes berjumlah 350. Kompaun yang telah dikeluarkan adalah 41.
- Untuk tahun 2022, 2020, sebanyak 418 kes telah direkodkan dan kompaun telah dikeluarkan sebanyak 67.
- Dan untuk tahun 2021, bilangan kes adalah 421 dan jumlah kompaun yang telah dikeluarkan adalah 194.

Bagi kes pembakaran terbuka terhadap, terhadap sampah sarap ataupun kawasan perumahan, pecahan jumlah kes yang telah dilaporkan mengikut tahun adalah seperti berikut: untuk tahun 2019, bilangan kes adalah 108. Untuk tahun 2020, bilangan kes adalah 304. Untuk tahun 2021, bilangan kes adalah 284. Dan sehingga kini, untuk tahun 2022, bilangan kes adalah 35.

Penawaran kompaun pembakaran terbuka adalah mengikut Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Pembakaran Terbuka Tahun 2000, mana-mana kesalahan pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A atau 29B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 merupakan suatu kesalahan yang boleh dikompaun. Mengikut Seksyen 45(1) (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974: Ketua Pengarah atau mana-mana Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai awam lain atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakili apa-apa kuasa secara bertulis, boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang telah ditetapkan oleh Menteri sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima daripada orang yang semunasabnya disyaki telah melakukan

kesalahan itu, jumlah wang yang tidak melebihi 2 ribu akan dikenakan. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Rahang. Terima kasih Repah. Seterusnya saya persilakan Gemas.

**YB ADUN Gemas:** Dato' Yang Dipertua. Saya kemukakan soalan nombor 1.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih, terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan Gemas berhubung dengan persimpangan, lampu limpah di persimpangan Jalan Gemas - Tampin - Pasir Besar. Dato' Yang Dipertua, kedudukan lampu limpah adalah di Jalan Persekutuan FT010. Permohonan peruntukan untuk pembaikan telah dibuat dan kontraktor telah dilantik pada 8 Julai 2022. Kerja pembaikan dijangka akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tambahan? Tak ada. Kota, oh keluar, okay. Saya persilakan ADUN Lobak.

**YB ADUN Lobak:** Terima kasih Dato' Dipertua, saya kemukakan soalan nombor 1.

**YB Yang Dipertua Dewan:** 1.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Dipertua, soalan berhubung dengan kes penipuan. Dato' Yang Dipertua, bagi tempoh 2018 hingga 20, hingga Jun 2022, sebanyak 8,921 kes telah dicatatkan dan kes penipuan dengan pelbagai modus operandi adalah penyumbang utama kepada peningkatan kes jenayah komersial.

Bagi Kontinjen Negeri Sembilan, Daerah Seremban merupakan daerah yang terbanyak menerima laporan polis berkaitan kes penipuan dengan kerugian sebanyak 144,530,000.00, diikuti oleh Daerah Polis Nilai dengan kerugian 30,174,000.00, Port Dickson sebanyak 21,696,000.00, Jempol sebanyak 7.211 juta, Tampin sebanyak 9.173 juta, Kuala Pilah 10.862 juta manakala Rembau sebanyak 2.7 juta dan Jelevu sebanyak 2.3 juta.

Bagi tempoh kajian ini kita dapati kebanyakan mangsa kes penipuan adalah di kalangan bangsa Melayu dalam lingkungan umur 15 hingga

40 tahun dikuti oleh Cina, India dan selebihnya di bawah lain-lain bangsa dalam kategori umur yang sama.

Pelbagai usaha dilaksanakan dalam usaha menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat bagi mengelakkan dari menjadi penyumbang kepada peningkatan statistik mangsa penipuan. Pelbagai kempen telah dianjurkan seperti pameran, ceramah, hebahan dari media massa. Sebagai perkong, perkongsian info, sekiranya menerima sebarang panggilan ataupun pertemuan yang mencurigakan boleh buat semakan pengesahan melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/> atau muat turun aplikasi SEMAK MULE CCID boleh hubungi, ataupun boleh hubungi *CCID Scam Response Center* di talian 03-26101559 ya. Jadi ada 10 kes dengan kerugian tertinggi bagi tempoh 2018 hingga Jun 2022 iaitu:

- i. Repot polis di Jalan Campbell 7297/2020 – tipu pindah milik tanah – swasta – 24 juta;
- ii. Seremban, Jalan Campbell, tahun 2020 – tipu pindah milik tanah – swasta – 22 juta;
- iii. Kuala Pilah – tawaran konsesi pembalakan dan pembangunan ladang – ahli perniagaan – 6.9 juta;
- iv. Seremban – 4099/2022, tahun 2022 – *Bussiness Email Comprimised@BEC* – swasta – 3.9 juta;
- v. Seremban, Jalan Campbell – 6567/2019 – pelaburan tak wujud – swasta – 3.5 juta;
- vi. Seremban 4219/2016 – kes tahun 2016 – dibuka semula pada 2018 – pelaburan tak wujud – ahli perniagaan – 3.0 juta;
- vii. Port Dickson 2369/2020 – urusan pindah milik tanah – swasta – 3 juta;
- viii. Seremban, Jalan Campbell 2897/2022 – mendapatkan *credit line* bagi *Renfrew Offshore Bank* – ahli perniagaan – 2.9 juta;
- ix. Seremban 2361/2022 – tahun 2022 – tipu beli sarung tangan berharga 2.7 juta; dan
- x. Port Dickson, Lukut 4595/2022 – *Macau Scam* – bersara – 1.8 juta.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk sama-sama saling mengingatkan bukan sahaja di kalangan ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, tetapi juga seluruh masyarakat di luar sana agar sentiasa berwaspada, sentiasa celik, sentiasa melindungi diri dan keluarga agar tidak terpedaya dengan sebarang iklan ataupun usaha niaga yang menjanjikan pulangan yang lumayan.

Begitu juga saya mengingatkan diri saya dan rakyat jelata agar tidak tertipu dengan panggilan *scam* yang kononnya daripada agensi kerajaan, mahupun Lembaga Hasil Dalam Negeri, KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan sebagainya. Sentiasa semak dengan badan yang berkenaan. Pergi ke kaunter jika perlu. Telefon nombor di laman web rasmi agensi berkenaan dan sentiasa dapatkan maklumat yang benar. Dan tidak, dan yang terkini adalah penipuan melalui laman interaksi Telegram, sentiasa semak dengan tuan punya badan untuk memastikan kesihatannya. Jangan kita tertipu dan tertipu melihat kononnya ingin meminjam duit tetapi menggunakan akaun lain. Ya contohnya Yang Berhormat ADUN Klawang ya, Exco kita, baru-baru ini juga dalam Telegram-nya telah buat satu rayuan derma. Dan jadi saya harap bahawa ini semua mendapat perhatian dari semua masyarakat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Sikamat.

**YB ADUN Lobak:** Soalan tambahan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya, sila, apa ni?

**YB ADUN Lobak:** Soalan tambahan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tambahan?

**YB ADUN Lobak:** Ya.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Okay.

**YB ADUN Lobak:** Terima kasih. Terima kasih Sikamat dengan penjelasan yang paling jelas sekali. Tapi nampak bukan *scammer* saja, kami jawapan tu berjuta-juta, 20 juta, 22 juta pun ada. So soalan saya macam ni, adalah orang politik atau pegawai kerajaan terlibat kes-kes yang tersebut dan apa tindakannya? Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, buat masa ini tak ada pegawai kerajaan yang terlibat, saya dimaklumkan. Dan untuk orang politik saya tak ada maklumat terkini. Dan mangsa ya, ramai yang

terlibat adalah ada kalangan penjawat awam, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Sikamat. Saya kira ni soalan terakhir, Sungai Lui.

**YB ADUN Sungai Lui:** Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan pertama.

**YB ADUN Ampangan:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Lui yang bertanya tentang keputusan SPM 2021. Dato' Yang Dipertua, keputusan peperiksaan SPM dilaporkan berdasarkan pencapaian calon dan prestasi mata pelajaran. Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam kesemua mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di seluruh negeri adalah Gred Purata Negeri (GPN). Nilai GPN yang lebih kecil menunjukkan pencapaian yang lebih baik.

Prestasi mata pelajaran pula merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dalam setiap mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan prestasi mata pelajaran ialah Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi setiap mata pelajaran. Nilai GPMP yang lebih kecil menunjukkan prestasi yang lebih baik.

Pelaporan analisis keputusan peperiksaan SPM ini adalah berdasarkan calon sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang menduduki minimum 6 mata pelajaran teras kecuali dinyatakan sebaliknya, ya.

Untuk makluman, pencapaian pelaporan pencapaian SPM 2021 pada hari ini merupakan pencapaian daripada kohort pertama yang menggunakan sepenuhnya format baru Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dan Gred Purata Negeri SPM 2021 untuk Negeri Sembilan pada tahun ini adalah mencatatkan 4.62.

Untuk layan Sijil SPM 2021. Mulai tahun 2013, semua calon diwajibkan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk layak dianugerahkan Sijil Mata Pelajaran Malaysia (SPM). Pada tahun 2021, seramai 12,745 (87.62%) calon layak dianugerahkan sijil.

Kalau kita melihat pula Gred Purata Sekolah mengikut daerah, sekolah di Daerah Rembau adalah merupakan pencapaian yang terbaik dengan Gred Purata Sekolah 3.74 untuk tahun 2021. Seremban kedua – 4.54. diikuti Kuala Pilah – 4.58, Jempol/Jejebu – 4.86, Tampin – 4.87, Port

Dickson – 5.18 ya. Dan kalau kita melihat kepada keseluruhan prestasi sekolah, sebanyak 27 sekolah di Negeri Sembilan mencapai peratus 100% layak sijil ya, untuk memperolehi kesemuanya keputusan SPM. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Sungai Lui:** Soalan tambahan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tambahan.

**YB ADUN Sungai Lui:** Dulu, kita ada menubuhkan Sekolah Magnet ya. Saya nak tahu di beberapa sekolah yang terpilih. Saya nak tahu, apakah perancangan Kerajaan Negeri Sembilan ataupun arah tuju Sekolah Magnet pada masa akan datang?

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Lui. Kita akan melihat semula ya, yang saya faham bahawa semasa Yang Berhormat dahulu memang telah mempelopori Sekolah Magnet ini. Tapi kita sebenarnya sekarang ni lebih merujuk kepada keseluruhan prestasi sekolah. Untuk maklumat Yang Berhormat bahawa Negeri Sembilan, dari segi dasarnya, keseluruhannya masih lagi berada kedudukan sekolah yang terbaik dari segi prestasi SPM sejak 6 tahun berturut-turut. Cuma kita cuma berada di bawah Putrajaya. Putrajaya pun bukan negerilah. Jadi, jadi maknanya pencapaian kita selama 6 tahun memang terbaiklah, setakat ini. Terima kasih.

**YB ADUN Rantau:** Sikit. Tahniah diucapkan di atas prestasi yang baik yang dikekalkan oleh pelajar-pelajar kita di Negeri Sembilan. Duduk di tempat kedua peringkat SPM, peringkat persekutuan. Dan Putrajaya nombor 1, tak sepatutnya dia jadi nombor 1. Tapi tak apa. Saya nak tanya Dato' Dipertua, kecemerlangan keputusan ini, Dato' Dipertua, semasa kita belajar PdPR, kan. Semasa PdPR, lonjakan itu bertambah baik. Hadir sendiri pergi sekolah, tak berapa baik. Apakah kita melihat sesuatu bahawa pelajar-pelajar tak perlu lagi pergi sekolah, dan duduk di rumah dan keputusannya lebih baik? Saya nak tanya, apakah Kerajaan Negeri Sembilan melihat itu sebagai suatu *paradigm shift* kerana kita boleh belajar daripada Google ya. Apa saja ilmu dalam dunia ada dalam telefon kita. Bahawa guru sekarang tak perlu lagi memberi ilmu kerana ilmu berada di atas talian. Guru mesti menjadi sebagai fasilitator, mengubah jati diri dan memberikan keyakinan diri kepada murid-murid.

Saya nak tanya, apakah Kerajaan Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri Sembilan melihat ini sebagai satu peluang untuk kita mengurangkan bebanan murid-murid bawak buku terlampau banyak ke sekolah. Nombor 2, apakah kita boleh melihat bahawa kekurangan guru boleh

kita atasi dengan cara-cara ini ya. Dan guru, bebanan guru Dato' Yang Dipertua akan dapat berkurangan 70 - 80% kerana guru boleh berfungsi sebagai fasilitator dan membina jati diri murid-murid, membina keyakinan murid-murid daripada guru sebagai tugas tradisionalnya iaitu memberi ilmu. Kerana ilmu dah berada di merata-rata. Terima kasih.

**YB ADUN Ampangan:** Okay terima kasih Yang Berhormat Rantau. Soalan ni sepatutnya di Parlimen, mungkin Yang Berhormat Rantau kena ada dekat Parlimen-lah, untuk menjawab soalan berkenaan. Namun demikian, saya ingin menjelaskan, semasa PdPR, Kerajaan Negeri amat prihatin, malah kitalah negeri yang pertama yang membantu pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan untuk kita beri iPad kepada mereka dan kemudahan-kemudahan komputer kepada pelajar-pelajar ini. Ini, ini memberi kesan kepada prestasi kita, walaupun dalam keadaan yang sukar ketika itu, kita masih lagi mampu oleh kerana anak-anak ini dibantu.

Selain daripada itu, kita juga melihat ada di antara anak ini yang tidak mempunyai kemampuan dari segi internet ataupun wifi yang kosnya agak mahal. Kerajaan Negeri juga membantu di beberapa tempat, di banyak tempat juga untuk mengadakan kemudahan internet secara percuma. Dan, dan dalam belanjawan untuk tahun 2022 kita telah memperuntukkan tambahan lagi perbelanjaan untuk menambah tempat-tempat seperti balai raya untuk kita wujudkan internet wifi kepada anak-anak ini untuk diteruskan menggunakan walaupun kita sudah berada dalam era endemik. Jadi *insya Allah* mungkin Yang Berhormat Rantau boleh kemukakan soalan berikutnya itu kepada, di dalam Parlimen. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih kepada Ampangan, kepada Rantau. Sebenarnya kalau di Jepun ya, saya tengok, saya pernah tengok sistem Pendidikan Jepun, di peringkat sekolah rendah tak banyak buku pun, dia banyak main-main. Diberi permainan-permainan yang men, apa yang membentuk pemikiran. Diberi permainan apa, tempat melompat-lompat. Kata otak akan berkembang. Sebab itu kalau anak suka melompat-lompat ya, belikan dia satu tempat untuk dia selesa lompat-lompat, supaya otak dia lebih cepat berkembang ya. Okay.

**YB ADUN Rantau:** Lompat masuk Tampoi.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Itu orang lompat patah kaki dia. Okay. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya rasa masa melebihi sikit ya, jadi kita menepati masa, *alhamdulillah*, terima kasih pada yang membuat soalan, yang menjawab soalan, dan terlibat dalam sesi soalan

lisan tadi. Dan bagi yang mana yang tidak dijawab ya, tidak dapat dijawab, secara bertulis, dia akan dijawab secara bertulis ya.

## 6.2 Pertanyaan-Pertanyaan Bertulis

**Setiausaha Dewan:** Pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan bertulis yang telah diberitahu terlebih dahulu seperti yang dibentangkan di dalam, di, di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan bertulis bagi pertanyaan bertulis adalah dibentangkan.

## 7. USUL DI BAWAH PERATURAN XVII

**Setiausaha Dewan:** Perkara kelapan, Usul di bawah Peraturan XVII.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Silakan.

**YB ADUN Chennah:** Terima kasih. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya bangun untuk mengemukakan usul seperti berikut: "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan yang serius terhadap isu kenaikan kos sara hidup yang menyebabkan tekanan hidup yang tinggi kepada rakyat dan menyeru Kerajaan Negeri untuk membekukan sebarang kenaikan kadar dalam apa jua cukai, sewa, caj atau apa-apa bayaran di bawah kawalan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Sembilan sehingga masalah inflasi dapat dikawal."

Dato' Dipertua, saya bagi pihak *backbenchers* membawa usul ini di atas keprihatinan kita terhadap isu inflasi dan kos sara hidup yang sedang membelenggu rakyat kita. Walaupun kita tahu bahawa ini bukan masalah di negara kita sahaja, tetapi satu masalah dunia, di mana sejurus selepas perang tercetus di antara Rusia dengan Ukraine, ini menyebabkan *supply chain* antarabangsa terganggu dan juga amat memberikan kesan kepada seluruh dunia kerana semua kos juga naik. Ini ditambah pulak bahawa kebanyakan negara termasuk negara kita baru sahaja mula-mula pulih daripada pandemik COVID-19 selepas lebih 2 tahun. Pelbagai masalah yang membelenggu negara kita termasuk pertumbuhan ekonomi yang terencat semasa awal wabak COVID, semasa *lock down*, walaupun ada peningkatan sekarang ini.

Tetapi masalah yang paling besar yang sedang dihadapi oleh rakyat pada ketika ini ialah kenaikan kos sara hidup kerana ia disebabkan oleh inflasi harga barangan.

Dato' Dipertua, saya merujuk kepada satu laporan yang disiarkan dalam media semalam di mana ada satu pertubuhan antarabangsa ataupun satu *market analysis company* yang bernama IPSOS, I-P-S-O-S, yang telah pun menjalankan satu kaji selidik di lebih 20 negara termasuk di Malaysia. Mendapati bahawa rata-ratanya kebanyakan rakyat di semua negara yang ada terlibat dalam kaji selidik ini amat bimbang terhadap isu kenaikan inflasi dan kos sara hidup ini. Lebih daripada COVID sekarang ini. Kalau satu ataupun 2 tahun yang lalu, tanya sesiapa sahaja, apa yang paling membimbangkan mereka. Jawapannya sudah tentu adalah wabak COVID-19. Tetapi sekarang ini *trend* sudah berubah. Mengikut kaji selidik ini, 23% daripada responden di Malaysia yang dikaji selidik mengatakan bahawa mereka amat payah dari segi kewangan. Dengan izin Dato' Dipertua, *23% of Malaysian respondents were struggling financially while 45% felt they were just getting by, in the survey involving 21,515 adults in 28 countries between May 27 and June 10.*

23% rakyat yang di, yang dikaji selidik ini mengatakan bahawa mereka amat sukar dari segi pengurusan kewangan mereka. Dan 45% kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Hanya cukup untuk menampung kos kehidupan mereka. Dan terdapat 59% responden Malaysia menganggarkan bahawa kadar faedah juga akan naik dalam masa terdekat. Dan 39% mendapati bahawa se, selepas kenaikan kadar faedah ini, maka ia akan memberikan kesusahan mereka terhadap *disposable income* mereka ataupun pendapatan boleh guna mereka. Ini memang sesuatu yang merupakan satu hakikat iaitu kenaikan, kenaikan kadar faedah. Dan memang sudah ada banyak laporan mengatakan bahawa Bank Negara Malaysia juga akan menaikkan kadar OPR dalam masa terdekat. Mungkin sekali lagi kenaikan. Dan apabila ada kenaikan OPR ini, yang telah pun dinaikkan 2 kali berturut-turut, 0.25 *basis points*, 2 kali berturut-turut. Ini sudah tentu memberikan kesan kepada semua orang terutamanya peminjam-peminjan bank, mereka yang ada ansuran rumah, sudah tentu terkesan kerana OPR ini akan menyebabkan kadar faedah mereka lebih tinggi dan juga ansuran rumah yang mereka kena bayar lebih tinggi. Jadi ini sudah tentu memberikan satu kesan yang cukup negatif kepada orang ramai terutamanya golongan yang berpendapatan rendah ataupun sederhana.

Dan kita juga tahu bahawa masalah sekarang ini ialah kenaikan harga barangan. Memang merupakan satu hakikat yang tak boleh dipertikaikan. Termasuk daripada laporan-laporan rasmi. Walaupun

tanpa laporan rasmi, tanya sesiapa sahaja, kita tahu bahawa harga barangan sudah naik. Kalau Dato' Yang Dipertua pergi ke pasar, ke, pergi ke warung, tanya sesiapa sahaja. Kita sebagai wakil rakyat sering mendengar rintihan daripada rakyat bahawa harga barangan semakin meningkat, semakin tinggi. Harga barangan yang mereka beli setiap hari dan kos barangan yang mereka perlukan setiap hari, meningkat.

Kalau mengikut laporan rasmi daripada Jabatan Statistik Malaysia, pada Jun 2022, *year on year*, iaitu berbanding tahun lepas, *consumer price index*, ataupun indeks *consumer*, harga pengguna telah meningkat 3.4% tahun ke tahun. Kalau mengikut bulan ke bulan, telah meningkat 0.6%. Kalau mengikut suku, dia telah meningkat kalau tak silap saya 2.7%. Jadi laporan rasmi ini menunjukkan bahawa memang ada kenaikan. Ini sesuatu yang tak boleh dipertikaikan. Dan peningkatan yang paling besar, walaupun *consumer price index* ini mengambil banyak sektor, banyak industri, tetapi sektor yang paling penting ialah berkenaan dengan makanan kerana ini merupakan keperluan asas kepada setiap orang. Dan sektor inilah yang melihatkan bahawa peningkatan yang paling ketara, yang paling tinggi.

Kalau mengikut indeks harga pengeluar perkhidmatan untuk suku tahun kedua 2022, untuk sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman, tahun ke tahun meningkat 4.5%. Dan *quarter* kepada *quarter* ataupun suku ke suku meningkat 2.7%. Dan *trend* ini dilihat tidak akan berkurangan, malah akan terus meningkat. Kalau kita melihat bahawa secara *detail* ataupun secara teliti kepada laporan-laporan, semua laporan-laporan, sama ada Jabatan Perangkaan ataupun Jabatan Statistik, memang *trend* meningkat ini semakin menjadi-jadi.

Kalau kita lihat Indeks Harga Pengguna mengikut negeri dari tahun 2015 hingga 2021, untuk Negeri Sembilan, pada tahun 2015 indeks kita ialah 113.2, tahun 2021 ialah 123.6 dan indeks ini sudah tentunya akan dianggarkan akan terus meningkat pada tahun 2022. Kalau kita lihat pecahan kepada harga purata, Dato' Dipertua, kalau daripada Jabatan Statistik ini, mereka ada buat kajian kepada 100 *item* terpilih. Ini adalah barangan-barangan yang sering dibeli oleh isi rumah Malaysia ataupun mana-mana keluarga dalam negara kita. 100 barangan yang sering dibeli. Saya tak bolehlah baca 100 *item* ini, Dato' Dipertua, mengambil masa. Saya cuma mengambil beberapa *item* saja yang mungkin setiap keluarga, setiap daripada kita pun sering beli.

Sayur-sayuran, harga bayam tahun 2020, ini adalah harga purata di Negeri Sembilan, bukan harga purata kebangsaan, harga purata Negeri Sembilan. Harga sayur-sayuran, harga bayam tahun 2020 [ringgit]3.91

sen, sekarang Jun 2022 – [ringgit]4.81 sen, bendi – Jun 2020 – [ringgit]7.14 sen, Jun 2022 – [ringgit]9.77 sen, petola – Jun 2020 – [ringgit]6.26 sen, Jun 2022 – [ringgit]7.88 sen. Kenaikan lebih kurang, sekurang-kurangnya 20 – 30%. Ikan kembong per KG, tahun 2020, Jun – [ringgit]14.55 sen, Jun 2022 – [ringgit]18.28 sen per KG. Ayam tahun 2020 – [ringgit] 8.44 sen per KG, sekarang tahun 2022 [ringgit]9.45 sen per KG, malah harga ayam kalau Dato’ Dipertua pergi pasar, sudah tentu tahu mungkin lebih daripada harga ini, ini harga purata saja. Ada yang sampai 11.00 ringgit, dia walaupun dia kata bukannya harga siling 9.00 ringgit, lebih. Tetapi sekarang dia kata ini harga sembelih, harga kos pengangkutan, macam-macam caj dan sebagainya. Sehingga ada, saya pernah lihat di pasar, 11.00 ringgit – 12.00 per KG, dan itu hakikat yang memang berlaku.

Ini bukan sahaja harga-harga barang mentah, apabila harga bahan mentah ini meningkat, sudah tentu, Dato’ Dipertua pergi warung, pergi kedai mamak, pega, pergi restoran, harganya lebih tinggi. Ini makanan *favourite*, Dato’ Dipertua, roti canai, Jun 2022 purata [ringgit]1.08 sen, sekarang ini purata [ringgit]1.28 sen. Itu pun tengok makan kat mana, kalau makan kat hotel ni, mungkin 12.00 ringgitlah. Jadi, nasi briani, Jun 2020 – [ringgit]8.50 sen, sekarang ini purata 10.00 ringgit untuk setiap *servings* nasi briani.

Ini menunjukkan, ini beberapa contoh saja, Dato’ Dipertua, ada lagi senarai yang begitu panjang, yang terdapat dalam laporan Jabatan Statistik Malaysia yang boleh didapati dalam *website* Jabatan Statistik Malaysia. Ini contoh yang menunjukkan bahawa kenaikan yang begitu mendadak. Kalau kita kira walaupun 1.00 – 2.00 ringgit, tetapi peratusannya 20 hingga 30%. Ini memberikan kesan yang begitu besar kepada setiap isi keluarga kita. Bayangkan kalau kos barangan mereka, kos bulanan mereka, naik 20 hingga 30%. Ini sudah tentu memberikan tekanan yang cukup tinggi kepada mereka sebab gaji kita tak naik 20 – 30%. Gaji rata-rata sama ada sektor awam ataupun sektor swasta, takkan naik 20% setiap tahun. Ada peningkatan pun sudah kira baik, 2%, 3%. Jadi ini merupakan satu tekanan yang cukup memberikan kesan kepada rakyat di negara kita.

Tambahan pula Dato’ Dipertua, 2 tahun ini kita menghadapi wabak COVID. Wabak COVID ramai bukan sahaja menghadapi kos sara hidup yang tinggi, malah punca pendapatan pun hilang, tak ada pekerjaan. Semasa *lock down* dan sebagainya. Punca pendapatan mereka terkesan dan ini menyebabkan bahawa satu kesan yang begitu besar untuk jangka panjang. Ada yang dia kata, kita mungkin menghadapi dalam masa 10 hingga 20 tahun, akan menghadapi *retirement crisis*, krisis persaraan iaitu rakyat Malaysia tak boleh bersara. Kalau bersara

sahaja, mereka tak cukup makan. Kalau bersara sahaja, mereka ini tak cukup duit untuk hidup kerana apa yang berlaku ialah, dalam tempoh 2 tahun ini, atas permintaan dan atas desakan pelbagai pihak, kerajaan membenarkan pengeluaran KWSP sebanyak 4 kali. Dan kesan ini sekarang ini nampak. Semalam di Dewan Negara, Timbalan Menteri Kewangan menjawab bahawa daripada pengeluaran KWSP ini, sebanyak 4 kali, sebanyak 155 bilion telah dikeluarkan. 155 bilion telah dikeluarkan. Mungkin ini membantu dari segi suntikan kepada pasaran kita, mungkin peniaga-peniaga ada satu jangka masa yang pendek, mereka amat seronoklah, amat gembira sebab ramai pengguna yang ada *disposable income* dalam tangan mereka, ada wang yang lebih dalam tangan mereka. Saya dengar cerita, Nilai 3 pun peniaga-peniaga amat, bisnesnya amat baik untuk satu tempoh, beberapa bulan semasa pengeluaran KWSP tu dibenarkan. Tetapi ini juga akan memberikan kesan jangka panjang kepada negara kita dan rakyat negara kita. 155 bilion Ringgit Malaysia telah dikeluarkan.

Dan mengikut jawapan daripada Timbalan Menteri Kewangan semalam, 52% daripada pencarum KWSP ataupun 6.6 juta orang yang di bawah 55 tahun hanya ada kurang daripada 10 ribu ringgit dalam caruman mereka. Bayangkan 52%, 6.6 *million subscribers* ataupun pencarum ada kurang daripada 10 ribu ringgit dalam caruman mereka. Dan 75% daripada angka ini adalah pencarum-pencarum daripada bumiputera. 32% ataupun hampir 3 juta yang di mana pencaruman mereka kurang daripada 1,000.00 ringgit. 80% daripada angka ini adalah daripada golongan bumiputera. Ini merupakan angka-angka yang amat, amat membimbangkan, Dato' Dipertua, kerana kalau kita punya sistem persaraan kita, ataupun sistem *social safety net* kita, yang selama ini merupakan satu perlindungan kepada kita, untuk rakyat Malaysia kerja sampai 55 tahun boleh bergantung kepada EPF kita, boleh bergantung kepada KWSP kita untuk bersara. Tetapi kalau *trend* ini berlaku, caruman tak ada, lebih 50% di mana caruman sampai 55 tahun mungkin caruman tak sampai 100 ribu, mereka tak boleh hidup. Kita nak rakyat kita hidup sampai mungkin umur yang panjang. Kita selalu mengucapkan selamat panjang umur kepada sesiapa. Kita harap setiap rakyat Malaysia bolehlah hidup sampai 90 tahun, 95 tahun, sampai sekarang mungkin ada 100 tahun pun ada, Tun Dr. Mahathir dah umur 97, masih kuat, masih sihat. Jadi tak ada masalah kalau rakyat Malaysia boleh hidup sampai umur 100. Tetapi apa yang menjamin kehidupan mereka? Walaupun badan sihat, tapi kalau kesihatan kewangan mereka tak ada, bank mereka, akaun bank mereka tak sihat, jadi ini juga memberikan satu kesan yang besar kepada rakyat negara kita. Dan ini mungkin akan menyebabkan ramai yang tak boleh bersara pada umur 55 ataupun 60.

Jadi Dato' Dipertua, pendek kata bahawa sekarang ini kita menghadapi pelbagai masalah. Masalah kos inflasi, masalah peningkatan kos sara hidup, ini untuk mungkin jangka masa pendek yang kita *immediate* yang kita kena perlu hadapi. Jangka masa panjang, juga adalah satu masalah yang besar seperti yang saya katakan tadi, ramai rakyat Malaysia tak cukup simpanan untuk mereka bersara selepas mereka mencapai umur 55 ke atas. Dan kita menjangkakan bahawa masalah-masalah ini mungkin tak boleh selesai dalam jangka masa pendek. Yang pertama, ini merupakan satu masalah struktur. Yang kedua, ini adalah masalah yang disebabkan oleh faktor-faktor luaran. Kerajaan pun tak boleh kawal sebab ini adalah faktor-faktor di luar kawalan kerajaan, sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat. Kerana ini melibatkan percaturan geopolitik di seluruh dunia. Perang Rusia dengan Ukraine. Bila boleh, bila akan tamat, tak ada sesiapa yang tahu. Tak ada sesiapa yang boleh jangkakan bila boleh kembali kepada zaman yang aman di antara sana. Lebih dekat di sini, di benua Timur Tengah, sudah tentu konflik berpanjangan.

Dan dekat Asia pun sekarang ini nampak ada ketegangan terutamanya percaturan geopolitik antara Amerika Syarikat dengan negara China. Terutamanya di sebelah Taiwan. Minggu lepas, selepas Speaker Amerika Syarikat melawat Taiwan, maka ketegangan yang begitu tinggi di antara *China* dengan Amerika Syarikat. Dan semua ini akan memberikan kesan kepada mereka. Ini walaupun adalah geopolitik, faktor geopolitik, tetapi dia akan memberikan kesan kepada kita. Sebab kita adalah negara perdagangan. Kita adalah negara yang berdagang dengan semua pihak. China adalah negara perdagangan yang utama dengan kita. Amerika Syarikat juga negara perdagangan yang utama dengan kita. Jadi, apabila ada percaturan ada ketegangan di antara 2 kuasa besar ini, sudah tentu negara-negara di Asia Tenggara terkepit di tengah-tengah. Malah semalam Perdana Menteri Singapura memberikan amaran kepada rakyat mereka bahawa isu inflasi dan juga kadar faedah yang tinggi ini tidak akan berakhir dalam satu tempoh masa yang, yang, yang, yang pendek kerana ini merupakan satu faktor yang disebabkan oleh pelbagai faktor luaran terutamanya percaturan geopolitik antarabangsa.

Tetapi tuan, Dato' Dipertua, usul yang saya nak bawa di sini pada hari ini, bukan saja kita cakap pasal masalah. Ini sebagai mukadimah saja. Saya, tentu ramai yang tahu apakah masalah yang sedang kita hadapi. Tetapi kita juga kena menunjukkan satu sikap proaktif bahawa semua pihak kena bekerjasama, semua pihak kena memainkan peranan untuk menyelesaikan isu ini dan memberikan usaha kita, memberikan pandangan kita dan juga melakukan sesuatu untuk kita sama-sama menangani masalah kos sara hidup ini. Walaupun kalau jalan mudah

kita boleh kata, haa ini masalah Kerajaan Persekutuan, kalau isu inflasi patut ini Kerajaan Persekutuan yang *handle*. Kalau kita nak main politik senang saja, ini semua masalah Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan sebagainya. Tetapi sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin, Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Sembilan yang prihatin dan ADUN-ADUN Pakatan Harapan yang prihatin, kita membawa usul ini supaya Kerajaan Negeri juga mengambil Langkah yang proaktif. Langkah-langkah yang *constructive* untuk kita membantu bagaimana untuk kita menangani isu masalah kos sara hidup ini. Dan saya rasa rakyat akan menilai kita secara positif.

Dato' Dipertua, apa yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri? Saya nak membentangkan ada beberapa cadangan yang kita boleh laksanakan di peringkat Kerajaan Negeri untuk kita membantu masalah kos sara hidup ini. Iaitu yang pertama, seperti yang saya baca dalam usul saya, kita mencadangkan apabila Dewan hari ini meluluskan usul ini, ataupun esok luluskan usul ini, maka kita berharap Kerajaan Negeri akan membuat satu keputusan dasar untuk membekukan sebarang kenaikan kadar dalam apa jua cukai, sewa, caj atau apa-apa bayaran di bawah kawalan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Sembilan sehinggalah masalah inflasi ini dapat dikawal.

Walaupun saya tahu, Dato' Dipertua, bahawa Manifesto Pakatan Harapan menjanjikan bahawa kita tidak akan menaikkan kadar cukai tanah dan cukai taksiran sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun. Ini memang saya yakin memang kita telah laksanakan. Dan rakyat pun tahun tak ada kenaikan kadar cukai tanah ataupun cukai taksiran di Negeri Sembilan. Dan ini sudah tentu akan diteruskan selama tempoh pentadbiran kita. Cukai tanah saya rasa tak ada apa-apa isu, tetapi cukai taksiran ini saya nak memberikan sedikit pandangan. Walaupun kita tahu bahawa kadar cukai taksiran ini tak pernah naik, tetapi kadang-kadang, rata-rata rakyat mengadu bahawa mengapa mereka melihat ada kenaikan cukai taksiran mereka. Walaupun dia kata, kerajaan telah berjanji tak naikkan kadar tetapi apabila bil datang, ataupun ada surat daripada PBT datang, mengapa kos ataupun harga yang mereka kena bayar untuk cukai taksiran mereka untuk PBT ataupun cukai pintu, ini bahawa kasar ataupun bahasa erti, bahawa biasa, cukai pintu. Mereka kata naik. Sebenarnya bukannya kadar yang naik tetapi kita pun tahu bahawa dari masa ke semasa, pihak PBT akan menjalankan semakan semula kepada nilai-nilai tahunan mereka. Nilai-nilai hartanah tersebut. Apabila sesuatu kawasan itu sudah dinaik taraf ataupun daripada pekan menjadi bandar, ataupun kawasan perumahan itu telah maju ataupun rumah tersebut pernah diubah suai,

jadi memang tanggungjawab dan juga hak oleh PBT untuk menyemak semula nilai tahunan mereka. Apabila nilai tahunan disemak semula, maka walaupun kadar tak, yang sama, dia akan mening, menyebabkan cukai yang perlu dibayar itu meningkat. Cukai itu naik. Jadi rakyat tak faham. Dia kata, haa ini kerajaan tak tunaikan, ada kenaikan cukai taksiran walaupun dijanji tak ada.

Jadi saya nak menyeru kepada Kerajaan Negeri, supaya walaupun kita menjanjikan tidak ada kenaikan kadar cukai taksiran dalam semangat usul ini, saya berharap dan saya menyeru Kerajaan Negeri untuk membekukan semua semakan nilai tahunan, buat satu tempoh masa. Maksudnya dalam tempoh ini, apa sahaja semakan itu kita bekukan. Tidak ada kenaikan secara, secara apa ni, secara prinsipnya. Dan akhirnya rakyat tidak akan menerima kesan ataupun tidak akan menerima satu bil di mana mereka lihat cukai taksiran itu meningkat. Jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri memberikan satu keputusan dasar dan arahan kepada semua PBT supaya dalam tempoh ini, tempoh sementara kita menangani isu inflasi dan kos sara hidup ini, tidak ada sebarang semakan terhadap nilai tahunan rumah-rumah mereka. Itu cadangan daripada saya.

Dan banyak lagi kita boleh buat. Umpamanya di pihak PBT, ada rumah-rumah kos awam, rumah-rumah pangsa awam yang disewa oleh PBT ataupun terus daripada Kerajaan Negeri. Saya dan atas semangat usul ini, saya juga menyeru supaya Kerajaan Negeri tidak menaikkan sebarang kadar dalam tempoh yang begitu penting pada ketika ini supaya memberikan satu kepastian kepada rakyat kita terutamanya rakyat kita yang berpendapatan rendah, yang duduk di rumah-rumah pangsa, duduk di PPRT dan sebagainya. Sama ada yang disewa oleh PBT ataupun oleh Kerajaan Negeri. Umpamanya di Seremban, kita tahu di Senawang ada rumah yang disewa oleh Kerajaan Negeri, di *Templer Flat* ada, di Lobak ada banyak rumah PPRT yang rumah pangsa PPRT yang disewa oleh pihak PBT, oleh pihak Majlis Bandaraya. Semua ini dari segi kadar sewa itu, tidak meningkat. Walaupun saya tahu tak ada niat pun nak meningkat, tetapi kita memberikan satu kepastian dan juga satu jaminan kepada mereka bahawa jangan bimbang bahawa kadar sewa yang mereka, yang ada pada hari ini tidak akan ditingkatkan pada ketika kita menghadapi masalah kos sara hidup ini.

Begitu juga kepada sewa-sewa gerai. Kita pun tahu banyak pasar-pasar awam yang menyewa daripada PBT. Sama ada mereka menjual sayur, menjual daging ataupun warung dan sebagainya. Semua sewa-sewa yang di bawah ke, kelolaan ataupun di bawah kawalan oleh pihak PBT, saya juga mintak supaya atas usul ini ia tidak dinaikkan sebarang kadar sewa mereka.

Begitu juga dengan caj-caj yang lain. Mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh menjawab. Saya tak tahulah ada berapa jumlah bayaran yang boleh dikenakan oleh Kerajaan Negeri. Walaupun tak banyak, saya tahu secara dari segi cukai tak banyak, hanya cukai tanah, cukai taksiran, mungkin sedikit cukai hiburan dan sebagainya, yang lain-lain tu merupakan caj ataupun bayaran. Kalau caj ataupun bayaran umpamanya apa-apa bayaran borang, caj permohonan ataupun pro, bayaran proses dan sebagainya, saya berharap ia juga dapat dikekalkan sementara waktu ini supaya semua pihak bersama-sama kita menangani isu masalah kos sara hidup ini.

Kita tak mahu dijadikan satu alasan ataupun apabila ke, ka, pihak Kerajaan Negeri, walaupun kadang kala kenaikan itu dari segi pentadbiran sahaja, borang permohonan kalau naik beberapa ringgit, haa ini akan dijadikan isu, dijadikan alasan oleh pelbagai pihak. Haa ini bahawa kerajaan tak prihatin, kerajaan naikkan harga, kerajaan naikkan kos. Maka kos itu perlu dipindahkan kepada pihak pengguna, oleh peniaga-peniaga. Jadi kita tak harap, tidak akan berlaku seperti itu supaya semua caj ataupun bayaran ini dibekukan sementara waktu itu. Sudah tentu ini juga mungkin juga memberikan cabaran kepada pihak Kerajaan Negeri, mungkin Pegawai Kewangan Negeri akan mengatakan bahawa ini akan memberikan cabaran. Tetapi saya berharap atas kebijaksanaan pihak Kerajaan Negeri, khususnya kebijaksanaan Pegawai Kewangan Negeri kita pandai-pandai mengoptimalkan sumber, kita cari jalan untuk bagaimana kita mengoptimalkan sebarang sumber yang ada pada kita supaya kita membuat penjimatan dari segi perbelanjaan pengurusan. Bukannya saya kata nak, nak memberikan potongan kepada mana-mana pihak. Saya tidak mencadangkan apa-apa potongan dari emolumen, gaji dan sebagainya. Tidak, itu dikekalkan. Bayaran-bayaran khas kalau boleh, bonus, kita bantu perkhidmat, penjawat-penjawat awam kita. Tetapi dari segi pengurusan sumber kita, pengurusan perbelanjaan, pengurusan kita, saya harap ini dapat dioptimalkan, dapat kita jimatkan dan sebarang penjimatan itu kita kembalikan untuk membantu rakyat. Itu semangat yang kita harap bawa.

Dan ini merupakan persidangan yang kedua pada tahun ini. Dalam tempoh beberapa bulan yang akan datang ini, dalam tempoh mungkin 3 ataupun 4 bulan, kita akan balik ke Dewan ini untuk sidang belanjawan. Dalam tempoh ini, sudah tentu pihak Kerajaan Negeri khususnya Pejabat Pegawai Kewangan Negeri, sedang sibuk merangka belanjawan kita. Dan marilah dalam perbahasan ini, kita sama-sama kita bagikan cadangan yang bernas supaya ini boleh dijadikan sebagai input kepada belanjawan kita. Apakah cara yang kita boleh bantu rakyat. Dari segi

inisiatif-inisiatif baru yang kita nak perkenalkan dalam belanjawan nanti. Satu perkara yang saya juga nak memberikan apa ni, fokus ialah dari segi kos pengangkutan kerana dari segi kos sara hidup antara Indeks Harga Pengguna, salah satu sektor yang merupakan salah satu faktor dalam indeks ini ialah kos pengangkutan. Walaupun rata-rata kita tahu bahawa harga minyak negara kita masih kekal murah, dia tak menaik, meningkat, tak naik harga, tetapi sudah tentu subsidi yang diberikan itu agak banyak, lebih 30 bilion. Tetapi saya nak juga supaya di peringkat Kerajaan Negeri, walaupun kita tak boleh kawal dari segi kos minyak dan sebagainya, tetapi sekurang-kurangnya Negeri Sembilan telah pun mengadakan inisiatif memberikan khidmat pengangkutan awam percuma kepada rakyat terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Dan juga ada inisiatif pengangkutan rentas daerah yang sudah pun dimulakan. Ini satu inisiatif yang cukup baik. Saya sebagai mantan Menteri Pengangkutan, saya amat gembira melihat ada inisiatif-inisiatif ini di Negeri Sembilan kerana kita amat berharap supaya pengangkutan awam itu dijadikan sebagai satu pilihan kepada rakyat kerana pengangkutan awam itu dapat menjimatkan perbelanjaan mereka. Kalau mereka boleh tak menggunakan kereta sendiri, kalau ada perkhidmatan awam, ada bas awam yang mereka boleh gunakan, sudah tentu menjimatkan perbelanjaan bulanan mereka. Kalau boleh, dari segi apabila mereka pergi ulang alik antara tempat kerja dengan tempat tinggal mereka, kalau ada bas awam, ini amat memudahkan rakyat kita.

Dan saya tahu bahawa kita ada inisiatif bas percuma. Dan saya harap dalam bajet ataupun belanjawan yang akan datang ini, Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya tengok bagaimana kita boleh meningkatkan lagi *coverage* ataupun jalinan kita, jaringan kita. Sebab sekarang ini memang inisiatif itu sudah ada, mekanisme sudah ada, Kerajaan Negeri tahu berapa kos yang diperlukan untuk setiap bas yang berjalan. Jadi kita lihat di mana tempat yang mem, yang membolehkan kita tambah dari segi *network* kita. Kalau *network* boleh tambah, maka mungkin dari segi kos kita, kalau boleh, tak ada kekangan kewangan, kita boleh tambah sedikit peruntukan untuk inisiatif pengangkutan awam supaya bas percuma ini dia lebih lengkap. Sekarang ini saya tahu kalau di bandar, Seremban, dia ada bandar Seremban ada *loop service* di mana pergi ke tempat-tempat yang strategik ataupun ke bangunan-bangunan kerajaan. Tetapi kalau ada tambahan *network* kepada perkhidmatan ini, saya rasa tentu ia akan membantu dan kita lihat bagaimana boleh ditambah baik lagi. Dan ini sudah kita perlu bekerjasama dengan operator-operator pengangkutan awam, Dato', Dato' Dipertua.

Dato' Dipertua, saya juga, cadangan ketika yang saya nak bawa, selain daripada tak naik, tak, tak naik kadar cukai, tak naik sewa, pengangkutan awam, mungkin salah satu perkara lagi ialah kita melihat bagaimana kita mengoptimalkan jabatan-jabatan kerajaan untuk bekerjasama dengan pusat-pusat khidmat wakil rakyat. Umpamanya FAMA. FAMA ialah untuk mendapatkan hasil-hasil produk pertanian. Saya tahu bahawa memang ada usaha, ada inisiatif pasar-pasar FAMA. Tetapi apakah tidak kita boleh ada satu sekretariat di peringkat Kerajaan Negeri untuk ada satu kordinasi FAMA dengan pejabat wakil rakyat. Kalau pejabat wakil rakyat, nak adakan umpamanya di kawasan Chennah, di DUN Chennah, saya pernah berbincang dengan Pejabat FAMA dulu, pada ketika itu tak dapat dilaksanakan sebab kita sedang naik taraf Dewan Orang Ramai Titi pada ketika itu. Di kawasan Titi umpamanya, saya ada, di sana ada satu dewan orang ramai di, depan dewan orang ramai sana ada satu tempat letak kereta yang cukup besar. Apakah tidak setiap Sabtu Ahad, kalau kita ada kerjasama dengan pihak FAMA, pihak FAMA boleh, boleh menguruskan, ataupun boleh membawa petani-petani di sekeliling kawasan Titi ataupun dari kawasan Daerah Jelebu untuk pergi berniaga di tapak di sana. Dan sudah tentu pusat khidmat wakil rakyat akan memberikan kerjasama. Saya akan memberikan sokongan supaya petani-petani ini dapat membawa produk mereka untuk mereka jual secara terus. Sudah tentu dia tak perlu melalui orang tengah. Kalau FAMA yang *organize* ini, mereka terus boleh jual kepada orang ramai. Dan orang ramai pun mendapat produk yang segar dan juga mungkin dari segi harga pasarannya lebih murah daripada harga yang mereka boleh beli dari pasar raya dan sebagainya. Jadi ini merupakan salah satu contoh yang kita boleh pelopori, kita boleh *explore* bagaimana kita menggunakan pendekatan ini supaya ada kerjasama strategik di antara jabatan kerajaan dengan pusat-pusat khidmat wakil rakyat.

Yang kedua ialah bukan sahaja dari segi sayur-sayuran, bukan segi, bukan sahaja dari segi produk pertanian, malah kita boleh bekerjasama, kalau pihak KPNDHEP di peringkat negeri boleh memberikan kerjasama ataupun sokongan kepada pusat-pusat khidmat wakil rakyat, kita janganlah tengok politik, kita sama-sama untuk kita bekerjasama ialah mengadakan jualan-jualan murah. Jualan-jualan murah ini boleh dilaksanakan dengan mudah. Apa mekanisme dia, sudah tentu kita bukan mintak pemborong, peniaga jual rendah daripada harga kos. Kalau rendah dari harga kos tak ada sesiapa yang nak jual sebab tiada sesiapa pemborong, penjual yang nak jual dengan kerugian. Tetapi kita boleh *negotiate* dengan mereka. Kalau kita ambil secara borong, secara *bulk*, secara pukal, adakah harga itu boleh lebih murah. Dan apa yang kita boleh buat ialah kita bagi subsidi. Wakil rakyat bagi subsidi. Ini telah pun dilaksanakan, Dato' Dipertua. Saya

nak memberikan kredit kepada rakan saya, Yang Berhormat Cha Kee Chin; Ahli Parlimen Rasah yang telah pun mengadakan beberapa siri program ini di kawasan beliau di mana dia menggunakan peruntukan kawasan untuk bagi subsidi kepada barangan-barangan ini. Jadi kepada pemborong itu dia tak ada apa-apa risiko. Dia jual barang, mungkin dengan harga pukal, dia untung sedikit, kita boleh *negotiate* supaya dia punya kos itu lebih murah, dan kita jual dengan harga yang murah kepada rakyat, atas subsidi daripada peruntukan daripada wakil rakyat. Mungkin perkara ini kita boleh lihat sama ada di peringkat negeri, di peringkat ADUN-ADUN boleh ke tidak kita melihat bahawa peruntukan kawasan kita, umpamanya peruntukan permasalahan rakyat boleh digunakan untuk tujuan ini, kalau ada program-program jualan murah di kawasan-kawasan setempat di kawasan masing-masing.

Ini antara perkara-perkara yang saya rasa, Dato' Dipertua, kita boleh laksanakan, kita boleh buat di peringkat negeri. Pokoknya ialah kita, kita mesti mengambil tanggungjawab. Dan kita mesti ada inisiatif, ada proaktif supaya rakyat melihat bahawa kita bukan duduk, kita, kita adu saja. Kita memberikan kritikan saja. Kritikan perlu diberi tetapi lepas berikan kritikan, kita juga ada cadangan, kita juga ada tindakan yang bernas, yang boleh kita laksanakan di peringkat negeri ataupun peringkat kawasan masing-masing.

Dato' Dipertua, apabila kita mengatakan bahawa kita nak mengatasi kos sara hidup ini, kita juga kena pastikan bahawa ada juga rakyat terutamanya di Negeri Sembilan, di kawasan Seremban umpamanya juga ada penduduk-penduduk kita yang sudah jatuh ditimpa tangga lagi. Umpamanya ada kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir kilat baru-baru ini. Yang Berhormat Ampangan tak boleh bahaslah, saya tahu dia nak bawa isu banjir di Kampung Ismail. Saya bagi pihak Yang Berhormat Ampangan, saya bahaskan perkara ini. Saya mengambil kesempatan daripada usul ini kerana apabila banjir kilat ia juga meningkatkan kos sara hidup, Dato' Dipertua. Kerana apabila banjir berlaku, banyak barangan rosak. Banyak peralatan perabot, peralatan elektrik mereka rosak. Dan mereka terpaksa beli yang baru. Setiap kali banjir, kena beli tilam baru, kena beli periuk nasi baru, kena beli mesin basuh baru. Ini sudah tentu meningkatkan kos sara hidup mereka sebab setiap perbelanjaan itu yang tak dijangka. Mungkin tak ada dalam bajet mereka tetapi terpaksa dibeli kerana banjir kilat merosakkan segala-galanya. Jadi, beberapa kawasan di Negeri Sembilan khususnya di Daerah Seremban, Ampangan ada beberapa kampung khususnya Kampung Ismail, Kampung Blok A B C, Taman Lee Siow Joo, Dusun Nyiur. Di Rasah ada Taman Mok Sum, Happy Garden, Kampung Singh. Ini kawasan-kawasan yang sudah berkali-kali dilanda

banjir kilat daripada bulan Disember sehingga sekarang. Dah 3 – 4 kali dah sebab kenaikan Sungai Linggi yang agak mendadak, mengakibatkan banjir kilat berlaku di sana.

Jadi, saya berharap walaupun saya tahu bahawa ini adalah di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, saya berharap pihak Kerajaan Negeri juga dapat memberikan perhatian yang serius. Dan ada cadangan daripada pihak penduduk supaya Kerajaan Negeri menubuhkan satu *task force* yang khusus untuk menangani masalah banjir kilat ini. Sekarang ini, rata-ratanya kita lihat kordinasi perlu dipertingkatkan di antara pihak Kementerian Sumber Asli, JPS, pihak PBT dan sebagainya supaya masalah masih, masalah-masalah banjir kilat ini dapat diatasi dari segi jangka masa pendek, jangka masa pertengahan dan jangka masa panjang. Kalau nak lebarkan sungai, itu sudah tentu adalah satu jangka masa panjang. Tetapi dari segi jangka masa pendek, apa yang boleh dibuat, apa yang boleh dilaksanakan supaya dapat mengatasi masalah banjir kilat ini secepat mungkin dan tidak memberikan kesusahan dan tekanan kepada rakyat dan penduduk-penduduk kampung, dan taman-taman perumahan yang ada.

Dato' Dipertua, secara kesimpulannya, kalau kita nak ada satu usaha untuk sama-sama memerangi isu inflasi, isu kos sara hidup dan sebagainya, sudah tentu satu lagi faktor yang penting ialah kita mem, perlu mempunyai kerajaan yang prihatin. Memang Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Sembilan adalah kerajaan yang prihatin. Tetapi juga perlu kerajaan yang stabil, kerajaan yang kuat. Kita berterima kasih dan saya sebagai ADUN *backbenchers* Pakatan Harapan di Negeri Sembilan, saya amat bangga kerana walaupun pelbagai tekanan tetapi Pakatan Harapan Negeri Sembilan telah bertahan dari bulan Mei 2018 sehingga hari ini, bulan Ogos 2022. Walaupun hilang kuasa di Putrajaya, Negeri Sembilan kita kekal stabil, kita kekal bersatu mempertahankan mandat yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Tetapi untuk kita mengembalikan keyakinan rakyat, dan mengembalikan kestabilan politik dalam negara kita dan dalam negeri kita. Kita nak pastikan supaya tidak ada lagi mana-mana pihak yang boleh mengambil kesempatan. Mesti ada satu undang-undang yang memastikan bahawa apabila sesebuah kerajaan itu telah dibentuk, ADUN-ADUN yang telah pun dipilih atas kapasiti parti masing-masing mereka mesti kekal setia, kekal berkhidmat di bawah parti masing-masing.

Dan di atas semangat yang telah pun diluluskan di Parlimen, di Dewan Rakyat baru-baru ini, bebera, 2 minggu yang lalu, iaitu pindaan Perlembagaan Persekutuan, telah pun diluluskan di Parlimen dengan

majoriti 2/3, 209 Ahli Parlimen yang hadir, setiap Ahli Parlimen yang hadir menyokong pindaan Perlembagaan tersebut supaya melarang tindakan lompat parti telah pun diluluskan di Dewan Rakyat. Dan sekarang ini nak tengok Dewan Negara pulak. Sama ada Dewan Negara boleh lulus atau tidak. Saya yakin Dewan Negara juga akan lulus walaupun ada ura-uralah, kata ada sebilangan Ahli Dewan Negara daripada Parti Bersatu yang ingin memboikot ataupun menggunakan itu sebagai tekanan. Tapi saya rasa kalau itu berlaku, itu adalah satu tindakan yang amat tidak bertanggungjawab dan tindakan yang tidak boleh diterima sama sekali. Dewan Rakyat sudah setuju, Dewan Rakyat sudah lulus, Dewan Negara juga ada tanggungjawab untuk meluluskan pindaan perlembagaan tersebut dan dijadikan sebagai undang-undang.

Justeru itu, Dato' Dipertua, semasa perbahasan di Dewan Rakyat tempoh hari, saya juga ada bertanya kepada pihak Menteri, sama ada negeri perlu meminda perlembagaan. Sebab dia ada juga meminda Jadual Kelapan yang merupakan undang-undang itu terpakai kepada negeri. Kalau ada perkenan daripada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, selepas Yang Dipertua Agung berunding ataupun mendapat persetujuan daripada Yang di-Pertuan Besar, dia juga boleh terpakai kepada negeri. Tetapi saya dalam perbahasan saya, saya ada bertanya sama ada ia perlu dibawa ke Dewan Undangan Negeri. Jawapannya, ya. Dia perlu dibawa untuk kita melaksanakan Jadual Kelapan ini supaya undang-undang anti lompat parti ini juga terpakai untuk negeri. Dan justeru itu saya ingin menyeru supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan sewajarnya untuk meminda Perlembagaan Negeri kita ataupun Undang-Undang Tubuh Negeri kita, memasukkan peruntukan-peruntukan anti lompat parti ini seperti yang telah pun diluluskan di Dewan Rakyat supaya ia juga dapat diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan atas majoriti 2/3. Dan saya yakin rakan-rakan dalam, daripada blok pembangkang juga akan bersetuju sebab di Parlimen, pihak kerajaan di peringkat Pusat bersetuju. Kita pembangkang di Parlimen, kita bersetuju. Kita luluskan pindaan tersebut. Atas semangat itu saya yakin bahawa kalau kita bawa pindaan itu ke Dewan Undangan Negeri dalam tempoh terdekat, ia juga dapat dilaksanakan, dapat diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya berharap pindaan ini dapat dibawa. Kalau boleh kita panggil satu sidang khas sebelum sidang belanjawan nanti. Mungkin dalam tempoh 2 ataupun 3 bulan ini, sebelum akhir tahun ini, kita harap perkara ini dapat diselesaikan di Dewan Undangan Negeri supaya apabila kita masuk Pilihan Raya Umum Yang Ke-15 nanti, rakyat akan tahu bahawa apabila mereka telah membuat keputusan, keputusan itu akan mengikat wakil rakyat - wakil rakyat mereka supaya terus setia berkhidmat di atas kapasiti yang mereka bertanding semasa pilihan raya.

Saya berharap Dato' Dipertua, Dewan yang mulia ini akan membahas dan menimbangkan usul yang saya bawa ini supaya kita boleh menjadi satu contoh, kita kalau tak silap mungkin Dewan Undangan Negeri pertama yang kita bawa usul khusus seperti ini. Kalau kita buat satu usul, kita luluskan satu usul di mana tidak ada, ada kem, ada komitmen dari Kerajaan Negeri, tidak ada akan ada sebarang kenaikan kadar cukai ataupun sewa, ataupun caj di bawah kawalan Kerajaan Negeri, saya yakin ia merupakan mesej yang positif kepada rakyat dan menjadi perhatian kepada negeri-negeri yang lain juga. Jadi Dato' Dipertua, saya ucapkan terima kasih atas masa yang telah diberikan, selama hampir 40 ataupun 45 minit. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Chennah, telah mengusulkan. Menyokong? Silakan.

**YB ADUN Lenggeng:** *A'uzubillah himinashaiton nirrajim. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asyrofil mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbisrohlisodri wayassirli amri wahlul uqdatam millisani yafqahu qauli.*

Dato' Yang Dipertua, saya ADUN Lenggeng menyokong usul daripada Chennah agar kerajaan membekukan segala kenaikan kadar bayaran cukai, sewa dan apa juga sebarang caj dan seumpamanya sehingga masalah inflasi dapat dikawal. Dato' Yang Dipertua, saya mulakan ya, perbincangan saya ni dengan menyatakan sebuah ayat Al Quran yang berbunyi [melafazkan bacaan ayat 96 dari Surah Al-A'raf]. Yang bermaksud, jika sekiranya penduduk negeri-negeri yang telah dimusnahkan itu beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, pastilah Allah akan melimpahkan kepada mereka terlalu banyak keberkatan yang turun dari langit dan juga daripada dalam bumi, tapi mereka mendustakan tanda-tanda yang menunjukkan kebesaran Allah SWT itu lalu kami seksa mereka disebabkan perbuatannya. Surah Al A'raf ayat 96.

Dato' Yang Dipertua, makna iman dan takwa pada ayat di atas ialah percaya apa yang Allah nyatakan di dalam kitabnya berkaitan kebaikan dan kejahatan ya. Di antara perkara yang selalu Dia tekankan ialah sunnahtullahNya, jika kita buat baik, kita akan dibalas dengan baik secepat mungkin dan kita boleh saksikan perkara tersebut. Dan jika kita lakukan sebaliknya, iaitu kejahatan, kita boleh menyaksikan di hadapan mata kita ya, balasan daripada kejahatan yang dilakukan sesama kita. Hanya yang bertakwa sahaja yang mampu menyaksikan perkara ini kerana mereka percaya kepada apa yang dikatakan oleh Allah SWT.

Lawan kepada takwa, Dato' Yang Dipertua, ialah nifaq. Satu masa dulu saya pernah menyatakan perkara ini. Dan pada hari ini saya suka nak mengulang balik. Antara sifat mereka yang munafik ini ialah menipu, mungkir janji dan khianat. 3 perkara ini sangat banyak perinciannya, begitu *detail* perincian dia ya, dan boleh disaksikan dalam tindakan seharian kita. Yang ramai tidak mengetahui semakin dewasa, semakin berjaya seseorang itu. Jika tidak dibaiki perangai ni, dan tidak bertaubat daripada nifaq ini maka ia akan menjadi semakin dahsyat. Menipu budak-budak tak sama dengan orang tua menipu ya. Orang biasa menipu tak sama dengan pemimpin apabila dia khianat ya. Maka kesan-kesan tersebut boleh kita saksikan sekiranya kita meneliti perkara ni dengan baik. Kita tidak boleh nafikan. Bukti semakin hari semakin banyak terbentang di media sosial bahawa kesusahan hidup rakyat ini berpunca daripada salah urus tadbir kepimpinan negara dalam banyak perkara dalam urusan mensejahterakan kehidupan rakyat ya. Perbezaannya ialah kita bekerja untuk kepentingan bersama dan ada sekumpulan yang bekerja untuk kepentingan peribadi. Dan kepentingan peribadi itu ter, terlebih-lebih pulak sehingga dia sanggup melupakan ya, sedara-sedaranya yang lain.

Pada ayat di atas, kita sebagai seorang Islam sewajibnya mesti percaya dan perlu menyaksikan kebenaran di atas, keberkatan dari langit dan bumi pasti Allah SWT bukakan jika kita urus hal ehwal rezeki rakyat dengan bertakwa, iaitu tidak menipu, tidak mungkir janji, tidak mengkhianati perjanjian kita dengan Allah SWT, perjanjian kontrak kerja kita sesama kita dan juga yang paling penting ialah perjanjian kita dengan rakyat.

Dato' Yang Dipertua, tidak ada satu komuniti pun, tidak ada sebuah masyarakat pun melainkan ianya akan diketuai oleh seorang pemimpin. Pemimpin ini pula ada pembantu-pembantu dia. Pemimpin itu berlapis-lapis hinggalah ke peringkat paling bawah. Amanah kepimpinan yang bertakwa itu bermula daripada yang atas. Apabila rosak atas itu, maka dia akan menurun ke bawah. Maka benarlah apa yang dikatakan oleh orang yang berilmu, *annas a'ladini muluqihim*. Manusia ini akan terpaksa ikut sama ada dia suka ataupun tidak, apa yang diperlakukan oleh pemimpin-pemimpin mereka.

Kunci sebenar kesejahteraan hidup ialah takwa. Di dalam Al Quran, janji Allah SWT kepada yang bertakwa ini sangat banyak. Saya ringkaskan. Pertamanya Allah akan beri ilham, jalan keluar daripada segala kesusahan. Ya, kenaikan kos hidup ini adalah satu kesusahan yang sangat melata sifat dia. Begitu juga mereka yang bertakwa, Allah akan kurniakan rezeki daripada jalan yang tidak disangka-sangka.

Rezeki itu bukan semata-mata pada wang ataupun pekerjaan semata-mata. Malah lebih besar daripada itu lagi. Allah SWT juga telah berjanji bahawa Dia akan permudahkan segala urusan kehidupan kita. Seterusnya Dia akan memberikan kita al furqan, melihat kebenaran atau kebatilan di dalam kesamaran mencari penyelesaian. Juga Allah SWT akan perbaiki kualiti akhlak kita. Maknanya juga Dia akan perbaiki kerja-kerja kita memelihara amanah kepimpinan kita.

*Alhamdulillah*, baru-baru ini Kerajaan Pakatan Harapan baru mengadakan Seminar Bersih, Muafakat, Sejahtera. Dan kita semua boleh saksikan terlalu banyak prestasi yang baik Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Sembilan, walaupun baru setahun jagung memerintah negeri berbanding 60 tahun di bawah Barisan Nasional. *Alhamdulillah*, slogan yang diutarakan itu bukan sekadar slogan untuk menipu rakyat. Ianya benar-benar satu slogan yang telah dibuktikan sepanjang 4 tahun lebih diuji dengan amanah kepimpinan Kerajaan Negeri Sembilan. Maka untuk memperkukuhkan lagi slogan ini, saya sangat menyokong agar usul ini ya, diluluskan, iaitu kerajaan dapat membekukan segala kenaikan kadar bayaran cukai, sewa, apa juga sebarang caj dan seumpamanya sehingga masalah inflasi dapat dikawal.

Bukan setakat itu sahaja, saya berharap beberapa langkah lain perlu juga dilakukan bagi melepaskan rakyat Negeri Sembilan khususnya daripada keperitan kenaikan harga barang angkara kumpulan barang naik ni. Pertamanya iaitu menguruskan hal ehwal berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan ini dengan lebih baik. Peratus dan KPI kejayaan perlu ada dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Tidak lupa, industri hiliran kepada 3P ini, pertanian, penternakan dan perikanan ini juga perlu diperkasakan. Kemudahan mereka yang berniaga dalam industri pertanian, pemakanan ini perlu diperbanyakkan dan juga dipermudahkan. Yang keduanya ialah menambah pelaburan dan memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Dato' Yang Dipertua, antara perkara yang bagi saya cepat memulihkan ekonomi masyarakat setempat ialah pembangunan pelancongan ya. Kita tidak tahu ataupun tidak sedar bahawa dengan apabila kita memajukan sektor pelancongan, ramai yang akan mendapat kebaikan daripadanya. Saya memperkenalkan 6 elemen ya, pelancongan itu di tempat saya ya, dan bukan sekadar itu sahaja, banyak lagi yang boleh dibangunkan ya, dari sektor pelancongan ini dan dia menjadikan satu sebab ya, kenapa orang mahu datang ke tempat kita. Dan *alhamdulillah*, saya melihat inisiatif ini telah dimulakan dan walaupun mungkin agak tersangkut disebabkan PKP ya, dia berjalan dengan baik ya. Dan saya harapkan pada hari-hari mendatang, pada tahun-tahun

mendatang ya, sekiranya diberi lagi peluang untuk memerintah ya, kerajaan perlu menfokuskan tentang pembangunan pelancongan ini dalam pelbagai sudut ya, yang boleh dibangunkan. Bukan semata jalan-jalan untuk suka-suka sahaja.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya suka untuk mencadangkan memperbanyakkan kursus-kursus kepimpinan supaya jiwa anak muda dan masyarakat amnya menjadi lebih kental melawan dugaan kenaikan kos sara hidup. Diharapkan juga daripada kursus-kursus ini, agenda kita, agenda "kita jaga kita" dapat diperkasakan dalam sesebuah masyarakat. Mereka yang diberi kelapangan hidup dapat meningkatkan lagi jihad dan pengorbanan kita, mereka membantu mereka yang ditimpa kesusahan.

Institusi agama dan masyarakat juga perlu memainkan peranan yang lebih bagi menyuburkan agenda muafakat iaitu hidup berkasih sayang dan saling bekerjasama bagi kesejahteraan kehidupan ya. Tidak patut ada jiran yang terabai ataupun tidak dijenguk ya, kalau betul-betul institusi agama, masjid dan surau-surau ini berjalan seperti mana yang diarahkan oleh Allah SWT iaitu Dia mengarahkan dan Dia pesan pada setiap kali khutbah [melafazkan bacaan ayat 90 dari Surah An Nahl]. Sesungguhnya Allah menyuruh kita berlaku adil dan berihisan. Ada 10 golongan yang Allah perincikan ya, siapa yang wajib diihisani ya, tetapi malangnya, mintak maaf saya cakap ya, pihak masjid dan surau sangat sedikit yang memperkasakan amalan ihsan ini di dalam masyarakat. Maka ini perlu diberi penekanan yang lebih.

Tidak lupa juga saya harapkan pihak PBT dan Pejabat Daerah perlu lebih aktif turun padang mengambil bahagian menyelesaikan masalah-masalah berbangkit ya, di dalam masa yang sama menyusun program komuniti agar masyarakat lebih rapat hubungan sesama mereka bagi menghadapi bahana barang naik ini. Seterusnya GLC kerajaan yang *alhamdulillah* telah berjaya keluar dari kesempitan kewangan. Bagi saya perlu mengambil bahagian juga membantu dengan memperbanyakkan lagi program CSR. Saya sangat percaya amanah dan sikap ihsan ini akan menjadi asbab terpenting Allah SWT membantu kita semua.

Saya juga, yang terakhir saya mengharap agar pihak PBT tidak mengambil tindakan kepada mereka yang berniaga secara kecilan. Perkara ni berlaku semalam dekat tempat saya. Depan pejabat saya. Ada orang tua, suami isteri meniaga ya, meniaga kuih aje, saya tak tahu siapa yang *report*, diberi notis ya, dan takut sungguhlah dia ni. Dan besoknya tu terus dibukaknya pondok dia tu. Saya tak tau ke mana dia pergi. Dan saya mintak sahabat-sahabat pergi cari balik pakcik dan makcik ni. Hanya kerana notis sahaja. Dan saya pun telah bertanya

kepada pihak MBS, tapi belum lagi. Dan agak mengejutkan apabila saya dapat *response* ya, mereka mengatakan pejabat saya membuat aduan kepada pihak MBS. *Wallahi*, kami tidak pernah membuat perkara tersebut ya. Jadi saya mengharapkan ya, pihak PBT agar lebih lunak lagilah dengan mereka-mereka yang berniaga secara kecil-kecilan ini. Kalau betul mereka ni ada buat silap dan salah ya, dapat dibincangkan dengan baik, bukan sekadar menerima notis. Saya sangat menyedari ada sekumpulan kecil masyarakat terutamanya masyarakat marhaen ni, yang tak pernah dapat notis ya, mereka cukup takut bila dapat notis tu ya. Seolah macam satu, seolah-olah macam langit ni akan runtuh atas kepala mereka ya. Dan itulah yang berlaku semalam di tempat saya ya.

Jika bersih tu lebih kepada makna takwa, maka muafakat itu adalah perincian kepada makna-makna berihsan sesama kita. Maka muafakat kita bersama perlu diperkasakan bagi menanggung, menghadapi dugaan ya, kenaikan kos harga barang ini. Di samping itu kita bersungguh, di samping kita bersungguh dengan asbab zahir, jangan sekali-kali kita lupa penentunya adalah sebab yang paling penting iaitu pertolongan Allah SWT ke atas kita semua. Maka dalam hal ini, takwa dan ihsan ini bukan sekadar diberikan tazkirah semata-mata, tetapi ia dilaksanakan dan dibuktikan dalam setiap gerak kerja kita khususnya di kalangan pimpinan kita di sini.

Sebelum saya menutup perbincangan saya, suka untuk saya kongsi 2 – 3 hadis Nabi SAW berkaitan tentang amalan ihsan ini dan juga amalan kepimpinan. Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW telah bersabda: barang siapa yang melepaskan seorang mukmin daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah SWT akan melepaskannya daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan kiamat. Barang siapa mempermudah orang susah, nescaya Allah akan mempermudah baginya di dunia dan di akhirat. Barang siapa yang menutup keaiban seorang muslim, nescaya Allah akan menutup keaibannya di dunia dan akhirat. Allah SWT sentiasa menolong hambaNya selagi mana hambaNya itu suka menolong saudaranya.

Hadis yang berikutnya ialah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, Rasulullah SAW bersabda, sesungguhnya manusia yang paling dicintai oleh Allah SWT pada hari kiamat dan orang paling dekat denganNya di sana nanti ialah pemimpin yang adil. Dan orang yang paling dimurkai, dibenci oleh Allah SWT dan yang paling jauh di mahsyar kelak ialah pemimpin yang zalim. Dato' Yang Dipertua ya, saya harapkan dengan sedikit ucapan daripada saya ini memberi makna yang begitu mendalam kepada kita bagaimana kita perlu

memperincikan lagi ya, perkara-perkara yang boleh meringankan nasib ya, sedara-sedara kita ya, agarkan benar-benar sejahtera itu ya, bersih – muafakat – sejahtera itu benar-benar dapat direalisasikan ya, khususnya di Negeri Sembilan ini. Sekadar itu sahaja ucapan saya ya, dengan ini saya menyokong usul ini. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum WBT.*

**YB Yang Dipertua Dewan:** *Walaikumsalam WBT.* Terima kasih Yang Berhormat Lenggeng. Cadang, usul telah diben, dicadang oleh Yang Berhormat Chennah dan telah disokong oleh Yang Berhormat Lenggeng. Saya kira kita berehat dulu. Selepas rehat nanti, dalam pukul 2:00, usul ini akan dibahaskan ya. Jadi kita rehat untuk makan tengah hari, sembahyang, solat dan perbahasan akan dibuat selepas waktu makan tengah hari, waktu rehat. Boleh? Haa? 2:30? Boleh. Okay. Terima kasih kepada Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian. Jadi saya tangguh dulu persidangan kita, kita jumpa petang ni. Petang ni Yang Berhormat Sri Tanjung akan kendalikan ya. Okay, terima kasih. *Assalamualaikum WBT.*

**[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.35 tengah hari]**

---

**[Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang dan dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua]**

[YB ADUN Rantau tidak hadir mesyuarat sesi petang]

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Dewan sambung semula. Siapa nak, ahli-ahli Yang Berhormat yang ambil bahagian bahas. Silakan.

**YB ADUN Juasseh:** Dato' Timbalan Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Chennah yang berkaitan dengan inflasi dan juga kos sara hidup rakyat. Usul ni telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Chennah dan telah pun dibahas, disokong oleh YB Tanjung, yang mana usul ini berbunyi "bahawa Dewan ini mengambil ketetapan yang serius terhadap isu kenaikan kos sara hidup yang menyebabkan tekanan hidup yang tinggi kepada rakyat dan menyeru Kerajaan Negeri untuk membekukan sebarang kenaikan kadar dalam apa jua cukai, sewa, caj atau apa-apa bayaran di bawah kawalan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Sembilan sehingga masalah inflasi dapat dikawal".

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, sebenarnya kita "sehingga masalah inflasi dapat dikawal", kita tak tahu sejauh, selama mana lagi kadar inflasi akan melibatkan negara kita, rakyat negara kita kerana kita dengar tadi bahawa ini adalah masalah dunia ya. Masalah dunia. Kita daripada kajian yang dibuat Malaysia adalah salah sebuah negara yang akan juga terjejas disebabkan oleh masalah inflasi dan kos sara hidup ini. Untuk ini Dato' Dipertua, memanglah ya, wajar bagi Kerajaan Negeri untuk memikirkan cara mana dapat dikurangkan apa-apa cukai, apa-apa caj yang melibatkan kehidupan rakyat seharian. Saya, kita tak boleh menafikan bahawa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan telah memainkan peranan yang begitu besar sekali di dalam mengawal kadar inflasi di negara kita ini.

Kita boleh merujuk kepada fakta di mana Malaysia merupakan salah sebuah negara yang paling rendah kadar inflasinya di Asia Tenggara iaitu lebih kurang, kalau setakat hari ini 3.5%, dengan izin, *we are still the lowest in South East Asia*-lah ya. Dan ini adalah merupakan sumbangan ataupun hasil daripada gerakan-gerakan dan bantuan-bantuan yang di, tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kita. Sebagai pemerintah negara kita, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang telah pun mengambil banyak inisiatif ya, menubuhkan pelbagai jawatankuasa untuk mengatasi masalah rakyat dan juga untuk mengekang inflasi yang melanda, melanda rakyat ketika ini.

Hari ini bukan sahaja kita bercakap tentang soal makanan ya. Seperti mana yang disebut oleh YB Chennah tadi, makanan tu adalah asas. Tetapi hari ini dalam kita nak membangunkan negara pun, banyak harga-harga barang yang naik seperti contohnya dalam bidang, bidang pembinaan contohnya ya. Kos barangan hari ini memang meningkat, menyebabkan kos untuk membangunkan suatu tempat itu juga meningkat. Itulah sebabnya salah satu sebab mengapa kerajaan hari ini, baru-baru ini mengumumkan bahawa projek-projek yang besar, yang membawa, melibatkan kos yang tinggi ditangguhkan buat sementara waktu. Ini membolehkan kerajaan mempunyai sumber dan tunai yang cukup untuk membiayai dan jugak memberikan subsidi kepada apa-apa keperluan rakyat khususnya dari segi makanan.

Yang kita tahu baru-baru ini, Dato' Yang Dipertua, lebih daripada 77.7 bilion subsidi, bentuk subsidi yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan sekaligus dapat mengekang peningkatan inflasi dan memberikan kelegaan dan keselesaan kepada rakyat kita di dalam menangani kos kehidupan mereka masing-masing. Kita lihat kebijaksanaan ini dapat kita rasakan khususnya di mana seperti harga

minyak yang disebut oleh YB Chennah tadi, harga minyak di negara kita ni, minyak masih terkawal. RON95 sebenarnya sepatutnya harga dah lebih melambung daripada itu, tetapi *alhamdulillah* kerana adanya subsidi oleh Kerajaan Pusat ini, kita dapat mengekalkan harga RON95 ini yang mana harga RON95 ni penting kepada majoriti rakyat negara kita. Kalau RON97 tu lainlah Dato' Dipertua ya, kerana itu kereta mewah dan sebagainya. Tapi RON95 ni untuk semua orang ya, untuk rakyat biasa seperti kita yang membawa kereta-kereta biasa dan jugak motosikal dan jugak sebagainya. Jadi kerajaan membelanjakan banyak, 78 bilion hampir, memberi subsidi ini, maka wajarnya sebenarnya Kerajaan Negeri pulak ya, memberikan apa juga bantuan yang boleh untuk memberikan keselesaan kepada rakyat di negara kita ini.

Yang Berhormat Chennah juga menyebutkan Dato' Dipertua, tentang soal macam mana ya, macam mana rakyat kita terhimpit bukan saja disebabkan oleh peperangan, tetapi juga disebabkan oleh sebahagiannya daripada COVID yang melanda negara kita tempoh hari ya, di mana rakyat ramai yang hilang pekerjaan, malahan diberhentikan dan sebagainya. Dan tak ketinggalan juga, seperti mana disebutkan oleh YB Chennah, banjir, banjir yang berlaku di negara kita baru-baru ni termasuk kita di Negeri Sembilan ni, termasuk kita di Seremban dan di seluruh negara kita ini, menyebabkan, menambahkan lagi ya, menambahkan lagi kesukaran, kesusahan rakyat. Kita bayangkan rakyat yang ter, terkesan dengan COVID ini, mereka juga terkesan dengan banjir, dan hari ini terkesan pulak dengan kos sara hidup yang disebabkan oleh harga barangan dan sebagainya, maka kita faham bahawa ini merupakan satu perkara yang amat serius seperti mana yang disebut oleh YB Chennah dalam usulnya sebentar tadi. Kita tak ada halangan untuk menyokong usul ini kerana ini kita di, di Barisan Nasional memang sentiasa ya, kalau tak berlaku inflasi ni pun, memang kita pun memang sentiasa mementingkan rakyat khususnya di kawasan kita masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkaitan soal banjir ni. Saya mesti cakap sikitlah ya. Soal banjir ni, macam mana ya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun menyalurkan peruntukan yang begitu besar kepada rakyat di Negeri Sembilan ini, di bawah peruntukan khas Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya nak bacakan sikit Dato' Dipertua ya, di Negeri Sembilan ya, berlaku banjir, Bantuan Wang Ihsan dibayar secara tunai, *cash*. Makna kawasan YB tak banjir, tak adalah. Kawasan kita yang dibanjir ni, termasuk di Seremban ni, yang terlibat teruk dengan banjir ni kita menerima bantuan tunai ni ya, sebanyak 1,000.00 satu orang. Jumlahnya di Negeri Sembilan ni ialah, saya bacakan sikit, di Negeri Sembilan ni jumlah yang menerima bantuan tunai wang ihsan sebanyak

6,356,000.00. Ni termasuklah yang berada di bawah YB-YB di Seremban jugak ya. Kalau tengok Seremban, berapa juta dapat? Seremban dah bagi 100% dah ya, haa. Di, itu peringkat pertama, banjir, mengurangkan beban rakyat yang telah terlibat dengan COVID, kemudian banjir, 1,000.00.

Kemudian kita bagi lagi 2,500.00 juga peruntukan di bawah Peruntukan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. 2,500.00, Negeri Sembilan dapat, kita panggil BBKA 2,500.00 seorang mengikut, mengikut Ketua Isi Rumah, jumlahnya, banyak, BBKA di Negeri Sembilan 14,047,500.00 ringgit BBKA ya, di Negeri Sembilan. Dan yang terakhir ni, dibantu lagi dengan bantuan baik pulih rumah, juga dalam bentuk tunai 5,000.00 ringgit. Walaupun dapur sikit rosak, walaupun pintu, saya tengok dalam senarai yang diberi tu, 2 pintu ni rosak pun, dapat jugak 5,000.00 ringgit ni. Haa ni kita tak boleh persoalkan sebab ini daripada Jawatankuasa Bencana Daerah yang membuat penilaian, Tuan DO buat penilaian ya, dengan bantuan. Ini lagi banyak, satu Ketua Isi Rumah dapat 5,000.00 ringgit. Haa, yang hampir keseluruhannya hampir 10 ribulah. Saya nak baca satu-satu ni payah ni ya. Jadi ini semua bantuan-bantuan tunai. Mungkin untuk bantuan 5,000.00 ni sebahagian daerah dah dapat, tapi saya maklum bahawa ada daerah yang akan menerima dalam minggu depan kerana nak selesaikan, nak meneliti supaya mereka-mereka yang layak ini memang layak dapat.

Jadi di sini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menunjukkan kepimpinan Yang Berhormat Perdana Menteri kita memang amat prihatin dalam soal membantu rakyat khususnya dalam soal peningkatan kos sara hidup ni. Di bawah pelbagai program Bantuan Keluarga Malaysia contohnya, yang semua orang tahu, ramai dapat nikmat ya, banyak yang disalurkan. Dan *insya Allah* berkaitan dengan harga ni, harga barang-barang ni, Kerajaan Persekutuan jugak, saya dengar YB Chennah sebut tadi, mengusulkan, tapi sebenarnya dah lulus pun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ya, akan ada Program Jualan Keluarga Malaysia dalam masa yang terdekat ni. Haa di beberapa kawasan, kita Negeri Sembilan pun akan menerima bantuan-bantuan ni, jualan, Program Jualan Keluarga Malaysia yang mana wang ni akan disalurkan melalui RISDA dan urus setianya sebahagian ialah Kementerian KPDNHEP. Haa ini tak lama lagi, pada rakyat Negeri Sembilan, sabar, tunggu, peruntukan ni akan turun dan kita dapat membeli barangan dengan nilai yang murah kerana ada subsidi-subsidi tertentu yang akan disalurkan melalui Program Jualan Keluarga Malaysia ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, makanya apa yang nak saya rumuskan di sini ya, memang wajar Kerajaan Negeri pulak sama-sama

bantu sikit, di atas kemampuan Kerajaan Negeri sendirilah ya, Kerajaan Persekutuan dah buat di bawah pimpinan Perdana Menteri kita dah buat pelbagai dan tak ada berhentinya lagi. Pelbagai pengumuman yang terus dibuat dan dibuat untuk membantu rakyat di negara kita ini yang kita tahu, sama-sama tahu terjejas kehidupan disebabkan oleh 3 faktor tadi, COVID, banjir dan jugak kadar inflasi sekarang ni yang, yaang berlaku disebabkan oleh masalah dunia. Jadi saya setuju dengan YB Chennah, ini bukan masalah Negeri Sembilan, bukan masalah wakil rakyat tak kerja dan sebagainya, tetapi disebabkan oleh masalah dunia hari ini, peperangan dan segala-galanya melibatkan kos sara hidup rakyat termasuk rakyat di negara kita ini.

Jadi itulah yang saya nak sampaikan Dato', Dato' Timbalan Yang Dipertua, dan saya tidak ada halangan untuk sama-sama, berharap Kerajaan Negeri juga akan sama-sama membantu Kerajaan Persekutuan yang memang dah, memang baguslah ya, Kerajaan PN yang amat prihatin kepada rakyat, konsep Keluarga Malaysia dan sebagainya. Jadi wajar bagi Kerajaan Negeri jugak untuk bantu menambah bantuan kepada rakyat Negeri Sembilan. Jadi kalau ada, saya cadangkan kalau ada, memanglah soal cukai-cukai ni memang dulu pun ya, Kerajaan Negeri tak pernah naikkan cukai pintu ni, cukai tanah pun tak pernah kita naikkan kadarnya.

Tinggal lagi sekarang ni kalau boleh saya berharap Kerajaan Negeri akan batalkanlah saman-saman yang ada dah keluar ni ya. Saman-saman yang melibatkan peniaga-peniaga kecil ya, seperti kata Lenggeng tadi, tak sempat saman lagi dah lari tengah malam. Tak patut buat macam tu ya, takut-takutkan rakyat yang nak cari kehidupan hari ini. Tak patut kita buat. Biarlah mereka berniaga. Jadi kalau ada saman-saman ni pun, saya harap Kerajaan Negeri batalkanlah saman ni ya. Ini kita nak bantu, bantu betul-betul. Jadi memanglah caj baru tak ada dan sebagainya. Tapi saman-saman, tuntutan-tuntutan yang berkaitan dengan rakyat ini yang boleh di bawah, yang dibolehkan di bawah pentadbiran kerajaan, ini soal pentadbiran je ni ya, bukan soal besar sangat. Bawak Exco, lulus, luluslah. Bukan soal nak, nak bincang sangat. Ini, kita harap ini juga akan diberikan perhatian supaya rakyat rasa lega sebab kita tak tahu bila seperti kata YB Chennah, tak tahu ya, "sehingga masalah inflasi dapat dikawal". Jadi maknanya *indefinite* kata sini, kalau tahun depan, tahun depan, tinggal lagi keadaan yang tidak kita tahu di mana penghujungnya ni, maka buat sementara ini, jangan hanya cukai tak naik dan sebagainya, tetapi kalau ada saman-saman pun kita mintak dibatalkanlah kerana ini jugak menakutkan rakyat dan ini juga penting kepada mereka untuk meneruskan kehidupan mereka. Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya menyokong. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Juasseh. Ada lagi nak ambil bahagian? Disilakan Jeram Padang.

**YB ADUN Jeram Padang:** Terima kasih Timbalan Dato' Yang Dipertua. Usul yang telah dibawa pada pagi ini oleh Yang Berhormat Chennah ini adalah sesuatu yang menepati masa dan keadaan semasa kerana memang dunia kini ni berhadapan dengan inflasi yang tinggi dan rakyat jelata, bukan saja orang kaya, rakyat jelata yang paling pen, paling khususnya B40 ini memang berhadapan dengan masalah harian. Dalam pada itu, apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Juasseh tadi, perkara-perkara seperti kenaikan, tidak membenarkan kenaikan cukai itu adalah suatu yang telah diamalkan sebelum ini. Ini adalah cadangan untuk mengekalkan dan meneruskan. Jadi saya alu-alukanlah penerusan tindakan-tindakan yang baik dan murni untuk kebaikan rakyat. Pada masa yang sama, apa saja bantuan yang disalurkan itu perlulah menepati keperluan rakyat jelata, khasnya yang berhadapan dengan kehidupan yang begitu tertekan.

Dalam hal ini, saya ingin sentuh sedikit tentang DUN saya ni, DUN Jeram Padang, yang mana daripada jawapan bertulis pada hari ini, saya dimaklumkan bahawa Penyelaras ini telah diberikan peruntukan sebanyak 440 ribu ringgit setahun. Tetapi saya ada mintak tentang senarai nama NGO ataupun sekolah, sekolah rendah, tabika, tadika yang telah dihulurkan ataupun yang telah disalurkan peruntukan daripada peruntukan Penyelaras itu, jumlahnya yang saya dapat pada pagi ini adalah 29,160.00 ringgit sahaja. Ini bermaksud tak sampai 30 ribu ringgit. Jadi saya berharap Yang Amat Berhormat Sikamat untuk memantau agar jika ada diberikan ziarah kasih, bantuan-bantuan kebajikan, saya sokong. Kerana itu adalah satu keperluan.

Tetapi pada masa yang sama, sekolah-sekolah ataupun sektor-sektor NGO juga berhadapan dengan masalah kewangan ketika ini, kerana harga barang telah melambung. Jadi apa saja yang dia nak lakukan pada, oleh sekolah ke, ataupun tadika ke, tabika mereka juga perlukan peruntukan yang lebih. Daripada senarai yang saya terima ni, adalah hanya 1,000.00 - 1,000.00 - 1,000.00 saja sekolah. sekolah menengah dan kemudian 500.00 - 500.00 sahaja. Sewaktu kerajaan dulu ni, hanya 200 ribu ringgit saja peruntukan ADUN tetapi kami telah salurkan sampai 3,000.00 - 2,000.00, sampai ada yang 5,000.00. Yang tak cukup, kami akan tulis kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dan kelulusan tambahan juga diberikan daripada Pejabat MB. Jadi saya berharaplah peruntukan yang disalurkan kepada sekolah-sekolah ini ditambahkan kerana nak adakan sekolah, hari penyampaian hadiah, sukan tahunan, dia tetap memberikan kesan kepada kewangan

sekolah. Lebih-lebih lagi PIBG yang berhadapan dengan masalah kewangan ini.

Dan yang kedua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniahlah. Tahniah kepada 3 pemimpin ADUN di Negeri Sembilan, walaupun negeri kita adalah kecil, kita dapat melahirkan pemimpin-pemimpin yang boleh memimpin pucuk pimpinan parti-parti peringkat kebangsaan. Yang pertamanya saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat kerana telah menang dan memegang jawatan Naib Presiden Parti Keadilan Malaysia. Dan yang kedua, Yang Berhormat Rantau yang telah memegang Timbalan Presiden Parti UMNO. Dan yang ketiga, tidak ketinggalan baru-baru ini, Yang Berhormat Chennah yang telah memegang jawatan Setiausaha Agung DAP. Tahniahlah kepada rakan-rakan dari DUN kita ni.

Yang ketiga, saya juga tentang sara hidup ini saya ingin sentuhkan. Saya telah menerima satu jawapan bertulis daripada kerajaan yang mengatakan bahawa lawatan pihak pegawai dan juga ADUN-ADUN ke negeri Mesir dan Jordan dan juga ke UAE. UAE ini kita tak ada kolej, tetapi kita sempat juga mendarat di situ. Dan kos yang telah dibelanjakan untuk tujuan 34 orang peserta dalam rombongan ke sana adalah [ringgit]1,095,731.52 sen. Jadi saya anggapkan pada ketika negara dan negeri ini berhadapan dengan kemelesetan ataupun dengan kadar inflasi yang begitu tinggi, tak sepatutnya membelanjakan ke, sebegitu banyak duit kerajaan untuk tujuan lawatan sebegitu. Kalau adalah lawatan kerja ni, ini lawatan sebegini pernah juga dilakukan sewaktu Kerajaan Barisan Nasional dahulu, tetapi di bawaknya beberapa orang yang berkenaan sahaja. Saya hairan, pergi ke kolej yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri tetapi Exco Kerajaan Negeri Sembilan pelajaran itu ditinggalkan di sini pulak. Tak tahulah apa sebabnya. Pada pada masa akan datang, perbezaan pandangan dan perbezaan pendapat dan, dalam hal politik ini adalah lainlah sikit. Tetapi apabila sampai ke tugas-tugas rasmi sebegini, apa sahaja masalah pun kita bawaklah bersama khasnya Exco Pelajaran. Ini bukan nak saya nak *jack*, saya nak, saya bukan nak *jack* saya hanya nak, nak beri.

Pada masa yang sama, yang, yang Timbalan Yang Dipertua ni, janganlah kecewa walaupun dah kalah ni, saya berharap .....

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Saya belum kalah.

**YB ADUN Jeram Padang:** Saya berharap Dato' Timbalan Dipertua ini, Dato' Timbalan Dipertua ni dicalonkan semula di Sri Tanjung.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Kawan tetap kawan.

**YB ADUN Chembong:** Jeram Padang, tak baik usik-usik tau. Tak baik.

**YB ADUN Jeram Padang:** Chembong janganlah usik saya ni. Dan pada masa yang sama saya juga ingin menarik perhatian tentang urusan pentadbiran ni. Saya dengar baru-baru ni, tak pastilah sama ada benar atau tidak, kalau benar, saya berharap kerajaan dapat menceraikan perkara ini. Kerajaan Negeri saya dengar ada mengadakan Mesyuarat Exco di Hotel St. Regis di Kuala Lumpur baru-baru ini. Jadi, St. Regis ini adalah hotel mewah, dan setahu saya semalam, satu malam ni adalah kosnya 1,000.00 ringgit. Dan isteri-isteri pula dibawak bersama saya dengar, tak tahulah. Sekali lagi saya mohon maaf jika saya tersilap. Mungkin mereka nak beri input ke untuk Mesyuarat Exco yang berikut. Saya tak pasti. Tetapi saya berharaplah, pentadbiran negeri ini, pastikan perbelanjaan itu dapat dikawal. Kuala Lumpur dengan Seremban ni tak jauh pun. Lebih kurang 40 minit boleh sampai dengan *driver*-nya yang mahir. Jadi saya berharap sila ambil perhatian terhadap perkara tersebut.

Dan ada juga saya dengar daripada Facebook Exco, ahli-ahli Exco dan ADUN, bahawa ada juga diadakan mesyuarat, perbincangan tentang bajet-bajet yang berikut di hotel. Antaranya jika tak salah, pada tahun 2020 dekat Johor. Dan tak tahu pada tahun ini ke mana. Jadi saya berharap kawallah perbelanjaan supaya kita boleh salurkan kepada rakyat jelata atas dasar keperluan mereka ni.

Perkara yang berikut adalah tentang peruntukan hal ehwal bukan Islam. Saya juga telah menerima rungutan daripada tempat-tempat beribadat yang bukan Islam bahawa kadang-kadang apa yang mereka mohon tak dapat, satu. Ada yang mereka mohon tak, tak, ditolak permohonannya. Dan ada yang dapat terlalu banyak, ada yang dapat terlalu sedikit. Antaranya sebuah kuil dekat Ladang Kepis di tepi jalan dari, dari Bahau ke Jelai itu, mereka dapat hanya 5,000.00 ringgit. Padahal daripada senarai yang saya tengok pagi tadi ada yang dapat 20 ribu ringgit, 25 ribu ringgit. Ada yang saya anggapkan tak sama rata. Jadi, walaupun ada keperluan macam kuil itu, diharap, depan mata saya ni, setiap hari saya lalu itu, saya nampak mereka perlukan lebih kurang 50 – 60 ribu ringgit. Apa salahnya kita berikan peruntukan yang lebih.

Jadi saya juga, jadi, oleh kerana saya nampak ada ketidakseimbangan pembahagian peruntukan daripada Unit Hal Ehwal Bukan Islam, saya minta Yang Berhormat Nilai ini, dapat memberikan keterangan terperinci berapakah peruntukan yang telah diberikan bagi setiap DUN. Jadi ada juga saya dengar rungutan ada DUN yang dapat banyak. Ada

yang DUN yang tak langsung tak dapat pulak. Jadi, saya berharaplah kalau dapat ini, ini boleh membersihkan nama Yang Berhormat Nilai dalam hal ini. Saya sendiri terima rungutan-rungutan yang sebegini, jadi itulah sebabnya saya ingin bawak ke sini kerana bila kita sentuh kos sara hidup, semua bidang pun terlibat. Sama ada keluarga, NGO, sekolah, tadika ataupun tempat-tempat yang beribadat seperti ini. Jadi saya berharap Yang Berhormat Nilai dapat meletakkan pendirian yang teguh agar pembahagian atau pengagihan itu adalah sama rata untuk semua DUN dan juga berdasarkan kepada keperluan semasa bagi tempat-tempat beribadat.

Yang seterusnya, saya juga ingin nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau kerana, ini kita dah nampak dari awal lagi, kos sara hidup itu sudah mula meningkat. Itulah sebabnya Dasar Perumahan Negeri Sembilan telah diperkenalkan pada satu ketika dahulu, jika tak salah pada tahun 2015 dan telah dibentangkan kertasnya dalam Dewan ini. Saya tak ingat tentang sidanganya dengan tarikhnya. Jadi kita dah nampak akan berlakunya keadaan sebegini, maka kita bawak dasar memaksa, memaksa setiap projek perumahan itu mempunyai 50% Rumah Mampu Milik. Jadi saya ucapkan terima kasih kerajaan sekarang ini telah meneruskan projek tersebut. Itulah sebabnya kita dapat menyediakan Rumah Mampu Milik. Kalaulah, kalau dulu, sebenarnya saya nak beritahu kepada Dato' Timbalan Yang Dipertua, Rantau ni telah berhadapan dengan begitu banyak bantahan dan kritikan, ramai, boleh dikatakan hampir semua pemaju tidak menyokong dasar tersebut apabila diperkenalkan dulu. Akhirnya Yang Berhormat Rantau telah membuat satu pendirian yang teguh, dia kata; *either you do it, or don't do it*, dengan izinnya. Jadi akhirnya para pemaju ini telah menerima hakikat bahawa kalau nak buat rumah, terpaksa ikut dasar itu, perumahan ini. Itulah sebabnya. Jadi saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, berapa banyak rumah yang telah dibina daripada *Type A* dulu. *Type A* tu berapa, *Type B* tu berapa, *Type C* tu berapa. Yang pentingnya *Type A* ni, ini yang membantu rakyat jelata ni khasnya masyarakat *B40* ini. Jadi, saya berharap, saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan terdahulu kerana memperkenalkan dasar perumahan mampu milik, pada masa yang sama saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan sekarang kerana dasar itu masih dapat diteruskan.

Dan ada satu lagi, ini adalah 2 perkara. Di DUN saya ni, Taman Bahau ada 2 fasa. Fasa A yang lama punya, Fasa B tu adalah yang lama, lama dan Fasa B adalah yang baru. Dan tempat itu didiami oleh penduduk masyarakat *B40*, semuanya. Kerana rumah itu pernah dijual dengan harga 25 ribu, 20 ribu – 25 ribu satu ketika dahulu. Balai raya yang di, ada di situ, saya dah beberapa kali tulis surat, tak selamat untuk

digunakan. Sebenarnya saya nak maklumkan pada Dewan ini, pernah majlis perkahwinan pun telah dilaksanakan di, ataupun telah diadakan di balai raya tersebut pada satu ketika dahulu. Ini, kalau dia nak sewa dewan besar, mungkin kosnya adalah tinggi. Jadi saya dah mintak kerana pihak JKR telah maklumkan bahawa balai raya itu tak selamat. Jadi sekarang ditumbuhi dengan belukar. Baru dibersihkan, saya nampak gambar baru tadi. Jadi saya mintaklah Yang Berhormat Bahau tengok-tengokkan balai raya tersebut. Balai raya ini di bawah taman, oleh kerana saya, saya pasti Yang Berhormat Bahau tu tahu tentang balai raya tersebut, keadaannya. Ia perlu diroboh dan dibina semula. Jadi saya mintaklah bina semula. Mungkin mereka yang ber, miskin di, yang tinggal di kawasan itu boleh gunakan untuk tujuan kenduri, untuk tujuan majlis perkahwinan dan lain-lain lagi.

Dan akhir sekali, ini satu perkara yang terpaksa saya sebut di sini. Ini adalah berkenaan dengan jalan di antara Bahau ke Rompin. Dah beberapa kali saya *upload* dalam *Facebook*, saya dah beberapa kali saya dah *call* JKR dan juga PPN dalam hal ini. Jalan itu saya anggapkan skop pemasangan *culvert* itu adalah tidak, tidak sepatutnya skop itu diletakkan sebegini. Kalau air dari sebelah kanan merentasi melalui *culvert* ke kiri, maka dia punya dasar, dalaman itu mestilah sama. Kalau tidak, air akan takung. Jadi apa yang berlaku di sini adalah, mereka pasang *culvert* yang terlalu dalam bawah, tetapi parasnya adalah di atas. Jadi apa yang berlaku, air daripada sebelah kiri akan masuk dan akan mena, akan tertakung di dalam *culvert* itu dan barulah, apabila dah penuh dia akan keluar di sebelah kiri. Saya tak pasti lagi di bawah siapa projek itu. Saya mintak jasa baik JKR Daerah untuk memimpin satu lawatan bersama dengan jurutera ke tapak tersebut. Baru 2 minggu lepas diturap semula, telah mendap pagi tadi. Jadi ini akan berterusan beberapa tahun. Jangan kita nak ambil tindakan selepas sesuatu yang buruk berlaku. Biarlah kita, sekarang pun dah beberapa kemalangan telah berlaku. Ada yang dah cedera, motosikal semua tu. Pada waktu malam, kalau mereka tak, tak lalu di situ, tak pernah lalu di situ, mereka juga akan berhadapan dengan masalah apa ni, kemalangan di situ. Jadi saya berharap, buat satu lawatan. Saya akan bersama dengan lawatan tersebut. Saya berharap JKR Daerah Jempol itu memimpin lawatan tersebut dengan pegawai-pegawai. Saya boleh bersama, saya boleh terangkan secara *layman*, dengan izin, apa pandangan saya, pendapat saya di situ. Kerana apa, kalau sesuatu yang buruk berlaku, keluarga itu akan berhadapan sekali lagi dengan masalah kos lagi. Kerana mungkin yang meninggal ke, ataupun yang cedera adalah punca pendapatan untuk keluarga tersebut. Mereka yang membawa pendapatan untuk keluarga. Jadi saya berharaplah, kalau ada perkara-perkara yang tidak sepatutnya, kita betulkan.

Dengan kata-kata tersebut, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Chennah, membawa usul yang sepatutnya dibawa dan diluluskan di sini. Saya sokong. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Jeram Padang. Saya mintak Yang Berhormat yang lain ambil bahagian. Saya silakan Yang Berhormat Linggi.

**YB ADUN Linggi:** Terima kasih Dato' Timbalan Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Chennah pada pagi tadi. Secara ringkas dan dasarnya, usul yang dibawa ini merujuk kepada kos sara hidup yang membawa kepada tekanan kehidupan yang tinggi dan antara kaedah yang dicadangkan dalam usul itu adalah untuk kita membekukan, membekukan cukai, caj dan sewa dan apa-apa bayaran yang di bawah kawalan Pihak Berkuasa Negeri ataupun PBT sehinggalah masalah kenaikan harga atau inflasi ini dapat kita, kita kawal ataupun kita atasi.

Baik berkenaan dengan usul ini, Dato' Timbalan Yang Dipertua, kalau kita lihat, sebenarnya tekanan kehidupan yang tinggi ini bukanlah semata-mata dirasai oleh rakyat kita oleh kerana kos sara hidup semata-mata. Dia ada banyak lagi faktor-faktor lain yang menyebabkan tekanan kehidupan rakyat kita hari ini semakin tinggi. Oleh yang demikian, untuk mengurangkan tekanan hidup ini, kita tidak boleh hanya bergantung kepada pembekuan kadar semata-mata. Apatah lagi apabila pembekuan kadar kenaikan cukai dan sewa ini, contohnya cukai. Cukai ini kita kenakan sekali atau 2 tahun sekali sahaja. Tetapi sebenarnya banyak faktor-faktor lain yang sentiasa menekan kehidupan rakyat kita pada hari ini. Jadi Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya mohon supaya perkara-perkara lain ini juga diambil kira dan juga diberi keutamaan kerana apa yang kita hendak adalah untuk mengurangkan tekanan hidup rakyat kita.

Antara perkara-perkara menjadi penyebab tekanan kehidupan rakyat kita sehari-hari, contohnya adalah perkara-perkara yang asas. Perkara asas ini adalah bekalan air. Bekalan air, tekanan menghadapi risiko banjir, pendidikan, keadaan di sekolah yang mungkin tak selamat dan tak selesa. Dan banyak lagi perkara-perkara yang saya sebut tadi memberi tekanan setiap hari, bukan setahun ataupun 6 bulan sekali, Dato' Timbalan Yang Dipertua. Saya nak ambil contoh, beberapa contoh dan saya ambil kesempatan ni memberi contoh-contoh, khususnya di kawasan sayalah di Linggi.

Contoh yang pertama adalah bekalan air terawat. Bekalan air terawat ini adalah di bawah tanggungjawab SAINS dan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri. Saya lihat, saya perhatikan khususnya di, di Mukim Linggi, agak kerap, agak kerap bekalan air ini terjejas dan terputus. Dalam bulan lepas, kalau tak silap saya, masa Raya Haji, sebelum Raya Haji itu, beberapa kali dan beberapa hari bekalan air terputus, yang melibatkan khususnya rumah rakyat di Linggi dan kawasan Kampung Tampin Linggi. Saya akui kalau terjejasnya ni akibat paip bocor ataupun penggantian paip yang berjadual, notis diberi. Tetapi agak kerap juga yang mana, kes-kes yang mana notis tak diberi. Bila notis tak diberi ni Dato' Dipertua, saya agak, agak khuatir dan agak tertanyanya kerana kalau ikut faham saya, kita ada sekurang-kurangnya satu hari, satu hari *caution* bila air itu kita, kita, kita, kita tahan ataupun kita hentikan, sepatutnya ada satu hari dan sepatutnya ada 2 hari. Satu di tangki di rumah, dan satu lagi tangki ataupun servis *reservoir* di kawasan tersebut. Tetapi apa yang berlaku khususnya di kawasan Mukim Linggi ini apabila kita buat kerja-kerja pembaikan serta merta bekalan air terputus. Dan perkara ini, macam saya sebut, dia sangat menjejaskan ke, ke apa, ke, ke, kelangsungan kehidupan kita. Dan oleh kerana kekerapan yang berlaku, dia menimbulkan tekanan yang tinggi. Ni air Dato' Timbalan Yang Dipertua. Dia bukan macam wifi ke, itu pun dah, dah, dah, dah memberi tekanan. Tapi air jauh lagi. Jadi saya mintak, saya mintak supaya kita pastikan contohnya seperti di, di Rumah Rakyat Linggi itu saya dimaklumkan bahawa tangki ataupun servis *reservoir* rumah rakyat itu tidak berfungsi. Oleh yang demikian kita tak ada *caution* satu hari ini. Jadi ini haruslah diberi perhatian yang secepat mungkin.

Keduanya, berkaitan jugak dengan kos sara hidup. Seperti yang disebut oleh ADUN Juasseh tadi, saya mintak dalam tempoh kadar inflasi yang tinggi ini supaya SAINS sebagai contohnya, ataupun mana-mana agensi kerajaan, kalau boleh kita ambil pendekatan yang lebih prihatin dan lebih berperikemanusiaan. Ada saya selalu terima aduan di kawasan yang mana bila mereka ni tak mampu nak bayar bil, terus mendapat notis supaya dipotong. Ada kalanya Timbatan Yang Dipertua, mereka ni, bil itu tinggi, kita kena tengok kalau bil-bil bulan lepas tu tak tinggi, tetapi bulan ni tinggi, biasanya ada paip bocor yang mana, yang mana pengguna ni tak perasan paip dia bocor. Jadi kalau boleh janganlah terus beri notis potong seperti yang disebut oleh Lenggeng ni, Lenggeng tak silap saya, bila dapat notis dia orang tertekan betul kan. Bagi tempoh kan. Bagi, kita kaji sedikit, bagi tempoh dan kalau boleh kita bagi mereka ruang untuk membayar secara ansuran. Jangan terus diberi notis untuk potong.

Di atas dasar yang sama jugak, saya rasa amat wajar dan bersesuaian sekiranya waktu sekarang ini kita tengok, kerajaan tengok mana golongan-golongan *B40* ataupun lebih khusus mereka yang tergolong dalam miskin, miskin tegar ini, mungkin kita boleh beri mereka subsidi, bagi air percuma sekian-sekian *volume* supaya dia mengurangkan tekanan terhadap kehidupan mereka. Ini perkara yang menekan kehidupan setiap hari, Timbalan Yang Dipertua.

Seterusnya berkenaan dengan yang saya sebut tadi, tekanan risiko banjir. Saya dah banyak kali sebut dalam Dewan ni Dato' Timbalan Yang Dipertua. Nak tambah, sejak Disember 2021, di Linggi dah 2 kali lagi tambah banjir berlaku. Jadi kalau saya nak, nak, nak apa, nak, nak ulang, sejak 2019 hingga hari ini, contohnya Darul Widad dah 10 kali dilanda banjir. Jadi kawasan-kawasan ni merupakan kawasan *hotspot* banjir. Dan saya mintak seperti yang saya sebut sebelum ini, kerja-kerja yang boleh mengurangkan ataupun menghindarkan risiko banjir ini diutamakan. Kerana setiap kali ya, orang-orang di Linggi Dato' Dipertua, apabila kita hujan saja di Seremban, dan air laut di, di, pasang, *tension*. Rasa *stress* kerana mungkin banjir. Dan betul, kalau 2019 hingga hari ini dah 10 kali, ini bukan perkara yang boleh kita terima lagi. Dan saya mintaklah perkara ini diberikan perhatian khusus.

Dan benda yang, yang boleh menimbulkan keresahan dan rasa tak puas hati kalangan masyarakat. Kita dah banyak kali sebut, antara kawasan-kawasan yang perlu dilakukan projek-projek kecil untuk, untuk mengurangkan banjir ini. Contohnya di, di kiri kanan jalan utama Kampung Permatang Pasir. Dia ada Sungai Tok Alip tu, perlu dibuat longkang, longkang perlu diperbaiki longkang. Longkang sedia ada ini memang dah tak berfungsi langsung kan. Jadi bila air banyak, air hujan, dia akan menyebabkan banjir di kawasan tersebut. Saya sebut ni, orang rasa resah kerana kawasan-kawasan yang tidak *hotspot* banjir contohnya Sungai Menyala, jalan ke Sungai Menyala, jalan ke Sungai Betong, rasa tak ada orang pun tinggal dekat situ, kalau ada pun, tak ada risiko banjir. Tapi situ dibuat, dibuat longkang-longkang yang baik, yang besar. Tapi kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir, masih belum ada lagi, kerja-kerja tersebut dilakukan.

Selain daripada kawasan kiri kanan jalan di Kampung Permatang Pasir itu, sama jugak di Kampung Tampin Dalam. Khususnya di belakang rumah Encik Yusof Bador, Tampin Dalam ni. Perlu di, di, di, dibina semula ataupun di, diperbaiki saluran di situ. *Culvert* dan, dan longkang di belakang itu perlu diperbaiki kerana ia menyebabkan punca banjir di kawasan Kampung Tampin Dalam ataupun Tampin, jadi saya mintak supaya perkara ini diberi keutamaan.

Juga kita, kami dikejutkan, Dato' Timbalan Yang Dipertua, kerana dalam 2 bulan lepas, 3 bulan lepas berlakunya banjir di Pasir Panjang. Dan bila lihat antara sebabnya khususnya di, di Pasir Panjang itu, kerana parit dan longkang situ tidak diselenggara. Saya nak ucapkan terima kasih ya, tahniah dan terima kasih banyak-banyak kepada JPS kerana telah serta merta melakukan kerja pembersihan di situ. Tetapi ada, khususnya di, di, di, di Taman Cermai, Taman Cermai, Pasir Panjang, sebab banjir di situ adalah saluran di taman tersebut perlu diperbaiki semula kerana mungkin salah reka bentuk ataupun mungkin kerana jalan dah diturap beberapa kali menyebabkan ketinggian jalan itu menyebabkan saluran air jadi, jadi, jadi tak betul. Saya ingin mohon supaya dikaji semula dan diperbaiki saluran khususnya di Taman Cermai bagi memastikan kejadian banjir di situ tak berlaku lagi.

Pagi tadi semasa Yang Amat Berhormat Sikamat menjawab salah satu soalan lisan, dia ada sebut tentang TAPS ataupun Takungan Air Pinggiran Sungai. Dan saya, berkaitan dengan apa yang sebutkan tadi, saya mohon jugaklah, kalau boleh dijelaskan pertamanya di mana lokasi-lokasi TAPS ini. Keduanya, adakah TAPS ini akan menambah loji-loji rawatan di situ, adakah ianya juga bersekali dengan usaha kita untuk mengurangkan risiko banjir. Saya rasa perlu ada loji rawatan tambahan kerana seperti yang di, disebut sebelum ini, Loji Rawatan Linggi tak mampu sebenarnya untuk, untuk memberi bekalan air. Apatah lagi apabila kualiti air yang tercemar khususnya di Sungai Linggi itu bukan di bawah, *design* yang boleh di, ditanggung oleh Loji Rawatan Linggi. Dan saya mintak supaya perkara ini mendapat perhatian khusus dan diutamakan kerana yelah, kami di Linggi ni dah terlalu kerap banjir Dato' Yang Dipertua.

Seterusnya berkenaan dengan apa yang disebut tadi .....

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat Linggi, dah lebih masa.

**YB ADUN Linggi:** 2 perkara, saya ringkaskan.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Satu minit, satu minit.

**YB ADUN Linggi:** Satu minit, baik. Saya tentang, tentang keselamatan di sekolah. Khusus Sekolah Menengah Agama Chuah. Perkara ini dah tertanggung terlalu lama, telah bertahun. Saya yakin Dato' Timbalan *Speaker* pun tahu, sekolah yang mereka gunakan sekarang ini memang dah tak selamat, Dato' Timbalan Yang Dipertua. Dan kita rasa amat-amat resah dan tertekan ini kerana sekolah yang baru ni dah siap. Secara fizikalnya dah siap. Dah bertahun-tahun siap. Tapi belum lagi

pelajar-pelajar kita masuk di situ. Walhal sekolah sedia ada ini, yang dekat masjid, ada pakai kabin, lantainya dah, dah pecah-pecah. Silingnya dah pecah-pecah. Yang dah tak selamat lagi. Jadi saya mintak supaya pastikan perkara ini, pemindahan ini ataupun sekolah yang dah lama siap ini dimanfaatkan secepat mungkin, kerana ini sangat menekan khususnya ibu bapa penjaga dan warga sekolah.

Akhir sekali adalah tekanan hidup kadang kala boleh kita kurangkan dengan cara bersukan. Dan kita lihat salah satu kaedahnya untuk kita berekreasi dan bersukan. Oleh yang demikian, Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya mintak supaya semua taman-taman rekreasi dan padang-padang futsal yang disediakan khususnya oleh Kementerian Belia Dan Sukan ini diselenggara dengan baik kerana kalau dilihat, banyak yang terbengkalai, terbiar begitu sahaja dan tak dapat dimanfaatkan oleh, oleh rakyat kita.

Secara kesimpulannya, saya menghujahkan bahawa usul ini adalah baik tetapi saya rasa tidak memadai ya, sekadar kita membekukan kadar semata-mata kerana banyak lagi faktor-faktor lain yang menekan kehidupan kita. Apa yang saya sebutkan tadi, faktor-faktor ini menekan kehidupan kita seharian, sepanjang masa, bukan sekali atau 2 kali setahun. Saya menyokong dengan cadangan-cadangan yang dibentangkan. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Linggi. Saya teruskan Yang Berhormat Palong.

**YB ADUN Palong:** *Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirabbil 'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbisrohliodri wayassirli amri wahlul uqdatam millisani yafqahu qauli. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan *Speaker* kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Chennah pagi tadi.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, dengan jelas Yang Berhormat Chennah telah menyebut bahawa kenaikan harga dan kos sara hidup sekarang ini, di antaranya adalah berpunca kerana perang Rusia dan Ukraine, ya, selain daripada pandemik COVID yang telah negara kita dan dunia, yang telah mengganggu seluruh rantai pembekalan, selain daripada kadar inflasi. Yang mana hari ini kita melihat dengan kenaikan harga petrol, contohnya ya, menyebabkan kos pengeluaran meningkat, kos pengangkutan meningkat, kos pasaran meningkat, maka peniaga memindahkan kenaikan kos ini kepada pembeli dalam mereka

mengekalkan margin keuntungan mereka. Begitu jugak dengan kita yang bergantung kepada barangan ataupun sumber import. Dengan kenaikan nilai Dolar Amerika jugak menyebabkan harga barangan atau harga barang mentah yang kita import juga mengalami kenaikan yang meningkat, yang menyebabkan kos dan sara hidup rakyat sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Chennah tadi.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada banyak faktor-faktor lain yang juga berlaku menyebabkan kenaikan sara hidup. Hari ini saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Chennah supaya Kerajaan Negeri selain daripada mencari siapa salah ataupun menyalahkan sesiapa, Kerajaan Negeri proaktif untuk mencari langkah-langkah dan strategi bagaimana untuk kita membantu rakyat dalam mereka menghadapi keadaan yang berlaku pada hari ini. Justeru saya ingin fokuskan perbahasan dalam masa yang sedikit ini kepada aspek menambah pendapatan boleh guna rakyat. Apakah strategi yang boleh kita buat di peringkat negeri untuk menambah duit di poket rakyat supaya, supaya boleh menghadapi keadaan kenaikan saraan hidup ini dalam keadaan yang terkawal.

Dato', Dato' Timbalan Yang Dipertua, walaupun kita tahu bahawa kebanyakan program-program untuk mengawal sara hidup ini telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat ya. Contohnya kita lihat bagaimana memberi bantuan subsidi, yang dibuat oleh Kerajaan Pusat yang hari ini sudah menjangkau nilai 77 bilion setakat bulan Julai 2022. Kalau izinkan saya untuk saya memperincikan beberapa contoh ya, minyak masak contohnya, Kerajaan Pusat telah pun memberi bantuan ataupun subsidi sebanyak 4 bilion ringgit ya. Gas LPG - 2.6 bilion ringgit. Diesel - 7.5 bilion ringgit. RON95 - 27 bilion ringgit. Tarif elektrik pun jugak ada subsidi 6.5 bilion ringgit. Dan tak ketinggalan jugak untuk mengurangkan ataupun mengawal harga komoditi, makanan ayam contohnya, Kerajaan Pusat telah membelanjakan 1.1 bilion ringgit, contohnya. Cubalah bayangkan, sekiranya 77 bilion ini tidak disubsidi oleh Kerajaan Pusat. Maknanya, 77 bilion ini akan keluar daripada poket rakyat. Maka pastinyalah ia akan menambahkan lagi sengsara rakyat dalam kadar kos yang semakin naik ini.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada subsidi tadi yang berniat dan bersifat untuk mengurangkan harga yang perlu di, dibeli ataupun dibelanjakan oleh rakyat, Kerajaan Pusat juga memberikan bantuan tunai, bantuan tunai dan setakat ini, setakat ini kadar maksima yang boleh diperoleh oleh B40 atau mungkin sekarang dah jadi B60 boleh menjangkau ke angka sebanyak RM2,600.00 ringgit setahun. Iaitu Bantuan Keluarga Malaysia, bantuan lain-lain. Boleh menjangkau ke jumlah RM2,600.00 ringgit setahun. Maknanya, tindakan-tindakan ini

adalah untuk menambahkan duit ke dalam poket rakyat supaya mereka mampu untuk menghadapi kenaikan kos sara hidup yang ada pada hari ini.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin fokuskan pulak kepada apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri. Contohnya di Negeri Sembilan, kita boleh bantu, kita ada 2 kategori rakyat. Yang mencari pendapatan satu, mereka yang makan gaji. Yang kedua adalah mereka yang berniaga. Kepada yang makan gaji, contohnya Kerajaan Negeri, barang kali saya boleh sarankan supaya kita adakan kenaikan pendapatan mereka. Mungkin boleh diperkenalkan satu elaun khas ataupun elaun sara hidup ya, kerana kenaikan kos, khas. Kerana untuk membantu mereka menambah pendapatan di poket mereka supaya mereka boleh menghadapi kenaikan sara hidup ini. Itu bagi mereka yang makan gaji.

Kepada mereka yang berniaga, Kerajaan Negeri seharusnya mesti membantu peniaga-peniaga ini untuk teruskan perniagaan mereka. Sekiranya ada yang memohon lesen, kita segerakan permohonan lesen mereka, jangan banyak birokrasi. Sekiranya ada bantuan-bantuan yang boleh diberikan kepada peniaga-peniaga ini, kita jugak segerakan dan perbanyakkan lagi. Seperti mana yang disebut dalam bajet sebelum ini, Negeri Sembilan ada TUNS contohnya, ada TUNS PLUS, boleh diperbanyakkan lagi. Tapi kita masih lagi mendengar ramai lagi yang masih lagi mengeluh dan mengadu tidak dapat bantuan daripada program-program seperti ini. Itu dari segi geran. Mungkin jugak boleh sediakan jugak pinjaman-pinjaman untuk mereka meningkatkan lagi atau memperkembangkan lagi, atau memperkasakan lagi perniagaan mereka supaya akhirnya matlamat untuk menambah pendapatan dalam poket mereka itu sampai pada matlamatnya.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, selain daripada kita membantu dalam perniagaan-perniagaan mereka, saya nak melihat contohnya di kawasan saya ya. Kebanyakan anak-anak muda ini mereka, mereka ni NGO. NGO di sini maksudnya "noreh getah orang" ya. Bukan NGO yang lagi satu. Ini "noreh getah orang", maknanya bukan kebun mereka sendiri. Mereka menoreh kebun orang lain. Bila mereka menoreh kebun orang lain, katakanlah mereka boleh mendapat satu bulan hasil torehan mereka katakanlah 700 kilo, contohnya. Kita darab dengan 3.00 ringgit. Bermakna pendapatan adalah 2,100.00 yang perlu mereka bahagi 2. Kalau anak-anak menoreh kebun ibu dan ayah, mereka dibahagi 2. Sebahagiannya beri pada ibu dan ayah mereka, dan sebahagiannya mereka ambil. Maknanya boleh dapat 1,000.00 sebulan pendapatan. Manalah cukup RM1,000.00 satu bulan untuk mereka menyara dengan anak yang ramai dan sebagainya.

Maka di kawasan saya ini kita banyak menggalakkan mereka berniaga supaya mereka boleh tambah pendapatan mereka. Mungkin sehari mereka boleh untung 50.00 ringgit - 60.00 ringgit. Mereka berniaga sebulan 20 hari contohnya ada *extra income*. Pendapatan tambahan 1,000.00 - 1,200.00. Maknanya 1,000.00 sebelah pagi, 1,000.00 sebelah petang, maknanya adalah lebih kurang 2,000.00 ringgit untuk mereka meneruskan kehidupan mereka. Maka saya menyeru kepada kerajaan ya, Kerajaan Negeri dah 4 tahun, masuk ke 5 tahun, setakat ini tidak ada apa-apa ruang-ruang atau tempat-tempat perniagaan baru yang disediakan untuk mereka. Tak ada. Contohnya tak *food court* yang sempurna, tak ada. Tak ada pusat penjaja yang sempurna, tidak ada. Maka saya telah pun menulis surat permohonan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mohon supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan ihsannya memberikan dana untuk supaya dapat kita bina pusat penjaja yang boleh kita berikan tempat dan ruang untuk anak-anak ini berniaga dan cari makan, supaya pendapatan sikit itu dapat ditambah dan mereka tidak terkesan dengan dahsyatnya dengan kos, dengan kenaikan kos sara hidup ini.

Tetapi Dato' Yang Dipertua, yang agak mengecewakan saya, yang ingin saya jelaskan dalam Dewan ini, apabila baru-baru ini saya di, menerima panggilan telefon daripada Pejabat Daerah Jempol yang mengatakan supaya ditangguhkan pembinaan ini. Sedangkan bajet telah pun diluluskan. Pelan telah pun disediakan. Tender pun saya rasa dah hampir, dah dikeluarkan pun. Tetapi mintak ditangguhkan kerana kononnya ada kajian yang sedang dibuat di kawasan Palong itu. Kajian tentang mem, pembinaan, saya pun tak tahulah, kajian apa tu, ya. Nak kaji apo bondo eh. Ompek tahun, dah masuk tahun yang kelima ya, dah habis pilihan raya 2018, nak masuk pilihan raya yang ke-15 dah. Kaji apa lagi Dato' Yang Dipertua. Kalau ditangguhkan Dato' Dipertua, akhirnya duit itu akan hilang. Dan anak-anak di Palong tidak akan dapat kemudahan satu pusat penjaja untuk mereka cari makan.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Palong kepada Palong, bagi ruang kepada Yang Amat Berhormat.

**YB ADUN Palong:** Ya.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Dipertua, mengenai pusat penjaja yang kita tangguhkan adalah disebabkan tanah tersebut adalah milik Kerajaan Negeri yang sedang kita kaji. Kita tak nak macam dulu, buat, main buat je. Tanah dalam felda ni, dia suka hati dia. Dia nak buat bangunan, dia buat bangunan, tanpa ada satu pelan yang munasabah. Nak buat pasarnya di mana, nak buat stesen minyaknya di mana, nak buat kemudahan-kemudahan infrastrukturnya di mana, nak buat pusat

penjajanya di mana. Main buat sahaja. Jadi kita telah berbincang dan saya telah umumkan pun di dalam Dewan bahawa kita sedang buat kajian untuk Palong, kita sediakan satu kajian yang dibuat oleh, tak silap saya, UPM ya, dan sedang dalam keadaan terakhir. Dan kita akan bentang dalam, akan bentang dalam Majlis Tanah Negara ya, yang di, yang dihadiri oleh semua, Perdana Menteri sendiri supaya kita akan lihat bahawa satu struktur, satu kemudahan yang lebih sesuai kepada penduduk-penduduk di felda. Itu matlamatnya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Palong sambung semula.

**YB ADUN Palong:** Terima kasih .....

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** 2 minit saja.

**YB ADUN Palong:** ..... Timbalan Yang Dipertua.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** 2 minit.

**YB ADUN Palong:** Ya. Baik. Terpulang sebenarnya tempat yang kita syorkan jugak adalah di atas kelulusan FELDA sebenarnya. FELDA telah melihat, tapak tu kosong. Tidak ada gangguan dengan mana-mana pembangunan lain dan sebagainya. Dan duit dah ada dah. Depan mata. Kalau kita lepaskan peluang ini, tak tahu bila lagi orang Palong akan dapat pusat penjaja yang boleh menempatkan 20 – 30 orang anak-anak muda untuk berniaga mencari pendapatan tambahan, seperti mana yang saya sebutkan awal-awal tadi. Mereka bukan nak berniaga besar-besaran pun. Satu hari barang kali perniagaan mereka mungkin boleh, mereka boleh berniaga, urus niaga mereka 200.00 – 300.00 ringgit. Mungkin untuk 50.00 – 60.00 ringgit je untuk sehari. Mungkin kecil bagi kita, tapi besar bagi mereka dalam keadaan kos sara hidup yang ada sekarang ini.

Dato' Timbalan Dipertua, saya mengambil semangat yang dibawa oleh Chennah bahawa kita sentiasa menyokong dan mencari jalan. Kalau tempat itu tak sesuai, mana tempat yang sesuai? Mana lokasi yang tidak ada halangan? Semoga, supaya duit yang dah sampai tu jangan kita buang begitu saja. Ada 2 tempat yang diluluskan di Palong 11, 4, 5 dan 6 dan jugak di Palong 7 dan 8. Ia menelan juga 1.0 juta ringgit. Jadi jangan kita membazir peluang ini. Sebab itu saya menyokong apa yang disarankan Yang Berhormat Chennah tadi, supaya jangan cari salah, jangan cakap soal apa yang berlaku dulu, sekarang ini, apa langkah yang boleh kita buat, yang proaktif semoga kita dapat laksanakan ini untuk kebaikan rakyat khususnya di kawasan Palong ini,

supaya mereka dapat menambah pendapatan mereka sesuai dengan apa yang dibuat oleh Kerajaan Pusat pada hari ini, yang sentiasa menyantuni rakyat yang memerlukan pembelaan. Itu saja Dato' Dipertua, terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Palong. Yang Berhormat yang akan ambil bahagian. Yang Berhormat, siapa nak ambil bahagian?

**YB ADUN Lobak:** Timbalan Yang Dipertua.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Okay, dipersilakan Yang Berhormat Lobak.

**YB ADUN Lobak:** Terima kasih Timbalan Yang Dipertua. Saya ini angkat peluang ni, bahas ni yang inflasi. Saya hanya akan, sebagai bukti saya akan disebutkan di Dewan yang mulia ni, sebenarnya Kerajaan PH adalah satu kerajaan yang paling prihatin kepada rakyat sekali. Ini adalah contohnya, *so* saya angkat masa sikit menyatakan di Dewan yang mulia ini, sebagai contoh di PPRT Lobak. Baru saja tahun 2021, November, Disember, ini jawapan dari Dewan ni, yang mengecat, mengecat ni bangunan Blok R, S, T, U. 4 blok yang dari Datuk Bandar. Datuk Bandar ada? terima kasih ini MBS, kerana belanja lebih kurang 660 ribu untuk mengecat. Ini rumah pangsa PPR, rumah awam, khasnya penduduknya semua *B-B40*. *So* menggambarkan PH kerajaan ni memang serius sekali perhatian kepada golongan *B-B40*. Bukan ni saja.

Lepas tu pada bulan Ogos akan datang ni, saya dimaklumkan dengan jawapan yang bertulis ni, bahawa insentif tu untuk membaiki pulih tu 60 unit rumah rosak dan 2 lagi membina 2 unit rumah sampah, membina struktur pagar di sekeliling kawasan, membaik pulih longkang dan membina tebing konkrit, memasang jaring penghadang dan di, tangki air. Ini *plan* untuk kerajaan kita ni, PH. PH memang menseserius dan prihatin rakyat khasnya, khasnya golongan *B-B40*. Ini semangat kita ni. Dan akan dijalankan pada bulan Ogos ini. Ini sudah lulus. Terima kasihlah Datuk Bandar, dapat ni membina rumah sampah Blok R and S. Lepas tu naik taraf laluan tangga dan kerja yang berkaitan, menaik taraf laluan OKU dan kerja yang berkaitan, dan membaiki/mengganti paip sanitasi dan kumbahan, kerja-kerja memasang unit pintu, *grill* dan laluan tangga. Ini semua dilulus dan akan dijalankan pada bulan Ogos. *So* kami berasa tahniah dan terima kasih kepada pimpinan Sikamat bahawa menunjukkan, menggambarkan satu kerajaan yang memang bersama dengan rakyat sekali. Khasnya golongan *B-B40*.

So selain tu, bukan PPR saja, Kerajaan PH ini pun baru saja pada haribulan 25 Julai baru buat satu program memberi geran JMB dengan MC yang 1 juta, 1.4 juta. Men, menggambarkan satu, jikalau tak salah saya, tak silap saya, adalah satu negeri yang bagi geran kepada JMB dan MC saja. Kerana dulu Perak pernah ada, tapi sudah henti, masuk ni Kerajaan PN. Tapi yang tinggal sekali hanya satu negeri, negeri NS, N9 yang kasi geran JMB dan MC kerana rumah pangsa ni memang rumah pangsa kos rendah dan rumah pangsa sederhana,uduknya semua penghuni-penghuni yang golongan B40. So nampaknya, kami bukan sahaja berdekat dengan rakyat dan demi sekali untuk masa yang inflasi ni, memang kami prihatian dan beri sokongan untuk golongan B40.

Tambah sikit lagi. Saya bukan sahaja nak sokong, membukakan cukai, tapi kami cadangkan jikalau boleh dalam bajet akan datang, kami buat insentif, bayar penuh 10 bulan, *you* orang sewa, berilah 2 bulan percuma. Erti itu, *you* kena bayar penuh, lepas tu kasi percuma 2 bulan untuk rumah sewa PPR. Kerana memang tu memang susah. Saya mencadangkan jikalau boleh ditimbangkan, kami harap boleh ditimbangkan. So kami panjang di sini, kami ini sokong yang tu, dari Chennah, yang tu inflasi dan dapat dikawalkan. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Lobak, ditepati masa. Saya mintak Yang Berhormat ni, Seremban Jaya.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Okay, Yang Berhormat Dato' Timbalan Dewan beri peluang bahas kenaikan kos sara hidup pagi tadi, ADUN Chennah berbahas usul ini. Kerajaan Negeri harus mengambil berat dan serius tentang perkembangan projek pertanian dan penternakan di seluruh Negeri Sembilan. Hal ini kerana kita sering mendengar keluhan dan rintihan dari warga negeri kita yang mempunyai mintak yang mendalam serta kemampuan untuk mengendalikan projek pertanian dan penternakan di mana hanya segelintir orang tertentu jugak mendapat pajakan serta sewa tanah atau hutan terbiar Kerajaan Negeri. Kebanyakan permohonan pajakan dan LPS bagi rizab tanah kerajaan ditolak dengan alasan tertentu. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri akan menyediakan lebih banyak tapak projek penternakan dan pertanian dengan kemudahan serta insentif yang lengkap agar lebih ramai petani dan penternak moden dan muda dapat dilahirkan. Selain itu, satu badan biro khas patut dibentuk oleh Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan persatuan penternak dan pertanian di seluruh pelusuk Negeri Sembilan bagi tujuan pembesaran hasil ternakan serta pertanian.

Dato' Yang Dipertua, 2000, hari, kira hari ini, ADUN Chennah, kira usul sara hidup, kira lepas 4 tahun dalam Dewan yang mulia hari ini berbahas. Saya pun banyak pandangan yang baik. Saya ADUN Seremban Jaya ucapan ribuan terima kasih. Tetapi 2018, ADUN Chennah, Yang Berhormat ADUN Chennah memin, telah meminta kerajaan 2018, Dewan yang mulia ini, 2018 ADUN Chennah beritahu Dewan yang mulia, lepas 61 tahun, Pakatan Harapan sudah menang, ada banyak masalah. Masalah jalan, masalah longkang, masalah Dewan, macam-macam yang masalah. Boleh cepat kita mahu buat. Kita mahu buat. Itu juga kita buat. Baru rakyat, pengundi-pengundi boleh lihat kerajaan dahulu dan kerajaan sekarang. Tapi saya mintak tolong serius pandanganlah, itu. Memang, banyak masalah.

Tetapi saya ucapan ribuan terima kasih kita punya pemimpin-pemimpin, kita punya Menteri Besar dan Exco-Exco, saya terima kasih. Tapi banyak benda, kira hari ini pun pagi, saya tahu pagi ini dalam Dewan ini tara sarapan, saya pagi-pagi turun Sun Choon mahu minum. Tapi orang sudah marah. Dia cakap dulu, tak ada masalah ini. Sekarang *you* orang sudah mari banyak masalah, apasal? Dulu kita punya kedai ada kaki lima boleh letak, sekarang dalam Sonchoon tau, ini kira dalam Sonchoon, dalam kampung baru, ini Kampung Baru Rahang, satu kampung baru orang yang ramai turun punya. Kampung Baru Paroi, Kapung Baru Sikamat, Kampung Baru Mambau, Kampung Baru Rasah, Kampung Baru Rahang. Inilah pasar pagi dan banyak orang turun di sana. Tapi depan punya tu kaki lima semua kedai sekarang takut dia orang masuk. Takut dia orang masuk. Pasal, MBS saman pulak. Haa ini tolonglah, saya mintak dari MBS. Hari ini saya dengar saya punya telinga. Memang saya sendiri pun tak boleh terima. Ini saya mintak tolonglah, jangan, jangan kasi tekan. Pasal, tu pasal pembangkang selalu hantam sama kita. Dulu kita tak ada kasi susah, sekarang PH kasi susah pulak. Itu kita ada fahamlah. Lain tak ada *point*, itu juga ada. Tapi itu saya mintak tolonglah MBS.

**YB ADUN Seri Menanti:** Kita tukarlah, kita tukar.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Okay. Sekarang saya ada tekan sikit, tapi sekarang saya mahu puji sikit. Tapi keperluan asas untuk ke, keselesaan rakyat Negeri Sembilan dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan, itu kira 2008 kita sudah ada satu peristiwa, kita sudah dengar, 2008 ADUN Chennah apa yang beritahu, hari ini apa yang beritahu. Itu satu gambaran yang baik, kita *follow*, 100% pilihan raya 15 kita duduk tetap di sini. Okay. Dengan ini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas kejayaan dalam pentadbirannya setakat ini di mana kesejahteraan rakyat diutamakan, rakyat Negeri Sembilan juga tahu tentang fokus Kerajaan Negeri dalam pentadbiran,

namun beberapa isu-isu yang dinyatakan seperti di atas perlu ditangani dengan kadar yang segera dan tidak sepatutnya dibuat apabila pilihan raya semakin dekat, pertimahan, sepertimana yang kerajaan dahulu buat semasa dekat dengan pilihan raya. Imej Kerajaan Negeri akan bertambah baik lagi di kalangan seluruh masyarakat jikalau masalah-masalah seperti ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Dato' Yang Dipertua, hari ini ADUN Chennah, ucapan mereka, saya lagi satu kali saya terima kasih, kita punya Yang Amat Berhormat memang orang yang rajin, kita punya Exco-Exco pun banyak rajin. Dia orang selalu, saya, saya sendiri ada lihat, pasal saya sebagai saya satu ADUN jugak, ADUN Seremban Jaya. Tapi dia orang seluruh Negeri Sembilan, hari-hari tengok Exco Hal Ehwal Wanita pun, PH GEM saya ingat pandemik COVID di dalam, kira 2 tahun, mereka telah buat lebih kurang 258. Itu kira satu aktif. Lain-lain Exco pun memang aktif. Lagi satu saya ucapan ribuan terima kasih, kita punya SS, dan kita punya Kewangan dan kita punya Undang, sebab mereka kita ada rizab banyak. Rizab sudah ada banyak. Saya pun mintak kita punya Exco dan MB tolong jaga, tolong buat lagi banyak di kawasan-kawasan masing-masing, DUN, khasnya DUN Seremban Jaya. Ada banyak lama, ni, SU pun sudah cakap, Majlis Bandaraya, SU pun hari itu ada janji, Dato' pun ada janji, kita punya Exco pun ada janji, Dewan yang mulia ini, saya mintak tolonglah, pasal Tuanku Najihah dan Bukit Seri Senawang, kira 2 taman sudah ada, satu tempat permainan pun tak ada. Saya mohon, minta maaf, kali-kali pun Dewan minta maaf, hari ini saya mohon kira satu futsal, itu tapak sudah ada. Tapak sudah ada. Mintak tolonglah, minta tolong cepat dan segera projek itu kasi jalan. Haa itulah saya punya pandangan. Terima kasih. Terima kasih. Terima kasih. *Thank you very much. Xie xie. Nandri vanakam.*

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Seremban Jaya. Saya minta Yang Berhormat lagi terus siapa lagi nak ambil bahagian. Rahang.

**YB ADUN Rahang:** Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam usul yang dibentangkan pagi tadi. Dato' Yang Dipertua, isu kenaikan harga barang bukan sahaja di peringkat negara kita, tetapi ianya adalah *phenomenon* global. Peperangan Ukraine dan Rusia telah memburukkan lagi rantai bekalan makanan. Usul Chennah tepat pada masanya. Saya setuju sangat dengan usul yang dibawa oleh YB Chennah yang berkaitan inflasi dan kos sara hidup rakyat. Usul berbunyi, bahawa Dewan ini mengambil ketetapan yang serius terhadap isu kenaikan kos sara hidup yang menyebabkan tekanan

hidup yang tinggi kepada rakyat dan menyeru Kerajaan Negeri untuk membekukan sebarang kenaikan kadar dalam apa jua cukai, sewa, caj atau apa-apa bayaran di bawah kawalan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Sembilan sehingga masalah inflasi dapat dikawal.

Isu kenaikan harga ini, menjejaskan pelbagai isu dalam hidup kita. Yang pertama, isu kenaikan harga barangan menyebabkan ketua rumah terpaksa kerja lebih dan cari tambahan bagi menampung kehidupan keluarga dan anak-anak kerana kos perbelanjaan makanan, pendidikan, pengantut, pengangkutan dan lain-lain. Keadaan ini juga menjejaskan ketua keluarga tidak dapat meluangkan masa yang berkualiti kepada keluarga. Akhirnya menjejaskan institusi rumah tangga.

Keselamatan. Akibat kenaikan harga barangan dan kos-kos lain, menyelamatkan keadaan jenayah juga meningkat seperti kecurian, pecah rumah dan sebagainya. Pengangguran juga memburukkan lagi keadaan ini. Banjir. Isu banjir. Isu banjir juga menjadi isu yang paling hangat dibincangkan pada hari-hari ini. Contoh, di DUN Rahang tempat-tempat Taman Happy, Taman Mok Sum, Kampung Singh, Kampung Semarak, Kampung Datuk Mansor, Kampung Chedang dan Kampung Pasir banjir. Banjir teruk kali ini sebab dalam satu bulan, banjir 3 kali ya. Ini menyebabkan kerugian harta benda rakyat. Sehingga rakyat terpaksa membeli barang-barang yang rosak akibat banjir. Rakyat terhimpit dengan kos sara hidup dan ini diburukkan lagi dengan kerosakan harta benda akibat banjir. Saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantu rakyat. Walau, walaupun begitu, saya menyeru kepada kerajaan untuk mengambil langkah-langkah untuk mengatasi isu banjir yang berlaku agar perkara ini tidak berulang pada masa hadapan.

Dengan ini, saya menyokong usul yang dicadangkan oleh YB Chennah pada pagi ini. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Rahang, ambil masa yang singkat. Saya mohon, Mambau. Dipersilakan Yang Berhormat Mambau.

**YB ADUN Mambau:** Terima kasih Dato', Timbalan Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada Mambau berbahas usul kenaikan kos sara hidup yang menyebabkan tekanan hidup yang tinggi kepada rakyat dan menyeru Kerajaan Negeri untuk membekukan sebarang kenaikan kadar dalam apa juga cukai, sewa, caj atau apa-apa bayaran di bawah kawalan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan

di seluruh Negeri Sembilan sehingga masalah inflasi dapat dikawal, yang dibawa, usul ni dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Chennah.

Jadi, selaku wakil rakyat, ADUN Mambau pun setuju inilah masa yang sesuai dan te, yang sesuaiilah untuk membangkitkan isu ini untuk ramai orang tahu kenaikan harga barang ini yang, yang melanda masyarakat kita. Jadi, berkenaan dengan isu kenaikan harga barang ini, seperti saya, pada pagi ini saya ada soalan lisan yang berkenaan dengan isu kenaikan harga barang pun sama jugalah, sama erti. Dan dapat pemer, beberapa ADUN yang lain, ADUN, Yang Berhormat yang lain juga membangkitkan soalan ni, iaitu Yang Berhormat ADUN Sungai Lui, Yang Berhormat ADUN Pertang dan Yang Berhormat ADUN Rantau. Jadi maksudnya, kebanyakan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat juga berprihatin, berprihatin dengan isu ini. Jadi Dato' Timbalan Yang Dipertua, seperti pagi yang saya, saya bagi soalan tambahan, sekarang, kalau kita nak pergi, nak buat sarapan pagilah, satu, sepinggan char kuey tiow, secawan kopi pun sudah hampir 10.00 ringgit. 10.00 ringgit tak boleh tukar lagi. Jadilah ini ialah kita dengar ni masalah dari rakyat jelita, mereka yang bagi tahu. Jadi ini membuktikan mereka dalam kesusahan, kesusahan hidup mereka. dan juga kita menerima aduan juga daripada pembinaan apa ni, pemaju, atau pembinaan kontraktor-kontraktor pembinaan rumah, rumah, menyatakan alat-alat, apa ini, logam sudah naik harga dan mereka pun menghadapi, menghadapi ketegangan ekonomi untuk menjalankan perniagaan mereka. Jadi ini satu contohnya yang kita harus memberi perhatian.

Contoh kedua saya ingin nak men, membangkitkan di sini. Seperti Parlimen, Ahli Parlimen, pejabat Ahli Parlimen Rasah telah mem, telah menjalankan, melancarkan, melaksanakan beberapa program iaitu Program Jualan Komuniti Ceria Rasah untuk meringankan beban perbelanjaan isi rumah. Jadi Timbalan Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan program ini amat disokong dan dapat, dapat ini sokongan yang hebat daripada rakyat jelita. Sebenarnya kita patut gembira ada sokongan macam ini. Tapi kita boleh dikatakan tidak rela hatilah. Inilah sebab kerana ke, ini apa ini, kesusahan hidup yang, yang menye, menyebabkan penduduk-penduduk setempat, mereka sampai berebut-rebut untuk membeli barangan yang mu, yang murah. Jadi ini ialah satu contoh, satu, satu lagi contoh ialah rakyat dalam kesusahan.

Dan lagi satu Timbalan Dato' Yang Dipertua, pada 2 - 3 bulan ini, ramai pemohon atau penduduk-penduduk setempat, pengundi DUN kawasan Mambau datang ke pusat khidmat untuk memohon bantuan kewangan. Dan ini, ni, ramai jugak orang selain dari memohon bantuan kewangan, mereka juga memohon bakul makanan. Jadi bakul makanan boleh

dikatakan, setiap bulan mereka pun datang ke pusat khidmat untuk dapatkan bakul makanan. Dan bantuan kewangan, kita memanglah, kami selaku wakil rakyat, kita akan semak dulu sama ada betul atau tidak betul. Dan kita ada pergi buat lawatan ke rumah ke rumah. Dan mendapati mereka, mengapa mereka memohon ni bantuan kewangan, kerana mereka nak bayar sewa rumah. Sewa rumah mereka pun tak, tak sempat bayar. Jadi inilah satu, satu contoh lagi, satu contoh lagi ialah rakyat dalam kesusahan. Jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan akan berprihatinlah dan memberi, memberi bantuan kepada mereka.

Jadi, di samping itu, saya ingin nak sentuh sedikit bahawa saya, ni cadangan saya. Saya cadang pihak, Pihak Berkuasa Tempatan seperti yang telah dikehendaki oleh ADUN Seremban Jaya, yang, yang selalu memberi tekanan kepada apa ni, gerai-gerai atau restoran-restoran, kedai-kedai yang melanggar undang-undang, jadi di DUN kawasan saya Mambau juga ada selalu terima aduan jugalah daripada ini pemilik-pemilik kedai yang mengadu bahawa pihak penguatkuasa PBT selalu me, membuat tinjauan dan memberi kompaun kepada mereka. Dan ini amat susah pada ketika pada masa yang kritikal ini. Jadi saya berharap, saya cadangan saya bahawa kalau boleh pihak, pihak PBT, MBS kita hanya bagi amaran sahaja atau bagi notis dan supaya jangan memberi kompaun terlalu, terlalu berat kepada mereka dan menambah kesusahan mereka. Jadi ini cadangan saya. Dan saya rasa kebanyakan rakyat di Negeri Sembilan, mereka pun ada rasa perubahan, perubahan di sekeliling di, di kawasan di seluruh kawasan Negeri Sembilan. Ini ialah, ini ialah satu tindakan yang amat, amat cerdik sekali dan saya ingin nak mengambil kesempatan ini memberi apa ni, memberi, mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang di, di bawah pimpinan Menteri Besar dan pimpinan Exco, barisan pimpinan Exco sekalian. Jadi dan saya berharap pengurusan se, semasa, semacam ni boleh diteruskan pada masa yang akan datang.

Jadi ini yang, akhirnya yang saya ingin ucapkan, ini hal, untuk ucapan apa ni, untuk usul ini, dan saya sokong. Saya sokong apa yang di, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Chennah tadi. Terima kasih Dato' Yang, Dato' Yang Dipertua.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Mambau. Yang Berhormat yang nak ambil bahagian. Silakan, Seri Menanti. Seri Menanti. Jangan gaduhlah.

**YB ADUN Seri Menanti:** Tak ada gaduhlah, kita baik, jiran. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri terutamanya Chennah kerana telah

membawa usul untuk kos sara hidup yang mana dalam keadaan masyarakat atau rakyat yang tertekan ya, dengan kenaikan sara hidup sekarang ini, kita mengambil satu langkah untuk mengurangkan beban mereka dalam mereka mengharungi suasana yang tidak menentu ni. Dan ingin saya tegaskan bahawa kenaikan harga barang ni sebab bukan Barisan Nasional, seperti sebut tadi. Harga barang ni seluruh dunia naik. *Singapore* lagi naik. Inflasi di *Singapore* lebih tinggi daripada Malaysia. Indonesia inflasi lebih tinggi daripada Malaysia. Begitu jugak di, di apa, di Amerika, dia lebih tinggi daripada Malaysia. Jadi janganlah ya, perkara yang sepatutnya kita membela rakyat, kita politikkan.

Jadi sebab itulah apabila disebutkan oleh YB Chennah tadi ya, kita mengambil ketetapan untuk memberi sokongan ya, kepada langkah kerajaan dengan saya fikirkan ada beberapa perkara lagi kita perlu tambah ya. Dalam yang disebutkan tadi iaitu ya, kita mem apa, me, menyekat atau, ataupun, erti kata lain tidak menaikkan ya, sebarang kenaikan pada cukai dan jugak ya, perkara-perkara yang terlibatlah. Dan saya ingin tambah lagi iaitu salah satunya denda kepada cukai. Lewat bayar cukai, kita kena denda. Dan denda ini dikurangkan. Sekurang-kurangnya kita dapat menahan ataupun mengekang beban kepada golongan-golongan ataupun rakyat yang ada dalam apa ni, di Negeri Sembilan ini. Bagi saya ini tidak melibatkan apa tu, kutipan hasil. Itu yang disebut oleh yang Berhormat Rantau tadi ya, yang mana kita tak sampai pun 100%, hanya 80, 80% je tadi ya, 83% kalau tak silap saya ya. Dia tak menjejaskan itu ya. Yang mana ia memberikan sedikit nafas ya, kepada rakyat kita kepada masyarakat kita yang terutamanya yang berada di kampung. Dengan tambahan seperti saya kata tadi, iaitu ya, me, apa ni, me, membatalkan jugak bayaran lewat ataupun denda lewat ya, untuk tahun ni ya, kepada pembayar-pembayar cukai ini bagi saya adalah satu langkah yang baik jugak. Dan kalau disebut jugak inflasi tadi. Saya dah kata tadi, seluruh dunia, seluruh dunia mengalami inflasi ya bukan negara kita. Seluruh dunia akibat daripada serangan pandemik COVID-19, maka yang semua, yang apa ni, semua tersasar ya, daripada apa yang telah dirancang, apa, yang telah dirancang oleh negara ini.

Dan saya juga ingin mencadangkan iaitu jihad ekonomi yang disebut oleh pemimpin kita. Seperti fasa 1 tadi dia punya kaedah iaitu jualan murah Keluarga Malaysia, jualan murah Keluarga Malaysia kan betul tak? Dia lebih kurang kan, jualan murah Keluarga Malaysia kan? Jadi, yang mana kita perkenalkan pada setiap DUN ya, bukan saja DUN-DUN di bawah Barisan Nasional, tetapi jugak ya, di DUN, di DUN yang PH jugak ya, diperkenalkan ya, program yang seumpamanya ini, yang tadi diakui tentang manfaat dia ya, kepada masyarakat. Jadi ini kita perlu perluaskan sama.

Jihad orang tengah jugak, iaitu yang mana saya nak ambil contoh, harga sayuran. Harga sayuran, untuk makluman Timbalan Yang Dipertua, kalau di tempat saya harga limau kasturi ya, diambil oleh orang tengah dengan harga 2.00 ringgit, ataupun 2.50 ringgit. Tapi di pasaran, yang kita tengok dijual dengan harga 7.50 atau 8.00 ringgit. Bermakna orang tengah, orang tengah dapat 5.00 ringgit keuntungan dia. Lagi besar daripada pengusaha ataupun pengusaha sayuran tadi ya. Dan ini yang perlu kita, kita tangani ya. Itu yang saya sebut tadi, jihad orang tengah. Saya harapkan ya, kita punya Exco pertanian ya, boleh mengambil langkah untuk macam mana ya, kita boleh mengurangkan ya, peranan orang tengah ya, di dalam apa ni, dalam ekonomi orang kampung tadi. Banyak lagi kalau saya nak ambil contoh ya, yang mana harga jualan ya, yang dibuat oleh orang kampung, yang mana 5 tahun dulu, harga yang sama, sehinggalah sekarang ya. Kalau kita tengok jagung dijual di pasaran ya, dua, dua, dua, apa, dua, dua, 2 ketul jagung ya, 2 ketul jagung ya, di pasaran gred A – 5.00 ringgit. Tetapi ya, orang tengah ya, membeli pengusaha jagung tadi, yang penanam jagung tadi hanya dengan apa ni jumlah 83 sen. Jadi 2, maknanya [ringgit]1.66 sen. Berbanding dengan dia, mereka jual tadi, 5.00 ringgit. Jadi kita, kita melihat bahawa peranan orang tengah, orang tengah memainkan peranan untuk meraih keuntungan yang cukup tinggi, yang menyebabkan harga pasaran melambung. Yang menyebabkan jugak ya, kita ya, pembeli yang terpaksa membayar dengan harga yang tinggi.

Jadi selain daripada kita mengurangkan ataupun apa tadi, tidak menaikkan cukai, cukai tadi ya, di dalam negeri tadi, kita jugak hendaklah sama memainkan peranan iaitu untuk memerangi ya, orang tengah tadi supaya kita punya harga pasaran, harga ditentukan oleh pasaran. Saya nak ambil contoh, ayam yang satu ketika sampai 12.00 ringgit satu kilo, 12.00 ringgit lebih satu kilo. Apabila harga diapungkan, apabila AP dibuka ya, maka walaupun ada kartel-kartel yang berperanan, tapi mereka tidak dapat melawan ya, pasaran yang telah dibuka ni, yang berlaku lambakan ya, di dalam negara kita. Hasil dia, bukan sahaja disebut oleh Chennah tadi dalam [ringgit]9.60 sen tadi harga siling tadi, tetapi kita boleh lihat sekarang, harga ayam lebih rendah lagi, rendah daripada 8.00 ringgit dan boleh kita dapati sekarang ini ya, di pasaran. Ini contoh ya. Yang mana tadi, betul tak kan? Yang mana tadi bahawa peranan orang tengah tadi, peranan kartel tadi yang telah memanipulasikan kita punya ekonomi negara, pasaran kita yang menyebabkan pengguna terpaksa menanggung ya, menanggung kenaikan harga barang ini. Jadi, kenaikan harga barang ini bukanlah ya, disebabkan oleh tadi, oleh, ditentukan oleh kerajaan.

Kehilangan minyak tadi, subsidi minyak ya, heboh ya, kita tengok dalam, dalam surat khabar ya, minyak kita yang disubsidikan banyak di Danok ya, banyak di Padang Besar, banyak di Hatyai ya, banyak, minyak, minyak masak yang disubsidikan. Ini sebenar dia kita perlu salahkan penguatkuasaan kita. Lomah penguatkuasaan kita. Kita salahkan kepada apa tu, apa, pe, penyeludup. Kita tak boleh salahkan penyeludup, Yang Dipertua. Penyeludup ni memang kojo eh menyeludup barang. Kalau dia tak menyeludup, dia tak ada kerja. Betul tak Dato' Dipertua? Betul tak? Kalau penyeludup, dia tak buek kojo ni, dia tak masyuk. Betul tak? Tak ada gaji dia. Jadi gaji dia adalah hasil dari dia bekerja tadi, menyeludup. Tapi yang kito ni, penguatkuasa kita ni ontok ni apa hal, kan. Diam je, tak ambil tindakan. Jadi banyaklah subsidi-subsidi tadi, yang dikeluarkan oleh kerajaan tadi diraih oleh orang asing. Oleh orang luar. Ini jugak ya, kita perlu ambil perhatian ya, di negeri ini, supaya tidak berlaku perkara-perkara begini ya, di, di negeri kita.

Jadi, apa yang saya cadangkan ni tadi, satu lagi iaitu cadangan agar kita beri bantuan terus ya, kepada rakyat yang memerlukan sekarang ini. Ramai rakyat yang memerlukan seperti yang disebut oleh, alahai rakan saya Seremban Jaya dah keluar pulak, yang disebut oleh Seremban Jaya tadi. Saya akui ya. Bukan saja Seremban Jaya, tetapi saya ingat semua dia termasuklah Yang Amat Berhormat Sikamat ya, menerima kunjungan daripada golongan-golongan yang tidak berpendapatan, datang jumpa kita. Kita sebagai rakyat ya, tak ada cerita lain dah kita bantulah dia, kenalah bantu dia. Ni saya tak sebut yang tadi. Jadi, peranan kita sebenarnya Kerajaan Negeri besar lagi ya, untuk membantu mereka ini. Sebab itu saya mencadangkan supaya kita memberi bantuan terus ya, kepada apa ni, mereka-mereka yang memerlukan ini. Walaupun kita, saya tahu kita ada Baitulmal yang membantu asnaf dan sebagai dia, tetapi ramai lagi ya, golongan B40 ini yang perlu kita bantu lagi.

Dan, Dato' Yang Dipertua, itulah cadangan saya tadi. Tambahan ya, daripada apa yang telah diusulkan oleh YB Chennah tadi ya, supaya kita dapat apa ni meringankan kos sara hidup ya, rakyat kita terutamanya di dalam Negeri Sembilan ini. Dan bagi saya ya, di DUN Seri Menanti, saya akan melihat bagaimana kesusahan dan kepayahan yang berlaku. Bukan sahaja oleh kos kenaikan sara hidup ya, tetapi dengan, dengan apa ni, dengan bencana-bencana yang menimpa ya, di kawasan saya tadi yang menyebabkan ya, mereka lagi susah lagi. Dalam soalan saya tadi, saya sebut jugak ya, dalam soalan saya, lisan tadi, tapi tak di, tak di apa, tak dapat diutarakan ya, saya sebut jugak tentang berlakunya banjir lumpur ya, yang menyebabkan kerosakan harta benda di rumah dan sebagainya, yang sepatutnya tidak berlaku pun ya. Disebabkan

oleh ya, ada apa ni, ada pengusaha yang menarah ya, yang menarah tanah-tanah bukit ini, gondol bukit di, bukit di, di, dibuatnya. Akhirnya bila hujan ya, telah membawa lumpur, banjir lumpur telah berlaku dan menyebabkan orang yang duduk di bawah ya, di bawah kaki-kaki bukit ini menerima padah. Jadi ini jugak ya, satu apa ni, satu perkara yang perlu kita ambil perhatian, yang kerajaan perlu ambil perhatian ya, yang mana ia menyusahkan rakyat kita. Saya ingat bukan saja berlaku di Seri Menanti. Banyak tempat-tempat yang berlaku ya, perkara-perkara macam ni ya, kerana kerakusan tadi ya, pengusaha yang cuba mengaut keuntungan dengan kerja-kerja yang mudah tadi. Dan saya harapkan jugak ya, kita Kerajaan Negeri dan penguatkuasa kerajaan di negeri ya, mengambil tindakan supaya kita dapat aman. Kita dapat hidup dengan selesa. Bukan sahaja kita mendapat, dapat membantu dari segi kos sara hidup tadi, tapi kita dapat membantu dari segi kebahagiaan keluarga yang di dalam ya, negeri kita ini.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya rasa itu sahaja. Dan saya ucapkan sekali berbanyak terima kasih ya, tahniah kepada apa ni, Chembong dan saya dengan itu menyokong ya, usul kos sara hidup yang telah dikemukakan tadi. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Chennah-lah.

**YB ADUN Seri Menanti:** Chennah. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Seri Menanti. Saya mintak terus Yang Berhormat Johol.

**YB ADUN Johol:** *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.* Salam sejahtera. Terima kasih Dato' Timbalan Yang Dipertua Dewan. Pertamanya saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas kebenaran dan jugak, diberikan peluang untuk bersama-sama membahaskan usul yang telah dibawa oleh Chennah pada pagi tadi berkaitan dengan usul berkaitan dengan kos sara hidup dan jugak tekanan hidup rakyat yang kita sedia maklum pada akhir ini memang begitu ketara sekali. Jadi kita sedia maklum perkara ini berlaku adalah disebabkan rentetan daripada wabak pandemik COVID yang kita telah alami satu ketika dahulu, 2 tahun yang lepas dan rentetan daripada pandemik ini masalah kos sara hidup ya, masalah bencana alam telah menyebabkan satu, kesusahan akhir-akhir ini kepada rakyat begitu ketara sekali. Bercakap soal kos sara hidup ini, kita tidak nafikan sebenarnya dalam keadaan inflasi yang begitu orang kata tu, peningkatan di seluruh dunia, tetapi kita di Malaysia ini *alhamdulillah* kan, masih lagi berada daripada tahap, pada tahap 3.5% dibandingkan negara-negara lain, mahupun seperti mana rakan-rakan saya bercakap

awal tadi, di seluruh dunia ya, mahupun di Eropah, di negara-negara kuasa besar, kadar inflasi ini meningkat begitu tinggi sekali.

Jadi, pada, bercerita soal kenaikan harga barang ini, sebenarnya kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang telah banyak melakukan inisiatif-inisiatif khusus untuk membantu rakyat yang terkesan akibat daripada masalah inflasi ini. Jumlah yang diperuntukkan, subsidi yang telah diumumkan oleh Yang Amat Perdana Menteri sebanyak 77.3 bilion untuk subsidi bersasar. Satu jumlah angka yang begitu besar, yang sedikit sebanyak boleh membantu rakyat yang terkesan. Jadi kalau nak dibandingkan usul yang kita cakapkan pada, yang apa yang dibentangkan oleh Chennah pada pagi tadi, nak dibezakan usul ini dengan jumlah angka 77.3 bilion yang telah diumumkan oleh Yang Amat Perdana Menteri, saya rasa apa yang dikatakan oleh Chennah itu, hanyalah sebahagian kecil sahaja, peratusan yang kecil sahaja daripada jumlah apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu rakyat.

Kita sedia maklum Kerajaan Persekutuan juga telah banyak orang kata tu, insentif-insentif lain seperti pengecualian PTPTN ya, dengan mengadakan satu jawatan kuasa ya, jihad inflasi dan banyak perkara-perkara yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan khususnya untuk mengekang dan jugak yang utamanya ialah untuk membantu rakyat yang begitu terkesan seperti mana yang dikatakan oleh ramai ahli-ahli Dewan tadi, sebelum saya berucap ini.

Jadi Dato' Yang Dipertua kan, bercakap soal inflasi ni jugak kan, saya menyokong penuh apa yang dikatakan Chennah tadi, kerana terpaksa orang kata tu, bercakap soal kesaksamaan kita kan. Dari segi pembangkang ke, dari segi kerajaan ke, bila bercakap soal inflasi, masalah rakyat ini, kita tidak boleh lari, kita harus bersama untuk menangani apa yang dihadapi oleh rakyat ketika ini. Ramai jugak yang berkata tadi kan, ada jugak yang berkata soal apa yang dikatakan oleh inisiatif yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri iaitu berkaitan dengan cukai, sewa ya, dan jugak caj di bawah Pihak Berkuasa Negeri dan jugak Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi nampaknya usul ini dia lebih tertumpu kepada usaha Pihak Berkuasa Negeri yang mungkin rata-ratanya terlibat ialah kawasan-kawasan yang di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Boleh dikatakan bandar, dan mungkin yang, apa yang disentuh dalam usul ini tidak, orang kata tu, secara mikronya pergi ke kawasan luar bandar yang mungkin di bawah bukan orang kata tu, Pihak Berkuasa Tempatan dan jugak kawasan-kawasan yang terlibat dengan seperti Pejabat Daerah dan lain-lain lagi.

Jadi saya mencadangkan supaya dalam kita bercakap soal membantu ini ya, memang akhir-akhir ini contohnya di kawasan saya di Johor kan, saya melihat bila bercakap soal sara hidup, rakyat jugak tertekan dengan perkara-perkara yang melibatkan bencana ya. Seperti di Johor dah 3 kali bencana. 18 haribulan 12 banjir, 1 haribulan 1 banjir, dan jugak 16 haribulan 5 tahun 2022 banyak kawasan di Johor jugak terkesan dengan banjir. Saya tertarik apa yang dikatakan oleh Labu tadi ya, bila ADUN Kota mengemukakan soalan berkaitan dengan banjir di kawasan apa ni, air Pabai di Rembau kerana kawasan itu jugak sebenarnya bersebelahan dengan kawasan Kuala Pilah ya, kawasan Kuala Pilah jugak terkesan. Dan saya mendengar jawapan yang dijawab, dikemu, yang di, diterangkan oleh Labu tadi, maklumkan dia mengaku ada pembukaan-pembukaan hutan ya, melalui drone yang telah digunakan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang terlibat, mungkin ada pembalakan haram. Jadi saya amat berharap kepada Kerajaan Negeri, saya berada di lapangan ketika banjir itu, dan saya jugak menerima maklumat daripada agensi-agensi yang, orang kata tu, yang terlibat terus dengan banjir seperti JPS ya, mengatakan bahawa di hulu sungai ada lumpur-lumpur yang tidak sepatutnya ada ya. Jadi bila ada lumpur di hulu sungai ini bermakna ada pembukaan-pembukaan tanah di kawasan hulu sungai. Pembukaan tanah ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya Jabatan Hutan dan jugak agensi-agensi yang berkaitan supaya diadakan satu peraturan yang khusus sebabnya saya dimaklumkan, saya difahamkan pembukaan hutan ini kadang-kadang dia tidak berskala besar, tetapi hanya berskala kecil. Berskala 2 ekar, berskala 4 ekar. Jadi bila, walaupun berskala kecil 2 ekar ataupun tidak, pembukaan secara total hutan itu, tetapi akibat daripada pembukaan tanah itu sebenarnya ada *effect*-nya kepada aliran sungai di hulu. Jadi saya amat berharap kepada Kerajaan Negeri supaya memantau perkara ini supaya perkara ini tidak kurang, berulang lagi.

Jadi, soal, cakap, balik kepada usul kita iaitu usul berkaitan dengan sara hidup ini kan. Saya ingin menarik perhatian Dewan ya. Jadi, unjuran bajet tahun 2022 ya, Kerajaan Negeri memaklumkan iaitu defisit sebanyak 122 juta ya. Unjuran bajet tahun 2021 kan, 120 juta. Unjuran bajet tahun 2020 kalau tak silap saya 88 ya. Haa ya, defisit ya. Dan total ialah lebih kurang 200 juta. Tapi dalam usaha kita nak mengawal kos sara hidup ini kan, saya jugak nak bertanya kepada Kerajaan Negeri kan, kita bercakap soal nak membantu rakyat dari segi yang terkesan, tetapi saya nak bertanya jugak apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan pendapatan negeri. Ini penting jugak. Kita cerita nak bantu orang, tetapi sebenarnya keadaan kantung kita semakin lama semakin berkurangan. Sebabnya ramai mencadangkan tadi ada cadangan yang mengatakan kita apa ni, tak payah kutip sewa ya, kita

tak, kita, kita batalkan saman. Betul kita batal saman. Itu bagus sebenarnya, itu dekat di hati rakyat. Tetapi kepada Kerajaan Negeri, seharusnya ada satu mekanisme sebagaimana nak mempertingkatkan defisit yang telah kita alami ni, dan saya bimbang dalam bajet yang akan dibentangkan pada tahun, untuk tahun 2023 kita masih berada defisit yang lebih tinggi lagi.

Jadi Dato' Yang Dipertua ya, sebenarnya banyak rakan-rakan saya dah bercakap soal bagaimana nak membantu sebab matlamat kita kan, ialah untuk membantu rakyat. Program-program yang telah kita adakan, Program Jualan Keluarga Malaysia ya. Saya jugak ingin menarik perhatian ya, kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri yang ada di kawasan-kawasan kan. Dalam kita bercakap soal inflasi, soal sara hidup ini kan, seharusnya pemimpin-pemimpin tempatan, Kerajaan Negeri, kalau kami pemimpin Persekutuan kami ada JPKKP kami. Tetapi saya menyeru kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri, dalam keadaan kita bercakap soal inflasi, soal kos sara hidup yang meningkat, tetapi apa yang saya tengok masih lagi kita bercakap soal politik itu masih lagi menebal di ka, di, di kalangan agensi-agensi negeri ini. Baru-baru ini kita terima bahawa banyak imam-imam ya, yang terlibat dalam JPKKP diarahkan meletak jawatan dalam keadaan mereka, orang kata tu, kita berdepan dengan satu masalah utama, tetapi kita dibebani dengan isu-isu yang lain kan. Ini sebenarnya, dalam keadaan kita nak bersama, saya rasa, benda ini tidak sepatutnya berlaku.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya tidaklah nak mengambil masa yang panjang dalam membahaskan usul ini selain daripada menyokong usul yang telah bawa oleh apa ni, oleh Chennah tadi. Jadi saya jugak nak mencadangkan agar usul ini sebenarnya, seperti mana yang saya kata awal tadi, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan satu jumlah yang tinggi, 77.3 bilion untuk membantu rakyat, sedangkan usul ini hanya bercakap soal orang kata tu, mengurangkan, membekukan kadar, kadar sewa, kadar caj di bawah PBT ya. Adalah lebih baik sebenarnya dalam isu kita bercakap soal ke, kesah, apa ni, kebersamaan kita ini, usul ini kita tambah jugak kan. Kita bercakap soal usul ini, tetapi kita tambah lagi, kita menyokong usul, usul ini apa ni, masalah ini dan kita, kita tambah menyokong jugak usaha yang telah dibawak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan jugak Kerajaan Persekutuan dalam menangani kos sara hidup yang meningkat ketika ini. Jadi itu saja Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Johol. Saya mintak siapa lagi 2 orang boleh ambil bahagian. Siapa nak? 2 orang lagi. Sungai Lui.

**YB ADUN Sungai Lui:** *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT,* salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Terima kasih kepada Dato' Yang, Dato' Timbalan Yang Dipertua, kerana memberi peluang kepada Lui untuk mengambil peluang dalam perbahasan pada kali ini. Hari ini dalam usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Chennah tadi, iaitu berkenaan tentang kos sara hidup dan juga inflasi ya, di mana YB DUN Chennah mengakui tentang kesan ekonomi pada kali ini, bukan sahaja disebabkan oleh, bukan sahaja berlaku di dalam negara kita malahan ya, yang menjadi masalah global ataupun dunia di mana kesan daripada, daripada peperangan antara Rusia dan juga Ukraine dan juga kesan daripada COVID-19. Justeru itu, pada kali ini kita bersoli, bersolidariti untuk kita berbincang dan mencari jalan bagaimana untuk kita membantu rakyat kita khususnya di Negeri Sembilan ini.

Yang menjadi isu nombor 1 ya, pada kali, pada negara pada hari, kali ini iaitu kita dapat lihat kesan daripada peperangan, kesan daripada COVID ni di mana rakyat hidup dalam keadaan sukar pada hari ini disebabkan oleh kenaikan harga barang dan juga kadar inflasi yang kita alami ya, di mana kalau kita tengok *trend* harga barang, kepenggunaan kita dari semasa ke semasa ya, mengalami peningkatan ya. Mengalami peningkatan sama ada kalau kita tengok ya, kalau dulu teori-teori yang kita dengar dulu, ada GST ke tak ada GST, SST ke, tetap barangan naik di mana yang akhirnya menjadi ke, menjadi masalah ataupun menjadi isu di mana pelbagai masalah. Akhirnya pelbagai masalah sosial yang berlaku pada ketika ini.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya di sini merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana telah memperkenalkan Kerajaan Keluarga Malaysia di mana produk-produk Keluarga Malaysia yang kita, yang ada pada hari ini di mana di dalam kita membantu untuk kita mengurangkan kesusahan rakyat yang berlaku pada hari ini dan termasuk ya, di mana pendekatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada MoU bersama dengan Parlimen, pembangkang sebagainya, di mana kalau kita tengok hari ini, daripada MoU tu, semua Ahli Parlimen ada bajet dan sebagainya. Dan bajet ini digunakan untuk, dalam keadaan untuk kita membantu rakyat dalam keadaan kesusahan hari ini. Dan seperti yang diperkatakan oleh ADUN Chennah di mana, tahniah juga kepada KPDNHEP di mana jualan Keluarga Malaysia yang telah diperkenalkan dan ada di kadang, di kalangan Ahli Parlimen bukan sahaja Ahli Parlimen kerajaan malahan Ahli Parlimen pembangkang yang menggunakan peruntukan mereka untuk bagi subsidi kepada jualan Keluarga Malaysia. Dan ini diakui bahawa melalui Program Jualan Keluarga Malaysia ni dapat membantu

di dalam kita me, mem, sama ada kita mem, memberi stok bekalan. Pada satu ketika stok bekalan minyak masak bersubsidi dalam keadaan yang sukar satu ketika dan melalui jualan Keluarga Malaysia kita dapat stok, kita dapat bekalkan stok-stok minyak masak terutama dalam kita nak menghadapi musim-musim perayaan pada satu ketika, pada satu ketika itu ya. Dan ini kita perlu akui bahawa keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan melalui pucuk pimpinan kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kitalah.

Dato' Yang Dipertua ya, bagi kami, bagi kami kawasan DUN Sungai Lui terletak dalam kawasan Parlimen Jelevu dan Parlimen Jelevu ni kawasan agropolis. Di kawasan Parlimen Jelevu kita ada beberapa kawasan yang kita boleh bagi tumpuan iaitu kita ada pusat pengeluar makanan kekal kita yang, produk-produk yang kita ada. Ini perlu kita teruskan untuk kita menjadikan ataupun menyahut cabaran dan juga hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan seba, *Negeri Sembilan Food Valley* ni ya. Kalau kita tengok, daripada soalan lisan, soalan bertulis yang saya kemukakan ya, penglibatan golongan belia ataupun anak-anak muda di Jelevu ya, kalau kita tengok statistiknya di sini, 2022 kita hanya ada 3 orang, jumlah belia yang menceburi, golongan, bidang pertanian ni, dan kalau kita, harapan kita supaya penglibatan golongan belia ataupun golongan muda ni kita tambah melalui program-program yang boleh kita bantu golongan anak-anak muda ni untuk mereka jadikan sebagai, pertanian sebagai satu perniagaan. Pertanian yang boleh mem, memberi pulangan ataupun pekerjaan utama memberi pendapatan kepada anak-anak muda ni khususnya. Di Jelevu ataupun kawasan felda ni, kita ada pelbagai, pelbagai kemudahan terutama bagi kawasan felda khususnya, kita boleh buat penumpuan, kita ada padang-padang ragut yang percuma, yang luas. Yang perlu kita buat adalah sokongan dan galakan ya. Sokongan dan galakan kepada anak-anak muda yang menceburi bidang-bidang pertanian, bidang-bidang ternakan ini supaya mereka boleh kita kumpul dan kita bagi cadangan, kita bagi bimbingan kepada mereka untuk mereka melakukan aktiviti-aktiviti ini dengan sistem yang betul, yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan pada mereka pada satu ketika nanti.

Dato' Timbalan Yang Dipertua ya, dalam keadaan susah ya, hari ini ya, saya nak bawak satu isu di Air Hitam baru-baru ini ada penguatkuasaan iaitu mengosongkan premis kerajaan ya, yang telah diusahakan sejak sekian lama. Orang dah berniaga 30 lebih tahun, dapat notis. Dan mereka dalam keadaan sukar ya, dan dalam keadaan susah. Makna mereka terpaksa dalam notis tu kena mengosongkan, kena mengosongkan premis yang, yang ada tersebut disebabkan di, di apa, dilakukan dalam kawasan tanah kerajaan ya. Dan benda ni dah lama. Dah 30 lebih tahun. Hari ini mereka terpaksa mengosongkan premis

perniagaan dan sebagainya, situ ada balai, kita ada orang buat kimpalan besi dan sebagainya, mana mungkin dalam keadaan kita ber, dalam notis tu perlu mengosongkan bangunan tersebut, ataupun premis tersebut pala, tarikh akhirnya 8 haribulan ni, dah 8 haribulan. Kalau boleh saya mintak pertimbangan daripada Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga PBT ataupun Pejabat Tanah supaya kalau kita nak suruh dia keluar pun, bagi tempat premis perniagaan ataupun kita tangguhkanlah dulu penguatkuasaan yang ingin diambil ini.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya jugak nak bawak tentang penternak-penternak. Nasib penternak-penternak di kawasan pinggir-pinggir bandar. Kita ada, kadang-kadang mereka dalam keadaan sukar. Padang ragut yang tak ada, duduk di pinggir-pinggir kampung ataupun pinggir-pinggir bandar ni, lembu ya, yang berkeliaran di, akan diambil tindakan oleh PBT. Tetapi mana mereka nak letakkan lembu-lembu ataupun binatang ternakan mereka. Dan kita harap supaya penternak-penternak ini jugak dibantu, diberi khidmat nasihat ataupun dibe, ataupun ada kawasan ragut yang boleh mereka gunakan, dekat arahkan, binatang ternakan mereka untuk, untuk mereka meneruskan khid, kegiatan ekonomi sara hidup yang dilakukan di, di satu kawasan-kawasan kampung, di kawasan pinggir-pinggir bandar.

Dan ada jugak ada rungutan. Saya tak tahu betul ataupun tidak ya. Iaitu padang-padang ragut ada sewaan kepada padang-padang ragut. Ini saya tak tahulah. Kalau ada, dalam keadaan hari ini kita bagi pertimbangan kepada penternak-penternak kecil khususnya. Kalau fidlot ini mungkin okay, tetapi kalau, kalau bagi sara hidup ataupun sara diri dalam keadaan hari ini kita nak kenakan sewa dan sebagainya tak, kita, kalau boleh kita bantu penternak-penternak ni untuk mereka meneruskan kegiatan mereka. Dan inilah dia punca setahun sekali mereka untuk mereka menambah pendapatan sama ada di musim-musim raya korban dan sebagainya.

Yang seterusnya, saya jugak menyokong penuhlah supaya, sukan permotoran, *motocross* di kawasan Air Hitam, Air Hitam yang tadi dan seperti dinyatakan tadi, di mana kalau boleh di situ jugak kita mintak sebagai gelanggang ataupun tapak yang tetap sementara tapak tersebut tidak digunakan. Kita bagi kelonggaran dan juga kita bagi peluang kepada anak-anak muda untuk mereka meneruskan kegiatan-kegiatan sukan mereka. Dalam keadaan pada hari ini, lepas mereka bekerja di ladang dan sebagainya, mereka boleh lepaskan tekanan dan sebagainya ya, hari ini dalam keadaan hidup dalam keadaan tekanan, kesusahan mereka, mereka boleh layan *motocross* dan sebagainya. Dan ini kalau boleh ya, kita masukkan jugak sebagai, dalam kalendar, dalam kalendar

permotoran kita di mana Bandar Seri Jempol kita dah masukkan, dijadikan sebagai bandar permotoran. Dan dibawak juga ke sebelah iaitu kawasan Air Hitam sebagai pusat ataupun gelanggang *motocross* yang kekal di situ sementara tidak ada pembangunan dilakukan di kawasan itu.

Dan untuk itu, lagi satu saya nak bangkitkan di sini jugak ya, Jelebu sebagai pusat agropolis dan kita mintak jugak ya, kita, pembangunan pertanian bertumpu di mana, contohnya di kawasan felda kita bagi penumpuan kepada ternakan dan juga buah-buahan sebagai contoh, sebagai contoh. Sebab apa kalau kita tengok musim-musim rambutan contohnya, banyak lebihan ataupun lambakan yang berlaku di kawasan-kawasan felda ni, di mana kalau kita tengok rambutan ni sampaikan tak berpetik dan sebagainya. Yang ni kalau kita boleh jugak boleh beri penumpuan untuk kita buat sektor hiliran dan sebagainya. Dan saya dengan itu, saya tak berhasrat untuk bercakap panjang dan Lui menyokong.

**YB Timbalan Yang Dipertua:** Terima kasih Sungai Lui. Saya mohon seorang lagi ahli Yang Berhormat boleh ambil bahagian, seorang. Senaling. *Thank you.*

**YB ADUN Senaling:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan *Speaker* di atas kesudian untuk memberikan saya kesempatan untuk bersama-sama membahaskan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat daripada Chennah pagi tadi. Untuk makluman, *alhamdulillahirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Qala robbisrohli sodri wayassirli amri wahlul uqdatam millisani yafqahu qauli.*

Yang berusaha Timbalan Yang Dipertua dan rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan yang sama-sama hadir dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih di atas kesudian yang, Timbalan Yang Dipertua membenarkan saya sama-sama berbahas. Dan seperti mana juga rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini, saya yakin dan percaya setiap daripada ahli-ahli Yang Berhormat ini amat bersetuju dan mereka mempunyai *common goal*, matlamat yang sama iaitu bagi memastikan usul yang telah dibentangkan oleh ADUN Chennah pada pagi tadi, disokong secara umumnya. Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, di dalam usaha kita membantu rakyat, saya yakin kesemua pihak sebenarnya berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan. Sama ada ianya daripada pihak Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri. Jadi di dalam Islam ianya memanglah kita diunjurkan untuk melakukan kebaikan ini dan berlumba-lumba untuk membantu mereka

yang kita rasa terkesan dengan peningkatan kos hidup dan inflasi yang sedang berlaku di negara kita sekarang ini.

Dan saya yakin Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat, seperti mana dinyatakan oleh beliau sebentar tadi, dalam penggulungan besok ataupun keesokan harinya, lusa, sudah tentulah akan mengumumkan serba sedikit langkah-langkah yang bakal dan telah diambil oleh Kerajaan Negeri Sembilan bagi *compliment* dengan, dengan izin, bagi *compliment* sama-sama membantu Kerajaan Persekutuan membantu rakyat yang terkesan akibat daripada inflasi dan kenaikan kos sara hidup ini.

Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, kita tahu semua sahabat saya, wakil rakyat tadi telah menyatakan bahawa inflasi dan kenaikan harga barang ini merupakan suatu fenomena global dan semua negara terkesan dan mengalami masalah yang sama. Saya berminat untuk serba sedikit mungkin melihat daripada perspektif, mungkin di antara beberapa punca kenaikan harga barang ini. Dan saya lihat antara puncanya ialah terlalu kebergantungan kita kepada produk-produk import. Sebagai contohnya, Timbalan Yang Dipertua, sebagai contohnya kenaikan harga ayam. Baru-baru ini yang kita lihat kerajaan terpaksa mewujudkan suatu mekanisme jihad *team* ataupun skuad *team* jihad inflasi ini di peringkat Kabinet, peringkat negara yang diterajui oleh Kementerian Multimedia dan Komunikasi. Peningkatan harga ayam sebagai contohnya. Kita harus akui bahawa 75% daripada kos membesarkan seekor ayam ini, Yang Berhormat Dato' Timbalan *Speaker*, ianya disumbangkan oleh makanan ataupun dedak ayam itu sendiri. Jadi rantai ini kita lihat sukar untuk kita bendung. Dalam keadaan kerajaan pada awalnya memberi pelbagai subsidi, Kerajaan Persekutuan bagi pelbagai subsidi dengan harapan mungkin pengeluar-pengeluar ayam ini ataupun pengilang-pengilang dapat membantu menstabilkan harga ayam ini. Tetapi ianya tidak berlaku.

*Alhamdulillah*, Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengumumkan suatu, saya rasa keputusan yang tidak popular, iaitu menghentikan eksport yang di, di-*produce*-kan dengan izin, yang dihasilkan dalam negara kita ini ke luar negara. Dan kita lihat keputusan tersebut, walaupun pada mulanya mendapat beberapa kritikan, terutamanya di kalangan *stake holders* di dalam pengeluaran ayam ini, dengan izin, tetapi akhirnya kita telah lihat ianya telah berjaya serba sedikit mengurangkan harga ayam ini. Jadi ini merupakan suatu perkara yang saya rasa wajar disambut oleh semua pihak, Kerajaan Negeri sambut bersama-sama dan dengan adanya begini, dengan adanya tindakan begini, sudah tentulah ianya akan lebih mempercepatkan negara kita dapat

menstabilkan harga ayam dan dalam tidak langsung membantu ya, peningkatan ataupun penurunan kos sara hidup ini supaya anak-anak ataupun rakyat kita mempunyai kuasa membeli yang lebih.

Seperti mana yang dinyatakan oleh Chennah pagi tadi, OPR yang telah diumumkan oleh Bank Negara 2.25 telah mengakibatkan *base landing rate* ataupun *standard landing rate*, kadar pinjaman asas bank-bank komersial ditingkatkan. Dengan izin, *base landing rate* ni telah mengakibatkan ansuran bulanan kita sekarang, saya yakin semua yang ada dalam Dewan ini dah dapat notis pun, daripada pihak-pihak perbankan, pihak bank bahawa kita terpaksa menambah *instalment* ataupun ansuran bulanan kita, beli rumah dan sebagainya. Ini sebenarnya Timbalan *Speaker*, akan mengurangkan kuasa membeli rakyat. Kuasa membeli masyarakat. Naa dalam keadaan inilah saya rasa mungkin Kerajaan Negeri boleh membantu memberikan bantuan-bantuan yang terus tersasar kepada orang ataupun golongan harus wajar dibela ini. Golongan *B40* contohnya. Kalau Kerajaan Persekutuan saya rasa banyaklah, nak nyatakan satu-satu, banyak. Dulunya katakan BR1M. BR1M siling dia 2,000.00 seorang dapat. Sekarang ni dinamakan Bantuan prihatian, Prihatin Nasional, seorang dapat 2,600.00 Yang Berhormat Dato' Timbalan *Speaker*. Jadi itu bantuan Kerajaan Persekutuan. Selain daripada bantuan-bantuan lainlah yang kita bagi ya.

Minggu depan *insya Allahu ta'ala*, berlapik saya cakap, dalam DUN saya, akan bagi bantuan BPK ini, kita bagi 5,000 orang tunai. Kepada mereka yang terkesan dengan banjir, pasca banjir tempoh hari, kita dah bagi yang pertamanya 1,000.00 ringgit, 2,500.00 *insya Allahu ta'ala* pada minggu depan kita akan bagi lagi 5,000.00 ringgit seorang. Tidak lain dan tidak bukan, bantuan ini bantuan untuk membantu mereka yang betul-betul terkesan dengan banjir tempoh hari. Haa ini yang saya rasakan tadi, bantuan-bantuan sebeginilah yang saya rasa boleh kita sama-sama bantu, *compliment*, dengan izin, *each other*, Kerajaan Negeri boleh melihat perkara ini.

Mungkin, kita mungkin tidak boleh, Kerajaan Negeri mungkin tidak boleh menaikkan mungkin elaun, tetapi mungkin bantuan-bantuan lain. Seperti mana yang dinyatakan oleh Juasseh dan sebagainya tadi, yang mungkin boleh dibantu mereka ini supaya mereka dapat memulakan perniagaan mereka, dalam konteks, dalam tempoh ini, Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, saya harap PBT memainkan peranan penting dalam tempoh ini, dalam tempoh keadaan kita, kita inflasi dan kadar kenaikan kos yang begitu tinggi ini, kita sama-sama membantu supaya kita mewujudkan keadaan yang *friendly* untuk mereka ini berniaga. Tadi dicadangkan kalau saman dan sebagainya, samannya mungkin boleh

dikurangkan, ataupun dibatalkan, contohnya, antara contohnya ya. Ataupun diberikan, sebenarnya pihak penguatkuasa ni ada sebenarnya ada tindakan hukuman *caution*, dengan izin, beri amaran. Dalam tempoh ini, bagi amaran kepada mereka supaya mereka, yelah kadang-kadang untung satu hari 100.00. Kena saman 200.00 ringgit. Jadi, perkara-perkara begini saya harap ianya memerlukan bantuan daripada semua pihak, contohnya PBT dan mungkin dalam konteks ini Kerajaan Negeri boleh membantu kita bersama-sama melihat perkara ini dengan lebih fokus lagi.

Kita mungkin sebagaimana saya nyatakan tadi, nak bagi bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri, sudah tentulah Kerajaan Negeri ada limitasi yang terhadlah. Bajet yang diumumkan, bajet ini untuk menghadapi inflasi tidak dinyatakan dulu dalam perbahasan bagi pembentangan bajet untuk tahun ini. Tapi mungkin dengan keadaan-keadaan begini, bantuan-bantuan yang ini, yang bantuan ini berada di dalam bidang Kerajaan Negeri ianya boleh diunjurkan. Contohnya, Yang Amat Timbalan *Speaker*, Kerajaan Negeri bercakap tentang tanah berada di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Mungkin, saya mohon mencadangkan di sini, untuk mungkin jangka panjangnya kita perkasakan semula kebun ataupun tanah ladang pertanian yang dahulunya ada dicadangkan semasa zaman pemerintahan BN, saya yakin masih ada juga lagi tapi mungkin dalam konteks ini, Yang Amat Berhormat daripada Sikamat mungkin boleh perkasakan ladang-ladang ini. Kerana saya bercakap tentang tadi, barangan pengeluaran kita yang kita terlalu bergantung kepada orang luar, negara luar. Dengan adanya mungkin stok makanan ini, stok makanan ini, dengan adanya GLC, tanah-tanah Kerajaan Negeri, tanah-tanah PKNNS yang rasa banyak, dalam DUN saya pun banyak, dalam DUN Senaling ada rizab PKNNS, yang mungkin Kerajaan Negeri boleh lihat ini supaya bantu pengeluar-pengeluar ini memberikan, kalau pertanian bagi bantuan pertanian kepada mereka supaya mereka ini boleh menjadi tempat sumber bagi rakyat di negara sembilan, di Negeri Sembilan ini bagi mencari makan dan serba sedikit seperti mana yang saya nyatakan tadi boleh mengurangkan kebergantungan kita kepada bantuan pihak luar.

Ini saya rasa, saya cadangkan ini supaya jihad kita ini, jihad bersama. Dan jihad ini saya rasa merupakan satu jihad yang akan disambut oleh golongan belia di Negeri Sembilan. Timbalan, Yang Berhormat Timbalan Dato' *Speaker*, setakat saya berucap ini, bilangan belia di Negeri Sembilan – 15 hingga 30 tahun umurnya ialah seramai 338,500 orang. Bilangan belia berumur 15 hingga 40 tahun ialah seramai 507,400 orang. Dan ini merupakan data yang diperolehi oleh *Institute of Youth Research*, dengan izin, Institut Penyelidikan Dan Pembangunan Belia Malaysia. Ya betul, saya, saya ada dengar Kerajaan Negeri ada

bagi bantuan kepada belia, terima kasih. Begitu juga bantuan-bantuan TUNS dan sebagainya, tetapi kalau ikut nisbah ini, nisbah belia yang ada sekarang ini, saya rasa penumpuan kita selepas ini haruslah diberikan kepada golongan ini yang memulakan, yang baru memulakan kehidupan mereka.

Jadi ini mungkin kita boleh melihat perkara ini, mungkin bukan, mungkin bukan di dalam penggulangan Yang Amat Berhormat Sikamat nanti, tetapi mungkin lontaran ini saya, saya berikan mungkin untuk cadangan bajet yang bakal kita, kalau sempatlah, kalau belum pilihan rayalah, Timbalan *Speaker* ya. Kalau pilihan raya, mungkin cadangan ini dilontarkan supaya masuk dalam pemikiran, *in the pull of mind*, dengan izin, Yang Amat Berhormat DUN Sikamat supaya ianya dimasukkan peruntukan-peruntukan yang sewajarnya bagi mungkin boleh menambah lagi geran-geran belia yang berada di bawah Paroi dan juga geran-geran ataupun TUNS, bantuan-bantuan TUNS PLUS yang telah dinyatakan oleh ADUN Ampangan dahulu. Jadi mungkin boleh perkasakan lagi. Kalau mungkin seribu. Kalau seribu orang penerima jikalau dibandingkan dengan 507,000 ni. Nisbah ni saya rasa begitu besar lagi. Dan mereka ini perlu bantuan yang saya yakin di peringkat *Federal*-nya telah banyak bantu mereka. Tetapi seperti mana saya nyatakan tadi, ada bantuan yang boleh dihulurkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, bantuan tanah, di bawah tanah sebagai contohnya, mungkin boleh dibagikan pajakan-pajakan kepada belia-belia ini, melalui cadangan tadi, kebun dan ladang pertanian tetap. Dan mungkin juga bantuan-bantuan yang berada di bawah bidang kuasa PBT ataupun Majlis Bandaraya.

Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, berkaitan dengan perkara tersebut, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang, tentang apa yang telah dinyatakan oleh Lenggeng pada pagi tadi. Berkaitan dengan *tagline*-lah. *Tagline* Kerajaan Negeri "bersih, muafakat, sejahtera" ini ya. Saya bukanlah jenis yang nak menyindir ni. Tetapi bagi saya, saya mohon mungkin Lenggeng boleh bersama-sama saya selepas ini, bila bercakap tentang bersih, muafakat, sejahtera. Ya bersih dari segi rohani dan jasmanilah. Contohnya saya nak bagi kat sini. Laluan Bukit Putus lama contohnya. Sebagai contoh, yang saya lalulah hampir setiap hari. Keadaan *jam* di bukit, jalan baru ini telah membuatkan kita mengambil jalan alternatif menggunakan jalan Bukit Putus lama. Tapi lihatlah keadaan jalan tersebut. Saya tidak tahu sama ada ianya di bawah JKR Negeri ataupun Persekutuan. Saya tidak tahu. Saya tidak arif tentang itu. Tetapi saya bercakap tentang keadaan di jalan tersebut yang telah menjadi *dumping site*. Telah menjadi tempat buangan sampah. Sedangkan di atas itu, Yang Berhormat Timbalan Dato' *Speaker*, merupakan tempat perkelahan, tempat aktiviti *hiking* yang menjadi

tumpuan rakyat di luar. Gunung Angsi, cuba kita tengok Sabtu Ahad, penuh dan kita lihat *plate number*, nombor pendaftaran kenderaan ini merupakan nombor pendaftaran dari luar. Rakan-rakan saya sendiri pun selalu tanya untuk datang Gunung Angsi ini sebagai suatu tarikan pelancongan yang saya rasa boleh kita *utilize*, dengan izin, perkasakan lagi. Tapi cubalah kita lalulah ya, lalu Bukit Putus ni. Sama ada daripada Kuala Pilah ....

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat Senaling .....

**YB ADUN Senaling:** Ya, terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Bagi laluan.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih. Mengenai jalan di, jalan lama ya, di Gunung Angsi tersebut, kita sedia maklum bahawa jalan tersebut adalah milik Persekutuan ya. Kita dah, sebelum ni kita dah banyak kali mintak supaya diambil tindakan ya, bersihkan. Sebab kawasan tu juga kawasan pelancongan. Dan Kerajaan Negeri telah tulis surat kepada Kerajaan Persekutuan untuk serahkan tanah tersebut ataupun jalan tersebut kepada Kerajaan Negeri. Dan *alhamdulillah* telah diwartakan kepada 16 Jun oleh Kerajaan Persekutuan untuk serah kepada Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Negeri sekarang dalam kita menerima kita akan buat banyak kerja-kerja di kawasan tersebut, *insya Allah* dalam masa terdekat.

**YB ADUN Senaling:** Terima kasih, *response* ataupun pencerahan daripada Yang Amat Berhormat daripada Sikamat sebentar tadi. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Okay itu tentang jalan. Itu saya tanya sama ada, saya sendiri pun tidak pasti, sama ada ianya di bawah, jalan di bawah JKR Negeri ataupun persekutuan. Tetapi ingin saya nyatakan di sini, ialah tentang pembuangan sampah itu. Pembuangan sampah. Saya rasa ianya sudah tentulah berada dalam bidang kuasa Majlis Bandaraya Seremban. Tidak mungkin ianya berada dalam Majlis Daerah Kuala Pilah.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, saya, mengenai pembuangan sampah di kawasan tersebut, kita telah adukan banyak kali. Dan kawasan tersebut bukannya kawasan Majlis Perbandaran tetapi kawasan Pejabat Daerah Seremban, Kuala Pilah ya, Kuala Pilah dan Seremban, di sempadan, dan dua-dua kawasan ini. Dan kita telah minta SWCorp untuk ambil tindakan ya, kerana dia yang ada punca kuasa untuk saman tetapi masih lagi berlaku. Dan saya berharap bahawa SWCorp dapat melaksanakan tanggungjawab mereka. Terima kasih.

**YB ADUN Senaling:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Sikamat, saya haraplah tindakan proaktif dan segera yang mungkin boleh dibuat oleh agensi-agensi yang berwajib ini. Kerana seperti mana yang saya nyatakan tadi, kawasan ini kawasan tumpuan. Dan apabila kita lihat ianya dah jadi tempat buangan sampah, saya rasa seseorang ataupun satu agensi mestilah ambil *take ownership* dengan izin, dengan apa yang berlaku ini. Dan saya ucap terima kasih atas tindakan tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Dato' *Speakar*, saya sekali lagilah menyokong apa juga ataupun usul-usul yang telah disampaikan oleh Chennah pada pagi tadi. Dan saya harap dan saya yakin bahawa matlamat kita, niat kita ialah untuk memastikan masyarakat ataupun rakyat kita terbela dan kita ucap terima kasih. Saya ambil kesempatan ini ucap terima kasih *in-advance*, dengan izin, mungkin dengan apa yang akan diumumkan oleh ADUN Sikamat dalam penggulungan. Dan juga tidak terhingga juga ucapan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah begitu proaktif dan begitu sensitif dengan masalah ataupun masalah permasalahan yang melibatkan masyarakat dan rakyat di negara kita ini. Saya dengan itu Senaling mohon menyokong. Terima kasih.

## 8. PENANGGUHAN MESYUARAT

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Senaling. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar saya akan menangguhkan persidangan. Sesi perbahasan usul ini akan disambung semula pada hari Rabu; 10 Ogos 2022 bersamaan 12 Muharram, 1444 Hijrah mulai jam 10:00 pagi. Sekian, terima kasih. Dewan ditangguhkan.

**[Persidangan ditangguhkan pada jam 4.58 petang]**

## PENYATA DEWAN

### PERSIDANGAN KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-14 PADA 10 OGOS 2022 (RABU)

#### HADIR:

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Kawasan</b>
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji Zulkefly Mohamad bin Omar	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
3.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
4.	YB Dato' Dr. Mohamad Rafie bin Ab. Malek	Ampangan
5.	YB Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abd. Ghani	Paroi
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Haji Ahmad	Labu
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
9.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
10.	YB Tuan Mohamad Nazaruddin bin Sabtu	Pilah
11.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
12.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
13.	TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YB Dato' Ravi a/l Munusamy	Sri Tanjung
14.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
15.	YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim	Lenggeng
16.	YB Dato' Yek Diew Ching	Chuah
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
18.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
19.	YB Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
20.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
21.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
22.	YB Dato' Seri Dr. Haji Awaludin bin Said	Kota
23.	YB Dato' Manickam a/l Letchuman	Jeram Padang

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Kawasan</b>
24.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Juasseh
25.	YB Dato' Haji Shamsulkahar bin Haji Mohd. Deli	Serting
26.	YB Dato' Haji Abd. Samad bin Haji Ibrahim	Seri Menanti
27.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
28.	YB Dato' Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar	Bagan Pinang
29.	YB Dato' Abd. Razak bin Ab. Said	Gemas
30.	YB Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali	Sungai Lui
31.	YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
32.	YB Dato' Mohd. Isam bin Haji Mohd. Isa	Gemencheh
33.	YB Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan	Senaling
34.	YB Tuan Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
35.	YB Tuan Noor Azmi bin Yusof	Pertang
36.	YB Tuan Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol

**TIDAK HADIR DENGAN IZIN**

1.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
----	----------------------	---------

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG  
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik)
2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)
3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Mohd. Khidir bin Majid)

**TURUT HADIR**

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Mohd. Amin bin Ludin)
2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA  
(Mohd. Zamri bin Md. Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10:00 pagi]

[YB ADUN Pilah tidak hadir sesi pagi]

## 1. MEMBACA DOA

**Setiausaha Dewan:** Susunan Mesyuarat. Perkara Pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Lenggeng.

[YB ADUN Lenggeng telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

## 2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

**Setiausaha Dewan:** Perkara Kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** *Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Alhamdulillahirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Rodhitsu billahi robba, wabil islami diina, wabimuhammadin nabiyya warosuula. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana pagi ini kita dapat sambung semula persidangan Dewan Undangan Negeri Penggal Kelima, Persidangan Kedua Penggal Kelima bagi hari yang kedua. Dan insya Allah kita harapkan hari ini sama-sama kita dapat tunaikan tanggungjawab kita dan memenuhi masa yang kita peruntukkan supaya semua perbincangan-perbincangan kita dapat kita jalankan dengan baik. Saya juga ingin mengingatkan diri saya dengan tuan-tuan, walaupun kita hari ini dah masuk endemik, kita masih lagi bersedia, berhati-hati, supaya kita dapat menghindarkan diri kita daripada jangkitan-jangkitan yang baru.*

Sehubungan dengan itu, saya menyeru ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, agar mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan serta tata kelakuan ketika ahli Yang Berhormat berada dalam persidangan ini. Kerjasama semua pihak dan semua yang terlibat dalam persidangan ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih. Dan saya juga mohon supaya semua perkara-perkara yang berkaitan dengan soalan-soalan yang telah disediakan, akan, akan dijawab oleh semua pihak-pihak yang berkaitan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Aminuddin bin Harun; Menteri Besar Negeri

Sembilan, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, yang hadir hari ini, semoga persidangan kita dapat berjalan baik dan kita akan pastikan bahawa agenda kita hari ini akan dapat kita lalui dengan masa yang telah ditetapkan. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum WBT.*

### 3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua).

**Setiausaha Dewan:** Perkara Ketiga, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua).

**YB Yang Dipertua Dewan:** Soalan yang pertama daripada Lenggeng.

**YB ADUN Lenggeng:** Dato' Yang Dipertua, saya bertanyakan soalan pertama.

**YB ADUN Bahau:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Lenggeng. Soalan Yang Berhormat Lenggeng adalah mengenai inisiatif pihak Kerajaan dalam membantu penduduk Bandar Tasik Senangin (BTS) Lenggeng. Untuk makluman Yang Berhormat Lenggeng, penyelenggaraan landskap yang melibatkan cantasan pokok teduhan di Bandar Tasik Senangin masih di bawah pemaju. Segala aduan daripada pihak awam melalui sistem SISPAA dan melalui Ahli Majlis, pihak MBS akan salurkan kepada pihak pemaju untuk tindakan.

Merujuk Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengeluarkan Notis Menghendaki Kacauganggu (Seksyen 82) kepada pemilik harta yang gagal menyelenggara harta masing-masing. Tindakan yang akan diambil oleh pihak MBS adalah dengan menghantar notis kacauganggu kepada pemilik harta. Sekiranya gagal patuh notis, pihak MBS akan mengambil tindakan perundangan kepada pemilik premis ataupun pemilik tanah kosong. Terima kasih.

**YB ADUN Lenggeng:** Soalan tambahan. Untuk, untuk makluman semua, Bandar Tasik Senangin ni diwujudkan sejak 20 tahun dahulu ya. Dan boleh kita katakan projek tu projek sakit ya. Dalam keadaan kita ni bekerja nak memajukan dan nak mensejahterakan rakyat, saya mengharapkan satu jawapan yang lebih baik daripada Kerajaan Negeri untuk membantu melegakan apa yang ditanggung oleh masyarakat,

penduduk di Bandar Tasik Senangin ya. Sampai bilalah agaknya ban, man, Majlis Bandaraya Seremban ya, nak biarkan ya, pemaju berkeadaan demikian ya. Dalam satu keadaan, saya duk lihat pemaju tu tak boleh nak teruskan lagi kecuali sangat perlahan. Jadi isu-isu yang bersangkutan paut dengan masalah tu akhirnya kita balik di, disalahkan. Tak ambil berat tentang mereka ya. Jadi bagi saya ya, elok pandangan ni, dan saya tanya sungguh-sungguhlah, sejauh mana kesungguhan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah yang dah berlarutan sejak 20 tahun di Bandar Tasik Senangin ini ya.

**YB ADUN Bahau:** Terima kasih soalan tambahan ataupun pandanganlah daripada Yang Berhormat Lenggeng. Saya rasa selaku ADUN kawasan, Yang Berhormat Lenggeng memang telah pun setiap kalilah, saya rasa adanya sidang DUN, beliau akan membangkitkan isu ataupun masalah yang dihadapi oleh penduduk yang tinggal di Bandar Senangin. Bagi saya, saya rasa yang paling penting seperti apa yang saya jawab dalam jawapan saya tadi, situ, pada ketika ini, dia memang masih ber, berada di dalam kawal seliaan pihak pemaju. Saya rasa itu kita perlu mengakulah dari segi undang-undang. Walau, walau bagaimanapun, saya juga mengucapkan terima kasih banyak kepada seluruh anggota Majlis Bandaraya Seremban kerana walaupun situ dia masih di bawah seliaan pemaju, tetapi sepanjang masa ini Majlis Bandaraya Seremban mahupun sejak Majlis Perbandaran Nilai pada masa dahulu, memang banyak usaha telah pun dilaksanakan untuk kita cuba membantu ataupun *facilitate* masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk di situ.

Cuma bagi saya, bagi saya ataupun bagi pihak Kerajaan Negeri, saya rasa ini merupakan salah satu pengajaran kepada pihak kerajaan, Kerajaan Negeri ataupun pihak PBT di mana sebelum kita meluluskan sebarang projek yang berskala besar, adalah tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak PBT untuk memastikan bahawa pemaju tersebut, dia benar-benar mampu memajukan kawasan tersebut dan tanpa, tanpa meninggalkan sebarang masalah yang menyebabkan kesusahan rakyat ataupun yang menyebabkan kerajaan, Kerajaan Negeri terpaksa menggunakan sumber kerajaan untuk membantu projek tersebut. Saya rasa perkara ini, Kerajaan Negeri kita sentiasa mengambil berat.

Jadi semasa Kerajaan Negeri sekarang, ketika kita meluluskan sebarang KM, kita akan me, melihat adakah projek tersebut boleh dilaksanakan ataupun tidak. Dan adakah pemaju tersebut dia mampu melaksanakan projek tersebut dengan memastikan tanpa sebarang isu yang akan diwujudkan pada masa yang akan datang. Jadi, saya rasa pandangan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat Lenggeng, kita mengambil

maklum dan kita akan teruskan usaha kita untuk memastikan kita cuba sedaya upaya untuk membantu penduduk di situ. Dan saya sentiasalah mengalu-alukan pandangan dan juga cadangan. Dan kalau ada apa-apa yang memerlukan perhatian daripada MBS ataupun pihak Kerajaan Negeri, saya apalah mohon Yang Berhormat Lenggeng dapat panjangkan kepada, kepada saya. Memang kita telah pun memberi sedikit sebanyak kelonggaran kepada pemaju Bandar Tasik Senangin sebelum ini, tetapi lihatnya walaupun adanya diberi sedikit kelonggaran, tetapi saya lihat *progress* dia memang tak begitu memuaskanlah. Saya rasa ini sesuatu perkara yang kita perlu mengakui. Dan pada masa akan datang, sebarang KM ataupun sebarang rancangan projek yang berskala besar ini, kita perlu berhati-hati. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Bahau, Yang Berhormat Lenggeng. Seterusnya saya persilakan Linggi.

**YB ADUN Linggi:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mengemukakan soalan yang pertama.

**YAB ADUN Sikamat:** *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum.* Terima kasih Linggi atas soalan pertama. Dato' Yang Dipertua, tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui pihak PDRM ialah melakukan risikan dan serbuan terhadap premis yang menjalankan judi atas talian. Berdasarkan statistik dari Januari hingga Jun 2022 yang diperolehi, sebanyak 79 serbuan telah berjaya dibuat. Seramai 93 individu telah ditangkap dan rampasan wang sebanyak 22,680.00 ringgit berbanding dengan tahun 2021 bagi tempoh Januari hingga Disember sebanyak 71 serbuan dan seramai 78 individu ditangkap.

Strategi pihak PDRM bagi membanteras kegiatan gejala judi atas talian dengan membuat risikan secara berterusan dan tindakan secara agresif. Premis yang kerap kali diserbu akan diambil tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air. Pihak PDRM sentiasa bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia untuk menyekat laman web bagi membanteras perjudian atas talian (*online gambling*). Atas maksud yang sama juga di sini saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dalam isu ini. Tindakan tegas akan dikenakan kepada mereka yang menjalankan kegiatan ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Soalan tambahan?

**YB ADUN Linggi:** Ya. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sikamat. Berdasarkan jawapan yang diberikan tadi, kita lihat tahun 2021 seramai 78 ya, individu yang, tangkapan dibuat. 2022 – 93. Jadi mungkin kita boleh rumuskan di sini, *trend* nampaknya meningkat. Soalan saya, pertamanya, adakah kita mengenal pasti siapa kumpulan sasaran kepada mereka yang me, mengusahakan judi haram ini. Dan jika kita kenal pasti, apakah usaha kita untuk memastikan kumpulan sasaran ini diberikan peringatan atau nasihat supaya mereka ini tidak terus terjerumus dalam perkara ini?

Ke, keduanya, tadi Yang Amat Berhormat Sikamat merujuk tentang premis-premis. Saya mohon sedikit pencerahan kerana saya, saya nak pastikan yang saya tanya ini adalah dijawab juga. Kerana sekarang ramai yang main judi ni, dia pakai *handphone* semata-mata. Dia, dia tak, kalau dulu dia pergi ada satu premis mesin kuda dipanggil, tapi sekarang dah, dah, dah kurang rasanya, dah kurang premis-premis judi yang sedemikian. Tetapi yang menular sekarang ini, yang menjadi satu perkara yang merunsingkan kita, merisaukan kita ialah judi *online* pakai *handphone* semata-mata. Jadi saya, saya mohon apakah usaha dan tindakan pihak kerajaan khusus untuk memastikan judi *online* pakai *handphone* ini dapat dibanteras. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Okay, terima kasih atas soalan tambahan daripada Linggi. Dato' Yang Dipertua, kita sedia maklum bahawa judi haram yang kita tunjuk hari ini, walaupun nampak peningkatan, itu bukan jumlah sebenar. Kita lihat sebenarnya, sebenarnya ramai, mereka boleh lakukan di rumah, di mana-mana mereka boleh lakukan judi haram ini kerana sekarang semua dalam talian, *online* dan kita sedia maklum bahawa ini memang sukar untuk dibanteras. Dan ramai yang ketagih dengan judi haram ini dan menyebabkan masalah rumah tangga.

Dato' Yang Dipertua, jadi untuk mencari kumpulan sasaran ini memang agak sukar kerana mereka melakukan ini secara individu. Dan saya berharap bahawa pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam akan mengadakan ataupun sentiasa membuat hebahan melalui khutbah Jumaat bagi mengingatkan supaya perkara ini dapat di, dikawal, dibanteras khususnya kepada anak-anak muda yang mulai berjinak dengan judi haram dan ketagih judi haram ini. Jadi saya berharap bahawa walaupun kita ada statistik ini, tetapi ini tidak menunjukkan keadaan sebenar yang berlaku di negara kita. Terima kasih atas soalan judi haram tersebut.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Sikamat. Sekarang silakan Chuah.

**YB ADUN Chuah:** Dato' Yang Dipertua, Chuah mengemukakan soalan pertama.

**YB ADUN Labu:** *Assalamualaikum WBT.* Terima kasih kepada sahabat saya YB ADUN Chuah, yang jugak pada Dato' Yang Dipertua. Kutipan sampah di kawasan perkampungan. Pentadbiran Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dalam proses melantik syarikat kutipan dan pembersihan sampah bagi 3 kawasan MPKK di dalam DUN Chuah. Iaitu:

- Jalan Yap Ah Peng, Kampung India Bukit Pelandok;
- Jalan 100 Ekar, Kampung Bukit Pelandok; dan juga
- Jalan Bukit Pelandok, Kampung Bukit Pelandok

Kerja-kerja kutipan sampah akan dilaksanakan pada Ogos 2022 ini. Kekerapan kerja-kerja tersebut adalah sekali dalam tempoh seminggu pada setiap hari Isnin. MPKK kawasan adalah bertanggungjawab, dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan kerja-kerja kutipan dan pembersihan. MPKK yang terlibat ialah MPKK Kampung Bukit Pelandok dan MPKK Kampung India dan Bukit Pelandok.

Untuk makluman semua ADUN dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang ada dalam Dewan yang mulia ini, masalah pembuangan sampah di kampung-kampung ini sudah menjadi agak serius. Banyak kampung-kampung telah membuang sampah-sampah, kadang-kadang tidak mengikut peraturan dan dibuang di merata-rata. Sebagaimana yang telah di-*mention*-kan oleh semalam, oleh, dalam, seperti jalan Bukit Putus lama ya. Ini termasuklah kampung-kampung sekitar. Dan saya jugak telah mengarahkan agar semua MPKK agar mengambil maklum perkara ini dan memastikan supaya sampah-sampah di kawasan kampung masing-masing dapat dikawal. Walau macam mana pun, pengutipan sampah ini memerlukan sedikit peruntukan. Jadi buat makluman semua, hanya sekarang ni ada peruntukan di, di Pejabat Daerah Dan Tanah PD sahaja. Yang lain-lain belum lagi membuat secara teratur.

Untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua dan jugak semua ADUN, sebelum proses melantik kontraktor bagi melaksanakan perkhidmatan memungut sampah di kawasan yang saya maksudkan tadi, pihak Majlis Perbandaraan Port Dickson bersama pihak SWCorp dan SWM telah menjalankan aktiviti pembersihan dan kutipan sampah secara CSR sebanyak 3 kali. Jadi walau macam mana pun, masih belum dapat diselesaikan secara sepenuhnya. Dan saya bercadang untuk mempertimbangkan, mengemukakan satu peruntukan bagi kita

mulakan *pilot project* di mana-mana kampung yang telah bersedia untuk adakan, ada rumah sampah dan untuk dimulakan kerja-kerja pengutipan sampah pada tahun akan datang. Terima kasih.

**YB ADUN Chuah:** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Masalah sampah ini sudah lama berlarutan. Dan 3 tempat yang disebut oleh Exco Luar Bandar tadi, adakah tidak yang 3 tempat ini adalah tapak pembuangan sampah yang rasmi. Sebab ada jugak aduan yang memintak kita tukar tapak pembuangan sampah itu. Dan saya harap PBT dapat mengenal pasti tapak pembuangan sampah supaya penduduk tempatan dapat mematuhi arahan terutama di kawasan perkampungan. Mohon dikemas kini langkah seperti ini diambil atau tidak dan juga kekerapan kutipan sampah tersebut. Terima kasih.

**YB ADUN Labu:** Kalau menjawab daripada semua saya rasa memang ada masalah. Memang ada masalah. Dan juga kadang-kadang bukan tempat yang dibenarkan untuk membuang sampah. Jadi sebenar tak boleh, tak ada tempat-tempat tertentu saja, dia hanya ada tempat tertentu yang jadi hal sekarang ini di bawah seliaan SWM ataupun siapa ni, syarikat pungutan sampah ya.

Walau macam mana pun, ini kena perlukan kerjasama semua pihak. Sebenarnya kesedaran, kesedaran dan juga keprihatinan untuk membuang. Kalau setakat sikit-sikit sampah ni kita selesaikan jelah di kampung-kampung ni ada kawasan agak besar. Jadi boleh selesaikan. Sama ada dikambus dalam, dikorek lubang dikambus dalamnya ataupun dibakar kecil-kecilan. Sebab bila kita nak pungut sampah terutama di kampung-kampung ini, bukan satu masalah semudah itu. Apabila kita katakan SWM mampu atau boleh mengenakan sedikit bayaran dan membuat kutipan, tapi banyak masyarakat tidak bersedia lagi untuk membayar. Walaupun dalam jumlah yang agak kecil, 8.00 ke 10.00 ringgit sebulan.

Tapi walau macam mana pun, saya mintak kerjasama semua pihak tak kiralah daripada parti pembangkang ataupun parti pemerintah, bahawa kerja-kerja ini nanti akan memberi kesan yang buruk kepada persekitaran kita. Kita buang sampah, sampah tu bila hujan masuk dalam sungai. Bila masuk dalam parit dan sungai, dia mendatangkan kesan banjir. Dan kemudian apabila benda-benda ataupun perkara yang toksik masuk ke dalam aliran air juga memberi kesan kepada kesihatan dan kepada penghidupan dalam air. Jadi untuk itu, kita memerlukan satu gerakan yang menyeluruhlah supaya kesedaran ini dapat dipertingkatkan. Dan jangan salah menyalahkan hanya kita bekerjasama untuk memastikan, begitu jugak dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menyediakan satu projek khas, untuk

menyediakan untuk membina ataupun rumah sampah dan jugak pengutipan sampah, pelupusan sampah yang boeh memberi kesan yang agak baik kepada kampung, sesuatu kampung yang telah dipilihlah. Itulah harapan saya.

Dan kita pastikan bahawa ini memang menjadi masalah ya. Kalau di taman-taman pun, walaupun ada kutipan sebenarnya banyak sampah-sampah dibuang di tempat-tempat yang tidak sepatutnya. Itulah yang sepatutnya diambil tindakan. Dan ini kerja yang berterusan, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Labu. Seterusnya saya persilakan Gemencheh.

**YB ADUN Gemencheh:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua.

**YB ADUN Klawang:** Terima kasih Yang Berhormat yang, Yang Dipertua. Dan terima kasih kepada Yang Berhormat Gemencheh.

**YB ADUN Gemencheh:** Maaf Dato' Yang Dipertua, kalau nak ikutkan soalan saya yang kedua ni adalah mengenai pencemaran udara.

**YB ADUN Klawang:** Ya, tidak, dia pencemaran udara tetapi ia berkaitan dengan ternakan. Oleh itu, soalan ini diberi kepada saya untuk menjawab. Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPVNS), terdapat hanya 2, terdapat hanya sebuah ladang ayam pedaging yang dilesenkan di bawah Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Penternakan Unggas Dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas 1996 di Kampung Ulu Yoh, Tampin. Ladang ini menepati spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak JPVNS dan telah diberikan lesen menternak unggas untuk tahun 2022.

Sekiranya pihak ladang menimbulkan kacauganggu lalat kepada masyarakat setempat, pihak JPV akan mengambil tindakan sebagaimana termaktub di dalam Seksyen 18 Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Penternakan Unggas Dan Aktiviti Berkaitan dengan Penternakan Unggas 1996. Setakat ini, tiada bukti yang jelas menunjukkan daripada apa nama ni, pencemaran udara ini ber, berpunca daripada ternakan di sini. Sekian.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Gemencheh dan Yang Berhormat Klawang. Saya persilakan Seremban Jaya.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Terima kasih Dato', Dato' Yang Dipertua, ADUN Seremban Jaya mengemukakan soalan 2.

**YB ADUN Nilai:** Dato' Yang Dipertua, berikut adalah senarai jumlah bantuan yang telah diagihkan kepada pusat ataupun rumah ibadat bukan Islam dan juga pertubuhan sejak Tabung Hal Ehwal Bukan Islam ini diwujudkan pada tahun 2019: bagi tahun 2019, jumlah penerima organisasi adalah 154 organisasi, melibatkan 1.5 juta. Pada tahun 2020 – 126 organisasi dengan 1.3 juta. Pada tahun 2021 – 118 organisasi – 8.9 juta. Pada tahun ini, sehingga Jun 2022 – 65 organisasi dengan, dengan 893 ribu. Dan jumlah peruntukan adalah sebanyak 5.6 juta. Terima kasih.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Selain daripada rumah ibadat bukan Islam, adakah NGO-NGO atau pertubuhan di peringkat negeri diberikan peruntukan untuk melaksanakan program atau aktiviti. Terima kasih Dato'.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** Dato' Yang Dipertua, daripada jumlah tersebut, contoh pada tahun ini, daripada jumlah 65 organisasi yang ke, kita telah luluskan peruntukan sehingga Jun 2022 – 12 organisasi adalah persatuan ataupun NGO yang di peringkat negeri untuk mereka melaksanakan aktiviti di beberapa tempat di seluruh Negeri Sembilan dan juga beberapa program di peringkat negeri juga pernah diadakan oleh NGO ataupun organisasi tersebut di peringkat negeri untuk setiap tahun sejak 2019. Terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Yang Dipertua, saya nak tumpang celah sikit tentang peruntukan, kalau dibenarkan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Soalan kaitan, ada berkaitan dengan tadi ya?

**YB ADUN Jeram Padang:** Ada kaitan. Terima kasih yang, Dato' Yang Dipertua. Peruntukan ini adalah untuk tempat-tempat beribadat ataupun boleh juga yang pertubuhan-pertubuhan daripada masyarakat yang bukan Islam mohon, ataupun apakah syarat jika ada NGO mohon, ada tak aktiviti yang dijalankan itu berkenaan dengan agama ataupun kebudayaan ataupun kebajikan sosial dibenarkan atau tidak. Itu yang saya minta. Satu lagi saya, pada tahun 2021 itu, saya tak dapat apa yang dinyatakan di situ, berapa pertubuhan ataupun berapa jumlahnya. Terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** So yang untuk 2021 adalah 118 organisasi dengan jumlah peruntukan sebanyak 1.9 juta. Dan berkaitan dengan soalan yang pertama tadi, oleh Yang Berhormat Jeram Padang, hal ehwal bukan Islam ini bukan hanya untuk rumah-rumah ibadat bukan Islam saja, tetapi juga seperti mana yang tadi saya nyatakan, ia juga adalah kepada semua organisasi ataupun pertubuhan yang berdaftar dengan mana-mana agensi kerajaan seperti ROS ataupun mana-mana agensi. Dan juga melibatkan aktiviti keagamaan, kebudayaan, kesenian dan juga kemasyarakatan. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Nilai. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Senaling.

**YB ADUN Senaling:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker*, Senaling kemukakan soalan pertama.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Yang Berhormat ADUN Senaling. Dato' Yang Dipertua, status kemajuan kerja fizikal di tapak projek bina baharu Pejabat Agama Daerah Kuala Pilah adalah 97%. Status semasa kerja tapak adalah pembinaan pagar bangunan. Tarikh siap semasa projek berkenaan adalah pada 15 Ogos ini, *insya Allah*.

**YB ADUN Senaling:** Yang Berhormat *Speaker*, soalan tambahan. Berkaitan dengan soalan, soalan saya tadi. Difahamkan akan ada sedikit penambahan kerja berkaitan pembinaan pejabat baru, pejabat Agama Islam Daerah Kuala Pilah ini. Jadi, agaknya apakah bentuk penambahan tersebut dan berapakah kos yang terlibat. Dan adakah penambahan kerja ini dan kos yang terlibat ini akan memberi kesan kepada milikan kosong yang bakal diserahkan, seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat sebentar tadi. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih atas soalan tambahan. Kerja yang, kerja tambahan yang diberikan kepada kontraktor adalah *working station* dengan pembinaan pagar bangunan tersebut. Dan, dan kerja tersebut dalam, dalam, dalam jadual kita. Dan *insya Allah* akan siap mengikut jadual yang ditetapkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Senaling, Yang Amat Berhormat Sikamat. Seterusnya saya pergi ke soalan berikutnya, Mambau.

**YB ADUN Mambau:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Mambau kemukakan soalan pertama.

**YB ADUN Ampangan:** Dato' Yang, Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Mambau yang bertanya tentang isu kekurangan guru di Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, pada tahun 2022, Kementerian Pendidikan telah mengisi keperluan guru bagi mengatasi kekurangan guru terutamanya di Negeri Sembilan. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telah menerima penempatan guru baharu sebanyak 5 kali iaitu pada 1 Mac 2022, 4 April 2022, 11 April 2022, 25 April 2022 dan 25 Julai 2022.

Antara faktor kekurangan guru adalah disebabkan guru bersara tetap, bersara pilihan dan isu-isu kesihatan yang kritikal. Walau bagaimanapun Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan bersama Pejabat Pendidikan Daerah sentiasa peka berkaitan dengan isu kekurangan guru di sekolah. Penambahbaikan dari semasa ke semasa sentiasa dilaksanakan dalam memastikan operasi dan aktiviti pengajaran di sekolah dapat berjalan dengan baik. Antara penambahbaikan ialah dengan melaksanakan *redeployment* guru dalam daerah dan antara daerah bagi memastikan keperluan guru di setiap sekolah seimbang dan aktiviti pengajaran kepada semua murid dapat berjalan dengan baik. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Mambau:** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan aduan keku, kekurangan guru ini telah menimbulkan masalah guru-guru terpaksa menjalankan tugas mereka dengan lebih masa dan maksudnya *over time*-lah, minta izin. Dan tugas mereka bertambah berat. Apakah rancangan jangka masa pendek pihak kerasa, pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah yang kian lama ini? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Ampangan:** Dato' Yang Dipertua, soalan ini sebenarnya berkaitan tentang Kementerian Pendidikan di bawah Kerajaan Persekutuan. Namun demikian, kita memang memahami bahawa masalah ini memang berlaku dan oleh sebab itu antara perkara yang terpaksa dilaksanakan ialah bagaimana untuk kita membuat *redeployment* apabila berlaku kekurangan guru dalam sesuatu sekolah ataupun dalam subjek yang berkenaan ya. Dan untuk melihat ke, secara keseluruhan masalah ini, harus me, melihat bagaimana dari segi perancangan secara menyeluruh dalam Kementerian Pendidikan untuk memastikan permasalahan guru ini dapat diselesaikan secara tersusun, terancang dan juga teratur. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Mambau. Terima kasih Ampangan. Soalan berikutnya ialah daripada Yang Berhormat Palong.

**YB ADUN Palong:** Dato' Dipertua, soalan nombor 2.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Nombor 2 ya.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, soalan mengenai, daripada ADUN Palong mengenai kemudahan asas Sekolah Agama Rakyat Palong 9. Dato' Yang Dipertua, Sekolah Agama Rakyat ditubuhkan di Negeri Sembilan pada tahun 1960 apabila ia telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada 21 Januari 1960. Sekolah Agama Rakyat adalah sekolah ataupun institusi yang didirikan dan ditubuhkan atas daya usaha rakyat atau komuniti setempat. Sekolah Agama Rakyat mempunyai Jemaah Pengurusan tersendiri dalam memastikan pengurusan sekolah teratur dan berjalan lancar. Penubuhan Sekolah Agama Rakyat terikat kepada peraturan pengoperasian di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996 yang bertujuan mengawal dan menasihatkan pihak yang berhasrat menubuhkan sekolah-sekolah agama di Negeri Sembilan.

Pada tahun '22, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan bagi bantuan selenggaraan kepada 21 buah Sekolah Agama Rakyat di Negeri Sembilan. Pada tahun '22 ini, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam mengambil inisiatif memohon bantuan peruntukan dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Dan MAINS telah meluluskan peruntukan sebanyak 10 ribu ringgit secara *one off* kepada 57 buah Sekolah Agama Rakyat. Peruntukan yang diberikan boleh digunakan oleh semua Sekolah Agama Rakyat untuk membuat pembelian aset alih dan aset tidak alih seperti kerusi dan meja. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat.

**YB ADUN Palong:** Soalan tambahan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tambahan?

**YB ADUN Palong:** Dato' Dipertua, ya. Berkenaan, saya khususnya perkara ini di Felda Palong 9. Dia ada satu blok baru, dan tak ada kerusi dan tak ada meja. Budak belajar ateh tikar. Jadi 10 ribu ringgit memang tidak memadai untuk kita nak membeli kerusi dan meja. Jadi adakah cadangan pihak kerajaan untuk melihat kes ini dengan lebih *detail* supaya dapat dibekalkan kerusi meja yang secukupnya di sekolah berkenaan sebab di sekolah ni ramai, seratus lebih, hampir 200 orang pelajar di situ. Jadi harap, adakah kerajaan bercadang untuk meleng, untuk melengkapkan kekurangan perabot ataupun kerusi meja di sekolah berkenaan.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya dalam minggu lepas ke 2 minggu, saya mohon dapat terima apa, surat permohonan daripada Penyelaras DUN dan pihak Sekolah Agama Rakyat untuk memohon bantuan tersebut. Dan *insya Allah* perkara tersebut akan saya timbangkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Palong ya, Yang Amat Berhormat telah memberi jawapan yang saya rasa memuaskan hatilah, *insya Allah* ya. Seterusnya kita pergi kepada soalan berikutnya ialah Temiang.

**YB ADUN Mambau:** Dato' Yang Dipertua, boleh celah sikit?

**YB Yang Dipertua Dewan:** Temiang tak dak?

**YB ADUN Mambau:** Oleh kerana Temiang tidak hadir di sidang Dewan pada pagi ini, bolehkah saya wakilkan Temiang untuk membangkitkan soalan lisan?

**YB Yang Dipertua Dewan:** Okay, kejam, yang saya lupa nak maklumkan ya. Ni saya baru dapat nota ni. Yang Berhormat Ng Chin Tsai; Temiang hari ni cuti sakit ya. Silakan.

**YB ADUN Mambau:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan kedua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Okay, soalan nombor 2.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan daripada Yang Berhormat ADUN Temiang adalah mengenai jalan Temiang - Pantai. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri melalui JKR Negeri Sembilan mengenal pasti satu kawasan berdekatan dengan persimpangan masuk dari Pantai ke laluan baru Jalan Temiang - Pantai yang sesuai dijadikan sebagai kawasan parkir, ya kita sedia maklum kawasan ini merupakan satu kawasan yang paling diminati masa kini oleh ramai peminat basikal, kenderaan bermotor dan orang ramai untuk melihat sendiri New Zealand Negeri Sembilan. Namun begitu, kita sedia maklum banyak masalah yang menyebabkan kacau ganggu terhadap lalu lintas dan menyebabkan ada yang telah dikenakan saman. Jadi Kerajaan Negeri melalui JKR Negeri Sembilan telah mengambil pendekatan ya, melihat kawasan yang paling sesuai. Walau bagaimanapun kawasan tersebut, di sepanjang jalan tersebut, walau bagaimanapun kawasan tersebut adalah tanah milik individu di Lot 20043, Mukim Pantai dengan keluasan 1.68 ekar. Dan pada yang sama

kerajaan akan mengenal pasti tempat lain yang sesuai bagi tujuan tersebut yang akan melibatkan proses pengambilan balik tanah.

JKR Negeri Sembilan telah pun mengangkat permohonan penambahan lampu jalan melalui surat jabatan pada 8 Februari 2022 kepada Cawangan Jalan, JKR Malaysia. Walau bagaimanapun permohonan tersebut tidak dipertimbangkan kerana skop kerja asal pemasangan lampu jalan bagi Projek Jalan Penghubung *Interchange* Temiang – Pantai tersebut adalah sehingga persimpangan bulatan sahaja. Sehubungan dengan itu, JKR Negeri Sembilan akan mengangkat permohonan baru penambahan lampu jalan di bawah Program Keselamatan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (*Blackspots*) dalam *rolling plan* yang akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat. Kejap ya [perbincangan bersama Setiausaha Dewan]. Memang *you* amat berguna hari ni. Terima kasih kepada yang menunggu ya. Sikit, ada ni, pasal ramai yang jumpa saya semalam, ramai yang beritahu nak selesaikan cepat. Kita punya persidangan euntuk bulan ini. Jadi, nanti saya akan maklumlah, sampai perbahasan nanti ya. Kita teruskan pada soalan seterusnya, daripada, nombor 10, Pertang.

**YB ADUN Pertang:** Dato' Dipertua, saya kemukakan soalan yang pertama.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih soalan Yang Berhormat Pertang mengenai gangguan bekalan air. Kita sedia maklum punca gangguan bekalan air semasa musim perayaan 2022:

- Isu kerosakan pada panel dan *invertor pam line, inline booster* di jajar paip yang melibatkan kawasan Pasoh, Simpang Pertang, Pertang hingga ke kawasan Geylang. Punca disebabkan oleh *power supply shortage* daripada TNB.
- Isu air tidak masuk ke kolam servis di Pasoh 4 berpunca daripada *solar charger controller* tidak berfungsi.
- Isu *Pressure Reducing Valve (PRV)* bacaan tekanan air keluar tidak stabil menyebabkan berlaku air *lock* dan, *air lock*, berlaku *air lock* dan paip pecah selepas PRV.

Langkah yang telah diambil oleh SAINS ialah:

- Rundingan bersama TNB telah dibuat bagi mengatasi isu tersebut. Penggantian secara panel dan *invertor* pam yang rosak telah dibuat oleh unit M&E secara *inhouse*.
- Pihak M&E juga telah menggantikan bateri *solar charger controller* yang baru. Pemantauan berkala telah dijalankan bagi mengelakkan kejadian berulang.
- Unit NRV, NRW telah membuat kawalan pengurusan tekanan di semua kawasan yang kerap paip pecah selepas PRV tersebut.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat.

**YB ADUN Pertang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tapi itu kita nampak tadi, di kawasan Pertang kalau kita, apa, dengar penjelasan daripada Sikamat tadi memang banyak masalah ya, banyak masalah di kawasan itu. Saya harap masalah-masalah ini tidak lagi berulang terutama di kawasan Pertang-lah. Pertama di kawasan, masa perayaan ni. Bila masa perayaan, bila anak nak, anak nak, nak daripada perantau dan balik, dia akan selalu telefon, ni tahun ni ada masalah gangguan bekalan air tak. Kalau bila berlakunya gangguan bekalan air, tak selesai kadang-kadang satu hari. Bila andai kata ada apa, di peringkat rumahnya belah bawah okay, yang di atas-atas bukit, mungkin makan masa 3 - 4 hari untuk *pressure* naik sampai ke atas. Saya harap perkara-perkara ini tidak berlaku lagi di kawasan Pertang dan di kawasan Jelebu. Saya harap ben dani dapat diselesaikan secepat mungkin. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Pertang atas soalan tambahan. *Insha Allah* perkara tersebut akan kita teliti. Dan sebenarnya kita memang menyediakan *team* untuk menghadapi krisis ketika musim perayaan. Dan oleh kerana perkara ini berlaku, bagi, saya bagi pihak SAINS memohon maaf di atas perkara yang berlaku tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Rahang.

**YB ADUN Rahang:** Terima kasih Yang Dipertua, Rahang mengemukakan soalan kedua.

**YB ADUN Nilai:** Dato' Yang Dipertua, antara kriteria utama yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi sebarang per, pertubuhan yang mengemukakan permohonan peruntukan adalah pertubuhan atau Badan Bukan Kerajaan tersebut mestilah yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia ataupun diiktiraf oleh mana-mana agensi kerajaan. Sebarang permohonan peruntukan juga hendaklah berkaitan kepada keagamaan, kebudayaan dan juga kemasyarakatan.

Bagi permohonan peruntukan sumbangan atau perbelanjaan untuk rumah ibadat bukan Islam pula khususnya, rumah ibadat tersebut mestilah terletak di atas tanah dimiliki oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau Persatuan atau Pertubuhan yang berdaftar dengan mana-mana agensi kerajaan ataupun mendapat kebenaran daripada pemilik tanah tersebut. Walau bagaimanapun, sebarang kelulusan adalah tertakluk kepada peruntukan yang sedia ada. Terima kasih.

**YB ADUN Rahang:** Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan Negeri pernah meluluskan peruntukan kepada mana-mana organisasi yang tidak didaftarkan dengan mana-mana agensi kerajaan tetapi mempunyai akaun bank yang digunakan sejak berpuluh tahun lepas?

**YB ADUN Nilai:** Terima kasih Yang Berhormat Rahang. Sehingga sekarang, memang tidak ada sebarang kelulusan diberikan kepada mana-mana organisasi yang tidak didaftarkan dengan mana-mana agensi kerajaan tetapi mereka mempunyai akaun bank. Tidak ada. Tetapi, ini untuk kita memastikan sebarang peruntukan itu dapat diuruskan dengan baik. Jika ada suatu organisasi didaftarkan dengan mana-mana agensi kerajaan seperti ROS, sudah tentu ia akan dituntutkan oleh jawatan kuasa tersebut. Tetapi jika mereka hanya mempunyai akaun bank, mungkin peruntukan itu akan diurus oleh 2 ataupun, paling maksimum pun 3 orang saja. Maka kita tidak pernah meluluskan permohonan tersebut. Tetapi jika ada permohonan itu datang daripada mana-mana rumah ibadat, kita menasihatkan mereka dan juga kita membantu mereka untuk menubuhkan organisasi ataupun jawatan kuasa di mana di, dengan ROS. Supaya mereka sudah ada ROS dan mereka ada akaun bank dan kita pernah meluluskan pun. Tetapi sekarang, selepas kita membantu beberapa organisasi seperti tu, sehingga sekarang tidak ada isu itu timbul. Jika ada pun, jika mereka memang perlu, kita menasihatkan mereka dan kita membantu pun. Ada juga membantu untuk membuka, untuk mendaftarkan jawatan kuasa di bawah ROS. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Yang Dipertua sebentar yang perkara ini juga. Jika dibenarkan oleh Yang Berhormat Nilai, saya nak celah sikit, nak berikan cadangan sikit. Dato' Yang Dipertua, tujuan asal penubuhan Unit Hal Ehwal Bukan Islam ini saya, pandangan saya adalah untuk membantu kuil, tokong dan tempat-tempat beribadat bukan Islam seperti *church* dan lain-lain lagi. Jadi itu, itu adalah penerangan asal yang telah diberikan. Jadi sekarang ini apabila peruntukan itu juga diluluskan untuk pertubuhan-pertubuhan yang bukan tempat-tempat beribadat, saya anggapkan ia adalah terkeluar daripada tujuan asal. Jadi saya cadangkan supaya pastikan segala peruntukan di bawah hal ehwal bukan Islam itu hanya ditujukan kepada tempat beribadat sahaja. Tak kira agama mana, bukan Islam itu, hanya tempat ibadat. Kalau mereka tak ada ROS, boleh kita nasihatkan untuk tubuhkan, itu adalah cadangan saya. Saya berharap Yang Berhormat Nilai dan Yang Amat Berhormat Sikamat itu lihat semula tentang perkara ini. Ini, saya anggapkan itulah tujuan asal penubuhan hal ehwal bukan Islam. Kalau begitu nanti ramai juga, banyak persatuan akan mula mohon. Ini bukan saja membebankan pihak Setiausaha Kerajaan, tetapi juga ini akan menyebabkan salah guna peruntukan tersebut oleh pertubuhan yang tak kena mengena dengan kuil ataupun bu, tempat-tempat beribadat. Sekian, terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** Dato' Yang Dipertua, seperti mana yang tadi saya nyatakan, tujuan asal permohonan, penubuhan Tabung Amanah Hal Ehwal Bukan Islam ini adalah berdasarkan kepada peruntukan juga hendaklah berkaitan kepada keagamaan, kebudayaan dan juga kemasyarakatan. Maka ini adalah termasuk rumah-rumah ibadat bukan Islam dan juga semua organisasi keaga, keagamaan selain Islam. Tetapi jika kita ada permohonan, kita akan lihat. Jika organisasi tu betul-betul ada buat aktiviti dengan mereka menunjukkan bukti dan juga beberapa kertas kerja, baru kita akan meluluskannya. Dan juga, dia juga dibantu, bukan selain daripada Tabung Amanah Hal Ehwal Bukan Islam, tetapi ia juga pernah dan juga sedang dibantu juga melalui Pejabat Menteri Besar juga. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Nilai. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Johol.

**YB ADUN Johol:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Johol soalan nombor 2.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, soalan Yang Berhormat ADUN Johol mengenai pembukaan tanah hutan. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, dasar Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dalam

memastikan pengawalan dan penguatkuasaan pembukaan tanah hutan dalam kawalan Hutan Simpan Kekal semasa secara kecil-kecilan mahupun berskala besar adalah melalui:

- i. Kerajaan Negeri Sembilan telah memutuskan tiada kelulusan baru bagi penubuhan ladang hutan dalam Hutan Simpan Kekal seperti mana keputusan Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-79.
- ii. Kerajaan Negeri Sembilan mengekalkan keputusan Majlis Tanah Negara ke-70 pada tahun 2014 iaitu tiada sebarang kelulusan aktiviti perlombongan dan pengkuarian di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal. Ianya bagi memastikan tiada perubahan kawasan Hutan Simpan Kekal kepada kawasan tidak berhutan di samping mengekalkan kesan buruk kepada alam sekitar dan penduduk setempat.
- iii. Kerajaan Negeri Sembilan menyokong komitmen negara untuk mengekalkan liputan kawasan berhutan dengan mengekalkan 23% keluasan negeri sebagai kawasan Hutan Simpan Kekal.
- iv. Melaksana dan mengekalkan amalan pengusahasilan dan pengurusan hutan secara berkekalan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal.
- v. Meningkatkan dan memperkasakan aktiviti penguatkuasaan dengan menggunakan teknologi terkini bagi membanteras aktiviti penerokaan dan pencerobohan secara haram dalam Hutan Simpan Kekal.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih. Ada soalan tambahan?

**YB ADUN Johol:** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Sikamat atas jawapan pada soalan saya tadi. Jadi saya nak tanya soalan tambahan saya, ada das, ada 5 dasar yang telah dimaklumkan tadi. Jadi salah satunya ialah berkaitan penguatkuasaan. Jadi saya nak maklumkan, nak mengambil perhatian Dewan yang mulia ini, kerana banjir di Johol pada 16 haribulan 5, sedikit sebanyak adalah berkait rapat dengan pembukaan hutan. Sebabnya saya mendapat maklum daripada pihak yang berkaitan, pihak JPS bahawa pada ketika tarikh tersebut bacaan hujan sebenarnya adalah di bawah paras yang boleh orang kata tu, menyebabkan keadaan banjir.

Tetapi saya mendapat maklum daripada kawasan-kawasan penduduk yang berkaitan, kerana banjir itu bermula daripada kawasan hulu. Seperti mana saya cakap dalam, semasa berbahas semalam ya, kawasan hulu. Jadi kalau kawasan hulu ni, dari segi teorinya tidak ada lumpur kan, kecuali ada pembukaan-pembukaan ataupun pembersihan-pembersihan muka bumi oleh individu-individu ataupun kegiatan-kegiatan seperti mana yang Labu akui ada kerja-kerja pembalakan secara haram dikatanya, dia mengaku bila dah bawak drone kan. Dah bawak drone baru mengaku ada kerja-kerja pembalakan kan. Jadi, sebenarnya apa yang saya lihat, pembukaan tanah ini seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat tadi, ada dasar-dasar tertentu kan. Isunya ialah ada pemilik-pemilik tanah yang berskala kecil, si A ada 2 ekar, B ada 2 ekar, C ada 2 ekar. Tetapi sebenarnya mereka bebas, apa yang saya lihat, mereka bebas me, membersihkan tanah masing-masing. Mungkin si B hanya nak menebang pokok-pokok besar, tetapi mungkin si A dia nak bersihkan keseluruhan.

Jadi apa yang berlaku saya lihat ialah di kawasan ulu di mananya punca bekalan air itu sendiri. Jadi saya rasa kalau tidak ada pengawasan yang teratur perkara ini, perkara ini saya yakin akan berulang sebabnya tuan-tuan kalau sidang Dewan yang mulia ini boleh tengok kan, banyak kawasan-kawasan yang telah dibuka kan, tanpa pengawalan. Sepatutnya pihak jabatan hutan ya, yang orang kata tu, yang ada *authority* dengan perkara ini, boleh orang kata tu, dari segi teknikalnya kan, memang dasarnya sudah ada, tetapi dari segi teknikalnya kena ada satu peraturan supaya kejadian banjir kilat ini ataupun hutan ini tujuannya ialah untuk menyimpan kan, air. Jadi kalau hutan dah dibersihkan maka tidak, air tidak lagi disimpan maka terus ke dalam sungai, maka kawasan di hilir akan menjadi banjir.

Cadangan saya, pihak jabatan hutan supaya ada satu peraturan, maksudnya peraturan dari teknikalnya. Katalah kita perlu membuatkan sistem perparitan kan. Kita kena siapkan apa ni, *silk pond*-nya kan. Kolam tadahan. Walaupun berskala kecil, tetapi kerana berskala kecil ni lah, kalau, kalau contohnya di kawasan saya itu, walaupun keadaan berskala kecil, tetapi ada mungkin lebih 20 - 30 pemilik yang telah mendapat geran sebelum ini. Maka bila dibukak tanah-tanah ini, maka inilah yang akan, akan orang kata tu, menyebabkan banjir ni. Jadi saya mencadangkan kepada pihak jabatan hutan supaya dari segi teknikalnya ada mekanisme yang boleh di kata tu, dicadangkan dan jugak dijadikan satu peraturan yang ketat sebenarnya supaya kejadian ini tidak berulang lagi, lebih-lebih lagi di kawasan saya di Johol ini. Jadi terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, memang satu pandangan yang baik daripada Johol. Tidak dinafikan. Tetapi kita sedia maklum bahawa memang terdapat permohonan daripada pemilik-pemilik tanah ya, yang telah diberi oleh pihak terdahulu, khususnya bersempadan dengan hutan untuk dibuat kawasan pertanian. Dan kita sedia maklum bahawa ini merupakan juga satu keperluan untuk kita membesarkan lagi tanah-tanah yang, yang telah diberimilik terdahulu supaya dapat dimanfaatkan. Tetapi apabila, apabila mereka melaksanakan perkara tersebut, mereka terlupa tanggungjawab mereka untuk pastikan bahawa tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan seperti ini. Tetapi kita sedia maklum bahawa kos untuk membina parit, apa, kalau 2 ekar nak buat pa, nak buat kolam tadahan, saya rasa kos dia cukup tinggi. Dan ini juga antara bebanan yang ditanggung oleh mereka. Dan saya berharap bahawa kita sama-sama melihat perkara ini supaya tidak berlaku, tidak berulang. Dan akan, kita akan minta supaya agensi terutamanya Jabatan Perhutanan apabila meluluskan penebangan ataupun pembersihan kawasan-kawasan tanah-tanah yang kecil ini juga, diberikan syarat supaya mereka mematuhi, supaya tidak berlaku banjir kilat seperti yang berlaku di Johol. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat. Seterusnya saya mempersilakan Lobak.

**YB ADUN Lobak:** Terima kasih Dato' Dipertua, saya kemukakan soalan ketiga.

**YB ADUN Bahau:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Lobak, yang mengenai tanah-tanah, tanah persendirian. Merujuk Akta Kerajaan Tempatan tahun 1976, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengeluarkan Notis Menghendaki Kacauganggu (Seksyen 82) kepada pemilik harta yang gagal menyelenggara harta masing-masing. Tindakan yang diambil oleh Majlis adalah dengan menghantar notis kacau ganggu kepada pemilik harta. Sekiranya gagal patuh notis, pihak Majlis akan mengambil tindakan perundangan kepada pemilik premis/ tanah kosong.

Dato' Yang Dipertua, pihak Majlis Bandaraya Seremban (MBS) akan menghantar surat kepada pemilik tanah berkenaan bagi melaksanakan kerja-kerja penstabilan cerun dengan kadar segera bagi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku. Pihak MBS juga akan membantu memasang kanvas di kawasan berisiko tinggi yang memberi kesan bahaya kepada penduduk setempat dan pengguna jalan raya. Selain itu, pihak MBS akan menghantar notis kepada pemilik tanah persendirian sekiranya ada pokok-pokok berisiko atau berbahaya

kepada orang awam untuk tindakan pembersihan kawasan. Terima kasih.

**YB ADUN Lobak:** Dato' Dipertua, terima kasih Bahau. Nampak ni akta ni di zaman 1976. Kami difahamkan mungkin yang atau, akta ni ada kekurangan. So kami nak tanya kerajaan ada kaji ke dan lebih kesan supaya masalah-masalah ni, tanah persendirian ni dapat diatasi. Sebagai contohnya macam ganggu, gangguan tu di rumah persendirian, semak samun masih sama, atau rumah kosong tu, masih sam, penuh sampah. So saya nak tanya, tambah lagi, berapa notis dikeluarkan oleh PBT dan apa kesan dia, dan apa yang seterusnya tindakan diadakan PBT. Sekian, terima kasih.

**YB ADUN Bahau:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lobak. Mengenai berapa notis yang telah pun kita keluarkan kepada pemilik tanah kosong ataupun premis yang terbiar. Saya tak ada angka tersebut sekarang. Mungkin saya akan jawab secara bertulislah kepada Yang Berhormat Lobak. Mengenai cadangan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat Lobak, bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa rumah, rumah terbiar ataupun tanah-tanah kosong ini dapat diurus dengan lebih baik, saya rasa perkara yang pertama kita perlu mengaku bahawa memang adanya kekangan bagi pihak Kerajaan Tempatan untuk kita nak buat *enforcement*. Walaupun kita boleh mengeluarkan notis, kita boleh ambil tindakan susulan terhadap pemilik-pemilik tanah, tetapi saya boleh kata di sini, kebanyakan pemilik tanah yang sengaja membiarkan premis ataupun tanah mereka terbiar dan menyebabkan pelbagai masalah kacau ganggu. Ini saya rasa ini sebenarnya sebagai pemilik tanah, kita perlu bertanggungjawab untuk memastikan tak kiralah rumah-rumah kita ataupun tanah-tanah kita dapat dibersihkan atau diurus secara berkala, ataupun memastikan dia tidak akan menyebabkan sebarang kacau ganggu.

Dan saya memang amat bersetuju dan jugak saya amat apalah, menghargai usaha Yang Berhormat Lobak, memang sepanjang masa ini memperjuangkan nasib rakyat khususnya kepada orang ramai yang sentiasa menghadapi isu masalah kacau ganggu khususnya ni apa, pokok yang telah pun layu, pokok yang berisiko tinggi. Ini tidak dapat dilaksanakan kerana berada di atas tanah swasta ataupun tanah persendirian. Saya ambil contoh, dah beberapa insiden telah pun berlaku seperti apa yang telah pun YB Lobak maklumkan kepada saya di mana pokok terhempap, terhempap kenderaan yang sedang berjalan di tengah jalan. Jadi, saya rasa ini sesuatu yang kita perlu lihat. Dan saya dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri, kita memang memandang seriuslah terhadap perkara ini. Dan

saya mohon kepada Majlis Bandaraya Seremban, PBT dan juga JKR, dalam perkara ini mungkin kita perlu bekerjasama untuk memastikan perkara yang sama tidak, tidak mengulangi lagi.

Yang paling penting satu, pemilik, sebagai pemilik yang bertanggungjawab kita perlu pastikan tanah kita, premis kita sentiasa dalam keadaan yang, keadaan yang ter, terurus. Dan bagi pihak Kerajaan Negeri, sudah tentunya akan mengkaji, lihat bagaimana kita menguatkuasakan perkara ini dan mengambil tindakan terhadap mereka yang engkar ataupun siapa-siapa yang tidak mematuhi undang-undang. Saya rasa jawapan saya ini dapat menjawab apa yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Lobak.

**YB ADUN Lobak:** Tak ada undang-undang?

**YB ADUN Bahau:** Ya itu saya, saya telah kata, kita, kita akan lihat dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk kita lihat macam manalah untuk kita tambah baik undang-undang yang sedia ada supaya memastikan bahawa perkara ini dapat kita selesaikanlah. Saya rasa ini bukan perkara yang berlaku pada hari pertama. Dan ini masalah bersama kitalah. Saya rasa bukan di Negeri Sembilan, tetapi di Negeri Sembilan sudah tentunya kita akan cuba buat sesuatu. Dan saya telah pun lihat, sepanjang beberapa tahun ni, pihak khususnya pihak MBS dah adanya usaha untuk memastikan rumah-rumah terbiar ini, mereka keluar notis sehingga pasang *banner* di depan rumah-rumah terbiar ini. Saya harap usaha ini kita dapat teruskan untuk memastikan bahawa isu kacau ganggu ini dapat kita kurangkan. Sekian jawapan saya, terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Lobak.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Lobak. Terima kasih Yang Berhormat Bahau. Seterusnya saya persilakan Kota.

**YB ADUN Kota:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan nombor 1.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat ADUN Kota, jawal, jalan rosak di Kampung Legong Jaya, Kota. Dato' Yang Dipertua, perancangan untuk menambah baik kemudahan infrastruktur di Kampung Legong Jaya telah diambil kira oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau. Perbincangan dengan penduduk setempat juga perlu dilaksanakan terlebih dahulu memandangkan saliran longkang sedia ada adalah dibina secara individu dan tidak menyeluruh.

Sistem saliran yang tidak teratur dan sistematik menyebabkan terdapatnya aduan kacau ganggu dalam kalangan kejiranan tersebut. Penurapan semula jalan akan dilaksanakan setelah sistem saliran telah ditambah baik. Perancangan penyusunan infrastruktur akan dilaksanakan pada tahun ini dan pelaksanaan projek dijangka dilaksanakan setelah mendapat perun, setelah peruntukan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Kota:** Dato' Dipertua saya kemuka soalan tambahan. Saya ucap terima kasih ya kepada Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada Kampung Legong Jaya. Untuk taklimat sikit, Kampung Legong Jaya ini sebenarnya adalah kawasan yang terbiar selama 50 tahun kerana masalah pemegang amanah dulu ya, pemegang amanah kawasan tersebut telah lari ke Australia dan kita telah berjaya untuk menyelesaikan tentang pembahagian tanah kawasan-kawasan tersebut. Saya berharap, memohon kepada Kerajaan Negeri jugak supaya di samping jalan, longkang jugak yang perlu memberi, diberi perhatian ialah bekalan air dan jugak bekalan letrik kerana ramai di antara penghuni-penghuni di sini walaupun telah mendapat geran tanah masing-masing, tapi punca air terutamanya air, bekalan daripada SAINS ni kadang-kadang jauh daripada rumah masing-masing. Jadi nak mintak dapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya *insya Allah* perkara tersebut akan menjadi perhatian pihak Kerajaan Negeri dalam, khususnya bekalan air *insya Allah* Dato' Yang Dipertua. Saya rasa letrik saya rasa tidak ada masalah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Seterusnya kita pergi ke soalan Yang Berhormat Chuah.

**YB ADUN Chuah:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Chuah mengemukakan soalan nombor 2.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Yang Berhormat ADUN Chuah. Dato' Dipertua, jalan laluan N04 Chuah – Bukit Pelandok merupakan jalan negeri di bawah penyelenggaraan JKR Negeri Sembilan. Semakan di tapak oleh JKR Elektrik mendapati 5 bilangan lampu JKR yang senget, tetapi tidak kritikal daripada 70 bilangan lampu keseluruhan yang ada di laluan itu. Untuk makluman, pihak JKR Elektrik telah pun mendapat kelulusan peruntukan berjumlah 462,390.00 ringgit bagi kontrak selenggaraan lampu jalan di Daerah Port Dickson di bawah peruntukan MARRIS. Kontrakt senggaraan jalan ini termasuk kerja-kerja membaiki tiang lampu senget tersebut dan kerja ini telah pun

bermula pada 8 Julai 2022 dan dijangka siap pada 23 Disember 2022. Pihak JKR dan juga pihak TM telah mengambil tindakan segera bagi memperbaiki tiang-tiang yang senget tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Chuah:** Soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Chuah ingin tahu kekerapan TNB dan jugak Telekom untuk memantau ataupun me, memeriksa sama ada tiang lampu itu senget atau tidak. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, saya, kita sedia maklum bahawa ketika dalam mesyuarat infra yang kita adakan 2 kali setahun, perkara tersebut menjadi isu yang dibincangkan. Dan kita juga telah maklumkan kepada TM dan JKR, TNB mengenai apa, tempat, tiang-tiang menjadi tempat pokok-pokok naik sampai ke, sampai ke la, sampai ke talian-talian tersebut. Ini antara perkara yang kita buat aduan kepada Telekom dan meminta diambil tindakan segera. Dan perkara tersebut *alhamdulillah* telah diambil perhatian dan telah menjalankan kerja-kerja tersebut daripada masa ke semasa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Chuah. Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat. Seterusnya saya persilakan Jeram Padang.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan kampung-kampung Orang Asli, nombor 3.

**YB ADUN Labu:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada ADUN Jeram Padang yang bertanyakan soalan tentang kampung Orang Asli di Negeri Sembilan yang memerlukan bantuan khas daripada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan semua rakyat di negeri ini termasuk masyarakat Orang Asli. Kita tidak ada *second* atau *third* ataupun ni, *quard* ketiga, jadi kita mintakkan samalah. Sebagaimana sedia maklum, walaupun kebijakan Orang Asli adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sebagaimana terkandung dalam Senarai Pertama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan tetapi di Negeri Sembilan saya terlibat jugak dengan lebih kurang 69 kampung-kampung Orang Asli seluruh negeri. Dan sebahagiannya lawatan-lawatan saya kepada semua kampung-kampung inilah. Kerajaan Negeri turut membantu meluluskan peruntukan projek-projek penyelenggaraan jalan dan perparitan yang termasuk di dalam skop MARRIS.

Walaupun dulu MARRIS ini buat jalan, tapi sekarang dah terlibat juga dengan parit, longkang dan jugak tanda-tanda jalan dan jugak perkara-perkara yang berkait dengan jambatan. Jadi saya telah berbincang dengan beberapa pegawai daripada jabatan Orang Asli supaya jangan kita hanya bergantung kepada *Federal*. Dan kalau ada benda-bendayang *urgent* ataupun segera, mintak. Kita ada beberapa bantuan terutama menggunakan peruntukan daripada MARRIS ya. MARRIS kita adalah merupakan perbelanjaan yang terbesar dan kita mendapat apa ni, merupakan negeri yang, salah satu negeri yang paling banyak membelanjakan peruntukan MARRIS.

Dan untuk maklumanlah, tambahan. Jadi pada tahun 2019, sejumlah 1.94 juta telah diurus, diluluskan untuk penyelenggaraan jalan. Seterusnya pada 2020 sebanyak 1.01 juta telah diluluskan. Dan jumlah ini telah meningkat kepada 2.35 juta pada tahun '21. Dan pada tahun ini jumlah, sejumlah sebanyak 2.8 juta telah diluluskan. Peningkatan kelulusan peruntukan MARRIS menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memastikan masyarakat Orang asli turut dibela bersama dengan kampung-kampung di seluruh Negeri Sembilan.

Jadi itulah, kalau boleh saya mintaklah, tak kiralah daripada mana ADUN yang terlibat, di dalam kawasan mereka masing-masing untuk menyatakan permohonan-permohonan untuk memastikan kebajikan dan kebaikan kampung-kampung Orang Asli ini dapat kita tingkatkan daripada masa ke semasa. Terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, yang peruntukan-peruntukan yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Labu itu adalah daripada MARRIS. Terima kasihlah. Itu memang sedia ada, saya pun faham. Selepas saya menjadi ADUN kawasan Jeram Padang, semua jalan ke kampung-kampung Orang Asli di situ telah diturap. Yang terakhir ini adalah pada 2 minggu lepas, iaitu Kampung Sungai Kelebang. Jadi saya hanya mintak daripada Kerajaan Negeri apakah ada peruntukan khas untuk kita boleh berikan kepada masyarakat, masyarakat bukan, yang, skop saya bukan infra seperti balai raya, jalan sahaja. Tetapi selain daripadanya. Seperti apa yang ada untuk masyarakat India melalui hal ehwal bukan Islam. Kita ada lagi untuk masyarakat Islam. Dan, jadi apa salahnya kita adakan sedikit peruntukan sikit khasnya untuk masyarakat Asli di mana mereka boleh mohon sebagai tambahan. MPKK di situ boleh mohon terus kepada Kerajaan Negeri untuk aktiviti kemasyarakatan di situ. Itu satu yang saya anggapkan terlalu dimintak-mintak oleh masyarakat Asli di situ. Jadi saya tak ada peruntukan, jadi nak mohon di situ pun, kita tak ada satu peruntukan khas. Jadi kita, apa salahnya Kerajaan Negeri

wujudkan satu tabung, walaupun bukan berjuta-juta tetapi sekurang-kurangnya ada untuk mereka mohon dan untuk mereka gunakan.

Dan seperkara lagi, untuk kampung Orang Asli juga di DUN Jeram Padang ini satu kampung, semua kampung sudah dapat menara telekomunikasi kecuali Kampung Sungai Kelebang. Itu satu sajalah kampung. Bila saya masuk ni sekarang jalan sudah dapat, air sekarang berjadual dihantar oleh JAKOA, terima kasih diucapkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Tetapi menara telekomunikasi ni berpuluh surat telah saya tulis, beberapa kali saya telah sentuh tentang perkara tu di sini. Apa salahnya Yang Berhormat Labu buatlah sesuatu untuk sediakan menara telekomunikasi. Memang mereka ini tak dapat gunakan alat-alat telekomunikasi di situ. Terima kasih.

**YB ADUN Labu:** Terima kasih di atas soalan dan pandangan ADUN Jeram Padang. Sebenarnya inisiatif ni kena dibuat dan saya memang membantu dan saya telah meng, apa, berbincang dengan kebanyakan Pegawai-Pegawai Daerah ataupun Ketua Pegawai Daerah untuk memastikan segala kemudahan yang ada didapati oleh penduduk di kawasan bandar juga kita kena beri ke kawasan luar bandar, termasuk kawasan kampung Orang Asli ya, termasuk lampu jalan, termasuk kemudahan-kemudahan komunikasi dan bekalan air dan sebagainya. Walau macam mana pun kita ada banyak projek-projek yang dibuat dari semasa ke semasa melibatkan NGO dan jugak badan-badan bukan kerajaan dan jugak persatuan-persatuan dan jugak termasuk keagamaan. Termasuk jugak Jabatan Agama Islam ada masuk di kawasan di mana ada Orang-Orang Asli ataupun Orang Asal yang telah memeluk Agama Islam. Contohnya pembinaan rumah-rumah, kita ada, tinggal lagi baru ni saya dah pergi bersama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di kawasan Kampung Panchor di mana kita telah menyerahkan 3 buah rumah ya, di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Dan saya jugak menggalakkan kepada semua, tak kira daripada ADUN, supaya menyatakan kalau tak ada peruntukan kita bincang bersama bagaimana kita cuba melibatkan badan-badan NGO ataupun korporat untuk membantu di dalam kawasan-kawasan yang terlibat ya. Untuk komunikasi kalau setakat satu saya ingat mungkin kita akan pertimbangkanlah tahun depan, *insya Allah* kita akan cuba bantu. Kalau semua dah dapat, jadi *alhamdulillah* sebab saya jugak telah memastikan supaya semua kemudahan asas telah dapat, telah ataupun akan didapati oleh semua kampung-kampung Orang Asli ya. Pada semasa pemerintahan kitalah, *insya Allah*, terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Terima kasih Dato' Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Yang Dipertua, sebentar saja tentang perkara yang sama. Terima kasihlah atas, tetapi kalau boleh saya mintak Kerajaan Negeri untuk, cuba untuk tahun nilah menara komunikasi. Tahun depan tu jauh lagi. Jadi kita, kalau boleh dimulakan hari ini. Dan, dan saya nak juga cadangkanlah, saya cadangkan kepada Yang Berhormat Sikamat untuk pertimbangkan mungkin 500 ribu untuk kampung-kampung Orang Asli. Mungkin JAKOA sendiri boleh memohon apabila ada keperluan dengan Kerajaan Negeri. Kalau ada peruntukan khas untuk mereka. Saya takut nak, Dato' Yang Dipertua, saya takut nak cadang ni. Bila saya cadang ni, di sebelah sini kadang-kadang tidak dipertimbangkan. Macam semalam saya nak cadangkan juga. Tetapi saya, biasanya cadangan untuk macam, batalkan bil air ke mangsa-mangsa banjir tu tidak dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Jadi saya takut nak, jadi kali ini saya berani, saya cadangkan untuk lebih kurang 500 ribu untuk .....

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Dipertua, bil air tu sikit, 10.00 ringgit, 30.00 ringgit. Kita bagi 1,000.00. Negeri lain tak bagi. Saya bagi 1,000.00 lagi *extra*. Setakat bil letrik tu, saya rasa dengan 1,000.00 tu pun boleh bayar. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat. Saya kira ni soalan terakhirlah. *Mr. Guna*. You gunakan masa sebaiknya ya.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Okay, Terima kasih Dato', saya mengemukakan soalan 3.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Soalan 3 haa.

**YB ADUN Lukut:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan daripada Seremban Jaya yang menanyakan tentang jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Jabatan Perpaduan bagi pelaksanaan program kepada persatuan, NGO, RT dan MPKK ataupun individu. Dato' Yang Dipertua, sehingga bulan Julai 2022, sejumlah 2,106,000.00 ringgit peruntukan yang berbentuk geran tahunan telah disalurkan oleh Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional kepada 351 buah Kawasan Rukun Tetangga di Negeri Sembilan. Hanya Kawasan Rukun Tetangga sahaja yang menerima agihan peruntukan ini manakala persatuan, NGO, MPKK dan orang perseorangan tidak tertakluk untuk penerimaan peruntukan tersebut.

Dan berikut adalah pecahan agihan peruntukan Geran Rukun Tetangga mengikut daerah: Jelebu – 11 RT – 66 ribu. Jempol – 28 RT – 168 ribu. Seremban – 203 RT berjumlah 1,218,000.00. Rembau – 24 RT – 144

ribu. Kuala Pilah – 26 RT – 156 ribu. Port Dickson – 31 RT – 186 ribu. Dan Tampin – 26 RT yang berjumlah 168 ribu. Sekian.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato'. Soalan tambahan Dato'.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Soalan?

**YB ADUN Seremban Jaya:** Terima kasih Dato'. Kenapa hanya kawasan Rukun Tetangga saja yang menerima agihan peruntukan daripada Kementerian Perpaduan? Persatuan dan NGO-NGO juga bantu kerajaan dalam menjalankan program perpaduan. Adakah Kerajaan Negeri membantu dalam hal ini? Terima kasih Dato'.

**YB ADUN Lukut:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih soalan tambahan daripada Seremban Jaya. Untuk makluman semua, memang peruntukan daripada Jabatan Perpaduan Negeri dan kementerian hanya disalurkan kepada Rukun Tetangga saja untuk menjalankan program-program yang berkaitan dengan perpaduan. Dan Kerajaan Negeri, kita berpandangan bahawa entiti masyarakat seperti NGO, persatuan penduduk, MPKK, masjid, orang perseorangan, banyak ruang lagi untuk mereka melakukan program-program seperti yang, yang berkaitan dengan perpaiduan, perpaduan dan memperkukuhkan lagi kerja-kerja perpaduan dalam negeri kita. Itulah sebab dalam tahun 2020, Kerajaan Negeri Sembilan telah mengemukakan satu pendekatan yang baru iaitu inisiatif dana ERAT@Negeri Sembilan untuk membantu entiti-entiti masyarakat kita seperti NGO, seperti persatuan penduduk, MPKK dalam sesuatu komuniti itu supaya mereka dapat memohon peruntukan ini untuk mereka menjalankan program-program perpaduan di kawasan masing-masing.

Kami rasa bukan sahaja, saya, saya tak menafikan yang, yang Rukun Tetangga membantu dalam aspek perpaduan ni, okay. Tapi kalau dia boleh dilibatkan dengan entiti masyarakat atau aktiviti dekat kawasan masing-masing, lagi hebatlah perpaduan kita, betul? So saya rasa inilah ERAT@NS pada tahun ini kita dah peruntukkan sebanyak 1.2 juta daripada Kerajaan Negeri untuk dibahagikan di, di, dibenarkan kepada MPKK ataupun NGO-NGO untuk memohon kepada pejabat saya untuk melakukan program-program yang sama-sama boleh kita memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat kita, okay.

Dan saya ambil kesempatan ini, Dato' Yang Dipertua, dalam sempena bulan merdeka ini, saya menyerulah tak kiralah pihak kerajaan ataupun pembangkang, sama-sama kita menyeru keseluruhan lapisan masyarakat kita, seluruh masyarakat kita untuk menggantung ataupun

meletakkan jalur gemilang kita sempena bulan merdeka kita untuk sama-sama kita menyemarakkan semangat perpaduan, semangat merdeka dalam negeri kita. Sekian, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang terhormat Lukut ya. Saya kira masa telah habis.

**YB ADUN Chembong:** Dato' Dipertua, boleh saya sedikit saya Dato' Dipertua. Saya .....

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ni apa? Soalan ke apa?

**YB ADUN Chembong:** Bukan Dato' Dipertua. Saya cuma nak cadangkan saja, ataupun memberi pandangan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Haa boleh.

**YB ADUN Chembong:** Saya lihat Dato' Dipertua, daripada susunan soalan ni, sahabat saya Seremban jaya dapat 2 kali Dato' Dipertua, hari ni. Chembong langsung tak rasa Dato' Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yo ko?

**YB ADUN Chembong:** Ya.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Eh, Chombong tak ado ko?

**YB ADUN Chembong:** Kasih, nampaknya, nampaknya Dato' Dipertua ni kasih bertompok-tompok agaknya.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Jangan, jangan. Haa yelah. Soalan nombor 22, aduh, tak apa nanti kita, besok kita beri Chembong awallah. Nak, nak, nak

**YB ADUN Chembong:** Saya lihat Seremban jaya 2 kali hari. Chuah 2 kali ya.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Pasal, okay.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato', saya cadangan Dato', besok terus nombor 1 kita punya kawan baik. Terima kasih.

**YB ADUN Seri Menanti:** Esok *you* sorang sajalah duduk sana.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tak apalah, saya, kita berilah peluang kepada ni, Chombong ni haa. Alaa kesian pulak .....

**YB ADUN Seri Menanti:** Alaa dah *cross* pulak.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Muko dio sodih yo, adui.

**YB ADUN Chembong:** Terima kasih sangat-sangat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih jugak sebab petang semalam ketiadaan Dato' Yang Dipertua, seakan-akan Dewan ni kurang serinya Dato' Dipertua. Saya, saya memberikan, bertanyakan soalan nombor 1 Dato' Dipertua. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih soalan masjid dan surau daripada ADUN Chembong. Dato' Yang Dipertua, setakat 22 Julai 2022, senarai sumbangan yang telah diberikan kepada masjid dan surau di Daerah Rembau adalah seperti berikut:

- Masjid Kariah Batu 17 Chembong – 20,000.00;
- Masjid Kariah Kampung Selemak – 20,000.00;
- Masjid Dr Hj Mohammad Eusuff The - 3,000.00;
- Surau Rumah Rakyat Chengkau – 5,000.00;
- Kariah, Masjid Qaryah Pilin – 20,000;
- Masjid Kariah Kampung Penajis - 5,000.00;
- Masjid Jamek An-Nur – 385,000.00;
- Masjid Kariah Tanah Air Hitam Chembong – 100,000.00;
- Surau Al-Sharif Kampung Chembong Kecil – 40,000.00;
- Surau Kampung Bintongan – 200,000.00;
- Masjid Kariah Seberang Batu Hampar – 20,000.00;
- Masjid Kariah Kampung Tengah Chembong Halt – 20,000.00;
- Surau Ehsaniah Taman Rembau Utama dan Taman Seri Rembau Fasa 3 – 20,000;
- Surau Rumah Rakyat Kota – 20,000.00;
- Masjid Kariah Gadong – 15,0000.00;
- Masjid Kariah Kampung Gadong – 50,000.00;
- Surau Kampung Senama Ulu – 3,000.00;
- Surau Ahmadiyah Kampung Chengkau Ulu – 5,000.00;
- Surau Kampung Kendong Lama – 3,000.00;
- Surau Al-Huda – 3,000.00;
- Surau Kampung Tiga Nenek, Kota – 5,000.00;
- Surau Kampung Sungai Batu Pedas Tengah – 5,000.00;
- Surau Al-Hidayah Kampung Paya Besar, Pedas – 10,000.00;
- Masjid Kariah Panchang Linggi – 50,000.00;
- Masjid Kampung Rendah – 100,000.00; dan

- Surau Al-Hidayah Kampung Paya Besar – 20,000.00.

Jumlah 1.147 juta. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Chembong:** Terima kasih Dato' Dipertua. Banyak, terima banyak. Ini adalah untuk keperluan pembangunan syiar Islam kita Dato' Dipertua, yang harus, seharusnya diberikan keutamaanlah. Cumanya Dato' Dipertua, saya nak bertanya sedikit saja, hasil daripada aduan daripada pihak surau dan jugak masjid-masjid. Untuk peruntukan sumbangan baik pulih khasnya surau-surau dan masjid ni sepatutnya mereka ni perlu mintak dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ataupun kepada Majlis Agama, Dato' Dipertua? Sebab ada jugak permohonan-permohonan yang tidak mendapat maklum balas Dato' Dipertua. Terima kasih banyak.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Biasanya kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam untuk diselaraskan. Itu saja Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih ADUN Chembong. Saya kira jawapan pun dah, dah diberi ya. Jadi saya nak pergi ke agenda seterusnya. Soalan-soalan pun telah di apa, dan jawapan pun telah diberikan. Mana-mana soalan yang tidak apa, tidak dijawab akan dijawab secara bertulis ya.

#### 4. USUL DI BAWAH PERATURAN XVII

**Setiausaha Dewan:** Perkara Keempat, sambungan usul di bawah Peraturan XVII.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat – Yang Berhormat semalam kita telah mengadakan perbahasan ya berkaitan dengan usul kenaikan kos hidup, kos sara hidup rakyat dan hari ini saya cadang nak buka kepada yang belum bercakap, kalau misalnya, kalau setuju nak terus pihak kerajaan jawab pun boleh jugak. Rasa semalam dah, ada, Serting nak cakap? Ya. Okay, silakan.

**YB ADUN Serting:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT* dalam salam sejahtera. Pertamanya terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan usul daripada ADUN Chennah pada, yang dibentangkan pada hari semalam. Jadi beberapa orang rakan saya

telah pun memberi pandangan-pandangan berhubung dengan usul tersebut. Sayugia kita semua maklum bahawa keadaan dunia dan juga negara kita hari ini memang berdepan dengan masalah inflasi, keadaan ekonomi dan juga kesusahan rakyat ya, keseluruhannya dan ini berpunca daripada keadaan dunia yang tidak menentu pada hari ini. Dan juga selepas kita dilanda oleh pandemik COVID-19. Dan *alhamdulillah* ya, sebagai kerajaan ataupun wakil rakyat, sudah menjadi tanggungjawab utama kita bersama iaitu ntuk menyantuni dan juga memberi keutamaan kepada apa juga masalah rakyat keseluruhannya tanpa mengira fahaman politik.

Dan *alhamdulillah*, semasa kita mengurus vaksin hari tu, dan juga banjir, dapat kita lihat di sini kematangan kita bersamalah ya, selaku ADUN-ADUN baik di pihak kerajaan/pembangkang, kita bersama ya, mengatasi masalah-masalah. Ini yang paling penting sekalilah, bila kita berpolitik dan bila kita diamanahkan ya, menjadi kerajaan ataupun pembangkang juga, kita sama-sama. Fokus kita adalah rakyat di samping pembangunan dan juga kemajuan di negeri kita ini.

Jadi, memang rakyat keseluruhannya terkesan semasa PKP hari itu ya, ramai yang tidak ada kerja ya, dalam rumah berkurung pulak. Jadi, memang terkesan keseluruhannya. Jadi, *alhamdulillah* nasib baiklah ya, di bawah Kerajaan Pusat ya, berbagai bantuan. Dan saya maklum juga ya, ada bantuan-bantuan daripada Kerajaan Negeri ya. Banyak juga bantuan. Dan ini adalah untuk kepentingan rakyat ya, di negeri kita ini. Jadi berbagai usaha telah kita buat. Jadi ingin juga saya menyentuh di sini, tu pun nasib baik hari ini dalam keadaan kesukaran, subsidi masih lagi diteruskan oleh kerajaan kita. Kalau ikut kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, jumlah subsidi ya, di negara kita hingga minggu lepas, ataupun minggu ini berjumlah 77.7 bilion ya, yang meliputi subsidi tunai, subsidi barang dan juga subsidi pukal. Khususnya subsidi pukal ni minyaklah, RON95 dengan harga pasaran 3.85. subsidikan oleh kerajaan 1.65, [ringgit]1.65 sen per liter. Kita bayangkanlah, daripada kita mula bersidang tadi, sampai hari ini agakanya berapa ratus ribu literya, minyak-minyak, itulah yang ditanggung oleh pihak kerajaan dan dimaklumkan oleh Menteri Kewangan, subsidi untuk RON95 ni saja sudah mencecah 30 bilion. Jadi sudah tentulah kalau kita fokus kepada kesusahan rakyat pada hari ini, maka sudahlah berbagai usaha sebab saya yakin usul ini dibawah oleh pihak Kerajaan Negeri ya, untuk memastikan setakat mana yang boleh ya, Kerajaan Negeri untuk sama-sama turut serta ya, dalam menangani kes kegawatan ekonomi dan juga permasalahan rakyat kita.

Jadi suka juga saya fokus ya, saya ambil fokus kepada suasana di Parlimen Jempol yang terlibat DUN Serting, DUN Palong, DUN Jeram

Padang dan juga DUN Bahau ya, iaitu jenis-jenis bantuan ya, yang telah diberi melalui Kerajaan Pusat, melalui Ahli Parlimen dan juga berbagai inisiatif termasuk jugalah, *alhamdulillah* ya, bantuan-bantuan daripada orang perseorangan ya. Yang mampu mereka juga turut sertalah ya untuk membantu mereka yang terkesan. Saya bagi senario dia, saya fokus kepada Parlimen Jempol juga keperluan yang mendesak oleh orang ramai, oleh rakyat yang datang mengadu sendiri dan juga yang dapat kita kesan akibat daripada COVID-19 hari itu, dan juga masalah tiada pekerjaan dan juga ketiadaan suasana ekonomi negara kita dan juga negeri kita yang tidak menentu.

Pertamanya, contohnya bantuan kit makanan iaitu bermula daripada kuarantin dan juga mereka yang terkesan ya, selepas PKP dan juga mereka yang memang orang kata, susah iaitu di Jempol saja kita telah bagi bantuan kit makanan berjumlah 35 ribu ya. Kit makanan dengan peruntukan lebih kurang 3.5 juta. Itu kit makanan sahaja.

Yang kedua, bantuan katil. Ramai pulaklah, Dato' Yang Dipertua ya, yang uzur orang-orang kita ni. Dulu saya ingat lagi, semasa saya diamanahkan menjadi Exco kesihatan di Negeri Sembilan ni, saya tekankan, bila saya buat bancian ramai di kalangan rakyat kita ni tak buek ujian darah. Ramai betul. Tu sebab saya dulu saya buat *tagline* di Negeri Sembilan ni "jaga kesihatan ketika sihat" pada ketika, bermakna bila kita dalam keadaan sekaranglah. Kita membuat pemeriksaan darah. Iaitu jumlah katil 282 buah dengan peruntukan RM0.7 juta. Iaitu dalam 600 ribu lebih, 648 ribu.

Kemudian, kerusi roda juga ya. Dah lah kita keadaan COVID, keadaan kesukaran, ramai juga yang memerlukan bantuan kerusi roda sebanyak 1,862 buah kerusi roda telah kita edarkan dengan peruntukan 0.6 juta ya, jumlah dia besar jugak ni. Begitu juga kepada mereka, ramai yang terkesan. Ni cerita terkesan ya, terkesan melalui JKM, melalui asnaf dan juga melalui berbagai-bagai sumber untuk kita mengenal pasti ya, mereka yang terkesan ni kita bantu juga. Di Jempol buat bantuan anak-anak sekolah "*Happy To School*". 1,200 oprang telah kita bantu dengan peruntukan lebih kurang 0.5 juta iaitu lebih kurang 500 ribu. Dan juga Jualan Murah Keluarga Malaysia ya. Iaitu dah 6 tempat telah kita buat melibatkan peruntukan 0.2 juta.

Begitu juga dengan bantuan kampung Orang Asli. Saya di Serting tak adalah, di, yang banyak di kawasan Yang Berhormat saya iaitu di DUN Jeram Padang ya. Kita bantu juga masyarakat Orang Asli ini dengan peruntukan 400 ribu ya. Berbagai masalah yang ada di kawasan sana. Dan juga Kerajaan Negeri ada tabung usahawan dia, TUNS ya. Jadi kita juga, semasa PKP nanti, hari itu, kita lihat usahawan-usahawan muda,

pengusaha-pengusaha muda ni dia terkesan. Jadi, seramai 1,500 orang ya, usahawan muda telah dapat kita bantu di Parlimen Jempol dan juga melibatkan 4 DUN ni keseluruhannya ya, mereka yang terkesan dapat kita bantu dengan peruntukan 1.5 juta.

Begitu juga seperti yang saya katakan di peringkat awal tadi, Kerjasama kita baik ya. Kerja, walaupun di peringkat awal tu ada sikit salah faham, maklum sajarah kita faham suasana tu, dan akhir, melalui musyawarah dan persefahaman kita dengan semua peringkat kepimpinan ya, di pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang, fokus kita pada masa vaksin hari itu adalah untuk menyelamatkan rakyat. Untuk memastikan rakyat negara kita sejahtera, jadi kita juga selain daripada pusat vaksin ya, dos pertama, dos kedua yang diselia oleh Kerajaan Negeri sendiri ya. Kita juga turut sama ya, membantu dengan membuat 11 program ya, kita panggil “vaksin mencari rakyat” kerana kita dapati ya, di luar bandar, masaih ramai di kalangan orang-orang kampung yang tidak berdaftar dengan MySejahtera. Kalau kita tak usahakan begini, sampai hari ini saya rasa orang ni tak akan apa, menerima suntikan vaksin. Jadi pada masa tu, kita ambil inisiatif, kita gerakkan semua jentera yang ada ya, kita daftarkan mereka pada hari yang sama. Dan pada masa yang sama juga kita dapat suntik mereka. Dan *alhamdulillah* di Parlimen Jempol mendapat kerjasama Hospital Canselor Tuanku Muhriz dan juga dariapda Institut Jantung Negara. Jadi dapat, jadi jumlah dia ramai juga Dato’ Yang Dipertua ya. Tapi taklah semua ni apa, berdaftar dengan MySejahtera. Tapi jumlahnya 15,817 orang. Tapi, suku daripadanya tu memang tidak ada berdaftar dengan MySejahtera.

Dan begitu juga habis saja kita semua dilanda oleh banjir ya. Saya ucap terima kasih kepada JPS ya, kerana di Parlimen Jempol, beberapa sungailah, kita di Jempol ni punca banjir adalah daripada sungailah ya. Pembersihan sungai ya, cetek dan sebagainya. Dan JPS, DO Jempol saya ucap berbanyak terima kasih. Tindakan-tindakan telah mula dapat diambil supaya sekiranya berlaku hujan lebat, sekurang-kurangnya kita dapat meminimalkan ya, keadaan banjir yang ada di kawasan tu. Dan saya berharap kajian-kajian terus dibuat supaya tebatan banjir ni dapat dilaksanakan. Dan bantuan banjir di Jempol hari itu 350 orang. Jumlah dia boleh tahan jugak ya, 2.2 juta. Tak dapatlah kita bayangkan di negeri Selangor dan juga yang lebih dahsyat lagi di seluruh negara kita.

Jadi, sehubungan dengan itu, bertepatanlah mungkin ya, ini saya bagi senario kita bersama ya, di seluruh Negeri Sembilan, itulah yang dihadapi oleh masyarakat kita, oleh rakyat di Negeri Sembilan ini akibat daripada pandemik COVID, kesan kepada punca pendapatan mereka, masalah kesihatannya ya, masalah dan macam-macam lagi.

Dan, dan saya yakin ya, sebagai wakil rakyat yang diamanahkan, yang dipertanggungjawab bersama sudah tentulah apa juga yang nak kita lakukan, kepentingan utama adalah ya, untuk menyuantuni, membela masyarakat kita ya, keseluruhannya demi kesejahteraan ya, keharmonian dan juga kemajuan Negeri Sembilan yang kita cintai ini. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum WBT*. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Serting. Seterusnya? Apa? Haa, Chembong. Kang merajuk deh kang. Teruskan.

**YB ADUN Chembong:** Dato' Dipertua, terima kasih banyak. Saya jugak nak turut serta mengambil bahagian membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Chennah semalam. Saya jugak nak ambil peluang ini untuk berikan pandangan-pandangan tentang usul menyarankan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan untuk kita membekukan kadar kenaikan sewa, caj dan jugak cukai-cukai, Dato' Dipertua. Usul ini baik. Semestinya ia lahir daripada semangat keprihatinan kita untuk terus memastikan kesejahteraan rakyat terutamanya dalam keadaan kenaikan kos sara hidup sekarang. Ianya juga jugak hasil daripada semangat kebertanggungjawapan kita sebagai pemimpin khususnya ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan untuk membantu rakyat supaya keluar daripada tekanan hidup dan sebagainya, Dato' Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, secara dasarnya, secara prinsipnya saya bersetuju, saya menyokong walaupun secara ikhlasnya jugak Dato' Dipertua, saya berpandangan apa yang diusulkan ini, apa yang dicadangkan untuk menaikkan kadar-kadar cukai ini bukanlah sebenarnya perkara yang baru sangat Dato' Dipertua. Dan langkah-langkah untuk membantu rakyat dalam menangani kos sara hidup ni pun telah juga diambil oleh pihak-pihak yang lain, Kerajaan Pusat dan sebagainya menubuhkan jawatan kuasa menangani kos sara hidup dan sebagainya. Berbincang dengan pengeluar-pengeluar, pembekal-pembekal agar kawalan harga dapat dilakukan dan sebagainya. Sebelum ini Dato' Dipertua, ataupun saya jugak nak mengucapkan tahniah jugaklah, terima kasih kepada Kerajaan Negeri sekarang ini kerana meneruskan kelangsungan polisi-polisi yang telah dilakukan, telah dilaksanakan dengan, oleh kerajaan sebelum ini. Kalau kita sebut dengan cukai tanah Dato' Dipertua, cukai tanah ni dari dulu dah memang tidak pernah dinaikkan oleh kerajaan sebelum ini pun. Dan lain-lain lagilah. Caj air dah sebagainya, kecuali caj untuk pihak industri dan sebagainya.

Cumanya Dato' Yang Dipertua, untuk hal yang berkaitan jugak. Saya nak mintak ataupun nak mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan agar melihat polisi-polisi yang ada sekarang

terutamanya pihak kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan. Contohnya Dato' Dipertua, di, di Rembau, Majlis Daerah Rembau. Saya dimaklumkan, saya menerima aduan daripada peniaga-peniaga yang meniaga di gerai-gerai Majlis Daerah ni, Dato' Dipertua. Kalau dulunya kita menetapkan harga ataupun bayaran yang minimum ataupun yang paling munasabah agar peniaga-peniaga kecil yang tiada tempat ini diberikan peluang berniaga di gerai-gerai di bawah Majlis Daerah Rembau. Tapi sekarang ni menurut mereka Dato' Dipertua, sekiranya mereka nak memohon perun, memohon untuk mendapatkan gerai-gerai ni, proses, kaedah, tataranya adalah bukan dikenakan bayaran tetap yang minimum, minima tetapi ianya dilakukan dengan penawaran sebut harga ataupun tender, Dato' Yang Dipertua. Siapa yang menawarkan harga yang tinggi, dia dapat. Dan bagi saya ianya tidak selari dengan apa yang kita bawak ini, Dato' Dipertua. Jadi saya mohon untuk diperlihatkan perkara-perkara tersebut, seperti ini.

Dato' Yang Dipertua, untuk kita memastikan kesejahteraan rakyat, kita bukan hanya perlu memandang dari segi aspek kemudahan, aspek ekonomi, aspek lain-lain Dato' Dipertua, tapi aspek untuk kita membantu mereka dari segi mengurangkan kos sara hidup ini adalah perkara yang antara yang paling utama. Dan antara aspek yang perlu kita pertimbangkan dengan sebaiknya jugak adalah bagaimana kita nak merencanakan kitaran ekonomi bagi mereka-mereka yang memerlukan ini, Dato' Dipertua. Contohnya, berkaitan dengan di kawasan jugak Dato' Dipertua. Saya nak memberi pandangan ataupun teguran ataupun apa-apa sajalah yang berkaitan, Dato' Dipertua. Saya nak membawa aduan daripada peniaga-peniaga pasar tani di Rembau, Dato' Dipertua. Beberapa peniaga pasar tani ini yang duduk sedikit luar daripada kawasan pasar tana, pasar tani ini telah diberikan notis beberapa kali untuk tidak lagi berniaga Dato' Dipertua. Saya rasa dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi ini, seharusnya pihak PBT, pihak agensi-agensi yang berkaitan, FAMA dan sebagainya, memberikan peluang yang lebih besar kepada mereka Dato' Dipertua. Jadi ini saya mintak mereka melihat agar kos sara hidup mereka ini bukan saja dapat ditolong secara langsung, tetapi jugak dengan membantu mereka membuka peluang-peluang perniagaan kecil-kecilan seperti ini Dato' Dipertua.

Dan saya jugak nak mencadangkan ataupun untuk Pihak Berkuasa Tempatan, Dato' Dipertua, melihat satu aduan jugak tentang pasar malam Chembong. Pasar malam Chembong. Yang dulunya pasar malam Chembong ini dibuka tak salah saya setiap Rabu petang. Dan ia memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil untuk berniaga dan menambahkan pendapatan dan secara langsungnya akan membantu mereka dalam menangani kos sara hidup ni Dato' Dipertua. Tapi

nampaknya pasar malam Chembong ni telah ditutup dan hingga kini tidak dibuka Dato' Yang Dipertua ya.

Jadi Dato' Dipertua, selain daripada itu jugak Dato' Dipertua, saya pernah menyebut dalam Dewan ini. Sebenarnya banyak perkara yang boleh kita lihat untuk membantu masyarakat rakyat ni Dato' Dipertua dalam hal isu mem, mengurangkan bebanan sara hidup mereka Dato' Dipertua. Pada sidang yang lepas saya pernah membangkitkan langkah dan jugak perkembangan tentang pusat dialisis yang telah kita cuba untuk lakukan di Masjid An-Nur Rembau dulu Dato' Dipertua. Tapi jawapan daripada Exco yang berkaitan pada mesyuarat yang lepas agak kurang jelas ya, pada saya, mungkin ketiadaan maklumat yang baik. Saya harap Dato' Yang Dipertua ya, pusat dialisis yang kita fokuskan untuk pesakit-pesakit dialisis daripada kalangan *B40* ini Dato' Dipertua, dengan kerjasama masjid, pejabat agama, Majlis Agama Islam dan jugak klinik swasta diteruskan dengan segera Dato' Dipertua, untuk meringankan kos-kos mereka Dato' Dipertua.

Tentang hal-hal permasalahan masyarakat, rakyat Dato' Dipertua, daripada senarai tajuk-tajuk soalan semalam dengan hari ini Dato' Dipertua, saya melihat banyak ahli-ahli Yang Berhormat mengutarakan tentang permasalahan bekalan air yang terganggu. Saya tengok Senaling pun ada bertanya soalan pasal air, Palong, Pertang, Johol, Seri Menanti, Dato' Dipertua, dan saya jugak sama jugak, Dato' Dipertua. Saya mintak Dato' Dipertua, pihak SAINS melihat permasalahan ini. Di kawasan saya contohnya Dato' Dipertua, di persimpangan Kampung Seberang Batu Hampar, seminggu ada satu kala, satu ketika tu satu minggu sampai 2 - 3 kali Dato' Dipertua. Saya tidak mempertikaikan kaedah penyelesaian *corrective action* ni Dato' Dipertua, memang menjadi polisi pihak SAINS sebarang kebocoran ini harus ditangani dalam tempoh masa yang tertentu, 4 atau 5 jam. Tetapi yang saya nak pertikaikanlah kekerapannya Dato' Dipertua, ia berlaku di kawasan-kawasan yang lain. Saya mintak pihak SAINS menangani isu ini Dato' Dipertua. Kalau perlu diganti, diganti.

Jadi, selain daripada itu Dato' Dipertua, untuk kita membantu masyarakat dalam menangani hal ehwal kos sara hidup ni Dato' Dipertua, kita memerlukan jugak bantuan secara langsung dan tidak langsung. Kita memerlukan sumber kewangan yang baik, keadaan kewangan yang baik, Dato' Dipertua. Semalam semasa menjawab soalan lisan saya jugak, pihak kerajaan ada memaklumkan dengan, hasil daripada soalan tambahan, kita perlu merisaukan jugak. 2020 Dato' Dipertua, pendapatan kita kurang daripada yang kita sasarkan. 2021 pun sama. Dan kita sama-sama doakan agar tahun ini kita dapat capai Dato' Yang Dipertua. Dapat capai apa yang kita telah anggar

daripada semasa bajet hujung tahun lepas untuk tahun ni Dato' Dipertua. Oleh itu, 2 tahun berturut-turut, sebab kita dalam tempoh masa yang saya yakin untuk bersedia untuk membentangkan bajet tahun depan. Dan saya harapkan walaupun kita memerlukan kaedah-kaedah, program-program ataupun peruntukan-peruntukan untuk membantu rakyat, Dato' Dipertua, pada masa yang sama kita juga perlu risuakan jugak tentang keadaan rizab kewangan kita. Dah 2 tahun kita menggunakan rizab kewangan kita untuk buat bajet. 2020 dan jugak, 2021 dan jugak 2022, Dato' Dipertua. Dan untuk itu Dato' Dipertua, saya jugak nak mencadangkan agar kita sentiasa berhati-hati jugaklah tentang perbelanjaan kita. Kurang-kurangkanlah sedikit Dato' Dipertua ya, lawatan-lawatan kerja yang me, me, apa, memakan belanja yang agak besar Dato' Dipertua ya. Itu saja yang Dato' Dipertua, saya nak, nak sebutkan agar kita berhati-hati.

Akhir sekali Dato' Dipertua, saya jugak nak ambil kesempatan sebagai bekas ahli sukan jugak Dato' Dipertua, saya ya, saya, sebab baru-baru ni Sukan Komanwel Dato' Dipertua .....

**YB ADUN Pertang:** Chembong, sukan apa Chembong?

**YB ADUN Chembong:** Saya pernah, saya pernah bertanding di peringkat akhir pertandingan badminton semasa saya zaman sekolah. Mewakili rumah merahlah, Dato' Dipertua. Walaupun saya tewas di tangan rumah biru, Dato' Dipertua, saya. Dato' Dipertua, saya nak ambil kesempatan, jangan ganggu saya Dato' Dipertua, saya nak ambil kesempatan nak ucapkan tahniah Dato' Dipertua, kepada kontinjen negara kita yang telah mewakili negara, haa tepuk tangan cepat. Telah mewakili negara ke Sukan Komanwel di Birmingham, England baru-baru ni Dato' Dipertua. Kita, tak salah saya kita telah mencapai ataupun mendapat pungutan pingat 7 emas, 8 perak dan 8 gangsa. Tahniah kepada semua kontinjen termasuk atletnya, pengurusannya, *coach* dia Dato' Dipertua, semua sekalilah.

Cumanya saya nak bertanya dalam di dalam Dewan ini, tentang pembangunan sukan kita ya. Dulu di Sukan Komanwel sebelum-sebelum ini Dato' Dipertua, kita dapati ramai ahli-ahli daripada negeri kita yang dapat mewakili negara ke peringkat antarabangsa. Contohnya Dato' Dipertua, saudara Irfan Shamsuddin ya, ni, apa tu, tak salah saya, Irfan Samsudin dalam olahraga, cakra. Tak, tak salah saya juga Phoon Eyin telah menaikkan negara kita, atlet daripada Negeri Sembilan dalam bidang wushu ke Sukan Asia dan sebagainya. *So* Dato' Dipertua, mungkin kita boleh berbangga dengan sedikit penjelasan daripada Kerajaan Negeri selepas ini berapa ramaikah atlet-atlet

daripada Negeri Sembilan yang telah dapat menyertai kontinjen Komanwel kita baru-baru ini Dato' Dipertua ya.

Dan satu lagi mungkin boleh saya bertanya, ada tak kita Kerajaan Negeri menghantar kita punya pasukan ataupun pegawai-pegawai kita untuk ke sana baru-baru ini ya. Untuk meninjau apa yang patutlah Dato' Dipertua ya. Kalau ada, mungkin kita boleh bentangkan dalam Dewan ini, dapatan-dapatan kita, pemerhatian-pemerhatian kita untuk kita menambah baikkan pembangunan sukan kita untuk negeri ini Dato' Dipertua. Siapa yang pergi, berapai, berapa ramai orang, berapa belanja yang telah dibelanjakan ya, daripada sumber mana dan sebagainya, Dato' Dipertua. Jadi, itu saja yang saya nak sampaikan Dato' Dipertua. Terima kasih banyak. Saya sudah dengan *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum WBT*.

**YB Yang Dipertua Dewan:** *Walaikumsalam WBT*. Saya buka lagi ya. Ada, Yang Berhormat Rantau, silakan.

**YB ADUN Rantau:** *Assalamualaikum WBT*. Terima kasih Yang, YB Dato' Dipertua kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk bersama-sama membahaskan usul yang telah pun dibawak oleh Chennah untuk kita sama-sama ahli Dewan yang mulia ini untuk kita melihat cara yang terbaik untuk memastikan penderitaan yang sedang ditanggung oleh rakyat terutamanya mereka yang kurang berkemampuan dapat kita cari cara dan jalan untuk meringankan. Kita tak boleh katakan kita hapuskan ya, meringankan bebanan mereka. Sebagai pihak berkuasa, kerajaan mempunyai tanggungjawab. Ini tanggungjawab hakiki manamana kerajaan pun Dato' Dipertua, untuk melihat semasa rakyat menghadapi kesulitan, menghadapi kesulitan hidup, kerajaan mesti menjadi sebagai apa yang dipanggil sebagai *the last resort* untuk adakan Jaringan Keselamatan Sosial yang mesti menjadi sebagai tempat orang mengadu ataupun untuk mengadu nasib masing-masing.

Jadi, usul yang dibawak oleh Chennah ini kita bahas sampai ke hari ini, adalah merupakan usul untuk kita sama-sama mencernakan dan jugak mentelaah isu apa yang berlaku. Dato' Dipertua, masalah inflasi ini bukan masalah dihadapi oleh Negeri Sembilan saja ya, bukan dihadapi Malaysia saja. Ia masalah dunia ya. Dunia menghadapi masalah selepas masalah pandemik COVID menyerang dunia selama 2 tahun lebih ya. Lepas tu pulak Dato' Yang Dipertua, kita ingat pada tahun 2022 pemimpin-pemimpin dunia belajar daripada masalah pandemik COVID ini, untuk bekerjasama di antara satu sama lain. Rentas sempadan membantu ya, bagaimana cara untuk kita menghadapi kecaman, ancaman keselamatan *non-traditional*, Dato' Dipertua. Sekarang ini masalah ancaman bukan lagi ancaman komunis, tak ada

lagi dah ya. Ancaman serangan itu dan ini daripada luar negara. Tetapi ancaman sebenarnya ialah ancaman seperti ancaman pandemik ya, masalah kesihatan, ancaman *global warming* yang mana dunia menghadapi masalah dengan peningkatan suhu dunia dan berbagai-bagai lagi Dato' Yang Dipertua, iaitu ancaman yang tak pernah kita mengadakan dasar yang sempurna untuk menghadapinya. Jadi pandemik ini masalah.

Malangnya tahun '22 dimulakan pulak oleh serangan oleh Suria ke atas Ukraine. Yang mana 2 negara ini merupakan negara pengeluar yang banyak mengeluarkan bahan-bahan mentah untuk diedarkan ke seluruh dunia terutamanya minyak dan gas, jagung, minyak masak matahari dan jugak jagung, makanan tuan-tuan, Dato' Yang Dipertua. Jadi, masalah COVID belum habis lagi, baru nak hidup, ditambah pulak oleh masalah kekurangan bekalan. Inflasi ini Dato' Dipertua, ialah apa yang kita belajar di Tingkatan 6 dulu ya. *Basic economic principle - demand and supply*, dengan izin ya. Di mana inflasi akan berlaku apabila *demand exceed supply* ya. Apabila ada permintaan melebihi daripada pengeluaran, jadi ini suatu perkara asas yang perlu kita faham.

Orang tua-tua cakap Dato' Yang Dipertua, sakit berpunca, mati bersebab. Jadi apa punca dia. Kita kena lihat punca dia ya. Inflasi ini apa punca dia. Jadi, kita mesti bak kata orang tu, kalau doktor tuan-tuan, Dato' Yang Dipertua, pergi jumpa orang sakit, dia *prescribe* dulu ya. Apa sakit dia. Dia bukan bagi ubek toghuieh doh, jangan bagi ubek, kang orang sakit kepala, kita bagi ubek sakit poghot, tak elok. Doktor mesti tahu dulu apa sakit dia, latar belakang dia. Kita jugak mesti begitu ya. Kita mesti melihat mengapa kos kenaikan sara hidup di Malaysia meningkat ya. Apa punca dia ya. Apa sebabnya. Sebabnya rantaian *the global supply chain* terhenti-henti, tersekat-sekat disebabkan oleh COVID dan sekarang ini disebabkan krisis Rusia dan Ukraine. Dan jugak rantaian pengeluaran pun terhenti Dato' Dipertua. Jadi 2 sebab dia ya. Pengeluaran terhenti dan jugak bila dah ada pengeluaran, tidak dapat pulak untuk berhenti, Shanghai ditutup selama lebih 3 bulan, 4 bulan Dato' Dipertua, Pelabuhan yang terbesar, pelabuhan kontena terbesar di dunia. Kontena tak ada, tak cukup, seluruh dunia tak cukup kontena. Pelabuhan Shanghai kerana bandaraya Shanghai ditutup oleh Kerajaan Negara China untuk memastikan dasar negara China *zero COVID* ya. Dia tutup semua ya. Ini, ini dasar dia. Jadi, seluruh dunia menghadapi masalah, baru nak hidup, tetapi kontena-kontena kosong, kontena yang dah berisi, semua tak boleh di-*load*-kan, di-*unload* atau di-*load* di Pelabuhan Shanghai. Pelabuhan ter, kontena terbesar di dunia selepas Dhubai. Jadi, Dato' Dipertua, ini masalah dia.

Jadi apa yang perlu kita lakukan di sini Dato' Dipertua, ialah kita bincang di sini banyak kepada dasar fiskal. Dasar fiskal Dato' Dipertua, *it is a crisis management*, betul, ya? Crisis management must be *rapid* dalam krisis kita tak boleh mengadakan dasar jangka masa panjang, jangka sederhana, tetapi dasar jangka pendek. *Rapid action to produce rapid result*, Dato' Dipertua ya. Jadi kita perlukan dasar fiskal yang kuat, yang boleh menyakinkan rakyat. Itu sebabnya Kerajaan Persekutuan, negara kita telah berbelanja akan mencecah tidak kurang 80 bilion tahun ini. Dah sampai 77.7 juta, bilion dah tahun ini ya. Bayangkan Dato' Dipertua, hasil kita Dato' Dipertua, 230 bilion tahun ini, yang telah pun kita bajetkan, tetapi kita dah berbelanja 77 bilion untuk menampung subsidi sahaja. Ini merupakan suatu perkara yang rakyat Malaysia kita semua tahu dan mesti mengambil kira dan mesti rasa takut Dato' Dipertua ya, kerana kita akan menghadapi masalah lebih besar lepas ini ya.

Jadi kita jangan terlampau taksu sangat dengan asas kepada dasar fiskal. Kita mesti membuat dasar-dasar lain, jadi maknanya apa yang kita nak bincangkan di sini mesti kita ambil kira jugak. Bukan dari segi fiskal sahaja, tetapi apa dasar kita, bagaimana cara kita nak mengurangkan kos sara hidup ya. Kos sara hidup disebabkan oleh kenaikan harga barang. Kenaikan harga barang disebabkan oleh apa. Antara *supply* dan *demand*, rantaian ini Dato' Dipertua, terdapatnya beberapa sektor-sektor *compartmental* yang proses pengambilan untung. Jadi ini kita kena tengok ya. Kalau tidak nanti Dato' Dipertua, Dato' Yang Dipertua sebagai petani, sebagai penternak, sebagai peladang, Dato' Dipertua tak dapat apa-apa, barang yang Dato' Dipertua jual pun tak, tak tinggi pun sampai meningkat 30 - 40%. Kalau boleh jual pun lebih 10% dah untung dah ya. Tetapi harga di pasaran Dato' Yang Dipertua, barang yang Dato' Dipertua jual tersebut 100 - 300% naik. Haa ini cara kita.

Yang *non-fiscal interference* ataupun *intervention*, dengan izin, kita mesti lihat supaya ini dapat kita putus rantaian proses pengambilan untung. Pernah kita lihat Dato' Dipertua, ni sebabnya saya semalam semasa Exco, semasa pihak kerajaan kata Kerajaan Pusat akan meneruskan kita punya Program Jualan Keluarga Malaysia tersebut, dan mulai pada bulan ini akan dibagi 25 ribu Dato' Dipertua, setiap DUN, 36 DUN, setiap DUN 26 ribu satu bulan, 25 ribu setiap bulan sehingga hujung tahun. Boleh digunakan setiap minggu 6,000 ataupun sekali pun boleh. Ini adalah untuk kita memutuskan rantaian.

Apa yang saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri adalah, betul kita nak pastikan supaya tidak ada kenaikan sewa, membekukan kenaikan caj apa semua, tetapi itu sementara kerana berapa lama kita

boleh buat begitu. Takkan sampai selama-lamanya, kerajaan perlukan pendapatan. Kalau tak ada pendapatan, nanti pulak kita susah untuk membantu, untuk membangunkan negeri. Jadi, program ini, *rapid action* untuk jangka pendek saja. Jangka panjangnya apa, ya. Jangka panjangnya Dato' Dipertua ialah, kita mesti buat apa yang dipanggil dasar *intervention* di *supply site* Dato' Dipertua. Jangan kita ganggu *the demand* punya *site*. Apa yang kita buat sekarang ialah kita mengganggu di sektor permintaan. Saya tak tahu apa sebab ya, bank pusat menaikkan kadar faedah OPR. Ini Dato' Dipertua, menyukarkan lagi kita. Dalam orang baru nak belajar hidup Dato' Yang Dipertua, baru nak hidupkan semula perniagaannya, baru nak bekerja semula, Dato' Dipertua, baru nak mendapat pendapatan, kos untuk hidup dah tinggi pulak. Bila kadar faedah dinaikkan, OPR oleh Bank Negara, secara tak langsung, secara automatik, bank-bank perniagaan Dato' Dipertua, akan menaikkan kadar faedah mereka. Orang nak bayar sewa rumah dah naik pulak dah, kan. Kalau bayar 500.00 sekarang dah jadi dekat 570.00 – 580.00 disebabkan oleh kenaikan kadar faedah.

Saya rasa ini tidak perlu kerana kita terlampau taksu melihat kepada *the demand site*. Kita menaikkan OPR, kita menaikkan kadar faedah semalaman oleh bank pusat dengan harapan supaya orang menyimpan duit di dalam bank, mendapat kadar faedah. *The bank* pusat ataupun Bank Negara nak mengambil ataupun *they want to take out the liquidity form the market*, dengan izin. Dia nak mengambil kecairan daripada terlampau banyak duit kerana tiba-tiba sahaja kita punya sempadan dah dibukak, Dato' Dipertua. Tiba-tiba sahaja dunia terbukak selepas 2 tahun setengah ditutup, terbukak, maka orang akan berbelanja kerana selama ini mereka tak dapat berbelanja keluar. Jadi *demand* punya *site* tu tinggi.

Kalau ikut prinsip ekonomi, teori ekonomi *basic principle* daripada Harcharan Singh Khera dulu kan, Dato' Dipertua ingat lagi kan, Harcharan Singh Khera kata *demand exceed supply, then you must disturb the demand* punya *site*. Tak boleh macam tu. Biar *market* ini banyak *liquidity*. Biar *market* ada banyak kecairan kerana kecairan ini akan membantu untuk menghidupkan pengeluaran. Tetapi kalau kita ambil kecairan daripada pasaran, maka kecairan ini akan menjadi sedikit, maka pihak pengeluaran melihat kecairan dah tak ada, siapa nak buat perniagaan. Jadi, ini perlu kita ingat Dato' Yang Dipertua ya, supaya jangan kita ikut terlampau sangat asas ekonomi, jangan kita lupa. Yang patut kita buat ialah kita mesti *interfere, intervene* pengeluaran punya *site*. Mengapa ayam tak cukup ya. Mengapa ikan tak cukup. Mengapa sayur tak cukup. Jadi maknanya Dato' Dipertua, ialah kita mesti lihat kepada sektor pengeluaran. Kita mesti memberikan nafas baru kepada kilang-kilang. Kita mesti memberi

nafas kepada peniaga-peniaga. Rakan-rakan ahli Yang Berhormat tadi ada cakap, semalam ada cakap bahawa biar orang berniaga, biar orang berniaga, biar orang banyak duit ada. Orang ada duit. Kalau kita tengok, Dato' Yang Dipertua, boleh jangka ke filem Mat Kilau *collect* sampai 100 juta? Kan? Orang ada duit. Orang pergi tengok wayang. So, apa yang dibuat ialah kita menarik kecairan daripada pasaran, itu tak betul. Kita jangan tarik, biar kecairan ini. Dia macam badan Dato' Dipertua, dalam darah kita .....

[percakapan YB Yang Dipertua secara *off mic*]

**YB ADUN Rantau:** Apa dia?

[percakapan YB Yang Dipertua secara *off mic*]

**YB ADUN Rantau:** 100 juta dalam masa 4 bulan, Dato' Dipertua. *Are we facing liquidity problem now, or what?* Kita tidak. Masalah kita sekarang ialah masalah pengeluaran itu. Maka lihat kepada pengeluaran. Perbanyakkan pengeluaran. Perbanyakkan bekalan sayur. Perbanyakkan bekalan ayam. Perbanyakkan bekalan itik ko, tolo ko apo, telur, tolo pulak kan. Bekalan telur ayam. Bekalan daging. Itu kita perlu banyakkan. Bukan menarik kecairan daripada pasaran daripada tangan orang. Menaikkan kadar faedah akan menarik, merendahkan nilai ringgit dan jugak menarik kecairan daripada tangan orang, daripada poket orang. Dulu bayar sewa rumah 300.00, sekarang dah dekat 400.00. 100.00 dah diambil, Dato' Dipertua. Bayar kereta dulu 300.00 sekarang kena bayar 320.00. Semua akan naik Dato' Dipertua kerana bank dan pihak pemasaran, pengeluaran tidak akan *absorb* ataupun tidak mengambil kos, dia akan pulangkan kos kepada pembeli-pembeli.

Jadi saya mintak supaya Kerajaan Negeri betul, kita buat apa yang disarankan, membekukan ya, membekukan, tidak menaikkan. *Actually*, sebenarnya tak perlu bawak Dewan, Dato' Dipertua, ini boleh dibuat secara pentadbiran. Dalam kerajaan semasa Kerajaan BN dulu pun kita tak pernah naikkan sewa. Kita tak pernah naikkan cukai tanah dan macam-macam ya. Tetapi nak dibawak ke Dewan ni, boleh jugaklah kita sama-sama berbahas dan membantu memberikan pandangan-pandangan.

Dato' Yang Dipertua, yang perlu ialah sekarang ini bagaimana cara kita nak mengekalkan ataupun mempertingkatkan dia punya keupayaan. Macam dulu, semua orang terpaksa sewa rumah sebab tak cukup rumah-rumah, pembangunan rumah rakyat. Bagi seorang ibu tunggal, Dato' Dipertua, duduk bekerja di Senawang, di kilang di Senawang. Gaji

800.00 campur *overtime* katakanlah *overtime* 200.00 = 1,000.00. Terpaksa sewa rumah. Nak membesarkan anak 3 – 4 orang ni. Sewa rumah 350.00 Dato' Dipertua. *That is the cost* dia. 350.00 sewa rumah saja, yang lain-lain tak kira kan? Apa yang kerajaan buat, kita buat dulu ialah itu sebab kita buat ada buat, kita buat rumah, pembangunan rumah rakyat, Taman Jasmin, pembangunan rumah rakyat di Sri Perdana di Paroi, di bawah MPS, kita buat apa yang dipanggil sebagai *council home*. Di United Kingdom, Dato' Dipertua, di England, *council home* ni memang menjadi sebagai sesuatu yang amat berjaya untuk mengatasi masalah perumahan. Di Singapura, HDB dia amat berjaya ya.

Saya mintak supaya Kerajaan Negeri buat ini. Buat sebanyak rumah bersama dengan KPKT, bersama dengan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri cari tanah yang sesuai. Kalau tak ada tanah di pekan-pekan, ataupun di luar-luar sikit tak apa. Lepas tu, semalam kata nak buat bas percuma. Buat bas percuma daripada kawasan tersebut ya. Kalau dulu dai terpaksa bayar sewa rumah 350.00, sekarang mana nak dapat? Sekarang 400.00 – 450.00 kan. Paling murah 500.00. Bagi ibu tunggal nak besarkan anak, Dato' Dipertua, 500.00 – 400.00, terpaksa bayar satu penyeksaan. Satu keseksaan. Tetapi bila kerajaan buat dulu, kita buat sewa rumah dekat *flat* Seri Perdana Paroi tu 100.00 sebulan. Bayangkan dulu terpaksa bayar 350.00, sekarang bayar 100.00 kepada MPS ataupun sekarang Bandaraya. 250.00 ringgit dalam poket dia, *additional 250.00 in their pocket*, Dato' Dipertua, bagi ibu tunggal yang nak membesarkan anak banyak besar maknanya. Dato' Dipertua tak kesahlah kan, 250.00 tak kesah kan? Tetapi bagi mereka besar maknanya. Ini caranya yang bukan dasar fiskal, tetapi dasar intervensi mengurangkan kos sara hidup. Ini perlu kita buat. Kenderaan, kos kenderaannya macam mana ya. Kita sediakan lebih banyak lagi rangkaian-rangkaian untuk bas percuma, kenderaan percuma Dato' Dipertua, ke pusat-pusat ke, tak payah pergi pasar apa, pergi ke hospital, pergi ke klinik, kawasan-kawasan itu disambung-sambung Dato' Dipertua ya. Ini cara dia ya.

Itu saya mintak supaya ini dilihat jangan kita melihat dari cara fiscal saja. Kerajaan tak boleh tanggung. Kerajaan Pusat berbelanja 77 dan mungkin 80 bilion tahun ni, untuk menampung kos subsidi. 230 bilion pendapatan setahun, 80 bilion untuk subsidi saja. 80 bilion pulak bayar penjawat awam. 160 bilion dah habis. Tu tak masuk pencen lagi Dato' Dipertua. Apakah kita masih mahu berhadapan dalam keadaan begitu? Jadi ini bukan jawapannya semestinya *no*. Bukan. Jawapannya ialah dasar-dasar perlu kita kena *reset*, kita kena *dismantle* semua dasar-dasar yang dah lama, kepada dasar baru yang mesra pelanggan, yang mesra kepada perniagaan ya. Kita mesti tambah pendapatan orang.

Macam mana? Beri, buat satu dasar di Negeri Sembilan supaya *this is the state* ataupun ini negerinya yang menggalakkan orang berniaga di sini. Fikirlah sama-sama macam mana. Supaya tak ada premium ke. Orang nak bukak kilang, *never mind you can pay your premium* dalam masa 10 tahun. Sebab kadang-kadang membayar premium sampai 4 – 5 juta, belum *start* buat *business* lagi 5 juta dah terpaksa dikeluarkan ya, Dato' SFINO kan. Boleh bayar 10 tahun, *you* bayar ansur. Jadi ini tidak membebankan. Cuba bayangkan dia nak buat *conversion*, tanah pertanian, nak buat kepada kilang, nak buat dia punya, nak tukar status, bayar premium berapa banyak, Dato' Dipertua.

Jadi, ini apa yang kita buat, supaya kita buat dasar yang boleh menggamit ramai orang datang berniaga di Negeri Sembilan. Orang bila cakap pasal Negeri Sembilan, *this is the state* yang kita patut pergi, bawak kita punya perniagaan kerana dasar yang amat *friendly* kepada peniaga, dasar yang amat *friendly* kepada *business*. Tak perlu duit 1 sen pun ya. Cuma kita buat dasar yang boleh, keluarlah kita daripada sikap kita, *template* tahun 80an, masih kita nak bawak tahun 2020. *That was 20 years ago where's very good*, tetapi kita mesti hidup sezaman dengan zaman kita, dasar kita mesti dasar yang sezaman dengan zaman kita ya. Orang muda nak berniaga macam mananya. Ini perlu kita buat Dato' Yang Dipertua.

Yang lain-lain tu Dato' Dipertua, buatlah ya, saya tak kesah. Tapi saya berharap supaya kita jangan lihat kepada *the, the*, apa orang kata *the demand site*. Kena tengok *supply site*. Orang bayar rumah tinggi, mengapa sewa rumah di bandar Seremban tinggi, antara yang tertinggi dalam negara? Ya. Sebab apa, kurang rumah. *Why don't we flush out with the government* punya dasar kan, buat sebanyak rumah dengan PPRT. Kerajaan Negeri cari tanahnya kan. Cari tanah, kita buat apa ni, kerjasama dengan KPKT, buat kerjasama dengan siapa-siapa yang mahu buat. Tetapi bukanlah rumah yang mahal kan. Rumah kat Seremban ni pun, Negeri Sembilan dah mahal sangat dah ya. Rumah teres pun, *link house* pun dah 700 – 800 ribu lebih kan. Buat rumah yang boleh sesuai dan boleh dimiliki. Sesuai diduduki dan mampu dibeli. Jadi Dato' Dipertua, kita kena buat ini semua.

Saya jugak cadangkan, bukan saja sewa ni dan jugak caj ini di, di, di, di, tidak dinaikkan, supaya semua denda-denda dihapuskan, Dato' Yang Dipertua ya. Denda-denda dihapuskan, sewa rumah PPR, 2 tahun tak payah bayar ya. 2 tahun kata tak payah bayar, berapa sen sangat kita nak *collect*. Kita buat rumah PPR ni Dato' Dipertua, bukan nak ambil untung pun. Ini bukan proses mengambil untung kan. Kita *suspend*-kan dulu ya. Kalau PBT rasa kita kehilangan duit, kerana itu menjadi salah satu daripada punca pendapatan PBT, Kerajaan Negeri tampung.

Berapa banyak sangat kan. Dekat *flat* Seri Perdana Paroi tu katakan ada dekat ada 300 unit kan, setahun, atau sebulan 100.00. Kerajaan Negeri buatlah, pakailah duit P50 MB banyak. 50 juta ya. Yang Amat Berhormat kan, boleh pakai kan, boleh subsidikan ya. Tetapi kita kena buat betul-betul ya. Dan jugak semua kita *suspend*-kan kata 2 tahun. Saya mintak supaya semua denda-denda, sewa-sewa kita, kita, apa saja, kalau boleh Dato' Yang Dipertua, SAINS kepunyaan Kerajaan Negeri, kita kurangkan tarif untuk sementara ya, sebab orang baru nak hidup. 2 tahun setengah Dato' Dipertua terbeban, hilang mata pencarian, baru nak belajar hidup balik, ditambah pulak dengan kos, *cost of doing business* dah tinggi kerana kenaikan OPR. OPR ini menyebabkan kadar faedah di bank-bank tinggi. Kita sebenarnya nak membunuh apa?

Dalam badan kita, inflasi ini bagus Dato' Dipertua, tetapi *manageable inflation* ya. Inflasi ini umpama darah kita mesti ada kolesterol. Kalau tak ada kolesterol pun badan kita lemah Dato' Dipertua. Tetapi kolesterol jangan lebih pada 5.5. Antara 3.5 kepada 5.5. Kalau rendah pada 3, nak angkek tangan pun tak boleh Dato' Dipertua, tak ada tenaga ya. Mesti ada kolesterol untuk menguatkan badan kita, tapi jangan sampai 15 kolesterol, jangan sampai, Dato' Dipertua, kono, kono strok ya. Bahayo. Kolesterol mesti ada, tetapi kolesterol yang baik, yang boleh diurus. Inflasi mesti ada dalam sesuatu pasaran untuk *to excite the supply site* kerana adanya *demand* lebih daripada *supply*. *Demand must be always more then supply*. Kalau *supply* lebh banyak daripada *demand* kita akan menjadi sebagai *recession*. Orang dah tak ada duit ya. Orang tak membeli lagi dah ya. Jadi ini, ini, ini cara dia. Urus dengan baik

Dan *insya Allah* negara kita punya inflasi tak begitu tinggi ya, 2.8 tetapi disebabkan oleh banyak ekonomi gelap, saya rasa 5 - 6% sebenarnya kerana ekonomi, *black economy* kita terlampau banyak. Mamak mana apa kan, gerai-gerai mana *declare*, tak *declare* kan, jadi kita buat. Buat macam Tun Razak buat dulu. Masa zaman '78 - '77, zaman meleset. Saya ingat lagi, masa tu kami di Universiti Malaya, bumi hijau dikeluarnya, Restoran Rakyat kita buat. Saya ingat lagi, dekat PBNS tu dulu, itu bangunan tu kita buat sebagai Restoran Rakyat. Ingat lagi tak Dato' Dipertua kan, Restoran Rakyat kan? dokek Restoran Rakyat dokek Bank Negara *roundabout* dokek tu kan, bulatan Merdeka, tu bawah tu Restoran Rakyat, ramai orang makan tengah hari. Bayar [ringgit]1.50 sen. Harga murah. Seghomban buek macam tu. Tampin buek macam tu. Ghombau buek macam tu. Buak Restoran Rakyat, disubsidi oleh apa, ramai orang susah nak cari makan, terutamanya anggota-anggota kerajaan dia akan makan di situ. Dan orang luar makan di situ. Buak untuk 1,000 - 2,000 orang kan. Kita bukan nak ambil untung, kita cuma nak sedokah atas asas *barokah*. Majlis Agama

Islam banyak orang zakat, 100 juta setiap tahun. Jangan buang duit poi ramai-ramai poi luar negara buek apo, jangan macam tu. Buek ini. Kebarokahan itu mesti ada. Setuju tak dengan saya Longgeng? Mano longgeng? Hidup mesti ada *barokah*. Guna setuju sama saya tak? Setuju? Haa setuju, bagus ya. Hidup mesti ada *barokah* kan. Supaya kita membantu semasa orang susah ini ya. Katakan kita buek sampai petang, ini tak bertarikh, tak bernoktah ni, “sehingga kadar inflasi dapat dikawal”. Bila? Inflasi *normally can be control* dalam masa 2 tahun – 2 tahun setengah, sampai 2 tahun setengah, kita kena buat. Kalau setahun, setahunlah kan. Kalau tidak nanti, orang tak nampak, orang rasa biasa saja. Buat. Jangan pulak galakkan rakyat kita hidup sebagai orang yang tak mahu berusaha.

Dalam masa yang sama, kerajaan membuat dasar-dasar yang boleh menggalakkan orang berdikari. Yang boleh memberi peluang orang, senang orang untuk berniaga. Cakap, tadi ada kata jangan, kan, pasal gerai-gerai orang nak berniaga, berniagalah. Saya tengok selalu boli, YAB, kawasan YAB ni, di Sikamat tu. Budak-budak ni berniaga ikan *fresh*, dia beli daripada Kuala Selangor. Dibawaknya dokek Paroi Jaya tu, dah kena tutup. Pihak berkuasa tutup sebab orang *complaint* agaknya, sebab orang peniaga-peniaga depan *complaint*. Bagilah berniaga. Ikan dia lebih murah dan *fresh* Dato’ Dipertua. Saya buek ni, asas ni, Dato’ Dipertua, ambil ikan daripada Kuala Perlis saya bagi budak Rantau tu yang berniaga dokek simpang 3 Linsum tu, ikan apa ni, ikan, ikan dia panggil ikan temonung, ikan panggil ikan apa, anak ikan kembang tu. Haa?

[Percakapan YB Yang Dipertua Dewan secara *off mic*]

**YB ADUN Rantau:** Binatang apa, ikanlah, asalkan ikan. Ikan kocik tu. Ikan, kocik pada ikan, ikan solar lagi. Jual setengah harga, sebab apa Dato’ Dipertua, kita memotong rantaian orang tengah.

[Percakapan YB Yang Dipertua Dewan secara *off mic*]

**YB ADUN Rantau:** Ya, cuba tanya kek Pasar Seremban berapa? Kalau ini kita boleh buat, YAB kan, kita buat pasar. Itu sebabnya saya mintak diperbesarkan lagi konsep Ladang Rakyat. Ladang Rakyat ni kan, siapa Exco Pertanian? Ladang Rakyat ni kita bukak dulu untuk kita, orang me, apa orang tu, menanam sayur-sayuran. Bukan tanaman kekal ya. Tanaman kontan sayur-sayuran. Pastikan diurus dengan baik, pasti ia mengeluarkan apa. Dan buat pusat pengumpulan. Pusat pengumpulan ini, Dato’ Dipertua akan menjadi sebagai pertemuan di antara penternak, peladang, petani, nelayan menghantar barang dia. Dan orang akan terus, boleh terus beli pada itu. Tak perlu lagi orang

tengah, 2 - 3 tangan ya. Ini akan membantu petani, penternak dan peladang boleh menghantar dia punya hasil dia, dan pembeli boleh terus beli barang yang terus dia nak beli pada situ. Ini akan menghapuskan 3 - 4 lapisan orang tengah ya. Buat, kita buat. Kalau boleh setiap daerah, setiap apa, buat pusat pengumpulan Ladang Rakyat, pusat pengumpulan Ladang Rakyat ya. Itu sebabnya dulu kita nak buat apa orang dipanggil sebagai *beef valley*, 5,000 ekar, tinggal lagi diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, tak berjaya, nak buat macam mana. Ada ladang satelit kita buat, supaya bekalan daging lembu sentiasa ada dan menggalakkan. Ada dia punya ladang sebagai dia punya ladang induk, dan ladang-ladang satelit kita buat supaya ini sebagai pembekal. Kita boleh membeli sebab kepada segala-segala hasil tu, kita buat Dato' Dipertua ya.

Jangan kita terlampau obses, jangan kita terlampau taksub melihat kepada dasar fiskal sahaja. Dasar fiskal tak boleh bertahan lama. Kerajaan tak boleh bertahan lama Dato' Dipertua, kerana ini akan mengurangkan pendapatan kita. Tetapi dasar-dasar intervensi di *supply* punya *site*, kan. Ayam tak ada. Ayam bukan tak ada, Dato' Dipertua, ayam ada, kalau kita tengok daripada pembelian benih ayam, tak ada kurang pun. Tetapi mengapa ayam tak ada pasaran, dia tunggu kerajaan untuk naikkan harga, kan? Bila naik je harga, banyak ayam kat pasar. Ayam ni boleh hidup semalam ko? Kalau ayam tak ada sebelum ni, bila naik ya harga, daripada [ringgit]8.70 sen kepada [ringgit]9.80 sen, dah ada ayam. Ayam bukan boleh besar automatik semalam. Maknanya wujudnya sesuatu yang mengugut kerajaan. Kerajaan tidak boleh diugut oleh sesiapa ya. Jangan sampai kita tiba, jangan kita sampai tahap orang boleh mengugut kerajaan dan itu kerajaan bahaya, Dato' Dipertua.

Jadi, itu yang nak saya sarankan Dato' Dipertua. Yang lain-lain tadi rakan-rakan semua dah sebut. *Be flexible during crisis*. Sebab dalam krisis Dato' Dipertua, kita kena urus secara manual, jangan pakai automatik je, jangan pakai SOP, jangan pakai *General Order*. *General Order* dibuat dalam keadaan tidak krisis. Dalam krisis, *pilot must pilot* ya, *take over*, jangan pakai automatik, memang daripada KL nak turun ke London dah set dah komputer, *autopilot*, *landing* pun *autopilot*. Tetapi dalam menyeberangi Teluk Benggala, antara *tip off* Sumatera sehingga ke Sri Lanka, di situ *turbulence*. Dia kena *take over*. Dia nak alih sikit ke, dan nak naik ke ateh ke, nak turun ke bawah. *Now we in crisis*. Jangan ikut SOP, jangan ikut *General Order*. Ikut apa yang perlu kita lakukan kerana sakit berpunca, cari puncanya dan mati bersebab, sebabnya apa. Itu kita buat. Dan kita cuba kurangkan kos sara hidup. Kos saya hidup ni bukan memberi duit, Dato' Dipertua, tapi kos sara

hidup ni boleh dikurangkan dengan cara kita memudahkan tatacara kita mengurangkan birokrasi dan macam-macam.

Tadi Dato' Zaiful tanya, pasal pusat hemodialisis di surau, Masjid An-Nur, dah lama dah. Kita punya dulu, harapan kita Dato' Dipertua, orang banyak kena buat dialisis. Kita nak buat setiap daerah Majlis Agama Islam, di masjid-masjid dia, kita nak buat pusat dialisis supaya senang orang, tak perlu daripada Ghombau nak poi Seghomban, nak poi ke Tampin, macam-macam. Boleh di situ kita buat. Ini buat. Kita perlu buat. Kita perlu memudahkan dan perlu mengurangkan kos. Kalau ini boleh buat, dasar ini kita boleh buat Dato' Dipertua, *insya Allah* ya.

Dasar perniagaan apa orang kata, jangka, Program Jualan Keluarga Malaysia akan bermula daripada bulan ni sampai bulan Disember. 25 ribu ringgit, ini Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan banyak bantu Dato' Dipertua. Untuk banjir saja bantuan, Bantuan Wang Ihsan Dato' Dipertua, kerajaan telah membantu banyak jutanya Dato' Dipertua ya. Dia punya juta banyak Dato' Dipertua. Nanti saya tengok dalam ni haa, saya pun tak boleh ingat semua *figure*, Dato' Dipertua, dah tua ya.

[percakapan YB Yang Dipertua Dewan secara *off mic*]

**YB ADUN Rantau:** Haa? Itu tandanya kita semakin matang. Bantuan wang ihsan 500.00 ringgit setiap ketua isi rumah, Dato' Dipertua, 6.3 juta. Dibantu oleh, ni daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Bantuan keperluan harian 1,000.00 ringgit setiap ketua isi rumah, dah bagi 14 juta ya. Dan bantuan keperluan, untuk barang, untuk menggantikan barang-barang yang rosak Dato' Dipertua, perbaiki rumah, 5,000.00 ringgit setiap isi rumah, dah 85 juta. Setiap ada, semua dah bagai. Dan mana-mana yang tertinggal namanya Dato' Dipertua, boleh diuruskan melalui Pejabat Daerah masing-masing *insya Allah* ya. Jadi banyak, tetapi bantuan ini bukan, jangan pulak nanti terpaksa belanja. Duit banyak, belanja. Semalam ada, siapa cakap, sahabat kata kan. Banjir, cari sebab apa banjir. Apa sebab masa saya dulu tak ada banjir, sekarang dah banjir? Naiklah sikit kan? Naiklah sikit kan? YAB, boto. Moksum tak ponah, Kampung Pasir Rantau tak ponah banjir 14 tahun ya. Tak. 14, Sikamat banjir sebab kek *you*. Dato' Dipertua, kita cari punca dia apa sebab banjir tu kan. Cari punca dia. Kalau tebatan banjir Sungai Linggi tu masih lagi belum dapat, buatlah mintak, dan gali. YAB program menggali sungai ni perlu. Kalau kita ada MARRIS, setiap tahun ada wang, apa ni, di dalam Perlembagaan kita untuk menyelenggara jalan raya. Sungai kena selenggara. Ya, sungai kena selenggara. Jangan biarkan sungai tak diselenggara. Dia akan

*strike back*, bencana alam Dato' Dipertua, kalau, kalau dia *strike back at us*, lagi besar kita punya apa ya.

[Percakapan YB Yang Dipertua Dewan secara *off mic*]

**YB ADUN Rantau:** Ya, ambil pasir tu. Ya, gali pasir tapi dengan syarat kita bagi kepada pengusaha, dia kena bina benteng. Jadi kerajaan tak payah keluar duit bina benteng. Biar dia buek benteng. Lebihan pasir tu biar dia jual, tak apa, dia nak hidup kan. Jadi *win win situation*. Masalah banjir di Dato' Dipertua kan, YAB, kerana sungai kita kena gali. Sungai Linggi kena gali. Taman Moksum tu lama saya tak ingat dia dah banjir dah, sampai orang, takkanlah sampai nak tunggu orang sampai, sampai berpiket kan. Sebab tak ada apa pun, masalah sungai Linggi banjir Dato' Dipertua, kerana sungai dah cetek. Dah banyak pasir. Gali pasir, timbunkan buek benteng, ban, dan tak ada masalah. Dan salah satu lagi banjir Dato' Seri apa, kolam-kolam MASMA.

[percakapan YB Yang Dipertua Dewan secara *off mic*]

**YB ADUN Rantau:** Ya, boleh berkelah. Kolam MASMA YAB, beratus-ratus dalam taman-taman perumahan, semua tak diselenggara. Bila kita tanya JPS memang tak ada duit. Kita mintak supaya pemaju-pemaju. Jangan ambil alih kolam MASMA ni. Ini dasar patut kita buat. Kerana dia ambil, dia buat, dia buat kolam MASMA serah kepada kerajaan, kerajaan bagi kepada JPS. Jangan ambil. Bagi dia urus. Di Seremban 2, dia urus. Di Sendayan, dia urus Dato' Dipertua. Jadi, dia sentiasa kena korek, sebab *siltation process* kan. *Desilting* kena buat setiap tahun. Kalau tidak, dia punya semua dah dipenuhi, dah, dah, dah, berbuyau, dah, dah, dah, orang kata dah berpasir, tak bermakna tak berfungsi lagi, dia terus masuk ke sungai. Kolam MASMA ni patutnya sebagai kolam takungan, bila melimpah keluar, keluar perlahan-lahan. Tebing runtuh Dato' Dipertua kerana cepat naik, air cepat turun, tebing runtuh ya.

So, itu saja Dato' Dipertua ya. Saya harap supaya kita di Negeri Sembilan, kita cari cara, kita ubah dasar, kita gubal dasar. Yang ini bukan dasar, ini sebab secara pentadbiran saja. Eloklah tu bawak ke dalam Dewan ni. Kerajaan pun nak dapat *milage* jugak kan, seolah-olah kita, *actually* ni dalam pentadbiran, dalam Exco saja boleh buat. Kami dulu dalam Exco setiap tahun kita kata, nilai-nilai tak payah, tak payah apa.

[percakapan YB Yang Dipertua Dewan secara *off mic*]

**YB ADUN Rantau:** Saya tahu, sekelimbas air, ikan di air, saya tahu jantan betina eh. Kalau nak nyorok, janganlah nyorok balik pokok pisang. Dato' Dipertua badan gomok. Nyorok belakang pokok sono. Buek tak apo, kita ada masalah. Kita bersama-sama. Yang pentingnya di sini kita memikirkan masalah rakyat, di sini kita memikirkan macam mana kita nak selesaikan masalah rakyat ya. Terima kasih Dato' Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Rantau. Saya kira kita boleh, haa apa? **Ya**, ada cadangan apa? Nak, nak cakap? Nak bahas? Haa saya bagi seorang je ya. Lepas ni kita rehat. Nanti masuk 2:30 ya. Silakan YB.

**YB ADUN Chuah:** Okay terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya berbahas usul Chennah di bawah Peraturan XVII. Dato' Yang Dipertua, untuk mengatasi kos sara hidup yang tinggi, maka kita terpaksa mengambil tindakan *tactical* dan strategik iaitu dengan kadar segera dan kadar jangka masa panjang. Kadar bunga naik di negara ini akibat kadar bunga naik di Amerika Syarikat. Kalau tidak, kalau tidak ikut maka wang ringgit akan keluar akan diparkir di Amerika Syarikat. Ringgit Malaysia akan jadi lemah. Inflasi akan mendedak sebab banyak makanan kita adalah import. Ini termasuk baja untuk pertanian dan juga makanan untuk ayam. Apa yang kita katakan, ini adalah apa yang kita disebutkan *interest uplift trust*, sebab mata wang kita lemah. Kadar naik yang disyorkan oleh Bank Negara sebab nak warga kita berjimat cermat dan tidak jadi boros.

Dato' Yang Dipertua, saya setuju dengan Serting mengenai kerajaan mesti menyantuni rakyat, bermusyawarah, ini sememangnya dasar Kerajaan Negeri ini dan dibukti oleh Chennah yang mengebu, yang mengemukakan usul kenaikan kos sara hidup. Dato' Yang Dipertua, penularan COVID-19 yang melanda seluruh dunia dan negara ini dianggap endemik yang mengakibatkan gangguan produksi hasil keluaran sama ada makanan atau barangan. Apa lagi dengan peperangan Rusia – Ukraine yang menjejaskan bekalan makanan dunia ini, terutama gandum dan bijirin dari Ukraine. Bekalan gas dari Rusia ke Eropah terputus dan mengakibatkan kenaikan harga minyak kerana mereka beli dari sumber atau gantian yang lebih mahal. Ini menimbulkan masalah inflasi kerana kos produksi mereka naik.

Dato' Yang Dipertua, rakyat derita kerana pendapatan kekal tetapi kos sara hidup naik mendedak. Kerajaan prihatin wajib memikul bahu bersama penduduk Negeri Sembilan dengan membekukan kenaikan kadar kutipan di bawah Kerajaan Negeri. Dato' Yang Dipertua, saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah

pun secara proaktif mengadakan insentif di bajet ataupun belanjawan 2022 seperti siswazah tani, petani muda dan Tabung Usahawan Negeri (TUNS) untuk membantu rakyat berniaga dan juga menghasilkan makanan. Langkah ini memperkasakan rakyat dengan semangat berdikari. Kerajaan Negeri sentiasa bersiap sedia untuk mengatasi masalah yang dihadapi rakyat Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, peluang pekerjaan dan *business* yang memuaskan juga akan mengurangkan tekanan hidup. Dan saya mencadangkan Kerajaan Negeri mengambil kesempatan ini untuk membina infra atau menambah baik semua infrastruktur yang ada di Negeri Sembilan. Umpamanya, yang dicadang oleh Chembong yang mengatakan banyak soalan mengenai isu gangguan air. Untuk mengasa, mengatasi masalah gangguan bekalan air, saya mohon semua tangki besar di taman-taman dibaik pulih secepat mungkin untuk menampung bekalan air sekurang-kurangnya sehari dua, jikalau ada gangguan air. Sistem paip seluruh Negeri Sembilan yang melebihi 25 tahun, wajib digantikan baru dengan kadar segera supaya tekanan air yang memuaskan dapat membekalkan air ke kawasan yang tinggi atau dalaman. Mengenal pasti pusat loji rawatan yang baru supaya kekurangan Loji Rawatan Linggi tidak menjejaskan bekalan air di Port Dickson. Iaitu menjamin bekalan air yang mencukupi di bawah pembangunan MVV 20, 2.0.

Dato' Yang Dipertua, dengan semua masalah infra dikurangkan, maka rakyat boleh memberi tumpuan untuk selesaikan masalah kenaikan sara hidup yang memberi tekanan tinggi kepada rakyat. Marilah kita sama-sama memikul bahu menghadapi kenaikan sara hidup itu. Dato' Yang Dipertua, dengan ini Chuah sokong usul di bawah Peraturan XVII oleh ADUN Chennah. Sekian, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat Chuah. Saya kira kita berhenti rehat sekarang ni. Kita tangguhkan mesyuarat LPPOPPPPP'uarat dan kita akan mula 2:30 petang ya. Jadi Sri Tajung sambung 2:30 petang ya. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum WBT.*

**[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.41 tengah hari]**

---

**[Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang]**

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan Timbalan Yang Dipertua Dewan]

[YB ADUN Nilai, YB ADUN Rantau, YB ADUN Juasseh dan YB ADUN Senaling tidak hadir sesi petang]

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Selamat petang ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan penjawat awam. Dewan sambung semula. Saya minta yang masih, ahli-ahli Yang Berhormat belum ambil bahagian, boleh ambil bahagian untuk perbahasan. Kalau tidak, saya mintak kerajaan untuk menjawab.

**YB ADUN Bahau:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih pada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Chennah.

Dato' Yang Dipertua, untuk menjawab Yang Berhormat Lobak, dalam perbahasan Yang Berhormat Lobak ada menyatakan mengenai cadangan pemberian diskaun kepada penghuni perumahan, Program Perumahan Rakyat (PPR) yang membuat pembayaran penuh tunggakan. Untuk makluman Yang Berhormat Lobak, pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan permasalahan yang dihadapi para penghuni perumahan awam di Negeri Sembilan. Sehubungan dengan itu, pentadbiran Kerajaan Negeri sedang mengkaji kaedah terbaik supaya penyewa yang mempunyai rekod tunggakan dapat membayar tunggakan dan sewa bulanan tanpa membebankan para penyewa. Secara ringkasnya Kerajaan Negeri, kita akan lihat macam mana cara yang terbaik untuk kita mengurangkan beban mereka kerana pada ketika ini, kita perlu juga semak dengan pihak Kerajaan Pusat adakah Kerajaan Negeri mempunyai punca kuasa, ambil contoh, untuk kita menambahkan lagi ataupun menanggung, bukan menanggunglah, menambahkan lagi, memanjangkan lagi tempoh pinjaman ataupun tempoh pembayaran sewa. Itu untuk menjawab Yang Berhormat Lobak.

Untuk menjawab Yang Berhormat Jeram Padang, mengenai isu Rumah Mampu Milik ya, isu Rumah Mampu milik. Untuk maklumat Yang Berhormat Jeram Padang, Dasar Perumahan Negeri Sembilan telah berkuat kuasa sejak tahun 2015, telah pun menetapkan supaya pemaju menyediakan Rumah Mampu Milik *Type A* yang berharga tidak melebihi 80 ribu, *Type B* berharga tidak melebihi 250 ribu, *Type C* berharga tidak melebihi 400 ribu. Sehingga kini sebanyak 8,449 unit Rumah Mampu Milik *Type A*, 9,456 unit Rumah Mampu Milik *Type B* dan 7,327 unit Rumah Mampu Milik *Type C* telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 27,232 unit. Perincian saya rasa nanti saya bagi perincian secara bertulislah kepada Yang Berhormat Jeram Padang. Saya rasa dalam usaha kita

untuk mewujudkan lebih banyak Rumah Mampu Milik, itu kita sentiasa laksanakan.

Seterusnya untuk menjawab apa yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Seri Menanti. Yang Berhormat Seri Menanti tak ada, saya jawab secara bertulis.

Okay Yang Berhormat Chennah. Isu yang dibangkitkan: pembekuan terhadap cukai, caj, sewaan dan sebagainya yang dikenakan kepada rakyat dilaksanakan dengan tujuan membantu mengurangkan beban rakyat. Yang kedua, kompaun atau denda yang dikenakan atas pengusaha, penjaja atau peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan perlu dipertimbang semula dan disyorkan agar jumlah denda ataupun kompaun dikurangkan atau diberikan amaran sahaja tanpa sebarang bayaran.

Untuk makluman Yang Berhormat Chennah, yang pertama, bagi kadar sewa gerai bagi penjaja yang menyewa dengan PBT, kita akan kekalkan dan tiada sebarang kenaikan. Bagi Majlis Perbandaran Port Dickson tidak menaikkan kadar sewaan premis milik Majlis secara keseluruhannya, namun telah melaksanakan kaedah bidaan kadar sewaan bagi lokasi-lokasi tertentu yang berada di kawasan tumpuan pelancongan serta mempunyai permintaan permohonan penyewaan yang tinggi. Bagi Majlis Perbandaran Jempol, sewa gerai milik PBT adalah berdasarkan pergerakan kadar sewa tahunan 5% yang telah pun dinyatakan dalam surat tawaran dan sewaan tertakluk kepada 3 tahun sahaja.

Kadar cukai taksiran PBT di Negeri Sembilan tidak dinaikkan dan masih menggunakan, mengguna pakai penilaian kadaran yang dibuat pada tahun 1980 an. Sekiranya terdapat notis peningkatan Cukai Taksiran Am, ianya adalah disebabkan oleh pertambahan keluasan binaan ataupun *renovation*, dengan izin. Sehingga kini PBT terpaksa menanggung segala pening, peningkatan kos penyelenggaraan dan perkhidmatan yang disediakan tanpa sebarang kenaikan kadar. Dan untuk makluman Yang Berhormat Chennah dan juga ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Kerajaan Negeri, sebenarnya sejak hari pertama pihak Kerajaan Negeri, kami telah pun menurunkan arahan supaya tiada sebarang kenaikan Cukai Taksiran Am dan juga Cukai Tanah dibenarkan.

Pada masa yang sama, ada, adanya rayuan ataupun rungutan daripada orang ramai di mana walaupun tak ada kenaikan dari segi kadar cukai, tetapi selepas penilaian dibuat, adanya peningkatan. Jadi dalam perkara tersebut, pihak Kerajaan Negeri sebelum ini juga telah pun

menurunkan arahan supaya kerja-kerja penilaian semula itu kita akan teruskan, tetapi pada yang, pada masa yang sama, kadar yang perlu dibayar adalah sama, adalah kekal dan tidak akan ada sebarang peningkatan. Maksudnya, katakan Cukai Taksiran Am untuk sesuatu premis pada masa sekarang adalah 1,000.00 ringgit, walaupun selepas penilaian kita laksanakan, tetapi pada tahun depan, harga yang perlu mereka bayar kekal dengan 1,000.00 ringgit. Maksudnya nilai tersebut akan tetap kekal sehingga satu ketika di mana kita, kita berjaya mengatasi masalah inflasi.

Yang akhir sekali untuk menjawab Yang Berhormat ADUN Juasseh. ADUN Juasseh juga tak meng, tak hadir. Saya rasa untuk perkara ini saya sampaikan secara bertulislah kepada Yang Berhormat Juasseh.

Jadi, sebelum saya menghabiskan penggulangan saya, tadi Yang Berhormat Rantau ada menyebut satu perkaralah sebab saya beberapa isu yang telah pun diutarakan oleh beberapa Yang Berhormat yang berada di sebelah sana, mereka ada memberi pelbagai pandanganlah, khususnya macam mana kita perlu mengurus peniaga-peniaga kecil ataupun peniaga-peniaga tepi jalan tanpa lesen dengan cara yang lebih baik. Untuk makluman Dato' Yang Dipertua, dan juga semua ahli-ahli Dewan, sebenarnya Kerajaan Negeri pada 2 tahun yang lepas, kita telah pun melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu peniaga-peniaga kecil khususnya kepada mereka yang tanpa lesen.

Saya ambil contoh, 2 tahun yang lepas, kita telah pun, pada tahun 2021, kita telah pun memperuntukkan sebanyak 1.383 juta ringgit untuk kita menempat semula sebanyak, menempat semula sebanyak 134 peniaga ataupun penjaja kecil yang tanpa lesen. Di mana kita bukan sahaja memberi penempatan yang baru, kita juga bagi elaun sebanyak 300.00 ringgit kepada mereka yang sudi untuk pindah ke kawasan yang baru. Kita sediakan tapak untuk mereka berniaga. Saya rasa ini usaha yang kita lakukan itu tak pernah dilakukan oleh kerajaan yang terdahulu. Walau bagaimanapun, untuk tahun ini, tahun 2022, kita telah pun menyediakan sebanyak, bukan menyediakan, kita telah pun berjaya membantu 129 peniaga kecil untuk ditempatkan di tapak perniagaan yang baru di mana keadaan perniagaan mereka lebih selamat dan juga lebih selesa. Saya rasa itu yang saya ingin sampaikan. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Bahau. Saya mintak Exco lain ambil bahagian, gulung. Bukit Kepayang? Saya nampak *you standby*. Kalau tidak ada saya nak mintak Yang Amat Berhormat, lepas tu tutup. Patut kena *standby*-lah, jangan saya nak panggil seorang-seorang. Okay, Klawang teruskan.

**YB ADUN Klawang:** Yang Berhormat Timbalan *Speaker*. Sebenarnya ada, cumanya yang *latest-latest* tadi tu belum adalah. Walau bagaimanapun, saya akan jawab. *Assalamualaikum WBT. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirabbil'alamin, wabihinasta'in, wassolatuwassalamu'ala asrofilambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbisrohlisodri wayassirli amri wahlul uqdatam millisani yafqahu qauli.* [melafazkan bacaan ayat 36 dari Surah Al Israa]. *Qala Rasulullah SAW, taraktu fikum amrain lam tadhillu huma tamassaktum bihima, Kitaballahu wa Sunnatan Nabiyyi.*

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Aminuddin bin Haji Harun; Menteri Besar Negeri Sembilan, sahabat-sahabat Yang Berhormat daripada *saf* kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Sembilan, ahli-ahli Yang Berhormat dari barisan pembangkang, pengarah-pengarah jabatan, semua pegawai-pegawai Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Sembilan, Dato'-Dato', Datin-Datin, hadirin hadirat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini mahupun yang menonton secara langsung persidangan pada kali ini.

Banyak ahli Yang Berhormat menyentuh berkaitan dengan pertanian pada persidangan kali ini. Saya menung, Dato' Yang Dipertua, kenapa agaknya. Sebab sebelum ni tak banyak ya. Ianya tidak lain tidak bukan, teguran Allah SWT pada kali ini, saya kira ianya menyentuh poghot orang nak makan susah, sebab, saya nak teruskan dek BN, bukan dek BN, dek harga BN. Harga barang naik ya. Jadi, bila barang mahal, poghot mungkin tak lama lagi akan kosong, haa tu banyak soalan-soalan yang dikeluarkan untuk melihat apakah yang kita buek untuk *security* makanan ini ya.

Sebelum saya menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, saya nak mengingatkan diri saya sendiri dan bukan sahaja hadirin yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, tapi seluruhnya. Bahawa amalkan prinsip betulkan yang biaso dan biasakan yang betul. Dengan mengamalkan ajaran agama dan pastikan apo yang kito buek itu jadi ibadah. *Insyallah* tak sampailah kito kek sini agaknya ya. Rasa akan datang, *insyallah*. Sebab, tak kiralah ya, *muslim or non muslim*, dengan izin yang, yang, Timbalan Yang Dipertua, sebab setiap am Malaysia ni mesti beragama selari dengan rukun negara yang pertama. Saya dah sebut di apa, sidang yang lalu. Dek tak ramai yang nak bercakap tentang ni, Dato' Timbalan Yang Dipertua, biarlah saya yang bercakap ya. Kalau dalam persidangan yang lalu, YB Paroi, haa ni nak, nak ambil masa lebih sikit supaya yang lain boleh sedio lopeh ni. YB Paroi membawa ayat 41 Surah Ar Rom yang menyentuh kerosakan yang berlaku kerana tangan-tangan manusia sendiri berkaitan dengan

banjir yang berlaku hujung tahun dan awal tahun '22 tu lah, hujung tahun '21. Terima kasih.

Ayat yang saya bacakan tadi bermakna: dan janganlah kamu mengikuti sesuatu yang kamu tidak ketahui kerana pendengaran, penglihatan dan hati nurani semua itu akan diminta pertanggungjawaban. Kalau kita nampak mungkar, kita cubalah sergah ikut kemampuan kito. Sebab manusia sekarang ini, orang ramai sekarang ini hanya ikut-ikut. Contohnya, contoh yang saya nak beri kan, kalau ada satu pemimpin dulu berkata apo, kito menentang parti itu sebab dia mengekalkan perlembagaan penjajah. Sampai ada pemimpin mereka yang mengatakan apa, kalau kita bersama dengan parti itu besok, kita bubar je lah parti kito. Dah 2 tahun dah, tak jo bubar nampak eh doh kan. Sebab, sebahagian besar daripada mereka ini dan yang lain jugak, banyak ikut-ikut. Tidak bertindak di atas fakta yang ada. Dan ini Allah larang ya, mengikut-ikut tanpa ilmu ini Allah larang, seperti ayat yang saya sebutkan tadi. Dulu pemimpin katanya haram itu, haram ini, sekarang dah halal dah kot ya. *Na'uzubillah*. Itu pun diikutkannya. Berubah hukum pun ikut jugak. Kalau kita nak ikutkan Al Quran dan al hadis, baru dapat kita petunjuk ke, dan keredhaan Allah SWT, menjalani kehidupan kita di dalam hatta mengendalikan negara kita yang tercinta ini.

Saya lihat dari sudut putaran ekonomi, haa ni telahan saya sendirilah Dato' Timbalan Dipertua, saya tidak pasti berapa tahun yang digunakan sebagai asas di dalam merangka Rancangan Malaysia ni, yang kita sekarang yang ke-12, kalau saya tak silap ya. Kalau ikut Al Quran, kisah Nabi Yusuf, kitaran *economic* yang perlu kita membuat perancangan adalah 7 tahun. 7 tahun susah, 7 tahun *prosperous*, dengan izin. Bila kita tinggalkan petunjuk daripada Allah SWT ya, maka terjadilah apa yang terjadi. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada yang sebut semalam dan hari ini jugak ada sebut oleh Rantau ya, Yang Berhormat Rantau. Sudah berbelanja mungkin 8 bilion, 80 bilion, nak bantu rakyat. *Alhamdulillah*. Nak, dan dah tubuhkan apa, jawatan kuasa jihad dan sebagainya untuk menangani *food security*, dengan izin. Saya rasolah, Timbalan, Dato' Timbalan Yang Dipertua, tak dah lambek ni? Ibarat, maaf cakap, nak buang air bosar baru cari cangkul. Takut-takut tak sompek. *Na'uzubillah*. Walau apa pun, tahniah di atas tindakan-tindakan yang telah diambil.

Kalau kita melihat ke belakang, 2018 kenaikan harga barangan jugak berlaku dengan berganda. Untuk pulih, berdasarkan firman Allah tadi itu 7 tahun susah, kemudian mungkin kita menghadapi yang, yang *prosperous* 7 tahun yang akan datang. Dan, yang dah, dah, dah lepas ya, 7 tahun. Dan sekarang ini kalau kita ambil ilmu hisabnya, 2008 campur

14 lebih kurang, tahun 2022. Ilmu hisab itu macam kono, *wallahualam*, itu adalah telahan saya secara peribadi yang, Yang Dipertua. *Wallahualam*.

Dato' Yang Dipertua, kita perlu satu dasar konsisten di peringkat nasional dan pelaksanaan yang efisien di semua peringkat. Kalau dalam awal 70an dan 80an, negara menumpukan meninggikan pengeluaran makanan domestik, tetapi setelah diubah kepada fokus kepada perdagangan dan perindustrian oleh pemimpin kita, makanya tidak dapat dinafikan SSL kita *self-sufficiency level* kita berkurangan. Kita mengharapkan tidak ada lagilah kes seperti NFC. Ianya mesti dicegah sebelum berlaku. Penyelewengan wang rakyat mesti dihentikan dengan segera. Belum lagi kita nak selesaikan berkaitan 1MDB, kini skandal LCS pulak muncul, *na'uzubillah*. Kalau ketirisan-ketirisan ini dapat kita elakkan, bayangkan berapa pembangunan berkaitan *security* makanan dapat kita laksanakan. Marilah kita bersama-sama betulkan yang biasa, biasakan yang betul dengan mengamalkan agama dan pastikan ibadah. Kalau dulu dah jadi biasa lompek-lompek parti, *alhamdulillah* di peringkat persekutuan dah ada undang-undang dia, Dato' Yang Dipertua. *So* seperti yang dicadangkan oleh Chennah, YB Chennah pada ni, semalam, *insya Allah* kita juga akan menggubal undang-undang lompat, anti lompat parti ini.

Dato' Yang Dipertua, izinkan saya menjawab soalan-soalan yang diberikan. Banyak berkaitan ya. Pertamanya, oleh ADUN Seremban Jaya, berkaitan dengan cadangan satu biro khas. Ini sebenarnya kalau kita nak ikutkan memang, dari sudut kerjasama di antara Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan malah FAMA ya, sentiasa menjalankan kerjasama yang strategik dan jugak dengan persatuan penanam sayur dan ternakan, dan bagi melihat perkembangan pengeluaran dan produktiviti komoditi makanan ini. Kerjasama ini memang dipupuk sejak sekian lama lagi. Kerjasama yang dilaksanakan antara penganjuran seminar dan latihan digalakkan dan peningkatan produktiviti dan jugak penganjuran hasil-hasil penjualan terus dari ladang.

ADUN Sungai Lui dan ADUN Seremban Jaya jugak, dan jugak ADUN Senaling ada menyentuh tentang aktiviti pertanian sebagai perniagaan. Syor agar Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak tapak-tapak untuk kegiatan penternakan dan pertanian dan memperkasakan semula tanah kebun dan tanah ladang untuk diusahakan golongan belia, dan jugak pagi tadi ada jugak disebut oleh ran, Rantau tentang perkara yang sama. Kerajaan Negeri amat komited di dalam membantu usahawantani belia bagi menyediakan peluang mencari, mencebur sektor pertanian seterusnya memastikan makanan cukup untuk rakyat

Negeri Sembilan. Usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk merizabkan tanah yang khas untuk tujuan pertanian seperti TKPM dan jugak Ladang Rakyat telah dilaksanakan dari masa ke semasa. Seluas, sekarang ini 516 hektar telah dirizabkan di bawah TKPM dan Ladang Rakyat. Dan *insya Allah*, sekiranya pewartaan selesai nanti, kita akan mendapat lebih kurang 40 hektar lagi di, di Gemas dan *insya Allah* penukaran Pegawai Pengawal di Durian Tawar di, di, di, di Pertang kepa, daripada Tuan DO kepada Pengarah Pertanian, maknanya kita pada tahun ini kita akan mendapat hampir 100 ataupun 90 hektar untuk kita majukan nanti *insya Allah*.

ADUN Seri Menanti menyentuh tentang kelewatan projek Skim Pengairan Padi Ulu Bendul dan Terachi. Berhubung dengan isu keperluan cadangan menyediakan pampasan kepada pengusaha dan pemilik tanah yang terkesan akibat kelewatan penyiap, menyiapkan projek daripada tempoh, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan isu kebenaran oleh pemilik tanah, kelewatan seperti yang dah disebutkan, saya dah jawab semalam, lebih kurang dalam hanya semusim. Itu sebab saya, sebab, dengan Yang Berhormat Senaling semalam, jangan cenekey, dio kiro sampai daripada mulo projek. Tu tak acilah tu, dengan izin, Timbalan Dipertua ya. Maknanya semusim *opportunity of production*, kita, dengan izin, ter, terhindar ataupun tidak dapat kita berikan kepada pen, petani-petani ini. Dan *insya Allah* kita akan mengemukakan kepada MAFI untuk pertimbangan kementerian, *insya Allah*. 20.56

YB Temiang, aktiviti-aktiviti bagi menggalakkan sektor pelancongan dan, terutamanya agro pelancongan. Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) dengan usaha dan kerjasama daripada Pejabat Daerah Dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi berkaitan pelancongan di Negeri Sembilan telah merancang Kalendar Acara Pelancongan Negeri Sembilan (CEO), eh COE, *sorry*, 2022. Sebanyak 20 program/acara telah diluluskan sepanjang tahun 2022 di 7 buah daerah. Penganjuran program ataupun acara bagi segmen agro pelancongan pada tahun ini melibatkan 2 daerah iaitu Pesta Bola Ngoca di Kuala Pilah dan pesta, Pesta Mengemping Dan Mengoca di Jelevu. Tumpuan penganjuran COE ini adalah berskala besar, berimpak tinggi dan memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat khususnya di Negeri Sembilan dan amnya, di daerah tempat, ataupun amnya di Negeri Sembilan, meliputi hebahan promosi acara, aktiviti perniagaan dan kehadiran pelancong dan pengunjung.

Kerajaan Negeri Sembilan melalui Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan pelbagai agensi lagi akan juga memberi tumpuan kepada

penganjuran program dan acara bersegi-menkan agro pelancongan pada tahun hadapan sebagai nilai tambah kepada kepelbagaian segmen pelancongan dan usaha menarik pelancong da, pada masa akan datang.

Sungai Lui ada membangkitkan penyer, penyediaan padang ragut dan mengatasi isu lembu berkeliaran dan penternak. Sebenarnya kita sudah pun, saya menjawab persidangan yang, yang lalu, terdapat, masih lagi terdapat ya, lebih kurang dalam 224 hektar berbaki tanah padang ragut yang masih dibuka untuk diusahakan. Di awal saya mengambil alih portfolio ini, lebih 500 hektar tidak diberikan kepada pengusaha, iaitu semasa itu lebih kurang hanya 50% yang diberikan. Sekarang ni hanya lebih, tinggal lebih kurang 15%. *So insya Allah*, sebelum pembubaran agaknya habis *insya Allah*. JPN juga melalui peruntukan P52 memberikan bantuan kandang, pagar dan kemudahan-kemudahan input pertanian yang layak bagi membantu mengatasi masalah ternakan berkeliaran terutamanya di kawasan pinggir bandar.

ADUN Sungai Lui jugak, aduan mengenai sewaan padang ragut. Kerajaan Negeri telah membincangkan sewaan-sewaan ini ya, dan sebagai kadar pajakan padang, padang ragut ini, kita telah menetapkan iaitu serendah 1,500.00/sehektar/setahun iaitu hanya 30% daripada JPPH iaitu Jabatan harta, Penilaian Harta, hanya  $\frac{1}{3}$  kita mengurangkan. Kalau ikut JPPH hampir 4,500.00 - 5,000.00/sehektar/setahun. Itulah prihatinnya kita untuk memberikan kadar yang serendahnya.

ADUN Sungai Lui jugak ada membangkitkan, permohonan secara percuma ya, untuk padang-padang ragut ini. Haa ni di luar, di luar kemampuan saya untuk menjawab, mungkin Yang Amat Berhormat boleh jawab nanti.

Ingin saya terangkan di sini, kita, walaupun menghadapi berbagai cabaran untuk memberikan rizab-rizab padang ragut ini, *alhamdulillah* sehingga kini kita telah berjaya memberikan 80% daripada senarai yang ada. Dan penambahbaikan proses permohonan jugak, kalau sebelum ini kadang-kadang memakan masa setahun hingga, hingga ke 2 tahun, dengan proses yang baru ini, yang telah diluluskan pada tahun lepas, ianya memakan, hanya memakan masa antara 17 hingga ke 22 minggu sahaja. Dan *insya Allah* sekiranya setiap agensi yang berkaitan memberikan komitmen yang tinggi, *insya Allah* kita boleh memendekkannya sehingga hanya 15 minggu, *insya Allah*. Dan setiap pengusaha sekarang ini kita berikan *Key Performance Index* dia, KPI dia setiap tahun berapa pengeluaran yang perlu di, di, di, di, di apa, dikeluarkan dan jugak satu jawatan kuasa tanah rizab di bawah Jabatan JPVNS telah diwujudkan bagi tapisan awal sebelum diangkat ke, ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

ADUN Seri Menanti, isu yang dibangkit, peranan membantu pemasaran hasil pertanian. Banyak usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak FAMA bekerjasama dengan Jabatan Pertanian, program-program yang telah dilaksanakan seperti perjanjian jual beli, *Forward Agreement (FA)*, jualan terus dari ladang, program rakan pemasar kontrak pemasaran, platform *agro bazaar online (ABO)*, pasar tani yang, dan pasar tani kekal yang ini sudah lama di, di, di, di, diadakan. Dengan usaha-usaha ini kita mengharapkan, ingin saya menyentuh sedikit, ramai kadang-kadang menyatakan untuk menghapuskan ataupun tidak ada, supaya tidak ada orang tengah. *This is mission impossible* sebab logiknya pun tidak, dari sudut perniagaannya pun tidak, tidak kena ya. Misal kata ada petani, 100 orang petani, menghantar ke pasar borong. Takkanlah 100 petani tu nak pergi ke pasar borong? Mestilah orang tengah ini yang mengambilnya dan menghantar ke pasar borong. Cuma selalu saya tegaskan di mana-mana jugak, kita perlu mewujudkan orang tengah, kalau yang orang Islam-nya, orang tengah yang bertakwa. Kalau *non muslim*-nya yang bukan Islam-nya, *non muslim* yang berintegriti tinggi, haa sebab dengan adanya ciri-ciri itu, mereka sudah tentulah menjalankan kerja itu dengan adil, tidak makan kiri kanan, kata orang tu. Memang kalau kita tengokkan, harga-harga di, di, di, di, di, di, di runcit dan di ladang bezanya memang amat ketara. Seperti terung, kalau kita lihat, kadang-kadang di, di ladang tu hanyalah 2.00 – 2.50 berbanding kadang-kadang di runcit, di pasar-pasar 6.00 – 7.00 ringgit kadang-kadang, 5.00 ringgit, paling murah pun 5.00 ringgit. Di situlah letaknya perlu kita bersama-sama, di situ kita berjihad supaya tidak adanya orang tengah yang mengambil, mencedok keuntungan yang berlebihan.

Saya rasa itulah semua yang dah ada saya, kalau ada yang saya tertinggal, mintak maklumkan. Dato' Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, seperti yang saya sebutkan tadi, bagi seorang Islam, Al Quran adalah petunjuk untuk manusia, sebenarnya untuk semua manusia ya. Di dalam Al Quran Allah menyeru "*yaa aiyuhannas*". Maknanya boleh dibaca oleh semua orang ya. Tetapi tanpa penghayatan dan syahadah memerhati keadaan sekeliling dan tidak diamalkan, ianya tidak akan menjadi petunjuk dan rahmat sekalian alam. Apa yang kita dapat sekarang berkaitan apa yang di, yang di, di, telah dilakukan dahulu. Apa yang kita dapat di akhirat kelak, adalah apa yang kita lakukan di dunia ini. Jadi sama-sama kita menghayati proses kehidupan kita di mana di, dimulai di dalam alam roh, alam rahim dan alam yang ada sekarang, alam dunia dan besok, entahkan lusa entahkan bila, alam barzakh-nya, dan *insya Allah*, bukan *insya Allah*, pasti kita akan menghadapi alam akhirat. Apa yang kita akan dapat di akhirat kelak, adalah apa yang kita lakukan di dunia ini. Sekian, terima kasih kerana

mendengar. *Insyah Allah* kita bertemu lagi di dunia ini, kalau tidak, pastikan kita berusaha bertemu di syurga kelak. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum WBT.*

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Klawang dan saya silakan Bukit Kepayang.

**YB ADUN Bukit Kepayang:** Dato' Yang Dipertua dan Dewan yang mulia ini, bersempena dengan usul Yang Berhormat Chennah berkenaan dengan kos sara hidup. Sukacita saya menggulungkan perbahasan pada kali ini dengan menekankan beberapa aspek atau langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Sembilan untuk menangani masalah kos sara hidup yang makin meningkat yang menyebabkan rakyat tersepit dengan pelbagai masalah. Sebelum itu izinkan saya berikan serangkap pantun ya.

Sungguh sedap buah berangan,  
Buah masak dengan sekata,  
Dalam politik amalkan kematangan,  
Demi rakyat yang tercinta.

Apa maksudnya politik matang? Usul ini adalah satu manifestasi politik matang di mana walaupun saya setuju dengan ADUN Rantau bahawa perkara ini boleh dibawak dalam Mesyuarat Exco dan diputuskan dalam Mesyuarat Exco, tapi wa, wadah yang paling sesuai untuk kita sama-sama me, membincangkan bagaimana menangani masalah kos sara hidup ini adalah kerana ini adalah mas, masalah bersama bukan saja masalah kerajaan. Ini adalah masalah bersama di mana kerajaan ingin mendapatkan pendapat atau cadangan daripada pihak di sebelah sana untuk kita sama-sama menangani masalah ini. Dan kadang kala bukan semua cadangan boleh dilaksanakan kerana kalau kita boleh sentuh hidung dari depan, mengapa kita nak sentuh, sentuh hidung dari belakang? *So* kita terima semua cadangan dan akan pertimbangkan selepas ini.

Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini saya pergi *hiking*, dengan izin, dan digigit pacat. *So* selepas itu, selepas 3 minggu ada manifestasi ruam kulit yang tidak boleh disembuh, tak sembuh-sembuh lagi sampai sekarang. Masa itu ada ramai doktor yang memberi diagnosis tapi tak sembuh lagi. Inilah dia, sekarang kita mengalami satu masalah yang tidak pernah didiagnosis iaitu COVID dan sekarang ada peperangan Ukraine. *So* kita kena sama-sama diagnosis dan memberi cadangan atau bagaimana kita dapat selesaikan masalah ini. Izinkan saya bacakan apakah inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan dari segi kebajikan yang kita bantu secara langsung dan juga secara tidak langsung.

Secara langsung adalah, boleh dicerakinkan kepada 4 bahagian. Yang pertamanya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, di mana kita ambil langkah baru, 3 langkah baru yang proaktif iaitu yang pertamanya menambahkan bantuan JKM di mana Bantuan Am yang dulu, sejak tahun 2021 daripada kadar asal, asal 140.00 ringgit, 200.00 ringgit, 270.00 ringgit kepada 2 kadar iaitu 250.00 ringgit dan 320.00. Manakala bagi bantuan persekutuan, kadar bagi skim Bantuan Warga Emas atau BWE daripada 350.00 ringgit kepada 500.00 ringgit. Bantuan Kanak-Kanak daripada minimum 100.00 maksimum 500.00 kepada minimum 150.00 kepada maksimum 1,000.00 ringgit. Manakala bagi skim Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya iaitu EPOKU daripada kadar asal 400.00 dinaikkan kepada 450.00. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT) daripada 350.00 dinaikkan ke 500.00. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) daripada kadar asal 250.00 kepada 300.00. Dan langkah kedua iaitu kita naikkan pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2016 dari, daripada 960.00, kita disemakkan semula menjadikan penggunaan PGK Makanan iaitu 1,169.00 ringgit. Ini adalah membolehkan lebih ramai yang boleh layak menerima bantuan JKM. Langkah ketiga adalah kita memberi bakul makanan melalui JKM. Sebanyak 70,106 bakul makanan, *sorry*, 70,106 yang kepada mereka terkesan yang memerlukan di seluruh Negeri Sembilan sepanjang tempoh 2020 sehingga sekarang.

Kerajaan Negeri Sembilan juga melalui MAINS, haa ini adalah kedua, turut memberikan bantuan kepada golongan miskin dan miskin tegar beragama Islam di Negeri Sembilan. Terdapat beberapa skim dan bentuk bantuan seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan makanan asas bulanan, bantuan persekolahan dan asnaf. Bilangan kategori miskin pada tahun 2019 adalah sebanyak 4,308 orang. Bagi tahun 2020 adalah sebanyak 4,431. Sudah naik. Manakala bagi 2021 kategori fakir sebanyak 2,731 orang dan miskin sebanyak 1,712 orang. Bagi tahun 2020 sehingga Julai, kategori fakir sebanyak 2,929 orang dan miskin sebanyak 1,814.

MAINS melaksanakan had kifayah untuk menilai dan mengukur kadar asas keperluan diri dan tanggungan yang minima bagi me, menentukan tahap kelayakan penerima bantuan. Sehingga sekarang, sekarang, bilangan pene, penerima di, yang diberikan oleh MAINS adalah pada 2019 - 4,308, pada 2020 - 4,431, pada 2021 - 4,443 dan pada 2022 setakat hari ini adalah 4,743. Ini menunjukkan satu *trend* yang, yang meningkat. Dalam tempoh PKP ada di, dibahagikan kepada 4 fasa. Yang fasa pertama, iaitu jumlah bantuan keseluruhan 2020 iaitu Mac sehingga Jun sebanyak 2,761,333.00 ringgit. 2021, Jun hingga Ogos

adalah 7,812,984.00 ringgit. Pada 2021, Pelan Pemulihan Negara Fasa 3, sebanyak 10,497,776.00. Pada 2021, Pelan Pemulihan Negara Fasa 4, sebanyak 2,040,000.00. Untuk jumlah keseluruhannya 23,112,093.00 ringgit.

Jadual kedua iaitu ada banyak bantuan COVID semasa, dari Mac sehingga Jun 2020 iaitu bantuan tunai, bantuan barang dapur, bantuan untuk *front liners*, bantuan masjid dan surau, bantuan *Person Under Surveillance* dan macam-macam bantuan diberi. Yang tadi saya sebutkan tadi sudah di, diperincikan, tapi saya taknak nak bacalah semua, nanti 3 hari 3 malam, tapi yang pentingnya, yang pentingnya adalah jumlah keseluruhan bantuan yang diberikan oleh MAINS adalah 23.1 juta, sepanjang COVID.

Okay, yang keempat, haa yang ketiga adalah di mana Kerajaan Negeri Sembilan melalui SUK telah memberikan baucer makanan pada fasa yang pertama iaitu sebelum kita beri bakul makanan, kita ada baucer makanan sebanyak 4.8 juta di bawah SUK. Dan di bawah Pejabat Menteri Besar pulak, peruntukan P50 sebanyak 5.606 juta. Ini adalah menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan Pakatan Harapan Negeri Sembilan begitu prihatin dan cakna terhadap nasib mereka yang memerlukan kebajikan. Ini adalah secara langsung.

Secara tidak langsung, kita juga adakan Skwad Waja di mana Skwad Waja ini terdiri daripada sukarelawan-sukarelawan wanita yang memberi *first aid* emosi. Kita pernah dengar tentang *first aid* fizikal. Sekarang dalam tempoh COVID kita perlukan *first aid* emosi di mana lebih ramai orang tertekan dan mengalami kemurungan. Dan juga melalui PH GEM, selama tempoh PKP sehingga 1 haribulan Mei, kita sudah menjalankan 204 program di mana kita memperkasakan wanita, walaupun mereka berada di rumah, bagaimana mereka boleh menjana pendapatan atau menjana lebih pendapatan untuk menampung kehidupan mereka. Dan juga ada lagi RMC (Rumah Minda Ceria) kerana dalam tem, tempoh PKP mak, mak, tersepit dengan pelbagai masalah, mungkin ada lebih ramai gelandangan. Dan RMC tugasnya, peranannya adalah kita bantu menyelamatkan gelandangan-gelandangan ini. Ini adalah secara tidak, tidak langsung. Dan saya percaya agensi-agensi yang lain juga mengadakan program pemerksaan untuk membantu orang yang kurang kemam, kemampuan dalam tempoh PKP ini dan juga yang B40 sudah jadi, M40 sudah jadi B40. Orang-orang ini kita masih bantu mereka supaya kita sama-sama dapat mensejahterakan rakyat Negeri Sembilan.

Dan se, sebelum saya mengakhiri, saya ingin menggunakan loghat Negeri Sembilan, kita harus samo-samo kito jago Negeri Sembilan. Dan

saya ingin pinjam daripada Pengarah Pendidikan haa, “Up Negeri Sembilan”. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Keayang. Saya mintak Exco lain ambil bahagian. Silakan Yang Berhormat Paroi.

**YB ADUN Paroi:** *Assalamualaikum WBT.* Salam Negeri Sembilan bersih, muafakat, sejatera. Terima kasih Yang Berhormat Dato’ Timbalan Yang Dipertua Dewan. Saya ucapkan terima kasih di atas keizinan, berdiri pada petang ini bagi menjawab soalan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri ini yang berbahas ketika sesi perbahasan usul isu kenaikan kos sara hidup yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Chennah semalam.

Seperti mana yang disebut oleh ADUN Senaling, buat awal ini saya melahirkan kekesalanlah di atas sikap ahli Yang Berhormat dari barisan pembangkang kerana tidak menghormati sesi penggulungan ini. Mereka bertanya, tapi bila kita nak jawab, mereka tak hadir. Ini satu sikap yang sepatutnya tidak berlaku. Seperti mana ADUN Senaling menyatakan, bahawa belia khususnya di Negeri Sembilan ini merupakan satu kelompok yang besar. Belia wanita berjumlah 235,200 orang manakala belia lelaki berjumlah 272,200 orang. Lebih ramai lelaki daripada perempuan. Dengan jumlah keseluruhannya 507,400 orang.

Dengan jumlah yang begini besar dan dengan suatu rang undang-undang yang telah diluluskan iaitu berkaitan dengan undi 18, saya yakin kita boleh menerima hakikat bahawa golongan belia adalah golongan yang penting dalam negeri dan negara kita. Orang bijak pandai mengatakan untuk melihat masa depan negara kita, 5 – 10 yang akan datang, maka lihatlah belia yang ada pada hari ini. Dan dalam konteks politik, dengan pelaksanaan undi 18 ini, golongan belia merupakan golongan undi penentu dalam menentukan kepimpinan negeri dan negara kita. Sewajarnya Dewan yang mulia ini, dan ahli-ahli Yang Berhormat memberikan tumpuan dan perhatian terhadap pembangunan belia ini.

Saya melihat sepanjang 2 hari persidangan ini, tidak ada seorang pun yang berminat dengan isu belia ya. Tidak ada soalan berkaitan dengan isu belia. Ada 2 keadaan Timbalan Yang Dipertua. Bilo tak ado orang tak bertanya tu, ada 2 keadaan. Satu mereka tak berminat, satu lagi yang baiknya mungkin Exco Belia Dan Sukan telah menjalankan tugasnya dengan baik. Itu 2 kemungkinanlah, mudah-mudahan yang kemungkinan yang kedua itulah saya harapkan.

**YB ADUN Linggi:** Timbalan Dipertua, saya tanya pasal taman rekreasi dan pusat, gelanggang futsal tu, memang ditujukan untuk belialah. Jangan cakap kita tak ada tanya. Kita tanya ....

**YB ADUN Paroi:** Ya. Tapi yang saya maksudkan ialah .....

**YB ADUN Linggi:** ..... Zaiful pun tanya pasal belia jugak.

**YB ADUN Paroi:** ..... soalan lisan ya, soalan lisan memang tidak ada seorang pun, hanya ada besok daripada ADUN Rahang. Okay.

Saya ingin menjawab berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh ADUN Sungai Lui berkaitan dengan sukan permotoran di mana dibangkitkan agak, agar tapak sedia ada di, di Jempol itu digunakan sebaik mungkin bagi memperkasakan sukan permotoran di Negeri Sembilan ini khususnya yang dimaksudkan adalah suatu tanah di litar *motocross* di Air Hitam yang saya difahamkan tanah tersebut adalah sebahagiannya adalah milik, 10 ekar sedang diusahakan untuk diwartakan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan bakinya 30 ekar akan diusahakan dalam proses untuk diwartakan di bawah SUK.

Sebenarnya Jempol ini, khususnya di Bandar Seri Jempol, telah boleh kita isytiharkan sebagai bandar permotoran. Baru-baru ini telah dilaksanakan satu program yang bertaraf antarabangsa dan jugak bertaraf kebangsaan iaitu *Petronas Cub Prix* ya, yang telah dijalankan pada 16 dan 17 haribulan Julai 2022 dengan kehadiran keseluruhan hampir 20 ribu pengunjung dari seluruh Malaysia. Dia dilakukan di Litar Cub Prix Dataran Seri Jempol, yang mana litar tersebut di sepanjang 1.1 kilometer dan status tanahnya adalah jalan taman atau laluan berdaftar di bawah MARRIS ke Dataran Seri Jempol. Kita telah gunakan litar ini, penganjuran oleh Petronas bermula tahun 2013 sehinggalah tahun ini, 2020 dan tertangguh pada tahun 2020 dan 2021 kerana lantaran pandemik COVID-19. Kawasan yang sangat baik yang akan kita cuba pertahankan supaya Petronas menjadikannya sebagai litar tetap bagi setiap tahun bagi kejohanan *Petronas Cub Prix* ini.

Yang kedua adalah kompleks sukan permotoran dan rekreasi di, berhampiran jugak dengan Bandar Seri Jempol, iaitu jalan nak ke Muadzam ya, kalau tak silap saya iaitu keluasannya 9.672 hektar. Ianya berstatus pajakan tanah rizab kepada Majlis Perbandaran Jempol yang kini disewakan kepada PRD Empire bagi tujuan penganjuran sukan permotoran. Dan kini sedang dibaik pulih dan difahamkan telah hampir, perbelanjaan hampir 1.0 juta ringgit untuk menaik taraf kompleks sukan permotoran ini. Dan *insya Allah* kita akan

bekerjasama bagi menganjurkan sukan permotoran bertaraf kebangsaan jugak yang akan dilaksanakan pada 26, 27 Ogos dan penutupnya pada 30 haribulan Ogos. Ini suatu perkara yang kita janjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan ketika PRU-14 yang lalu. Seterusnya kita jugak berjaya membangunkan litar *motocross* di Felda Raja Alias. Kita bekerjasama dengan Majlis Belia Felda yang telah juga menganjurkan suatu kejohanan *motocross* pada bulan 4 yang lalu ya. Jadi mendapat sambutan yang baik. Ini berkaitan dengan permotoran oleh ADUN Sungai Lui.

Berkaitan dengan ADUN Linggi, antara yang dibangkitkan ialah berkaitan dengan taman rekreasi dan futsal ya, yang perlu diselenggara dengan baik. Yang sebahagiannya adalah di bawah Jabatan Belia Dan Sukan dan sebahagiannya ada yang di bawah PBT. Untuk kompleks sukan di bawah Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sembilan adalah satunya di KOMBES, Paroi (Kompleks Belia Dan Sukan Paroi), yang kedua adalah di Kompleks Rakan Muda Daerah Jempol (KRM Jempol), Kompleks Rakan Muda Daerah Kuala Pilah (di KRM Kuala Pilah), Kompleks Sukan Komuniti Rantau dan Kompleks Sukan Komuniti Simpang Pertang. Semua kemudahan sukan ini telah diseng, diselenggara dengan baik berdasarkan peruntukan naik taraf, baik pulih dan penyelenggaraan kecil yang diterima dari KBS dari masa ke semasa. Sejak tahun 2019 hingga 2000, sejak tahun 2009 hingga 2019, pihak JBS telah meluluskan permohonan bagi membina sebanyak 174 buah gelanggang futsal rakyat di semua daerah. Sebanyak 152 telah dibina di atas tanah milik hak Kerajaan Negeri ya, Kerajaan Negeri memberikan sokongan dengan membenarkan 152 buah gelanggang itu dibina di atas tanah milik Kerajaan Negeri Sembilan, 9 buah gelanggang di tanah Persekutuan dan 9 buah gelanggang lagi di atas tanah FELDA dan 2 gelanggang di atas tanah hak milik FELCRA. Semua gelanggang tersebut telah diserahkan kepada persatuan penduduk, KRT (Kawasan Rukun Tetangga) dan persatuan belia setempat bagi mengurus dan menjaga gelanggang futsal tersebut.

Kebanyakan gelanggang berhadapan masalah tidak diselenggara dengan baik, haa ini isunya, kerana ada pihak yang bertanggungjawab mengendalikan gelanggang ini, seperti mana yang saya sebut tadi, diserahkan kepada persatuan penduduk, KRT dan persatuan belia, mereka ini tidak mampu menguruskan gelanggang tersebut dengan baik. Pada tahun 2019, Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sembilan telah menerima peruntukan 280.00 Ringgit Malaysia dari KBS bagi kerja-kerja baik pulih untuk 14 buah gelanggang futsal di seluruh Negeri Sembilan. Tahun 2020 sebanyak 920 ribu untuk baik pulih 49 buah gelanggang futsal dan sebanyak 100 ribu diterima pada tahun 2021 bagi 5 buah gelanggang futsal.

Majlis Mesyuarat kerajaan Negeri yang bermesyuarat pada 15 September 2021 telah bersetuju dan mengambil keputusan seperti berikut: diluluskan penyerahan sebanyak 43 buah gelanggang futsal dalam keadaan baik pada setiap daerah yang terlibat, bersetuju mengambil alih gelanggang futsal di Taman Dusun Nyiur dan Kampung Baru Jiboi Seremban. Baiki gelanggang futsal dalam keadaan baik hendaklah segera diambil alih, ya. Ada baki lagi yang masih baik hendaklah diambil alih segera dan, oleh Kerajaan Negeri secara berperingkat. Manakala gelanggang futsal yang selebihnya akan diambil alih berdasarkan keperluan.

Pada 11 Mac 2022, 10 buah gelanggang telah diserahkan kepada Pejabat Daerah Seremban termasuk gelanggang futsal Dusun Nyiur dan Kampung Jiboi Baru yang saya kira ada yang merupakan gelanggang futsal ber, berbumbung yang, yang, yang telah dibina. Dalam masa yang sama pihak Jabatan Belia Dan Sukan telah menghantar permohonan peruntukan kepada KBS bagi kerja baik kesemua gelanggang futsal. Saya kira gelanggang futsal ini sangat penting untuk kita menggalakkan anak-anak muda kita terlibat dengan sukan sekaligus sebagai usaha menjauhkan mereka daripada terlibat dengan dadah.

Seterusnya ada pertanyaan berkaitan dengan ADUN Lenggeng, bertanya bagaimana usaha Kerajaan Negeri memperbanyakkan kursus-kursus kepimpinan untuk belia bagi mereka menangani kehidupan dalam keadaan kenaikan kos sara hidup ini. Pihak Pusat Pembangunan Belia Harapan Negeri Sembilan (TABAH) di bawah Exco Belia Dan Sukan telah me, melaksanakan beberapa inisiatif yang berobjektif mempersiapkan, mempersiapkan golongan belia agar rentan terhadap situasi ketidakpastian ekonomi semasa. Bermula dari pasca COVID-19 tahun 2021, TABAH telah membantu belia dari, dari segi aspek pendidikan, keusahawanan dan kebajikan. TABAH telah menyediakan 50 komputer riba bagi belia luar bandar yang mendapat keputusan cemerlang SPM yang menyambung pengajian di peringkat diploma dan ke atas. Seramai 50 usahawan pula, yang usahawan berbentuk usahawan penjaja kecil telah dibantu melalui pembelian peralatan perniagaan. Ada yang nak beli payung, beli khemah dan sebagainya yang melibatkan usahawan belia bandar, belia luar bandar.

TABAH jugak telah melancarkan skim ta, takaful TABAH. Satu-satunya negeri di Malaysia yang membantu 330 orang penghantar makanan, *food rider* yang aktif di seluruh Negeri Sembilan. Mereka ini sangat diperlukan, ketika pandemik COVID yang lalu, merekalah yang membantu kita mendapatkan makanan yang diperlukan dan

kebanyakan daripada mereka ada yang telah terlibat dalam kemalangan, yang telah cedera, yang telah cacat. Ada jugak yang telah meninggal dunia akibat kerja yang mereka buat sebagai penghantar makanan. Maka TABAH (Pusat Pembangunan Belia Harapan Negeri Sembilan) telah melancarkan Skim Takaful TABAH ya. Di mana mereka ini akan dilindungi oleh skim takaful ya, akan dibayar dengan jumlah 10 ribu ringgit untuk kos perubatan. Dan kalau meninggal dunia akan mendapat 10 ribu ringgit untuk kos kepada untuk bayaran kepada waris mereka. Seramai 330 orang penghantar makanan telah berjaya kita bantu.

Tahun 2022, selepas kelonggaran untuk berhimpun, TABAH telah mengadakan Karnival Jom Cari Kerja ya. Disebabkan banyak masalah kehilangan pekerjaan, dengan kerjasama PERKESO, Negeri Sembilan kita telah berjaya menganjurkan 2 lokasi untuk Jelajah Mini Karnival Jom Cari Kerja ini iaitu di Seremban dan Kuala Pilah. Dan kita telah menarik lebih 500 belia yang mencari pekerjaan. Jadi kita jugak telah mengadakan khidmat kaunseling, mengajar mereka bagaimana untuk menyediakan *resume*, untuk mengetahui bagaimana cara menghadapi temuduga dengan pihak yang swasta dan pihak yang ingin mendapatkan pekerja-pekerja baru ini. TABAH jugak telah memberikan bantuan kepada usahawan belia ya. Kita mengadakan Himpunan Usahawan TABAH dan Seminar Bijak Akaun yang telah dijalankan di Seremban dan Jempol, yang telah mendapat sambutan hampir 200 orang usahawan muda untuk kita perkasakan dan meningkatkan pencapaian mereka.

Untuk program-program belia di bawah inisiatif sektor pertanian, seperti mana yang disebut oleh YB Klawang, dalam inisiatif Belanjawan 2022, sehingga 10 Ogos 2022, seramai 106 orang belia telah menerima manfaat iaitu seramai 48 belia menerusi insentif Siswazah Tani dan 58 belia menerusi insentif Petani Muda dengan melibatkan peruntukan sebanyak 1.0 juta ringgit. Dan yang terakhir seperti mana bagi, berkaitan dengan kursus-kursus ini, seperti mana yang disebut oleh YB Bukit Keayang tadi ya, sebanyak 206 kursus oleh PH GEM yang untuk membantu, 204 ya, kursus-kursus memperkasakan wanita muda yang turut dilaksanakan oleh PH GEM.

Yang seterusnya ialah soalan berkaitan dengan *motocross*, sudah ya. Dengan kursus MPKK tadi pun saya dah jawab. Cuma akhirnya saya mengambil kesempatan ini, Timbalan Dato' Yang Dipertua, walaupun isu ini bukanlah isu yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri, tapi saya ingin menggunakan ruang di Dewan yang mulia ini, bagi menunjukkan keprihatinan kita kepada warga pendidik ya. Warga pendidik yang telah membantu Kerajaan Negeri, membantu Negeri Sembilan menjadi

antara, atau mengekalkan selama 6 tahun sebagai negeri kedua terbaik dalam pencapaian SPM, sepanjang 6 tahun yang lalu. Golongan guru inilah yang telah menyumbang khidmat bakti mereka.

Yang menjadi isunya, Timbalan Dato' Yang Dipertua, untuk mendapat perhatian Yang Amat Berhormat dan seluruh Dewan ini ialah bagaimana mereka hari ini berhadapan dengan masalah tekanan pekerjaan ya. Mereka, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, guru-guru pada di Negeri Sembilan ini telah terlalu ramai yang memohon persaraan awal ya. Mereka memilih untuk pencen lebih awal. Sudah pasti antara sebabnya adalah disebabkan tekanan kerja, di mana mereka saya yakin dalam Dewan ini, YB Bahau, YB Sikamat, YB Senaling, mereka ini teman hidup mereka adalah guru. Jadi mereka sangat memahami bagaimana tekanan yang dihadapi oleh guru. Dan guru ini memilih untuk bersara awal. Tetapi yang menyedihkan, yang menjadi isunya yang saya ingin bangkitkan hari ini ialah bagaimana permohonan persaraan awal ini, sebanyak 150 orang guru yang telah ditolak untuk mereka bersara awal, bersara awal. Mereka telah memohon, telah memenuhi syarat, menghantar borang, tetapi permohonan mereka telah ditolak. Maknanya mereka tidak dibenarkan bersara awal. Kenapa ini berlaku? Dan apa, apa kesannya kepada institusi Pendidikan yang akan mendidik anak-anak Negeri Sembilan ini?

Yang pertama mereka akan mengalami tekanan. Mereka akan bekerja dalam keadaan tidak bersungguh-sungguh. Walaupun kita yakin guru adalah mereka yang berdedikasi, tetapi apabila mereka telah menyatakan hasrat untuk ber, ber, bersara tapi mereka telah dilarang ataupun tidak dibenarkan, walaupun kita yakin bahawa hak menentukan persaraan ini adalah bukan hak mutlak pegawai-pegawai pendidikan ini. Mereka terikat dengan Akta Pencen 1980 (Akta 227) Seksyen 3 yang menentukan bahawa sama ada mereka boleh bersara atau tidak itu ditentukan, bukan, bukan mereka yang boleh menentukan, tapi pihak kementerian yang menentukan.

Tetapi apa yang saya nak bangkitkan ialah, isunya terdapat 150 orang guru yang telah ditolak bersara awal. Kesannya adalah kepada anak-anak kita. Mereka ini akan bekerja dalam keadaan tekanan dan mereka jugak akan menghadapi keadaan-keadaan yang mungkin boleh menjejaskan perkhidmatan mereka untuk mendidik anak-anak kita. Apa yang kita kena buat? Ini yang saya ingin cadangkan supaya di pihak Jabatan Pendidikan, mungkin Pengarah-nya jugak akan bersara tidak lama lagi, mungkin boleh memikirkan bagaimana untuk memberikan kursus-kursus motivasi atau kursus-kursus kaunseling, memberikan sesi-sesi kaunseling kepada guru-guru ini supaya mereka boleh menerima keadaan di mana mereka tidak lagi dapat bersara

awal, dan kita harapkan jugak benda, perkara-perkara ini tidak menjejaskan pencapaian anak-anak kita di Negeri Sembilan.

Kerana bila yang berlaku hari ini, ramai guru yang bersara, tetapi guru pengganti pulak tak masuk. Guru pengganti tak masuk. Guru yang tinggal pulak akan menanggung beban guru yang, yang tidak diganti. Inilah satu keadaan yang saya kira mungkin di pihak sebelah sana boleh bawakkan kepada kepimpinan di peringkat Parlimen dan sebagainya. Bawak kepada Ahli Parlimen Rembau yang menjadi Menteri, Ahli Parlimen Kuala Pilah ya, dan sebagainya supaya membawakkan isu-isu tentang profesyen perguruan ini. Saya memilih untuk bercakap dalam Dewan ini bagi menggambarkan keseriusan kita untuk bersama dengan golongan guru ini bagi mereka dapat pembelaan yang sewajarnya dan diberi ruang yang sewajarnya untuk mereka memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Akhirnya saya sekali lagi mengambil peluang ini mengucapkan selamat menyambuat Hari Kemerdekaan. Dan terakhir ada jugak yang saya belum jawab iaitu berkaitan dengan Sukan Komanwel ya. Pertamanya ADUN daripada Chembong bertanya tentang lawatan Sukan Komanwel. Pertamanya ianya adalah merupakan jemputan daripada Majlis Sukan Negara ya. Kami mendapat jemputan daripada Majlis Sukan Negara dan ramai jugak negeri-negeri yang lain menghantar kontinjen mereka untuk ke sana. Antaranya Melaka, Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, ramai yang menghantar. Ada atlet Negeri Sembilan. Kita ada 3 orang atlet Negeri Sembilan yang bertanding bagi mewakili negara. Yang pertama dalam acara lempar cakra iaitu saudara Irfan, Irfan bin Shamsuddin, olahraga lempar cakra. Dalam acara ping pong lelaki, saudara Chong Javen, seorang anak muda. Dan yang ketiga, dalam acara ragbi lelaki, jugak mewakili negara, anak Negeri Sembilan, saudara Adam Ariff bin Alias.

Disebabkan kita sedar bahawa kita perlu menjalani penjimatan, jadi *alhamdulillah* kita telah berjaya mengurangkan, asalnya, kos yang diluluskan agak besar ya, tetapi atas penjimatan, kita telah berjaya menjimatkan 150 ribu daripada kos yang diluluskan sebanyak 350 ribu untuk kita ke sana, lebih-lebih lagi dalam keadaan pertukaran wang Ringgit Malaysia ya, ringgit kita jatuh di mana hari ini 1 pound sterling, hanya bernilai sebanyak [ringgit]5.50 sen, berbanding dengan dahulu kita, 1 pound sterling itu kita boleh mencecah sehingga 4.00 ringgit. Jadi ini jugak menyebabkan kos tinggi. Dan jugak saya, walaupun layak mendapatkan tiket untuk *business class* tapi saya memilih untuk, memilih tiket ekonomi, jugak dengan hasrat untuk kita menjimatkan kos. Dan mana-mana pegawai yang membawa ahli keluarga mereka, itu ditanggung oleh, oleh, oleh, kerajaan tidak menanggung kalau ada

mana-mana pihak yang membawa ahli keluarga mereka semasa lawatan ke Sukan Komanwel ini.

Jadi *insya Allah* ini jugak menjadi hasrat Kerajaan Negeri, kita telah lama tidak menjadi tuan rumah ya, Yang Amat Berhormat Sikamat, tuan rumah SUKMA. Yang terakhir kita jadi pada tahun 2004 tak silap saya. Zaman Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Rantau. Jadi kita bercadanglah ya, kalau boleh dalam tempoh 5 - 10 tahun lagi, kita boleh meminta untuk menawarkan diri menjadi tuan rumah SUKMA, yang jugak menjadi peluang untuk kita menaik tarafkan kemudahan-kemudahan sukan yang ada di Negeri Sembilan. Terima kasih Timbalan Dato' Yang Dipertua.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Paroi. Saya mohon Yang Berhormat Repah.

**YB ADUN Repah:** Terima kasih Timbalan Yang Dipertua Dewan kerana membenarkan saya untuk membuat penggulungan terhadap isu-isu yang dibangkitkan semasa perbahasan tadi. Sebelum tu, saya nak ucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam usul yang dibawa oleh Chennah pagi tadi. Usul yang dibawa oleh Chennah ni tepat pada masanya. Isu kenaikan kos sara hidup memang, memang hangat pada masa kini. Dan juga ia adalah merupakan satu isu global, bukan saja di Malaysia tapi di seluruh negara. Dan saya lihat pandangan dan cadangan daripada Chennah memang cukup baik dan bagus untuk dipertimbangkan dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya juga tertarik dengan satu cadangan yang diberi oleh Chennah iaitu supaya Dewan Undangan Negeri, ADUN bekerjasama dengan KPDNHEP untuk mengadakan penjualan di tempat masing-masing. Itu adalah cadangan yang baik, dan saya setuju. Dan saya menyeru supaya KPDNHEP Negeri Sembilan bekerjasama dengan ADUN kawasan supaya menggunakan peruntukan yang ada di bawah ADUN tu untuk memberi subsidi kepada rakyat semasa penjualan diadakan.

Dan ADUN Chembong telah membangkitkan isu berkaitan dengan pusat dialisis di Rembau, di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Sebelum ni isunya adalah berkaitan dengan MAINS dengan KPJ untuk *joint venture* yang perlu diadakan, pada persidangan lepas saya jawab. Tapi isu sebenarnya adalah berkaitan dengan pusat hemodialisis ni dijalankan dengan kerjasama di antara Majlis Agama Islam dengan KPJ Seremban. Dan pihak majlis, MAINS melalui KPJ Seremban sedang menunggu lawatan dan pemeriksaan Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (CKAPS) Kementerian Kesihatan Malaysia untuk kelulusan lesen

operasi. Isu-isu teknikal lain telah diselesaikan. Dan semua peralatan telah tersedia dan hanya menunggu kelulusan untuk beroperasi daripada KKM. Ni sama juga isu yang dihadapi oleh Hospital Mawar dulu. Dia ada isu berkaitan lesen operasi CKAPS. Syarat-syarat di CKAPS ni adalah sangat ketat dan perlu dipatuhi oleh operator pusat hemodialisis.

Seterusnya berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh ADUN Seri Menanti. ADUN Seri Menanti tidak ada dekat sini. Saya rasa saya boleh jawab.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Jawab saja. Dia boleh dengar daripada kawasan.

**YB ADUN Repah:** Okay, kalau tidak saya kena jawab dengan kerusi saja. Okay. Persoalan yang dibangkitkan adalah subsidi minyak masak, penguatkuasaan lemah dan tiada tindakan tegas menyebabkan aktiviti penyeludupan minyak masak kerap berlaku sehingga rakyat tidak dapat menikmati subsidi tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna sedar akan kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi yang berlaku di negara ini oleh segelintir individu ataupun syarikat ataupun sendiket yang tidak bertanggungjawab. KPDNHEP Negeri Sembilan memandang serius kegiatan penyelewengan tersebut dan sentiasa bertindak tegas untuk mengekang ketirisan di seluruh negara sama ada menerusi tindakan secara pro aktif ataupun berasaskan aduan oleh orang ramai.

Bagi tempoh 1 Januari 2022 sehingga 31 Julai 2022, sebanyak 29 kes telah dihasilkan oleh Seksyen Penguatkuasa KPDNHEP Negeri Sembilan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dan nilai rampasan bagi keseluruhan kes tersebut adalah dianggarkan sebanyak 1,033,140.38. Kementerian ini juga sedar sekiranya jenayah ini tidak dicegah akan membawa kesan negatif kepada kewangan kerajaan dan menjejaskan keperluan rakyat. Untuk itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan secara berterusan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP untuk memerangi jenayah ini seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan penyelewengan Barang Kawalan Bersubsidi di sempadan negara seperti melaksanakan Pelan tindakan Membanteras Penyelewengan Barang Kawalan Bersubsidi di sempadan Malaysia yang terdiri dari negara Thailand, Indonesia, Brunei dan Singapura sejak tahun 2019.

- ii. Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa lain seperti Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, pasukan Polis Marin, Angkatan Tentera Malaysia, Pasukan Gerak Am, Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain agensi penguatkuasa bagi menangani kekurangan serta mengatasi pengaliran keluar minyak masak bersubsidi ke negara jiran.
- iii. Menjalankan risikan dan pemeriksaan berterusan ke atas pengilang, pembungkus dan pemborong dan peruncit.
- iv. Pengauditan di setiap rantai pengedaran minyak masak bersubsidi melibatkan kilang pembungkus, pemborong dan peruncit.
- v. Menggantungkan atau/dan menarik balik kuota dan lesen minyak masak ke atas syarikat yang terlibat dalam aktiviti penyelewengan dan disabitkan kesalahan.
- vi. Mengeluarkan arahan berhubung larangan ke atas mana-mana pemborong dan pembungkus menyalurkan minyak masak dari negeri-negeri lain ke negeri bersempadan dengan Thailand iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.
- vii. Menilai semula jumlah kuota minyak masak oleh syarikat pembungkus yang beroperasi di negeri-negeri bersempadan negara supaya diselaraskan dengan nisbah keperluan pengguna, penggunaan oleh isi rumah.
- viii. KPDNHEP Negeri Sembilan mengeluarkan arahan kepada semua pembungkus minyak masak di Negeri Sembilan berhubung membuat penandaan pada kotak minyak masak yang dihantar kepada pemborong.
- ix. Mana-mana pemborong atau peruncit di Negeri Sembilan yang mendapati masalah bekalan minyak masak boleh berhubung dengan KPDNHEP Negeri Sembilan dan suatu arahan akan dikeluarkan kepada pembungkus untuk menghantar bekalan dengan kadar segera bagi memastikan bekalan minyak masak tidak terputus di Negeri Sembilan.
- x. Dan akhir sekali adalah, lain-lain usaha yang akan dilaksanakan dari masa ke semasa oleh KPDHEP Negeri Sembilan.

Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh KPDNHEP ini adalah berterusan dan berkesan serta mampu memerangi penyelewengan daripada terus berleluasa. Dan akhirnya dapat mengurangkan beban tanggungan subsidi oleh kerajaan serta memberi manfaat kepada pengguna di negara ini. Itu saja jawapan daripada saya. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat Repah. Saya mintak Exco lain. Yang Berhormat Labu.

**YB ADUN Labu:** *Assalamualaikum WBT.* Salam bersih, muafakat, sejahtera. Terima kasih Tuan Timbalan Yang Dipertua. Terima kasih jugak kepada semua sahabat-sahabat saya Exco dan jugak kepada semua ahli ADUN, Dewan Undangan yang mulia ini kerana sudi mendengar jawapan dan jugak penggulungan. Yang baik dikobakan, yang buruk dihindarkan. Dan dalam masa yang sama, siapa pun kita, kita kena donga benda yang baik dan benda yang buruk. Yang mana yang baik kita cuba perbaiki dan amalkan. Dan mana yang tidak baik, kita tinggalkan dan kita hindarkan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua ADUN yang bertanya berhubung dengan portfolio saya sebagai Exco Pembangunan Luar Bandar. Satu bidang tugas yang saya rasa amat berat, lebih kurang 500 kampung-kampung termasuk kampung Orang Asli yang saya kena jelajahi, yang saya kena selesaikan masalah.

Nampaknya dalam sidang kali ini tak banyak yang tanya, agak saya dah selesai banyak ya. Dan jugak kita dalam masa yang sama, kita memastikan bahawa pimpinan-pimpinan kita di peringkat akar umbi, mereka-mereka yang berkeelayakan, mereka-mereka yang beretika, dan mereka-mereka yang gigih terutama dalam semasa COVID dulu, menjalankan tugas tanpa mengira kepentingan dan jugak kewangan. Dan saya ucapkan syabas kepada semua Pengerusi-Pengerusi MPKK dan kampung-kampung Orang Asli yang sanggup bekerja tanpa mengira waktu dan masa. Itu sebabnya saya katakan mereka merupakan orang-orang yang menjadi *front liner, front liner* semasa orang berehat ataupun dalam, dalam keadaan orang takut menghadapi COVID. Begitu jugak, dalam masa banjir, kejadian banjir. Sebelum agensi-agensi lain datang, merekalah yang mendahului, memastikan supaya keselamatan dan jugak kemudahan-kemudahan yang patutnya disediakan.

Oleh itu, kita mengadakan satu skim di mana, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sembilan kerana memberikan Skim Ex-Gratia kepada semua ahli-ahli jawatan kuasa MPKK yang mana apabila berlaku kemalangan ataupun kematian kita bayar sebanyak 3,000.00 ringgit. Mungkin boleh dinaikkan pada tahun depan,

padangan sayalah ya. Ini satu perkara yang saya rasa kita memastikan bahawa mereka yang terlibat secara langsung ini perlu dihargai. Begitu jugak dengan mana-mana pegawai kerajaan yang bertung, bertungku, apa, bertungkus lumus memastikan kerajaan pimpinan Pakatan Harapan berada dalam keadaan yang cemerlang selama tempoh 4 tahun ini. Dan *insya Allah* kita akan cuba lebih baik lagi pada tahun mendatang ini. *Insya Allah* mudah-mudahan kita akan diberi kepercayaan lagi oleh rakyat Negeri Sembilan untuk memerintah pada penggal yang kedua.

Berhubung dengan masalah Orang Asli dan jugak kampung-kampung ni, kita tak adalah beza sangat. Tinggal lagi saya mintak sahabat-sahabat saya di sebelah sana pastikan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah Kerajaan Persekutuan memberi tumpuan lebih sedikit kepada mereka-mereka ini kerana ada banyak perkara yang perlu kita selesaikan lagi, yang masih belum selesai. Saya sebagai Exco Pembangunan Luar Bandar akan memastikan bahawa pada tahun depan, tidak ada lagi mana-mana kampung yang tidak mendapat bekalan air ataupun api letrik. Ini merupakan satu keperluan asas yang mesti disediakan, siapa pun yang memerintah untuk pastikan mereka ini mendapat sebagai rakyat yang biasa.

Kemudian kemudahan pendidikan jugak perlu kita beri. Itu sebabnya kita lihat sekarang ini makin kurang makin kurang anak-anak Orang Asli yang tidak bersekolah melanjutkan di peringkat sekolah menengah. Sebab kita pastikan bahawa sampai bila mereka perlu kena bergantung dengan kerajaan. Jadi mereka kena bangunkan diri mereka, minda mereka untuk bersama-sama menjadi warganegara Malaysia yang kita cintai.

Dan jugak, saya suka mengingatkan kepada mana-mana agensi kerajaan, tak kiralah siapa pun kita, santunilah dan layanilah mereka-mereka yang datang memohon bantuan. Yang kadang-kadang mereka datang dari jauh, dan kadang-kadang mereka datang lewat masa, kadang-kadang mereka datang semasa kita berehat. Layani mereka ini. Kalau sekali kita tidak melayaninya, mungkin mereka tidak akan datang lagi dengan kita. Inilah peluang di mana kita dalam keadaan terdesak ini sebagaimana yang telah diusulkan oleh saudara saya YB Chennah. Di masa inilah kita tolong bantu mereka. Kalau di masa susah ni pun kita tidak dapat membantu mereka, saya kira bila lagi. Di kesempatan inilah makna saya katakan, setiap kita yang diberi tanggungjawab supaya memastikan kita menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sebaik yang mungkin ya. Saya suka menasihati diri saya dan jugak kawan-kawan yang lain, agar kita turun ke bawah selalu. Temuilah mereka-mereka. Cuba bayangkan, satu orang pemuda

yang jatuh panjat petai, yang lumpuh ya, selama 31 tahun menggunakan katil biasa, tidak disantuni. 4 hari sebelum Hari Raya Korban, saya dapat bertemu dan saya selesaikan masalah beliau ya, sehari sebelum ni, Hari Raya Korban. Cuba bayangkan berapa gembira dan berapa terujanya beliau selepas sekian lama, 31 tahun daripada muda sampai berumur 57 tahun disantuni, dilayani, diberi bantuan. Inilah yang kita kena tanya.

Sebab kita tidak boleh menyalahkan orang lain, menunjukkan kelemahan orang lain tetapi kelemahan dan jugak yang kita keburukan yang ada pada kita masih banyak lagi. Oleh itu, kita marilah bersama untuk kita pastikan apa saja yang kita boleh bantu, dan saya menyeru kepada Kerajaan Negeri Sembilan-lah, kalau kita ada peruntukan. Dan saya nak jawab jugak, nanti mungkin dijawab oleh Dato' Menteri Besar. Kito bukan berbelanjo duit yang ditinggalkan. Kita masih *maintain figure* yang sama, walhal kita membawak *investor* yang banyak masuk ke negeri kita. Dalam tempoh 4 tahun, kita dapat menggandakan *investor* dalam negeri kita. Inilah kejayaan. Mahu tidak mahu, kena terima. Ini hakikat sebenarnya ya. Kita kena terima. Itulah yang saya cakapkan. Kita tidak berbelanja sahaja mengikut kesukaan ataupun kegembiraan yang ada pada kita. Tapi kita mesti membina dan memastikan tabungan kita akan lebih hebat, lebih besar pada masa akan datang di samping kita memberi bantuan sebanyak mungkin kepada rakyat negeri kita. Kita telah buktikan termasuk COVID, kita telah buktikan semasa banjir berlaku dan kita telah buktikan semasa malapetaka yang datang menyerang penduduk-penduduk di seluruh negeri kita.

Saya juga suka mengingatkan daripada keadaan yang katakan dari segi penebangan hutan ataupun penggunaan rizab dan tanah-tanah yang tidak mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri kita. Dulu banyak tanah-tanah disewakan diberikan pajakan tapi hasilnya tidak seberapa. Jadi pastikan supaya kita memastikan pegawai-pegawai yang terlibat dapat mengesan, memantau dan seterusnya memastikan hasil masuk ke dalam kantung Kerajaan Negeri. Jangan nanti yang untungnya syarikat-syarikat besar, yang ruginya Kerajaan Negeri, yang menjadi mangsa rakyat biasa di luar-luar bandar. Inilah pandangan saya dan kita berkeyakinan bahawa dengan keadaan pengurusan yang baik, pentadbiran yang memikirkan kepentingan rakyat, makin banyak pelabur akan datang ke negara kita, sebagaimana ayat tuhan yang mengatakan kalau sesuatu buah negeri itu rakyatnya bersyukur dan jugak menghargai nikmat yang diberikan, *insya Allah*, Allah akan menambah ya. Tak kiralah siapa, tak kiralah agama siapa. Yang pentingnya mereka mensyukuri dan melakukan, keadilan dan kesamarataan kepada semua pihak.

Saya suka menjawab beberapa permasalahan dalam usaha kita memastikan supaya ketua-ketua MPKK kita berwibawa, kita mengadakan banyak kursus-kursus di peringkat daerah, dan jugak di peringkat negeri. Sebab itu yang kita katakan dalam memperkasakan penjawat-penjawat awam dan jugak mereka-mereka yang bertanggungjawab dalam pembangunan negeri kita mesti dia tugas, beri dia peranan dan beri dia apa ni, kursus-kursus yang membaiki prestasi dan jugak pengurusan mereka. Dan saya jugak suka menyarankan mana-mana mereka yang melakukan kebaikan, prestasi cemerlang, diberi ganjaran. Dan mana-mana mereka yang melakukan kesilapan-kesilapan yang berulang kali kena diberi tindakan. Sebab kita tidak boleh membiarkan keburukan berlaku berterusan. Dan kita mesti menghargai, apabila kita menghargai sumbangan orang, maka mereka akan menyumbang dan melakukan lebih baik pada masa akan datang.

Jadi kalau ada mana-mana berlaku pertukaran di kalangan pimpinan di peringkat kampung, jangan salahkan, jangan apakan, ada kebaikan-kebaikan. Sebagaimana satu pokok yang besar, yang rimbun itu, ada dahan-dahan yang mati, yang rosak, yang sakit, perlu dipotong, perlu dibuang supaya penyakit pada pokok itu tidak akan berterusan. Sama jugak dalam pentadbiran dan jugak sama jugak dalam apa-apa saja organisasi.

Jadi, oleh kerana soalan tak banyak, satu saja, pada saya. Jadi saya bacakanlah. Mintak maaf ya, Tuan Timbalan *Speaker*. Balai raya taman Bahau tidak selamat diduduki, perlu diroboh dan dibina baru. Ini telah bersetuju ya ADUN Jeram Padang. Pejabat Daerah Tanah Jempol telah terima penilaian tahap keselamatan balai raya Taman Bahau Fasa 1 daripada Jabatan, JK, Jabatan Kerja Raya Jempol yang mendapati bangunan tersebut tidak selamat diduduki. Pejabat Daerah Tanah Jempol dalam tindakan mengikuti tatacara perubahan aset tak alih dengan panduan Jabatan Kerja Raya dan permohonan peruntukan perobohan akan diangkat setelah cadangan perobohan ini diluluskan. Jadi cadangan perobohan ini mungkin akan dibuat secepat mungkin, memastikan supaya tidak ada nanti mangsa berlaku apabila berlaku ni, apalah, apabila mereka mengguna nanti, datangkan keburukan.

Mengenai cadangan bina baru, satu pertemuan telah diadakan bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan wakil penduduk Taman Bahau pada 5 Ogos 2022. Mereka menyatakan hasrat untuk menggantikan balai raya dengan kemudahan rekreasi dan taman mainan kanak-kanak kerana telah wujud dewan lain yang lebih besar, yang digunakan oleh penduduk setempat dekat sekitar, di bawah

pentadbiran kalau tak silap saya, Pejabat Daerah ya, ataupun Majlis Daerah.

Yang kedua, lokasi balai raya ini tidak strategik, terletak di selekoh jalan dan tiada tempat *parking*. Jadi itu sebabnya kita berikan satu tempat. Jadi saya jugak menyeru kepada semua-semua Majlis Daerah ataupun Perbandaran supaya memastikan kemudahan-kemudahan komuniti umum ini untuk kebaikan orang hendaklah dipastikan diberi penjagaan yang baik, penyelenggaraan yang baik. Mana-mana dewan orang ramai yang rasa-rasanya dah tak ada *air cond*, sejak 20 - 30 tahun dulu tak ada *air cond* patutnyalah sampai masa untuk diberi kemudahan *air condition*. Dan ditambah baik, mungkin dulu kecil, sekarang ni boleh dibesarkan lagi dengan sesuai dengan pertambahan penduduk. Dan jugak pertemuan jugak akan dibuat dengan penduduk setempatlah. Jadi kita libatkan penduduk setempat. Bukan, mungkin ADUN jugak akan dipanggil untuk pastikan supaya kita bersama bersetuju untuk mengganti ataupun merobohkan dan ganti penambahan, apa ni, agensi ataupun institusi yang baik ya.

Dan yang terakhir sekalilah, saya berharap supaya kita menjalankan tugas kita dengan sebaik mungkin tak kira siapa kita. Kalau kita sebagai pegawai, kita cubalah selesaikan masalah kita secepat dan sebaik mungkin. Kalau tak ada bajet, jangan jadi dulu, jawapan yang mudah oleh pegawai-pegawai "tak ada bajet". Kalau tuan-tuan sebagai pentadbir yang dapat pendidikan yang tinggi, memberi jawapan yang begitu, saya tidak boleh terima sebab sepanjang saya bekerja di Majlis Perbandaran dahulu saya tidak memerlukan peruntukan daripada Kerajaan Negeri, saya terus mintak kepada kementerian-kementerian yang ada, banyak ya. Kita boleh mintak, gunakan sedikit kreativiti, gunakan sedikit masa dan idea untuk kita membuat kertas kerja untuk kita panjangkan ke peringkat-peringkat di Pusat atau di *Federal* ya. Jadi jangan mengharap sangat kepada *State*, begitu jugak dengan kawan-kawan kita, yang ada menjadi Menteri, Timbalan Menteri, yang menjadi ketua, ataupun ketua-ketua jabatan yang besar, cuba membantu negeri kita ya. Ini yang kita kena lakukan supaya kita bersama. Yang ringan kita sama jinjing, yang berat sama-sama kita pikul. Yang baik sama-sama kita laksanakan, dan mudah-mudahan negeri kita akan menjadi negeri yang aman dan makmur dan bahagia pada masa akan datang. Terima kasih banyak, terima kasih banyak, *assalamualaikum WBT*.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Timbalan .....

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Labu.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Timbalan Dato' Yang Dipertua, Yang Dipertua, saya mohonlah Yang Berhormat Labu tu pastikanlah saya dijemput dalam perjumpaan tentang balai raya tersebut. Terima kasih.

**YB ADUN Labu:** *Insya Allah* saya pun akan turun nanti tengok, *insya Allah*.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Okay, Yang Berhormat lain? Ahli Exco. Nak tak nak?

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih .....

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Okay, terima kasih Yang Berhormat Ampangan.

**YB ADUN Ampangan:** Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua untuk mengizinkan saya menggulung perbahasan pada petang ini. Pertama isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Linggi tentang Sekolah Menengah Agama Chuah. Untuk makluman Yang Berhormat Linggi, tak ada. Sekolah Menengah Agama Chuah ini memang menjadi perhatian dan tindakan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan pihak JPNS sentiasa dari semasa ke semasa merujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapatkan maklumat yang terkini, kerana perkara ini masih lagi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Dan sehingga tarikh 9 Ogos 2022, Bahagian Pembangunan KPM telah memaklumkan bahawa kontraktor, kontraktor bangunan telah memohon kelulusan lanjutan masa ataupun EOT (*Extension of Time*). Bahagian Pembangunan KPM sedang memproses permohonan tersebut sepertimana dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak, **permohonan** EOT tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat EOT yang akan diadakan pada 15 Ogos 2022. Setelah kelulusan EOT tersebut diperolehi, Bahagian Pembangunan akan mengesyorkan kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan KPM untuk pengeluaran CPC (*Certificate of Practical Completion*) barulah kemudian bangunan berkenaan boleh digunakan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya nak jugak merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Palong ya. Ini tentang birokrasi TUNS dan TUNS Plus ya. Kita maklum kecemburuan ya, pembangkang terhadap kejayaan Kerajaan Negeri Sembilan hari ini yang telah memperkenalkan dan melaksanakan Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) iaitu bantuan geran maksima 3,000.00 ringgit kepada usahawan mikro di Negeri Sembilan. Dan jugak TUNS Plus iaitu bantuan pinjaman tanpa

faedah sehingga 15 ribu ringgit maksima untuk setiap usahawan mikro yang terpilih.

Sejak dimulakan pada tahun 2019 sehingga akhir tahun 2022 ya, untuk tahun ini, kita telah dan akan membantu untuk TUNS Plus sahaja sejumlah 5,149 usahawan untuk TUNS. Manakala untuk TUNS Plus seramai 417 usahawan terpilih telah menerima ya, dan juga bakal menerima dari segi pinjaman tanpa faedah daripada inisiatif TUNS Plus. Untuk 2019, untuk diperincikan, dengan jumlah 3.0 juta ringgit, 1,046 usahawan. 2020 dengan peruntukan 3.0 juta ringgit, seramai 2,023 orang usahawan. Manakala 2021 dengan peruntukan yang sama, 3.0 juta ringgit, seramai 1,078 usahawan. Dan untuk 2022 ya, dengan peruntukan 3.0 juta ringgit, seramai 1,002 orang usahawan ya. Manakala untuk TUNS Plus, yang dimulai pada 2021, dengan peruntukan 3.0 juta ringgit, seramai 213 orang usahawan. Manakala untuk 2022 dengan peruntukan yang sama 3.0 juta ringgit, seramai 204 orang usahawan menerima manafaat daripada inisiatif yang dimulakan oleh kerajaan pada hari ini.

Saya nak maklumkan Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, setiap sen dana yang diperuntukkan digunakan keseluruhannya untuk membantu usahawan. Tidak ada satu sen pun yang digunakan dari segi malahan untuk mengurus dan mentadbir. Apa yang kita lakukan ialah kita menggunakan ya, agensi yang sedia ada, di bawah PKNNS untuk melaksanakan. Jadi sebab tu tidak ada dana ini yang digunakan untuk pengurusan sekali pun. Peruntukan 3.0 juta ringgit yang kita terima untuk TUNS itu kita beri kesemuanya kepada usahawan. Ini penting untuk kita ketahui ya. Tidak ada satu sen pun untuk, malahan untuk pengurusan. Kita gunakan agensi sedia ada iaitu Pusat Pembangunan Usahawan di bawah PKNNS yang ini penting untuk kita mengetahui ya bahawa kita sangat, untuk memastikan bahawa setiap dana yang kita ada ini kita gunakan Pusat Runding Cara Usahawan Negeri Sembilan di bawah PKNNS ya. Itu memang dah sedia ada. Di samping itu tidak ada pekerja yang kita gunakan dibayar gaji pun di, untuk kesemua peruntukan 3.0 juta ringgit yang kita ada. Ini penting untuk kita ketahui ya. Keseluruhannya setakat ini, daripada 2019 hingga 2022, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 18 juta ringgit ya. 18 juta ringgit satu jumlah untuk membantu usahawan-usahawan kecil, usahawan-usahawan mikro ya.

Dan tidak adil ya untuk menuduh bahawa kita memperlewatkan ataupun tidak *response* kerana dari segi pengurusannya, kita di, adalah di antara inisiatif yang membabitkan paling ramai Exco dalam inisiatif ini ya. Ada 5 orang Exco yang mana saya mempengerusikan, yang membabitkan 4 orang Exco yang lain. Exco Pembangunan Belia Dan

Sukan, Exco Pembangunan Luar Bandar, Exco Pertanian Dan Industri Asas Tani, Exco Hal Ehwal Wanita, Keluarga Dan Kebajikan ya. 5 orang Exco terbabit ya, untuk mengendalikan TUNS dan TUNS Plus ya.

Dan dari segi proses permohonan, kita amat berhati-hati ya, untuk memastikan mereka yang benar-benar layak menerima ataupun yang, yang mendapat inisiatif ini ya. Sebab ada jugak kes ya, yang menipu ya, ada kes yang dari segi permohonannya kita tahu tidak jujur ya. Ini berlaku. Jadi sebab itu kita tidak boleh sewenang-wenangnya orang memohon, kita beri tanpa kita menilai. Malahan dalam konteks ini PKNNS jugak menggunakan khidmat, Pusat Khidmat Rakyat DUN dan, menerusi ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) ataupun Penyelaras DUN untuk menilai ya, yang perniagaan mereka itu benar-benar wujud ya. Ini penting untuk kita melihat bahawa kesungguhan kita. Dan kita juga tidak, nak memastikan bahawa tidak ada penipuan berlaku ya.

Dan, dan kita telah mempermudah proses permohonan. Permohonan sekarang ini boleh dilakukan secara talian. Mereka tak perlu datang ke PKNNS untuk menyerahkan borang kerana borang ini boleh dimuat turun di dalam laman sesawang yang disediakan. Kita mempermudah segala-galanya. Dan cuma menjadi masalah kepada kita, Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua ialah ramai daripada pemohon kita tidak melengkapkan permohonan. Sebagai contoh tahun 2022, mereka yang mendaftar ya, mereka mendaftar untuk memohon Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) seramai 2,460 orang ya. Malangnya yang menghantar, dia mendaftar satu perkara, yang menghantar permohonan hanya 59.3% iaitu seramai 1,461 orang. Yang lebih menyedihkan lagi, yang melengkap ya, yang melengkap borang permohonan berkenaan hanya sekitar 34.2% iaitu sekitar lebih kurang 500 orang. Haa ini masalah yang kita hadapi. Dan kita perlu mengetahui maklumat-maklumat ini kerana kita nak memastikan mereka yang benar-benar berniaga, mereka yang benar-benar layak menerima bantuan ini, khususnya dalam bentuk geran ya. Geran ini bermakna kita memberi dana ini, walaupun jumlahnya kecil tapi amat besar maknanya kepada usahawan-usahawan mikro ini ya, kepada mereka ya. Geran ini walaupun jumlahnya 3,000.00 ringgit, tapi kepada yang berniaga murtabak, orang yang berniaga mi goreng, yang berniaga goreng pisang, jumlahnya besar kepada mereka. Sebab itu kita jugak perlu berhati-hati ya, untuk memastikan tidak ada berlaku sebarang penipuan dalam konteks ini.

Timbalan, Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya nak merujuk jugak tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggeng dan juga Yang Berhormat Rantau ya. Yang berkaitan tentang ekonomi dan juga permasalahan yang berkaitan. Kita dalam untuk kita melangkah ke

hadapan ya, kita akur bahawa keadaan peningkatan kos barangan dan dalam masa yang sama kita tahu bahawa tiada peningkatan pendapatan rakyat. Ini masalah yang kita hadapi. Barangan semakin meningkat tetapi pendapatan tidak meningkat ya. Dan kita jugak akur peningkatan kos barangan ini adalah sebenarnya akibat pelbagai faktor luaran. Contohnya peperangan Ukraine dan Rusia. Jadi persoalannya sekarang ini bagaimana untuk kita meningkatkan pendapatan rakyat.

Kerajaan Negeri Sembilan berusaha untuk membawa pelaburan yang berimpak tinggi yang memerlukan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan untuk memastikan ya, pendapatan yang jauh lebih baik. Ini yang kita usahakan. Untuk melangkah ke hadapan, usaha ke arah meningkatkan kualiti pelaburan, kita memfokuskan kepada pelaburan yang berorientasi teknologi agar permintaan buruh mahir dapat dipertingkat. Ini kaedah yang kita nak lakukan ya. Industri berteknologi tinggi yang difokuskan dalam pembangunan Lembah Wawasan Malaysia (MVV) adalah seperti berikut:

Yang pertama kita memfokuskan kepada industri aeroangkasa ya. Ini dulu tak pernah dibincangkan oleh kerajaan yang terdahulu, tetapi kerajaan pada hari ini memfokuskan kepada industri aeroangkasa. Persoalannya mengapa aeroangkasa? Kerana aeroangkasa adalah di antara industri yang berimpak tinggi yang memerlukan pekerja-pekerja mahir yang boleh meningkatkan pendapatan mereka yang bekerja. Dan juga boleh membuka peluang perniagaan kepada ramai usahawan-usahawan yang lain. Inilah mengapa kita menumpukan kepada industri aeroangkasa. *Alhamdulillah* kita bersyukur kepada Allah ya, usaha ini telah menampakkan hasil. Pada 7 Julai 2022 kita telah melakari sejarah pembangunan aeroangkasa negara apabila Kerajaan Negeri yang diwakili oleh Perbadanan NS (NS Corporation) menandatangani bersama Turkish Aerospace Industries untuk membangunkan NS AV (*NS Aerospace Valley*) dan jugak UVV (*Unmanned Vehicle Valley*). Dan dalam konteks ini lebih teruja kerana kita akan menjadi tempat tapak pusat pemasangan helikopter yang pertama di negara ini. Dan perjanjian ini telah disaksikan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia; Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dan tim, Presiden Turki; Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan di Istana Presiden di Ankara, Turki. Ini kita, *alhamdulillah* ya, kita berjaya melakukan ini dan usaha ini *insya Allah* akan melakari sejarah baru dalam negara dalam pemasangan helikopter yang akan dilakukan di kawasan sekitar berhampiran dengan Labu ya, tak jauh daripada kawasan Enstek. Haa ini kita nak lak, itu industri aeroangkasa. Dan kita masih lagi, banyak sudah permintaan-permintaan untuk membuka kawasan industry yang berkaitan aeroangkasa yang sedang kita proses, tetapi dalam masa

sama kita juga menghadapi masalah bagaimana untuk kita membuka kawasan-kawasan baru untuk menjadikan tempat untuk industri-industri aeroangkasa ini. Ini yang berlaku sekarang ya.

Dan industri kedua yang diberi penekanan kepada kita ialah industri maritim ya. Industri maritim adalah di antara yang perlu kita ambil perhatian kerana dengan kedudukan negara kita dan, yang berada di Selat Melaka, yang hampir setiap tahun 80 ribu buah kapal induk, dengan izin Timbalan Dato' Yang Dipertua, *mother vessel* ya yang kapal-kapal besar, 300 meter, 400 meter panjangnya, melalui Selat Melaka secara purata satu hari 200 – 250 buah kapal yang lalu ya. Dan kita harus melihat bagaimana untuk kita mengambil urus niaga dengan kapal-kapal yang melalui di Selat Melaka ini. Sebab itu kita harus memfokuskan bagaimana untuk kita membangunkan industri maritim di perairan kita sepanjang 61.3 kilometer ya, di perairan Port Dickson. Tanpa kita melupai destinasi pelancongan menjadi, masih lagi menjadi keutamaan kita dalam pembangunan di Port Dickson.

Untuk makluman, makluman ya, Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, dan ahli-ahli Dewan yang dalam Dewan yang mulia ini, bahawa, sama ada kita sedar ataupun tidak, untuk sekian lama ya, kedaulatan Negeri Sembilan, dengan izin, *sovereignty state* agak tergugat ya, kerana sebahagian perairan di antara Tanjung Tuan sehinggalah Linggi bukan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan tapi ditadbir oleh negeri jiran ya. Dan, tetapi Kerajaan Negeri ya, sekarang ini telah mengambil inisiatif ya, untuk memastikan kedaulatan negeri ini dipulihkan, diperbetulkan semula. *Alhamdulillah* ya, kita telah pun mulai beberapa minggu yang lepas, kebenaran telah diberi bahawa kawasan ini sekarang ini ditadbir urus oleh Negeri Sembilan di bawah Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson. Ini kejayaan cukup besar. Sebelum ini melak, negeri lain yang mengawal, sekarang Negeri Sembilan yang kawal. Tapi ini memang kawasan kita, perairan kita. Mengapa sebelum ini kita tak ambil peduli tentang perkara ini. Ini tentang kedaulatan ya, tetapi kedaulatan kita ini terabai untuk sekian lama kerana segala urusan urus niaga di kawasan ini dikawal oleh orang lain, bukan di Negeri Sembilan. Tapi *alhamdulillah* seperti yang saya nyatakan, usaha yang kita lakukan telah memperbetulkan keadaan ini. Yang dulu namanya ialah dengan izin, Dato' Timbalan Yang Dipertua, *Kuala Linggi port limit* ya, ataupun had labuh Kuala Linggi telah berubah ya. Dan *insya Allah* kita berusaha untuk menamakan nama yang baru, Tanjung Agas NS Port Limit ataupun had labuh Tanjung Agas NS. Jadi ini usaha yang kita buat menunjukkan kesungguhan kita untuk memajukan maritim dan untuk mempertingkatkan ekonomi Negeri Sembilan.

Kita jugak ya, melihat bagaimana untuk sekian lama jeti arang yang telah lama, dulu memang jeti arang batu yang kita lihat sudah rosak teruk ya, dan kita sedang mengambil usaha untuk membaik pulih dan juga membesarkan jeti arang ini supaya kita memulihkan industri perdagangan dengan menggunakan jeti ini, yang memang telah lama ya, sejak di zaman penjajah digunakan sebagai jeti yang besar untuk kita gunakan semula untuk kita memulihkan ekonomi di Negeri Sembilan ya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua ya, saya jugak ingin membawak perhatian tentang usaha kita untuk menjadikan Port Dickson ataupun kawasan industri maritim kita dipertingkatkan dengan untuk membawa apa dikatakan sebagai, dengan izin, *home port for cruise liner*, ataupun istilahnya ialah pengkalan pelabuhan untuk kapal siar ya. Dan ini *insya Allah* kita cukup berkeyakinan dengan usaha ini, ia akan meningkatkan impak yang besar ekonomi rakyat di Negeri Sembilan khususnya di Port Dickson. Kita tahu untuk sebuah kapal siar, di dalam kapal siar itu ada ribuan penumpang. Kalau kita lihat sebagai contoh, kapal Genting Dream ada 3,400 orang penumpang dengan 2,000 anak kapal. Hasrat kita akhirnya ialah untuk menjadikan Port Dickson sebagai *home port*, *home port* maknanya pelabuhan pengkalan dan kita mengharapkan akan banyak kapal-kapal siar daripada seluruh dunia akan menjadikan Port Dickson sebagai pengkalan mereka ya. Apabila ini berlaku, penumpang-penumpang daripada luar negara dan Port Dickson yang paling sesuai kerana kita paling berhampiran dengan lapangan terbang utama negara iaitu di KLIA, mereka akan turun dan naik daripada KLIA dan akan terus datang kerana yang paling hampir dengan KLIA ialah Port Dickson. Datang ke Port Dickson dan ini akan memberi kesan besar. Cuba kita bayangkan hampir 5,000 orang datang ya. Dan itu kalau kita boleh lakukan setiap minggu ya, berlaku kemasukan ataupun penumpang, ini akan memberi kesan besar dari segi ekonomi. Bila mereka datang, mereka mungkin jugak terpaksa menggunakan hotel. Ini akan meningkatkan industri perhotelan. Mereka terpaksa makan. Mereka akan meningkat, membantu peniaga-peniaga kita dari segi makanan sama ada di hotel ataupun di restoran, ataupun di gerai-gerai. Ini akan meningkatkan pendapatan ekonomi rakyat. Ini nak kita lakukan.

Dalam masa yang sama, kapal besar ini memerlukan bahan bekalan sama ada minyak, air, bekalan makanan, mereka perlukan beras, mereka perlukan buah-buahan, mereka perlukan sayur-sayuran, mereka perlukan telur, mereka perlukan pelbagai lagi untuk bahan makanan untuk penumpang-penumpang mereka dan juga untuk anak-anak kapal mereka yang boleh kita bekalkan. Ini usaha-usaha yang kita

buat yang berimpak tinggi, usaha-usaha yang kita nak laksanakan di dalam konteks pembangunan maritim.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua ya, saya nak melihat industri yang ketiga, industri yang berkaitan tentang EV (*Electric Vehicle*) ya. Ini juga industri yang berimpak tinggi. Dan *alhamdulillah* kita bersyukur ya, ini telah pun bermula dengan pelaburan yang dibuat oleh Samsung SDI Energy Sdn. Bhd. yang telah komited pada 21 bulan Julai yang lepas telah melakukan pecah tanah, tanahnya untuk membina kilang baharu di Kawasan Industri Taman Tuanku Jaafar untuk pengeluaran bateri ya, untuk EV atau *Electric Vehicle*, dengan izin Timbalan Dato' Yang Dipertua, adalah yang paling penting dalam industri kereta elektrik ya. Dan Samsung melabur sebanyak 6 bilion ringgit yang *insya Allah* akan mewujudkan peluang pekerjaan 1,300 kepada rakyat di Negeri Sembilan.

Industri yang keempat ya, yang ingin kita bangunkan adalah berkaitan tentang *unmanned vehicle* ya ataupun kenderaan tanpa pemandu. Ini *insya Allah* dalam proses perbincangan dan kita yakin ia juga memberi kesan impak yang tinggi kepada negara dengan mewujudkan industri ini. Di samping daripada itu ya, yang kelima, kita juga memfokuskan tentang industri yang berkaitan tentang *Semiconductor* ya, yang, yang jugak penting ya. Dan sebab itu *insya Allah*, dalam tempoh terdekat kita kemungkinan akan menerima pelaburan yang cukup besar yang berkaitan dalam *Semiconductor* ya.

Dan yang keenam kita juga nak menekankan tentang industri halal yang merangkumi sektor *pharmaceutical* ya, dari segi perubatan, kosmetik dan juga makanan dan minuman (F&B). Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, kita jugak mengetahui bahawa intervensi yang ini ideal, apa yang saya bentangkan ini ideal tetapi ianya memakan masa, jangka masa panjang ya. Tapi itu bukan bermakna kita tak buat sekarang, kita kena buat sekarang untuk memulainya. Kerana ianya tidak boleh mendapat kesannya secara serta merta ya. Tapi kita perlu laksanakan sekarang. Sebahagian walaupun dah bermula, tapi kilang baru mula, tapi belum lagi untuk mengambil pekerja. *Production* masih lagi belum bermula. Ini bermaknanya memang ideal, tetapi ianya memakan masa. Jadi ada perlu ada banyak lagi usaha-usaha yang perlu kita laksanakan untuk mata, mengatasi permasalahan yang kita hadapi pada hari ini.

Dalam usaha kita untuk memastikan keterangkuman pembangunan agar manfaat pertumbuhan dapat diagihkan secara adil, kerajaan kalau kita lihat menyusun hala tuju yang strategik berdasarkan kekuatan sektor ekonomi di peringkat negeri, daerah agar kesan

pengganda dan limpahan ekonomi dapat dimaksimakan ke seluruh negeri ya, dan jugak keseluruhan bandar dan juga di luar bandar dan juga semua daerah-daerah. Pendekatan ini memastikan perbelanjaan dan pelaburan ke atas pertumbuhan sektor ekonomi adalah inklusif kepada semua penduduk.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya juga nak menekankan pembangunan yang kita bawak dalam kawasan Lembah Wawasan Malaysia adalah merupakan katalis. Katalis bermakna ini akan memberi kesan besar kepada kawasan-kawasan yang lain, yang luar daripada kawasan Seremban dan Port Dickson. Itu bukan bermakna kita jugak meninggalkan kawasan yang lain untuk membangunkan industri berkaitan perindustrian di daerah-daerah yang lain ya. Kalau kita lihat *insya Allah* kalau semuanya berjalan lancar seperti di Kuala Pilah, di Senaling, kita kemungkinan besar akan membuka sebuah kilang untuk membuat peluru ya. Ini saya nak maklumkan di negara kita, sekarang tak ada kilang yang buat peluru. Ini di atas apa yang dikatakan dengan istilah dengan izin Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, *national security* ya. Dan ini dengan kerjasama syarikat tempatan dengan sebuah syarikat Switzerland ya untuk kita membuat peluru ya, sekarang ini kesemua peluru yang ada dalam negara diimport ya. Jadi dengan adanya kilang ini *insya Allah* ia akan boleh menampung keperluan peluru dalam negara dan jugak boleh dieksport ke luar negara ya.

Ini antara usaha-usaha yang kita buat secara keseluruhannya dan keseluruhan bidang-bidang tumpuan ini yang kita kenal pasti dalam Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021 – 2025 yang akan menjadi *new game changers* kepada pembangunan ekonomi negeri. Antaranya kalau kita lihat yang pertama ialah untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi melalui pengenal pastian sektor bernilai tinggi dan strategik ya. Ini saya kupas sebentar tadi bahawa kita nak membawak masuk industri yang bernilai tinggi dan strategik yang memperkuatkan, memperkukuhkan ekonomi kita. Dan jugak galakan kepada diversiti ya, yang akan memberi limpahan yang besar kepada negara, negeri dan rakyat keseluruhannya ya.

Yang kedua, kita juga nak melihat bagaimana untuk meningkatkan daya saing usahawan mikro ya, kecil dan sederhana. Ini penting. Yang saya bentangkan sebentar tadi, itu yang besar-besar ya. Bagaimana pulak kita nak bangunkan industri yang mikro yang kecil ya. Mikro kecil kita bantu dengan TUNS dan TUNS Plus. Bagaimana pulak kita nak bantu industri sederhana, bagaimana, ini semua dalam rangkaian pembangunan yang kita rangka untuk memastikan keseluruhannya ya, bagaimana kita boleh melihat kita boleh membangunkan ya. *So di*

antara langkah yang kita **buat** untuk membantu usahawan-usahawan ini ialah kita telah memperkenalkan satu logo yang kita namakan sebagai NS Choice ya. Dengan logo ini kita mengharapkan dapat menilai ya, produk yang berkualiti yang dikeluarkan di Negeri Sembilan untuk kita usaha untuk pasarkan bersama supaya boleh membantu usahawan ini untuk lebih berkembang ya. Ini antara usaha-usaha yang kita buat.

Dan *insya Allah* kita juga dalam usaha untuk mewujudkan tempat di mana produk-produk usahawan ini dapat diletakkan satu tempat dan ini akan membantu ya, untuk memudahkan mereka memasarkan produk-produk mereka. Ini antara usaha-usaha yang kita lakukan bukan hanya menyentuh tentang projek-projek yang besar-besar, tapi juga kita melihat bagaimana kita membantu usahawan-usahawan yang kecil ya. Ini usaha yang kita lakukan.

Ketiga dengan kita jugak melihat bagaimana boleh menjana, menjana sumber ekonomi yang baru berasaskan kelesta, kelestarian alam sekitar ya. Haa ini jugak kita harus lihat. Dan ini antara fokus pembangunan yang kita fokuskan di Jelebu ya. Kita ada banyak kawasan yang cantik di Jelebu yang boleh kita manfaatkan, yang boleh, dan kita mengharapkan dengan kedatangan pelancong-pelancong daripada luar negara, kita boleh membawa mereka ke kawasan-kawasan ini yang akan memberi kesan ekonomi kepada penduduk-penduduk setempat ya.

Yang keempat, Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, kita ingin melihat bagaimana untuk kita memajukan sektor pertanian secara lebih produktif dan lebih berintensifkan teknologi ya. Dan *alhamdulillah* kita juga menjadi tempat tarikan untuk pembangunan dalam bentuk pertanian khususnya dibuat permulaan dalam penternakan lembu tenusu yang akan bermula di kawasan di Negeri Sembilan ya. Kita tahu bahawa menternak lembu tenusu bukan satu perkara yang mudah ya, dan kerana keadaan cuaca di negara kita ini, tapi *insya Allah* pelaburan yang akan dibuat tidak lama lagi akan memberi kesan besar ya, kepada pembangunan yang berkaitan dalam industri lembu tenusu ya, yang membabitkan pelaburan *insya Allah* dipermulai dengan jumlah 700 juta ringgit dan kemungkinan akan berkembang hingga 1.3 bilion ringgit, dan mungkin berkembang hingga 2.0 bilion, yang melihat bagaimana permulaannya sebanyak 4,000 ekor lembu tenusu dan mungkin sehingga 10,000 – 20,000 ekor lembu tenusu dapat menghasilkan untuk susu di negara kita ini ya. Ini antara usaha-usaha yang kita lakukan untuk memastikan bahawa bukan hanya sektor perindustrian kita bangunkan, tapi jugak merangkumi jugak sektor yang berkaitan tentang pertanian ya.

Dan di samping itu yang paling penting yang kelima ialah bagaimana kita untuk mendaya upaya modal insan ya. Dan bagaimana untuk kita menyokong pembangunan-pembangunan yang kita bawak ini supaya kita mempunyai pekerja-pekerja yang sangat komited, pekerja-pekerja yang memberi komitmen yang tinggi, pekerja-pekerja mempunyai disiplin yang sangat baik, pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran yang cukup baik, pekerja-pekerja yang mempunyai dari segi keseluruhannya ya, sangat produktif apabila mereka bekerja. Ini penting dalam usaha kita untuk menarik pelaburan, bagaimana untuk kita memastikan kita boleh membina ya, atau mendaya upaya modal insan supaya kita bersedia dengan apa yang ada, pelaburan yang ada supaya kita boleh benar, mengoptimumkan apa yang kita boleh *insya Allah* dalam pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan.

Setakat itu yang ingin saya sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua. Terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat Ampangan, sekarang saya persilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat untuk menggulungkan perbahasan.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Timbalan Yang Dipertua. Tahniah YB Chennah dalam usul di bawah Peraturan XVII dan terima kasih di atas penglibatan Yang Berhormat semua dalam perbahasan usul yang dibawa oleh ADUN Chennah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua, inisiatif khas Kerajaan Negeri menangani kos sara hidup. Pertamanya, Kerajaan Negeri sentiasa komited dan beriltizam untuk terus memperkasa dan membela nasib rakyat khususnya dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup yang semakin getir pada ketika ini. Selaras dengan tema belanjawan tahun 2022 "mendaya upaya ekonomi rakyat" pelbagai inisiatif rakyat telah pun digerakkan. Antaranya yang katakan tadi, tabung usahawan, tabung usahawan plus, inisiatif galakan nelayan, Petani Muda dan Siswazah Tani (INSIST9). Kerajaan Negeri sentiasa peka dan amat prihatin dengan peningkatan kadar inflasi dan Indeks Harga Pengguna di Negeri Sembilan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Chennah semasa membentangkan usul di Dewan yang mulia ini.

Pada Jun 2022 kesemua negeri menunjukkan peningkatan dalam inflasi. Indeks Harga Pengguna Negeri Sembilan telah meningkat daripada 123.6 kepada 127.2. Peningkatan sebanyak 2.9%. Indeks Makanan, peningkatan 5.5% menjadi penyumbang utama kenaikan

inflasi Negeri Sembilan. Ini diikuti oleh pengangkutan - 3.7% dan restoran dan hotel - 3.6%. Peningkatan ini adalah terutama disebabkan oleh kenaikan harga daging, sayur-sayuran pada Jun 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kadar inflasi Negeri Sembilan pada Jun 2022 iaitu 2.9% adalah lebih rendah berbanding nasional - 3.4%. Peningkatan harga barangan asas antara 20% hingga 30% benar-benar menghimpit rakyat khususnya golongan B40 dan M40.

Selain daripada faktor ekonomi global, tidak dinafikan kenaikan harga barangan ini juga turut berpunca daripada berbagai faktor domestik antaranya akibat pasca COVID-19, kenaikan gaji minimum, kekurangan tenaga buruh, kenaikan input barang makanan dan kejadian banjir yang berlaku pada penghujung tahun 2021. Berdasarkan laporan suku tahun pertama 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia keseluruhan kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sembilan akibat banjir yang lalu berjumlah 77.1 juta ringgit merangkumi kehilangan, kerosakan kediaman sebanyak 45.7 juta, kemusnahan kenderaan sebanyak 18.3 juta, kemusnahan ruang perniagaan sebanyak 12.1 juta dan kerugian di sektor pembuatan sebanyak 1.2 juta.

Justeru itu bagi menzahirkan keprihatinan kerajaan terhadap nasib yang menimpa rakyat akibat daripada kenaikan kos sara hidup yang amat menekan ini, sukacita saya mengumumkan satu peruntukan khas sebanyak 5.0 juta bagi menjayakan inisiatif Jualan Harga Ladang Negeri Sembilan Prihatin di seluruh daerah bermula 1 September hingga 31 Disember 2022. Inisiatif ini akan menggembelng kerjasama dengan semua pihak sama ada pengeluar, penternak, petani dan agensi kerajaan supaya dapat menjual beberapa barangan asas rakyat pada harga ladang sekaligus menghapuskan elemen orang tengah. Antara item rakyat yang dijual di bawah inisiatif ini seperti ayam, daging, telur, minyak masak, sayur-sayuran dan lain-lain. Barangan pada paras harga yang lebih murah antara 20 - 30% berbanding harga pasaran.

Inisiatif ini merupakan strategi serampang 2 mata yang akan memberi impak positif yang mana akan dinikmati bukan sahaja oleh rakyat sebagai pembeli malah oleh pengeluar, penternak dan usahawan tani juga terlibat secara langsung dalam membekal produk-produk ini. Saya yakin menerusi inisiatif prihatin kerajaan ini, sedikit sebanyak akan dapat meringankan beban hidup yang sedang dihadapi oleh rakyat ketika ini.

Dato' Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, prestasi kutipan hasil 2018 hingga 2 September 2022. Prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri

untuk tempoh 4 tahun ke belakang iaitu 2018 sehingga 2021 adalah seperti berikut:

- Kutipan tahun 2018 sebanyak 421.24 juta ataupun 102.24% berbanding sasaran yang ditetapkan 412 juta.
- Kutipan tahun 2019 adalah sebanyak 556.44 juta ataupun 129.41% berbanding sasaran yang ditetapkan berjumlah 430 juta. Pencapaian ini merupakan prestasi kutipan hasil tertinggi dalam rekod Kerajaan Negeri Sembilan.
- Kutipan tahun 2020 pula adalah sebanyak 447.88 juta ataupun 98% berbanding sasaran 457 juta.
- Prestasi kutipan tahun 2021, sejumlah 397.44 juta ataupun 88.72% berbanding sasaran 448 juta.
- Prestasi hasil yang dikutip sehingga 12:00 tengah hari, 10 haribulan Ogos, yakni hari ini adalah berjumlah 334.49 juta berbanding 278.25 juta pada 31 Ogos 2021. Ini bermakna baru 10 hari pun kita telah berjaya mengutip lebih 56 juta berbanding 31 Ogos 2021 yang lepas. Oleh kita, oleh itu, kita yakin kutipan hasil 2020 ini akan menghampiri sasaran belanjawan negeri sebanyak 432 juta, *insya Allah*.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, penggunaan definisi defisit bersasar. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2020 dan 2021 merekodkan defisit sebahagian perbelanjaan mengurus melebihi kutipan hasil susulan daripada bencana COVID-19 iaitu defisit sebanyak 42.14 juta pada tahun 2020 dan meningkat kepada 100.07 juta pada tahun 2021. Namun, pengurusan kewangan masih berjalan dengan cekap dan berkesan dalam memastikan supaya semua defisit belanjawan tersebut dibelanjakan secara bersasar. Situasi ini juga telah memaksa Kerajaan Negeri untuk menggunakan rizab sedia ada bagi menampung defisit tersebut dan mengubah lanskap belanjawan negeri dari perbelanjaan berimbang kepada belanjawan defisit. Namun impak defisit tersebut tidaklah terlalu dirasakan kerana defisit tersebut ditampung dari surplus tahun 2019 sebanyak 147.66 juta yang digunakan untuk bantuan kepada rakyat mengharungi COVID-19 dan merangsang ekonomi negeri.

Intervensi Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan ini adalah sebahagian daripada strategi ekonomi mikro negeri untuk meningkatkan KDNK Negeri di mana hasil kajian mendapat secara umumnya setiap 1% peningkatan nisbah perbelanjaan mengurus

cenderung untuk menjana 1.3% KNDK. Seterusnya peningkatan 1% KDNK berpotensi menjana peningkatan hasil sebanyak 0.8%. Ini dapat menjawab sebahagian soalan teman-teman tadi.

Dato' Yang Dipertua, berhubung soalan Chennah mengenai inisiatif pengurangan kos sara hidup, aspek pembangunan tanah. Kerajaan Negeri sentiasa peka dalam mengawal inflasi dan prihatin dalam mengurangkan beban rakyat khususnya kenaikan isu kos sara hidup pelbagai inisiatif/kaedah telah diperkenalkan dilaksanakan oleh kerajaan ya. Komitmen Kerajaan Negeri amat jelas apabila Mesyuarat MKN yang bersidang pada 28 Oktober 2020 dan 7 April '21 memutuskan untuk menangguhkan pemakaian dan pelaksanaan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Sembilan 2020. Kita dah buat sebenarnya Kaedah Caj Pemajuan Negeri Sembilan 2020 dan kaedah Pengawalan Am 2021 yang sememangnya berkait rapat di dalam pelaksanaan sesuatu projek pembangunan. Caj Pemajuan yang disediakan berdasarkan Seksyen 35 Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 atau Akta 172 bagi membolehkan dan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan kutipan wang tersebut. Sesuatu pembangunan dilaksanakan berasaskan prinsip perkongsian keuntungan di, di mana pihak pemaju tanah, kesan daripada kenaikan nilai tanah melalui cadangan zon guna tanah yang ditetapkan dalam Rancangan Tempatan akan dikenakan Caj Pemajuan di mana hasil daripada Caj Pemajuan ini digunakan oleh PBT menyediakan keperluan kemudahan awam tambahan sekaligus mengurangkan kebergantungan kewangan kepada Kerajaan Negeri.

Manakala Kaedah Pengawalan Perancangan Am 2021 yang disediakan berdasarkan subseksyen 58(1) Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 atau Akta 172 merupakan kaedah membolehkan PBT mengenakan fi atau bayaran bagi setiap permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan oleh pemaju. Antara komponen pembangunan yang boleh dikenakan fi adalah seperti pembangunan kediaman, perindustrian komersial dan sebagainya. Melalui pelaksanaan kaedah ini ia dapat meningkatkan pendapatan PBT di Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan pemakaian dan pelaksanaan kedua-dua kaedah ini ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian kerana melihat ia mampu memberi kesan kepada kenaikan kos pembangunan. Kerajaan Negeri percaya keputusan ini mampu mengawal kadar inflasi sekaligus memastikan rakyat Negeri Sembilan tidak terus menerus dibebani dengan kenaikan kos sara hidup.

ADUN Chennah, soalan berkenaan fi bayaran sebarang bentuk kenaikan atau semua kadar fi bagi perumahan awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, Program Perumahan Rakyat, rumah pangsa tiada sebarang kenaikan kadar sewa dilaksanakan. Kadar semasa sewa bulanan adalah lingkungan [ringgit]138.22 sen sehingga 209.00 ringgit. Dimaklumkan bahawa jumlah tunggakan perumahan awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan adalah sebanyak 3.3 juta. Daripada jumlah tersebut 2.2 juta merupakan tunggakan yang merangkumi 14 skim perumahan awam sewa beli Negeri Sembilan.

ADUN Palong, soalan berhubung pusat penjaja. Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan peruntukan bagi kajian kebolehlaksanaan Bandar Baru Palong, kawas, Palong 4, 5 dan 6 dalam Belanjawan Tahun 2022. Kajian ini perlu dilaksanakan agar Bandar Baru Palong dapat dengan dibangunkan lebih terancang mengambil kira aspek perundangan, sosial, fizikal dan ekonomi. FELDA, Majlis Perbandaran Jempol, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, PLANMalaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri adalah agensi yang terlibat dalam jawatan kuasa kajian. Kajian dan cadangan pembangunan ini adalah bagi menangani isu-su tanah kerajaan dalam kawasan felda. Pentadbiran tanah Negeri Sembilan bersama FELDA Ibu Pejabat secara serius menyelesaikan isu ini selaras Seksyen 34 Akta Penempatan Berkelompok 1960 dan perjanjian jian perancangan felda. Pejabat Daerah Jempol turut membuat libat urus dan perjumpaan bersama Bahagian Kawal Selia, Jabatan Perdana Menteri pada 3 Jun 2022.

Pada masa ini kawasan Palong 4, 5 dan 6 berlaku banyak pencerobohan tanah dan be, dan bahan haram menyebabkan isu saliran, bangunan tidak selamat, pembiakan nyamuk, kebakaran dan sebagainya. Bangunan yang diceroboh ini pasti tidak mengikut spesifikasi agensi teknikal. Kejadian terkini 4 Ogos '22 berlaku kebakaran bangunan kedai yang dibina tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri di Palong 6. Kerugian pada peniaga adalah, apabila bangunan tidak sah tidak dapat diinsuranskan.

Bagi isu pembinaan pusat penjaja, Kerajaan Negeri mengalu-alukan pelaburan yang memberi manfaat kepada penduduk setempat. Adalah molek jika cadangan lokasi ini dirujuk kepada Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran Jempol, memandangkan kelulusan pembangunan di atas tanah kosong kerajaan dalam kawasan felda adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

ADUN Jeram Padang, isu dibangkitkan kos lawatan MAINS. Dato' Yang Dipertua, ini dengar ya. Dakwaan mengatakan kos lawatan kerja ke

Mesir dan Jordan sebanyak 1.09 juta adalah tidak tepat dan mengelirukan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan sidang Dewan yang mulia, tujuan utama lawatan kerja berkenaan adalah untuk menerima penyerahan rasmi Rumah Negeri Sembilan di Kaherah milik Kerajaan Negeri daripada kontraktor tempatan setelah kerja-kerja pengubahsuaian siap disempurnakan dengan kos sebanyak 5.75 juta. Kos ini dibiayai bersama antara Kerajaan Negeri – 2.87 juta dan MAINS – 2.87 juta, sebelum dipajakkan semula kepada MAINS untuk tempoh selama 30 tahun pada kadar yang nominal. Keadaan asrama pelajar berkenaan dahulunya berada dalam keadaan yang sangat daif dan merbahaya kepada keselamatan anak-anak mahasiswa kita. Selain itu, lawatan kerja juga adalah untuk menjalin kerjasama strategik dengan pihak Kedutaan Malaysia di Kaherah dan Jordan bagi melihat potensi dan peluang untuk menghantar lebih ramai pelajar anak-anak Negeri Sembilan ke Timur Tengah selain daripada Kaherah.

Saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, dari segi kos lawatan tersebut, kos lawatan ditanggung oleh MAINS hanyalah 534 ribu iaitu kos tambang dan makan minum ahli-ahli MAINS, pegawai dan urus setia MAINS termasuk seorang wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Islam seramai 16 orang. Manakala sebanyak 109,221.00 pula adalah sumbangan MAINS kepada pelajar-pelajar menggunakan sumber zakat. Selain daripada anggota MAINS, lawatan kerja turut disertai oleh saya bersama 3 pegawai Pejabat Menteri Besar dan 2 ADUN, 2 ADUN, Yang Berhormat pegawai ya, itu melibatkan kos 219 ribu. Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan seorang Pegawai Kanan Jabatan Kewangan Negeri – 56 ribu, Pengarah JKR – 16 ribu menggunakan peruntukan pejabat masing-masing, berjumlah 292. Di samping itu juga Kerajaan Negeri, MBI juga menyampaikan sumbangan kepada pelajar-pelajar di Kaherah, Jordan sebanyak 46,809.00 ringgit.

Dakwaan yang mengatakan MAINS menanggung kos isteri pasangan turut serta adalah fitnah sama sekali. Sebenarnya MAINS hanyalah mendahulukan peruntukan pembelian tiket bagi memudahkan urusan logistik tetapi semua pegawai yang terlibat wajib membayar semula wang pendahuluan keaan yang berjumlah 112,591.00 ringgit dan surat tuntutan telah pun dikeluarkan oleh MAINS pada 1 Julai 2022.

Dato' Yang Dipertua, secara perbandingan kos lawatan pada tahun 2022 ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kos lawatan yang pernah diadakan pada tahun 2015 berjumlah 1.41 juta. Sedangkan kos tambang penerbangan pada tahun 2022 ini rasanya lebih sedikit. Justeru itu saya memohon kepada rakan-rakan pembangkang supaya selidiklah dahulu fakta ataupun *tabayyun*

sebelum membuat apa-apa kenyataan yang tidak berasas dan mengelirukan.

Dato' Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, belanjawan, soalan Senaling, peranan kerajaan untuk membantu khususnya masyarakat B40 disebabkan kuasa pembeli semasa semakin berkurang dan kadar pinjaman bank komersial meningkat disebabkan OPR. Ni OPR, kita bukan bawah kuasa kita. Dan kita, saya rasa tadi soalan ataupun penerangan daripada Linggi telah dijawab oleh Yang Berhormat Chuah dengan baik ya, walaupun dia tak sepatutnya jawab, tapi saya nampak itu adalah jawapan yang paling sesuai ya, mengenai OPR ya. Kalau OPR rendah memang orang lari, tak nak, tak nak simpan duit di Malaysia, mereka akan keluarkan duit, akan melabur di luar ya. Dan kita sedia maklum bahawa bank juga tidak akan jadi satu yang baik. Itu, ini ada, ada baik dan buruknya ya. OPR naik, kita ada masalah orang tak, orang simpan duit tak belanja. Tetapi itu jugalah yang berlaku sebenarnya ya. Apabila berlaku A, dia akan buruk kepada B. Bila berlaku B, dia akan buruk kepada A. Jadi itulah keadaan ekonomi kita sebenarnya.

Dan belanjawan 2020 telah dibentangkan ya. Banyak inisiatif yang kita sedia maklum sebenarnya belanjawan kita meme, me, yang ber, yang telah kita maklum iaitu mendaya upaya ekonomi rakyat itu sendiri sebenarnya adalah satu perkara yang awal lagi kita telah pastikan supaya dapat mampu memberikan satu impak yang baik kepada rakyat ya. Jadi, untuk jawapan Senaling ini, kita tahu inisiatif tabung usahawan TUNS Plus, memperkenalkan inisiatif baru *Halal Cottage* ya, yang saya rasa tak ada di negeri lain, memberikan halal kepada usahawan *cottage* dengan percuma iaitu geran bantuan sampai 5,000.00 seorang untuk menaik taraf premis, memberi bantuan siswazah tani (INSIST9) dalam bentuk geran maksimum 10 ribu, inisiatif Petani Muda - 10 ribu, meneruskan insentif pembangunan tanah terbiar kepada, sebanyak 1.0 juta - 15 ribu perhektar, Tabung Agro bentuk pinjaman mudah tanpa faedah - nilai maksimum 50 ribu sebagai pengukuhan modal perniagaan. Ini pun penting sebenarnya. 3.0 juta diperuntukkan dalam inisiatif ini. Jadi Kerajaan Negeri bagi pinjaman kepada Tabung Agro ya, Tabung Agro menerusi Bank Pertanian, kita mintak kerjasama mereka dan *alhamdulillah*, kita bagi pinjaman tanpa faedah kepada usahawan kita yang ingin membuat pinjaman. Inisiatif Galakan Nelayan (INGEN) sebanyak 500 ribu, membantu nelayan membeli kelengkapan alatan baik pulih bot, geran bantuan 5,000.00 sehingga 15 ribu seorang. Ini tertakluk kepada kelayakan mereka. Dan kita rasa inilah inisiatif yang pertama kita beri kepada nelayan-nelayan. Melaksanakan *job fair*, Bantuan Anak Sekolah, bantuan peralatan implan ortopedik. Ini juga penting kerana kita tak nak lihat masyarakat kita, orang Negeri Sembilan yang, yang ber, yang

tidak mampu, tidak mampu terpaksa menunggu lama untuk mendapat bantuan implan ortopedik. Tabung Perubatan Hemodialis kita bagi walaupun kita sedia maklum, ini bagi meringankan beban pesakit yang kurang berkemampuan ya, dan kita mendapat kerjasama dengan 3 buah hospital iaitu Hospital Tuanku Jaafar, perubatan, Pusat Perubatan NSMCH dan Pusat Islam Az Zahrah – 1.0 juta diperuntukkan bagi kos rawatan ya, buat tapak untuk dialisis.

Inisiatif *food bank*, menerusi caruman perlindungan takaful kepada rakyat yang berpendapatan rendah dari dalam, daripada senarai e-Kasih. Ini juga kita telah masukkan mereka dalam takaful. Rumah Minda Ceria seperti yang YB Nicole katakan. Pelaksanaan Desa Muafakat NS. Program Rumah Harapan, ini juga menjadi antara satu skim yang sangat menggalakkan iaitu kita membuat rumah di kawasan kampung-kampung dengan kos 75 ribu, mereka bayar 70 ribu tanpa faedah, tanah milik masing-masing. Inisiatif bas percuma ya, kita bukan saja inisiatif bas percuma, kita juga ada program bas rentas, RENTAS NS ya. *Care For You*. i-Suri. i-Suri ni kita, kita, kita bayar sumbangan kepada ibu-ibu tunggal ataupun suri rumah yang tidak bekerja dengan peruntukan hampir 510 ribu. PH GEM ya, dan banyak lagi.

Bagi soalan ADUN Johol, pejabat kewang, apa, apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan kutipan ya. Kerajaan negeri melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kutipan hasil yang, *alhamdulillah* kita dalam tempoh 4 tahun ini, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah bersungguh-sungguh memastikan hasil kita dapat dikutip dengan baik dan pertama, kita melaksanakan Kempen Jom Bayar Cukai Tanah 2022, mengikut Pejabat Tanah masing-masing. Kempen ini adalah sebagai galakan menghargai pembayar cukai menjelaskan cukai tanah. Pelbagai cenderahati diberikan kepada pembayar cukai terawal dan pembayar, pembayar di kaunter. Pejabat Tanah mempergiatkan pembukaan kaunter bergerak cukai tanah di lokasi strategik dan terpilih dengan van bergerak yang telah kita sediakan. Ini bagi memudahkan mereka menjelaskan cukai tanah. Pembayaran cukai tanah secara talian e-Portal PTGNS telah menunjukkan peningkatan penggunaan oleh rakyat Negeri Sembilan. Sekarang ada kesedaran yang baik, mereka telah membayar secara e-PTGNS. Kerajaan Negeri telah memberikan bayaran tunggakan cukai secara ansuran dalam tempoh 6 bulan di samping menawarkan diskaun denda lewat bagi bayaran cukai tanah. Pejabat Tanah juga turut giat melaksanakan *engagement* dengan pemilik tanah swasta dan syarikat besar bagi mempunyai tunggakan cukai yang besar.

Pejabat Kewangan Negeri juga sangat aktif menuntut bayaran premium tanah milik Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan

seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. *Alhamdulillah* hasil dari pelbagai usaha dan strategi di atas, kutipan terkini hasil negeri, 10 Ogos adalah sebanyak 334 juta iaitu 56.24 juta lebih tinggi daripada tahun 2021. Tahniah. Untuk kutipan hingga 31 Ogos 2021, saya optimis kutipan hasil tahun '22 melepasi sasaran 100% iaitu 432 juta.

Dato' yang di, Timbalan Yang Dipertua, Senaling kenaikan harga barang disebabkan kebergantungan kepada produk import. Ini kita sedia maklum, tadi pun telah dijawab oleh, pembinaan pusat penempatan penjaja meneruskan inisiatif tabung, yang tadi telah dijawab oleh rakan-rakan. Johol, meningkatkan hasil Kerajaan Negeri, tadi juga telah dijawab.

ADUN Rahang langkah diambil mengatasi isu banjir. Okay, untuk maklumat Yang Berhormat kejadian tidak berlaku di Rahang ialah kerja-kerja sedang dalam berada dalam proses pelaksanaan ialah kerja pembaikan tebing dan sungai dan pengukuhan ban sungai di Kampung Batu 3 Mambau, Mukim Rasah, Daerah, Seremban sepanjang 2 kilometer bermula 10 Ogos 2022 dan dijangka siap 2 November '22 dengan jumlah 350 ribu. Keduanya, kerja mengorek dan mendalamkan jajaran Sungai Linggi dan Sungai Kepayang di dalam timbal balik melalui pelaksanaan kerja di lapangan oleh anak syarikat Yayasan Negeri. Kerja-kerja telah disiapkan ialah kerja mem, mem, membaik pulih *rubble wall* di koridor Sungai Linggi di Kampung man, da, Kampung Dato Mansor dan siap pada 14 Julai 2022 dan sepanjang 1.0 kilometer bernilai 20 ribu. Kerja-kerja memulih saluran sungai dan kerja-kerja berkaitan di Kampung Mantau, Mukim Rasah, Daerah Seremban pada 7 April 2022 dan siap pada 2 Jun 2022 sepanjang 2 kilometer - 200 ribu. Selain daripada itu, JPS turut mengemukakan permohonan melalui Kementerian Alam Sekitar Dan Air bagi perancangan jangka masa panjang dengan menyenaraikan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Linggi Fasa 5 berjumlah 200 juta dalam pelaksanaan Program Tebatan Banjir secara *off budget* di mana jajaran sungai ini melalui kawasan DUN Rahang yang diharapkan akan mengurangkan kesan banjir.

Yang Berhormat ADUN Linggi, isu banjir Darul Widad. Beberapa kerja penyelenggaraan sungai telah dilaksanakan di DUN Linggi dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Program Pemuliharaan Sungai untuk mengurangkan risiko banjir di sungai Tok Alip sepanjang 5 kilometer yang melibatkan kos 36,980.00 ringgit. Manakala bagi isu di Taman Cermai, kerja-kerja penyaluran sungai telah dibuat serta merta selepas kejadian berlaku dengan melaksanakan kerja penyalur, menyalurkan air banjir ke dalam Sungai

Pasir Panjang. Di samping itu juga satu pelaksanaan sebut harga bagi kerja penyelenggaraan Sungai Pasir Panjang sepanjang 2.5 kilometer akan dijalankan pada pertengahan Ogos dengan melibatkan kos 27 ribu.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, isu banjir di Darul Widad adalah disebabkan kedudukan *platform* kawasan yang rendah dan mudah dinaiki air apabila berlaku kenaikan paras Sungai Linggi. Justeru itu berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh JPS, satu pelaksanaan kerja telah pun dipohon di bawah pelaksanaan Projek Tebatan Banjir secara *off budget* akan dilaksanakan di kawasan impak banjir di kawasan yang kerap dilaporkan banjir akhir-akhir ini. Antara skop kerja di bawah Rancangan Tebatan Banjir berkenaan adalah menaik taraf dan membina ban dan kolam takungan di Sungai Linggi, dijadualkan cadangan perolehan tender akan dilaksanakan oleh JPS seawal 2023.

Dato' Timbalan Yang Dipertua, soalan Chennah, bas percuma. Pentadbiran Kerajaan Negeri daripada masa ke semasa akan mengkaji laluan baru ke, di kawasan Nilai yang melalui laluan Universiti Sains Islam Malaysia, Majlis Bandaraya Seremban Cawangan Nilai, Dataran Nilai, **Chembok** dan beberapa lokasi yang berhampiran sehingga ke Terminal Nilai Central. Pentadbiran Kerajaan Negeri telah melantik perunding yang kini sedang dalam proses kajian mengenai pelak, ke, keberkesanan perkhidmatan bas percuma di laluan-laluan sedia ada yang beroperasi. Penambahbaikan akan diambil berdasarkan penemuan hasil kajian tersebut nanti.

ADUN Linggi, Taman Seri Cermai, tadi saya dah jawab. Seri Menanti, ADUN Johol, banjir lumpur, aktiviti pembalakan, tadi telah dijawab oleh Yang Berhormat Labu.

ADUN Linggi, cadang, cadangan projek kecil untuk mengurangkan risiko banjir di Kampung Tampin Kanan Linggi. Pejabat Daerah telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan jalan di Lorong Mengkudu, Kampung Tampin Linggi, dengan jumlah kos 141 ribu bagi tempoh siap kerja selama 8 minggu. Kerja ini termasuk pembaikan *culvert slab* bersaiz 600mm x 600mm dan telah dimulakan pada 5 Ogos 2022.

Mengenai Sungai Menyala, ADUN Linggi dan Sua Betong, N8 adalah, ialah jalan negeri. Kerja menaik taraf longkang sedang dilaksanakan kerana longkang sedia ada telah rosak dan tidak berfungsi dengan baik. Jalan Permatang Pasir terletak di laluan persekutuan FT005 Jalan Lubok China – Port Dickson. Jabatan telah membuat permohonan

peruntukan untuk melaksanakan kerja menaik taraf longkang pada September 2021 bagi pelaksanaan tahun 2022 dan jumlah kos sebanyak 5.25 juta. Kerja akan dilaksanakan sebaik saja peruntukan diluluskan ya. Kenapa kita buat di Sungai Menyala – Sua Betong, kenapa tidak buat di jalan Permatang Pasir. Tadi saya telah jawab.

Jeram Padang, isu pembina, pembinaan *culvert* merintang jalan menyebabkan air tidak mengalir. Semakan JKR Jempol mendapati projek mengganti *culvert* ini adalah projek di bawah seliaan Pejabat Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan (ICU) JPM. Lokasi projek ini adalah jambatan, di Jalan Persekutuan FT010 Jalan Gemas – Kemayan Seksyen 235, pihak JKR Jempol akan mengatur lawatan susulan bersama bagi melihat permasalahan yang timbul di kawasan tersebut.

Linggi, Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) bersekali dengan loji rawatan tambahan. Lokasi takungan air sungai (TAPS) Linggi akan dibina di Kampung Barisan, Port Dickson. Perancangan terhadap pembinaan Loji Rawatan Air Kampung Barisan pula akan dijangka bermula pada tahun 2024 **dengan** mengambil jangka masa proses reka bentuk dan perunding, pengambilan tanah, penyediaan dokumen tender dan proses tender. Reka bentuk bagi takungan air pinggiran (TAPS) Linggi ini tidak mengambil kira fungsi sebagai tebatan banjir kerana ia memberi kesan kepada kualiti sumber air mentah dalam takungan yang berkenaan.

ADUN Chennah, cadangan mewujudkan *task force* mengenai **masalah** banjir melibatkan pihak JPS, PBT dan Kerajaan Negeri. Jawatankuasa Bencana Daerah sentiasa memantau kejadian banjir di Daerah Seremban. Ahli jawatan kuasa diingatkan untuk memantau kawasan-kawasan yang berlaku banjir. Pimpinan setempat seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Pengerusi Kejiranan Penduduk Rukun Tetangga (KRT) dan Penghulu diminta sentiasa berwaspada. Selain itu, jawatan kuasa bencana Seremban telah menubuhkan *task force* yang dianggotai oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Majlis Bandaraya Seremban serta Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban. *Task force* ini sedang mengenal pasti dan mengambil tindakan segera bagi mana-mana isu yang dibangkitkan dalam jawatan kuasa bencana yang boleh diselesaikan mengikut tempoh serta merta, jangka masa pendek, sederhana dan jangka masa panjang.

ADUN Juasseh, bencana banjir bermula tahun 2021, hujung tahun '21 telah melanda Negeri Sembilan dan telah menyebabkan kerosakan harta benda yang amat dahsyat. Setakat Februari 2022, Kerajaan Negeri telah membantu 6.448 juta berupa sumbangan wang ihsan

1,000.00 ringgit kepada 6,448 keluarga yang terjejas akibat banjir ya. Dan itu ada lagi pengecualian fi, Carian Rasmi, sumbangan 1,000.00 kepada 482 penternak, peladang, pengusaha sayur melibatkan 482 ribu ringgit, peruntukan 1.0 juta baik pulih rumah dan infrastruktur, peruntukan 5.0 juta bagi kerja darurat baik pulih jalan, 0.7 juta diberikan bagi bantuan keperluan asas seperti pakaian dan makanan. 300 ribu dibelanjakan dalam pembersihan 4 daerah yang terlibat banjir di bawah peruntukan pembangunan 2022 oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran, kita juga telah menyediakan peruntukan 8.5 juta. Jabatan Kerja juga sedang menjalankan kerja pasca banjir yang melibatkan pembaikan jalan cerun, *culvert* dan jambatan rosak dengan peruntukan 24 juta yang melibatkan 20 projek. Kerajaan Negeri melalui JKM juga telah menyediakan bantuan segera, bantuan segera bencana alam – 400.00 ringgit sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan makanan, kit makanan, keperluan makanan kering – 100.00 ringgit kepada mangsa yang berpindah ke, ke PPS dan 50.00 ringgit dipertimbangkan kepada tidak berpindah. Bekalan makan Pusat Pindahan Sementara (PPS) dengan kadar 25.00 ringgit sehari dan sekurang-kurangnya 4 kali makan kepada mangsa. Bekalan keperluan lain seperti tikar, toto, selimut kain batik/pelikat, tuala dan lain-lain disediakan.

Soalan ADUN Linggi mengenai SAINS. Melihat kepada kekerapan isu gangguan bekalan air yang berlaku di Rumah Rakyat Linggi, hanya sekali pada bulan Mei iaitu 25 haribulan 5, 2022, 3 kali pada bulan Jun – 16, 17 dan 18 yang berpunca dari kerja korekan pihak ketiga membuat longkang menyebabkan tanah runtuh dan paip patah dan pecah. SAINS telah mengemukakan notis peringatan 14 hari kepada pengguna yang mempunyai tunggakan deposit untuk menjelaskan tunggakan dalam tempoh 14 hari dan sekiranya pengguna gagal, barulah SAINS mengeluarkan pengeluaran bil pemotongan. Pengguna boleh memohon ansuran kepada SAINS untuk bayaran ansuran. Untuk makluman, kaedah ini digunakan untuk menjana, menjana bil pemotongan adalah bagi akaun-akaun yang mempunyai tunggakan sekurang-kurangnya 2 bulan.

Lokasi TAPS Linggi, dah dijawab. Kita, SAINS belum ada cadangan ya, untuk beri air percuma kerana tiada kemampuan pada masa sekarang. ADUN Linggi, Sekolah Agama Chuah ya, ini memang telah dijawab oleh Exco Pendidikan.

Okay, lain-lain, ADUN Chennah, cadangan agar Kerajaan Negeri meminda perlembagaan, RUU Tubuh sedia ada bagi membolehkan mengusulkan rang undang-undang berkaitan rang, larangan Ahli Dewan Undangan Negeri lompat atau bertukar parti. Kerajaan Negeri

tidak mempunyai sebarang masalah bagi meminda Undang-Undang Tubuh Negeri bagi membolehkan Rang Undang-Undang Perlembagaan Pindaan No.3/2022 mengenai Larangan Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri bertukar parti dikuatkuasakan di Negeri Sembilan. Kerajaan Negeri menyambut baik berita Rang Undang-Undang (RUU) Lompat parti yang diluluskan oleh Dewan Negara semalam. Apabila pindaan berkaitan kepada Perlembagaan Persekutuan telah berkuat kuasa, Kerajaan Negeri bercadang untuk membawa agenda ini ke Persidangan Belanjawan ataupun ke persidangan khas yang akan kita tentukan kemudian ya. Kita tak ada masalah.

Agihan bantuan disalurkan NGO sangat kurang daripada jumlah yang diperlukan, ADUN Jeram Padang. Setiap permohonan sumbangan disalurkan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada peruntukan ya, sumbangan kepada NGO ya, sangat berkurangan ya. Setiap permohonan sumbangan yang disalurkan kepada pihak Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa, kelulusan jumlah peruntukan yang diberikan juga mengambil kira kutipan sedia ada persatuan atau pertubuhan daripada pihak-pihak lain dan setiap kelulusan diberikan dengan pertimbangan yang sewajarnya mengikut keutamaan.

ADUN Rantau, keperluan penyelenggaraan Sungai Linggi seperti mengorek pasir sungai dan pembinaan semula ban secara timbal balik. Kerajaan Negeri melalui JPS telah meneliti dan mengenal pasti lokasi-lokasi sesuai bagi kerja-kerja mendalam sungai dan bagi mengatasi bencana banjir. Justeru itu antara sungai yang sedang dalam pelaksanaan kerja-kerja mendalamkan sungai secara timbal balik ialah Sungai Kepayang, Sungai Linggi, Sungai Pertang dan Sungai Pedas. Manakala Sungai Muar dan Sungai Kenaboi dalam proses pelantikan kontraktor. Hasil kajian juru perunding mendapati kawasan yang perlu didalamkan sepanjang 4 kilometer antara Pekan Linggi hingga Kampung Permatang Pasir dan 4 kilometer dari Batu 3, Mambau, Mantau hingga pertemuan Sungai Senawang.

Bagi soalan kedua, status kolam takungan banjir oleh pihak pemaju dan tidak perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah menetapkan pihak pemaju untuk membina kolam takungan banjir dengan keluasan minimum 4% daripada luas keseluruhan kawasan pembangunan pada Julai 1996. Tanggungjawab penyelenggaraan kolam takungan banjir adalah diserahkan kepada JPS Negeri Sembilan berdasarkan fungsi dan kepakaran teknikal jabatan ini. Sehingga 2, sehingga Ogos 2022, sebanyak 159 buah kolam telah, kolam takungan telah diletakkan di bawah tanggungan JPS Negeri Sembilan. Pada tahun

2022, jabatan ini menerima peruntukan sebanyak 7 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melibatkan 42 perolehan sebut harga di mana 122 kolam takungan sedang diselenggara secara berkala ataupun *one off*. Merujuk cadangan pihak Yang Berhormat Rantau agar kolam dan, kolam-kolam takungan ini tidak perlu diserahkan kepada kerajaan, oleh pemaju, perkara ini perlu diteliti terlebih dahulu memandangkan status tanah tersebut akan diwartakan sebagai rizab kolam takungan banjir di bawah kawalan JPS. Sekiranya tidak diserahkan dan diwartakan, dikhuatiri dia akan digunakan untuk kegunaan lain ya.

ADUN Rantau, soalan mengenai intervensi yang lebih harmoni serta mencari punca kos sara hidup. Kerajaan Negeri sentiasa meneliti dasar sedia ada dalam usaha memastikan sumber bahan mentah dan input pertanian dalam negeri mencukupi dan seterusnya dapat membantu meringankan beban hidup rakyat. Perbincangan secara mendalam bersama agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan agensi berkaitan juga telah diadakan untuk meneliti beberapa dasar yang Kerajaan Negeri mampu laksanakan untuk mengeluarkan produk atau input makanan bagi menampung keperluan permintaan makanan rakyat dalam negeri ini. Pendekatan ini telah dilaksanakan secara berterusan dengan belanjawan 2022 di Negeri Sembilan yang memberi tumpuan khusus kepada agenda pemulihan ekonomi. Okay sedikit sebanyak inisiatif yang saya katakan sebelum inilah.

ADUN Lenggeng, memperkukuhkan institusi agama seperti pengimarah masjid dan surau. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan telah melaksanakan banyak inisiatif strategik bagi, khusus bagi memastikan institusi masjid dan surau dapat diimarahkan semaksimum mungkin. Bagi menampung dan menyokong pelaksanaan aktiviti / program pengimarah masjid dan surau, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah menyalurkan peruntukan kepada masjid dan surau di seluruh Negeri Sembilan sejumlah keseluruhannya 1.998 juta ringgit. Manakala untuk surau adalah 523 ribu, 523 ribu ringgit ya. Ini aspek pengisian program dengan, melalui penglibatan 289 Guru Takmir seluruh masjid dan surau, 2,070 kelas pengajian takmir setiap bulan meliputi pengajian-pengajian feqah, tasawwuf, tauhid dan Al Quran ya, dan pembayaran elaun ya, kita juga telah laksanakan.

ADUN Chuah, SAINS ya. Mengenai tangki besar di taman-taman perumahan, sistem paip yang melebihi 25 tahun, mengenal pasti loji rawatan air. Kerja-kerja penggantian tangki di Port Dickson telah diluluskan di kawasan yang dinyatakan dengan kos keseluruhan 5.5

juta. Pertamanya Taman Makmur, Lukut, Taman Lukut Indah, Taman PD Utama 1, 2 dan 5 Taman Lukut Jaya. Penggantian paip-paip baru adalah bergantung kemampuan kewangan SAINS dan kelulusan pembiayaan daripada PAAB. Loji rawatan air bagi menampung keperluan MVV 2.0 adalah Loji Rawatan Ngoi Ngoi Fasa 2 dan Loji Rawatan Air Kampung Barisan, dalam perancangan tahun 2027. Perancangan SAINS dan peruntukan yang telah diluluskan di seluruh Negeri Sembilan adalah peruntukan melalui PAAB bagi tempoh operasi OP5 2020 – 2023 seperti diluluskan ialah sebanyak 450 juta bagi menaik taraf sistem bekalan air di Negeri Sembilan. Cadangan pembinaan Loji Rawatan Air Ngoi Ngoi – 150 milion liter / day, cadangan membaik pulih dan menaik taraf loji rawatan Air, sistem agihan baru (reservoir) dan *storage*. Saya menyeru semua pengguna dapat membantu SAINS ya.

ADUN Rantau, menurunkan tarif air, hampir ya, untuk makluman semua, 20 tahun tarif air domestik tidak pernah dinaikkan sedangkan kos operasi terus meningkat daripada tahun ke setahun ya. SAINS lagi, ADUN Chembong. Paip pecah di Seberang Batu Hampar, kekerapan paip pecah di Seberang Batu Hampar, Rembau disebabkan masih lagi menggunakan paip jenis *asbestos cement* bersaiz 4 inci yang berusia lebih 60 tahun ya. Julai 2022 berlaku 2 kali, Jun sekali, Mei sekali, April tiada, Mac tiada, Februari tiada, Januari ada 2 ya.

Rantau, insentif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan perniagaan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 6 Januari 2021 telah mengambil keputusan bersetuju insentif diskaun bayaran premium pembangunan tanah mulai 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 dan pada mesyuarat negeri pada 28 Julai 2021 melanjutkan insentif mulai 1 Julai 2021 hingga 24 Disember 2021. Majlis mesyuarat pada 19 Januari 2022, meneruskan insentif diskaun bayaran premium pembangunan tanah 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022. Pemberian diskaun premium pembangunan tanah ini ialah sebanyak 25% kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh 30 hari dan tarikh menerima Notis 5A ataupun 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah. Sekiranya premium dijelaskan sekaligus dalam tempoh 60 hari, diskaun sebanyak 15% diberikan. Kerajaan Negeri pada tahun 2021 memberikan pengecualian bayaran sewaan pasar, gerai Pihak Berkuasa Tempatan untuk tempoh 4 bulan ya.

Dan yang terakhir, saya turut, menolong menjawab Yang Berhormat YB Arul dan saya ingin menyampaikan takziah kerana saudara terdekatnya telah meninggal dunia ya. Jadi, soalan Jeram Padang, kepada Exco Perladangan dan Hal Ehwal Bukan Islam. Terdapat rungutan daripada pihak rumah ibadah bukan Islam yang menyatakan peruntukan

diterima daripada Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam tidak seimbang dan tidak berdasarkan keperluan. Sebagai contoh kuil berada di jalan, kuil-kuil yang berada di jalan Bahau – Jelai, dan menerima peruntukan 5,000.00 saja sedangkan kos pembaikan yang perlukan 50 ribu ya. Setiap pemohon, jawapannya, setiap pemohon peruntukan hal ehwal bukan Islam adalah berdasarkan permohonan dan hanya diluluskan setelah menyemak beberapa kriteria ataupun syarat seperti status tanah serta turut mengambil kira keperluan permohonan tersebut. Jika keperluan itu masih ada, kita boleh mempertimbangkan lagi peruntukan tambahan pada masa akan datang. Setiap kelulusan peruntukan adalah berdasarkan keperluan permohonan dan pengagihan yang dibuat secara seimbang ya. Jadi kita memang melihat perkara ini sebagai satu syarat.

Dato' Yang Dipertua, itu jawapan daripada saya. Terima kasih kepada YB Chennah dan semua Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Timbalan Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini pun dicadang, disokong, dibahas dan telah pun dijawab oleh pihak kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dan usul ini diluluskan.

[Keputusan undian: semua 25 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju usul diluluskan. YB ADUN Bagan Pinang, YB ADUN Linggi, YB ADUN Palong, YB ADUN Pertang dan YB ADUN Johol tiada dalam Galeri Persidangan]

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Okay ahli-ahli Yang Berhormat, tadi kami buat keputusan, besok kita tak nak sambung. Hari ini kita berterus. Saya rasa kita boleh selesai dalam 1 hingga 1½ jam. Ada, kalau semua setuju, kita boleh terus? Tak cukup [kuat]. Setiausaha.

## 5. **USUL PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA MELALUI DEWAN UNDANGAN NEGERI (KERTAS DEWAN BIL. 6/2022)**

**Setiausaha Dewan:** Perkara seterusnya, Perkara Kelima, Usul Pemilihan Ahli Dewan Negara melalui Dewan Undangan Negeri melalui Kertas Dewan Bil. 6 Tahun 2022. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan bahawa Yang Berbahagia Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang telah tamat perkhidmatan pada 8 Mei 2022, dipilih semula di Dewan ini memegang jawatan Ahli Dewan Negara selama 3 tahun mulai dari tarikh yang ditetapkan oleh Dewan Negara. Beliau ada hadir pada hari ini. Saya mohon Yang Berbahagia Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah bangun sebentar. Terima kasih.

**YB ADUN Paroi:** Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang Dipertua saya bangun bagi menyokong cadangan tersebut.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat telah pun mencadangkan supaya Yang Berbahagia Dato' Dr. Azam, Ahmad Azam bin Hamzah dipilih semula menjadi Ahli Dewan Negara dan cadangan itu telah pun mendapat sokongan. Cadangan ini saya kemukakan untuk dibahaskan jika ada.

[tiada perbahasan]

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Saya persilakan kerajaan, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul pemilihan Ahli Dewan Negara telah pun dicadang, disokong, dibahas serta telah .....

[percakapan beberapa ahli Yang Berhormat secara *off mic*]

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Sabar, ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan. Usul diluluskan dan Dewan merakam, yang berkecualian? Saya ingat setuju. Usul diluluskan dan Dewan merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. Azam .....

**YB ADUN Kota:** Dato', Dato' Yang Dipertua, saya mintak di, diulang balik semula ni, undi, sebab penting Dato' Yang Dipertua. Nak rekod dalam Dewan kita.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Okay yang ber, yang bersetuju? Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? 1 orang saja.

**Beberapa ahli Yang Berhormat** [secara *off mic*]: 1, 2, 3.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** SU rekod. Usul diluluskan dan Dewan, Dewan merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berbahagia Dr., Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

[YB ADUN Sungai Lui, YB ADUN Linggi, YB ADUN Palong, YB ADUN Pertang dan YB ADUN Johol tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

[Keputusan undian: Semua 17 orang ahli Yang Berhormat kerajaan yang hadir bersetuju, manakala YB ADUN Juasseh, YB ADUN Kota dan YB ADUN Jeram Padang berkecuali dan yang lain-lainnya tidak mengundi]

## 6. PENANGGUHAN MESYUARAT

**Setiasaha Dewan:** Perkara Keenam, Penangguhan Mesyuarat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan dengan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Dato' Timbalan Yang Dipertua kerana telah berjaya mengendalikan Persidangan Dewan pada hari ini.

**YB ADUN Ampangan:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan Persidangan Dewan telah pun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu saya ada menerima beberapa permohonan daripada ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat Ucapan Penangguhan bagi persidangan kali ini.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Timbalan Yang Dipertua, saya ingin berucap sedikitlah, tak banyak, ada beberapa perkara yang saya nak timbulkan. Yang pertama ni saya, untuk menjimatkan masa, saya terus ke isu saja. Yang pertama, baru-baru ini pada 5 haribulan Ogos ini, dalam akhbar Tamil: Makkal Osai ada satu kenyataan daripada Yang Berhormat Repah yang mengatakan bahawa SJK(T) Ladang Sungai Gelama [Kelamah] ni akan dibina di tapak baru dan saya tak pasti kalau benar, saya gembira, saya alu-alukannya. Kalau benar, saya ingin tahu di mana dan berapakah keluasan tanah dan berapakah kos yang terlibat kerana bangunan yang sedia ada di sekolah, Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sungai Gelama [Kelamah] telah pun disahkan oleh JKR Tampin bahawa bangunan itu tak selamat. Kalau benar, Kerajaan Negeri nak ambil inisiatif untuk membina sekolah ini di tempat baru ataupun di tapak baru, saya alu-alukanlah. Saya nak pengesahan saja.

Yang kedua ni, saya ingin juga mengetahui tentang status SJK(T) Ladang Saga dan juga Simpang Pertang. Ada tak keperluan yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri sebagai contoh SAINS ataupun jalan dan lain-lain lagi kerana kedua-dua bangunan boleh dikatakan hampir 90% dah siap tetapi masih lagi belum diserahkan kepada kementerian. Yang saya tahu ini adalah SJK(T) tam, bukan Tampin, Regent, Ladang Regent itu sudah pun siap dan saya dengar pihak Majlis Daerah Tampin telah keluarkan CCC. Jadi saya memang sedang berurusan dengan kementerian untuk mempercepatkan pembukaan sekolah tersebut. Tetapi yang sekolah Saga dengan Simpang Pertang saya tak pasti apa masalahnya, ada tak apa-apa yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kalau ada saya mintak Kerajaan Negeri memberikan sokongan dan seterusnya laksanakanlah apa-apa yang tertangguh.

Dan yang ketiga ni, saya pernah mohon beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, tentang tapak yang boleh kita tempatkan anjing-anjing liar di Jempol. Jadi saya hanya ingin tahu daripada Yang Berhormat Bahau apakah status permohonan tersebut. Itu saja daripada saya, sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada 5 ahli berhormat ambil bahagian. Satu Jeram Padang, selesai. Masih ada 4 iaitu ADUN Gemas, ADUN Chembong, ADUN Seri menanti dan ADUN Lobak.

**YB ADUN Lobak:** Lobak tarik, tarik diri.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Tarik diri. Yang lain? Gemas?

[percakapan YB ADUN Gemas secara *off mic*]

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Chembong?

**YB ADUN Chembong:** Saya tariklah diri untuk berucap.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** ADUN Seri Menanti?

**YB ADUN Seri Menanti:** Tarik diri.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** ADUN Lobak? Okay terima kasih yang, yang, ahli Yang Berhormat Jeram Padang. Saya mintak pihak kerajaan tolong jawab.

**YB ADUN Bahau:** Terima kasih Dato' Timbalan Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Jeram Padang. Untuk makluman Yang

Berhormat Jeram Padang, Pejabat Daerah Jempol memang sedang berusaha untuk mendapatkan sebidang tanah yang sesuai. Kalau kita dah kenal pasti tanah, nanti kita akan adakan satu mesyuaratlah. Dan kita juga akan panggil Yang Berhormat Jeram Padang sekalilah. Itu jawapan sayalah. Terima kasih.

**YB ADUN Repah:** Dato' Yang, Timbalan *Speaker*, untuk pertanyaan daripada Jeram Padang ya, berkaitan dengan isu di surat khabar tu. Sebenarnya saya nak terangkan sedikit berkenaan sekolah ini. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Kelamah. Sekolah ini terletak dalam satu estet dan saya telah buat lawatan ke sekolah ini dan apabila saya buat lawatan ke sekolah tersebut, saya dapati keadaan sekolah ni memang uzurlah, telah, bangunan tu memang telah ada anai-anai dan tidak selamat untuk murid-murid untuk belajar di sekolah tersebut. Dan saya telah arahkan JKR untuk membuat lawatan dan membuat pemeriksaan ke atas bangunan tersebut. Dan JKR telah mengesahkan bahawa bangunan tersebut memang tak selamat untuk pelajar gunakan. Jadi, JKR telah menghantar laporan kepada pihak PPD dan PPD telah menghantar jawapan mereka dan ulasan mereka kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Dan ia akan dihantar kepada kementerian untuk mendapatkan peruntukan bagi mengubah suai bangunan tersebut. Bukannya ada tempat barulah. Itu *just clarified*. Terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Yang saya tujukan itu sebab ada dalam berita surat khabar tu nyatakan bahawa seolah-olah ada tanah. Jadi memanglah saya gembira. Saya hanya nakkan pengetahuan, pengesahan. Sekian.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan persidangan kali ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih .....

**YB ADUN Jeram Padang:** Timbalan Yang Dipertua, yang sekolah Saga dengan ni, belum ada jawapan. Kalau ada .....

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** ..... dan. Dah, sudah.

**YB ADUN Jeram Padang:** Tak ada, tak ada. Itu Sungai Gelamah, gelama, Sungai Kelamah.

**YB ADUN Ampangan:** Kita bagi jawapan bertulis, dah nak balik dah haa.

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Jangan main-mainlah. Okay, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan persidangan kali ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan .....

[percakapan YB ADUN Seri Menanti secara *off mic*]

**YB Timbalan Yang Dipertua Dewan:** Mesti mahu bodek sikitlah. Yang Berhormat – Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, media massa dan urus setia persidangan yang telah sama-sama menjayakan persidangan kita pada kali ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan Dewan ditangguh di satu hari, satu tarikh yang akan diberitahu kelak. Sekian, terima kasih.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5.38 petang**